

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 21**

**Rabu**

**13 Disember 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 45)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 13 Disember 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ramli bin Shariff** minta Menteri Kewangan menyatakan, keberkesanan kerjasama di bawah konsep Strategi Lautan Biru (N-BOS), dan adakah terdapat sebarang pertindihan peranan atau penambahan fungsi antara agensi-agensi yang terlibat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (N-BOS) adalah merupakan satu strategi pengurusan yang kreatif dan inovatif diadaptasi dari Strategi Lautan Biru. N-BOS mula dilaksanakan dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 2009 bertujuan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan.

Semenjak dilancarkan sehingga sekarang, terdapat lebih daripada 80 jabatan dan agensi kerajaan melaksanakan 116 inisiatif N-BOS secara kolaboratif. Pelaksanaan program-program N-BOS adalah berteraskan kepada empat prinsip iaitu impak yang tinggi, kos yang rendah, pelaksanaan pantas dan mampan.

Hasil daripada kerjasama dalam kalangan jabatan dan agensi kerajaan berjaya memecahkan benteng silo birokrasi yang sebelum ini memberi kesan kepada kelancaran program-program kerajaan.

Tiada berlaku pertindihan peranan memandangkan peranan masing-masing kementerian, jabatan dan agensi adalah jelas dan N-BOS hanyalah sebagai strategi bagi mengoptimumkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dan mengelakkan pembaziran sumber-sumber kewangan dan tenaga manusia kerajaan. Malah, melalui kolaborasi kreatif inisiatif N-BOS, pelbagai jabatan dan agensi kerajaan akan lebih mengetahui fungsi masing-masing dengan lebih mendalam dan dengan itu dapat mengelakkan pertindihan fungsi-fungsi agensi.

Contoh terbaik N-BOS adalah Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang merupakan pusat sehenti bagi pelbagai perkhidmatan kerajaan, NGO dan swasta. Inisiatif UTC sangat unik memandangkan ia beroperasi menjangkau waktu operasi biasa setiap hari termasuk hujung minggu. Terdapat lebih daripada 30 jabatan dan agensi beroperasi di setiap UTC.

Memandangkan UTC dilaksanakan dengan mengubahsuai bangunan sedia ada, ia telah dapat menjimatkan wang kerajaan secara purata sebanyak RM100 juta bagi setiap satu UTC berbanding jika kerajaan membina bangunan baru. Pada masa ini, terdapat 20 UTC di seluruh negara dengan penjimatan pembangunan kerajaan dianggarkan sebanyak RM2 bilion.

Sambutan dan permintaan rakyat terhadap perkhidmatan UTC amatlah menggalakkan di mana sejak tahun 2013, UTC telah memberi perkhidmatan kepada 55 juta orang pengunjung. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang padat dengan data dan statistiknya. Kita semua sedar bahawa N-BOS ialah suatu langkah dan tindakan strategik yang efektif yang melibatkan pelbagai agensi yang sudah tentu setiap agensi ini mempunyai SOP-nya sendiri.

Jadi soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mohon nyatakan cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (N-BOS) semenjak diperkenalkan pada tahun 2009. Soalan saya mengenai cabaran utama yang dihadapi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, antara cabaran utama dalam pelaksanaan inisiatif NBOS ialah kolaborasi merentasi struktur organisasi dalam kalangan jabatan dan agensi kerajaan.

#### ■1010

Walau bagaimanapun, cabaran ini dapat diatasi di mana semua pihak terlibat berbincang bersama sebelum sesuatu cadangan dan objektif dilaksanakan. Selain itu, permintaan untuk memperluaskan inisiatif-inisiatif yang popular seperti UTC dan RTC boleh dilihat sebagai suatu cabaran di mana ia memerlukan peruntukan di luar bajet tahunan. Namun demikian, kerajaan terus komited untuk memastikan inisiatif seperti UTC dibangunkan di setiap negeri sebelum diperluaskan ke bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Satu lagi cabaran ialah memperluaskan pendedahan berkenaan usaha, inisiatif-inisiatif N-BOS. Kerajaan kini telah mengambil pelbagai langkah untuk menguar-uarkan usaha-usaha murni ini melalui kerjasama dengan pihak media dan juga agensi-agensi awam di peringkat akar umbi. Terima kasih.

**Dato' Shahanim Bt Mohamad Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam soalan saya tidak dijawab oleh kementerian mengenai peruntukan makanan untuk rumah anak-anak yatim. Jadi soalan tambahan saya, apakah dapat strategi N-BOS dibuat untuk memastikan Kementerian Kewangan dan institusi rumah anak yatim kelolaan kerajaan atau NGO anak yatim agar peruntukan makanan dinaikkan ke RM16 sehari berbanding RM8 sekarang dan kerajaan melaksanakan N-BOS dengan ATM, JPM dan Jabatan Landskap serta Perpustakaan Negara untuk tingkatkan kemudahan rumah anak yatim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pertanyaan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal.

**2. Datuk Haji Abidullah bin Salleh** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, mengenai persediaan kementerian dan agensi terbabit untuk menghadapi dan menguruskan kecemasan krisis tumpahan minyak yang mungkin berlaku pada bila-bila masa seperti yang berlaku di Pengerang, Johor pada Ogos lalu disebabkan pelanggaran antara dua kapal dagang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh ini, kawan baik saya. Orang Melaka. Jiran, jiran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui agensi di bawah Jabatan Alam Sekitar sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi dan menguruskan kecemasan krisis tumpahan minyak yang berkemungkinan berlaku di perairan seluruh negara. Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) telah disediakan bagi menghadapi sebarang kejadian-kejadian tumpahan minyak di laut dan rancangan tersebut diurus dan dikawal selia oleh Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM) yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar dan dianggotai oleh 18 agensi dan pihak swasta yang berkaitan dengan kawalan tumpahan minyak.

Jawatankuasa Kontingensi Kebangsaan tersebut menggariskan perkara-perkara berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab setiap agensi dan pihak terlibat bagi menghadapi sebarang kes tumpahan minyak yang berlaku, menyatakan dengan jelas mengenai kaedah dan saluran komunikasi, pemantauan, pergerakan minyak, strategi kawalan tumpahan, pembersihan dan juga senarai *stockpile* peralatan kawalan. Di samping itu juga, di setiap negeri pula disediakan pelan tindakan pembersihan pantai negeri di mana pelan ini akan digerakkan bagi membersihkan tumpahan minyak yang mencemari kawasan pantai termasuklah negeri Melaka.

Apabila berlaku tumpahan minyak terutamanya yang berskala besar seperti kes pelanggaran kapal, pengawasan dan pemantauan pergerakan minyak akan dibuat melalui satu sistem yang dipanggil Sistem Pemantauan Pergerakan Minyak atau *Oil Trajectory Monitoring System* yang dikendalikan sendiri oleh Jabatan Alam Sekitar. Di samping itu, pemantauan pergerakan minyak diawasi melalui udara, laut dan darat juga akan dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat dan selepas itu, maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pemantauan ini akan digunakan untuk merangka strategi, melawan dan mengawal tumpahan minyak serta melindungi kawasan-kawasan sensitif alam sekitar.

Sehubungan itu, dengan adanya Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak, Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Negeri dan Sistem Pemantauan Pergerakan Minyak *Oil Trajectory Monitoring System* seperti yang dinyatakan tersebut, pihak kementerian sememangnya *insya-Allah* bersiap siaga untuk menghadapi dan mengurus kecemasan krisis tumpahan minyak yang berkemungkinan berlaku di sempadan negara seperti yang telah kita lakukan. Kita ada rekodnya. Tahun ini sahaja kita ada 18 kejadian dan semua kita berjaya tangani dengan sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sahabat saya. Sempadan negeri Melaka dan Ledang. Sama-sama zaman pemuda. Terima kasih kerana memberi jawapan yang begitu padat. Hanya satu perkara saya hendak tanya. Soalan tambahan. Tumpahan minyak yang berlaku di perairan baru-baru ini di negeri Johor sendiri, di Teluk Ramunia, Pengerang ini boleh menjejaskan punca pendapatan nelayan, aktiviti marin dan juga pelancongan.

Jadi soalan saya, apakah rancangan Kementerian dalam mengawal kerugian ini agar nasib pihak yang terjejas terbelas terutamanya para nelayan tempatan yang mengusahakan ternakan dalam sangkar. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang terbaru berlaku di Johor adalah bulan Julai 2017 di Pengerang Independent Terminals Sdn. Berhad. yang melibatkan Kapal *MT Putri Sea* tenggelam di Pengerang dan anggaran kos *hull vast cost*, untuk membersihkan minyak lebih kurang RM2.5 juta.

Akan tetapi ini sudah tentu tidak cukup untuk membayar ganti rugi umpamanya kesan-kesan lain seperti saya sebutkan tadi nelayan dan sebagainya. Ini satu persoalan yang sudah lama dibuat. Ini kerana kalau kita hendak paksa atau hendak mengenakan tindakan, syarikat tuan punya kapal tersebut, dia terpaksa melalui satu proses mahkamah yang sangat panjang. Oleh yang demikian, buat masa ini tidak ada kaedah yang spesifik untuk mengenakan tindakan kepada syarikat seperti bagi membayar ganti rugi lain selain daripada ganti rugi untuk membersihkan minyak sahaja.

Jadi di bawah Jabatan Taman Laut dan Kementerian lain umpamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, terpaksa menyediakan strategi lain untuk membela nelayan-nelayan tersebut. Terpaksalah, saya cakap terus terang menggunakan peruntukan kerajaan itu sendiri. Peruntukan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mungkin juga peruntukan di bawah Jabatan Taman Laut dan sebagainya. Ini satu persoalan besar kerana melibatkan satu undang-undang yang sangat kompleks kerana kita tidak boleh paksa syarikat yang terlibat tadi kerana urusannya, prosesnya kompleks dan sukar untuk kita kenal pasti terutamanya dari segi bukti untuk mengenakan tindakan ke atas syarikat yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Terima kasih banyak. Saya pergi pula kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah Binti Haji Mahamad.

#### ■1020

**3. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilangan pekerja yang ditimpa kemalangan motosikal semasa pergi atau pulang bekerja dan bagaimana PERKESO dan JKKP (DOSH) menangani isu kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam Sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Haji Mahamad.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik bagi tahun 2016 sejumlah 27,914 kes kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja telah dilaporkan kepada PERKESO di seluruh negara berbanding 25,550 kes yang telah dilaporkan sepanjang tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 9.25 peratus. Bagi tahun ini pula sehingga September 2017, sebanyak 21,739 kes kemalangan dalam perjalanan pergi balik kerja telah pun dilaporkan. Statistik kemalangan ini adalah merujuk kepada semua jenis kategori kenderaan termasuk motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, trend dan statistik kemalangan dalam perjalanan terus menunjukkan peningkatan setiap tahun yang mengakibatkan kehilangan upaya dan kematian di kalangan pencarum

PERKESO. Justeru itu PERKESO terus mempertingkatkan usaha melaksanakan program-program pencegahan kemalangan jalan raya berdasarkan kolaborasi antara PERKESO, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) termasuk badan-badan NGO seperti *Malaysian Society for Occupational Safety and Health* (MSOSH), Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Persatuan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), CUEPACS dan sebagainya untuk mendidik pengguna jalan raya menghormati undang-undang jalan raya serta melahirkan budaya pemanduan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kementerian Sumber Manusia di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menubuhkan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program-program bagi menangani isu-isu keselamatan kemalangan berulang-alik dan juga kemalangan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober 2017 PERKESO telah melaksanakan sebanyak 199 program keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sejumlah 91 program kesedaran kemalangan perjalanan, PERKESO juga telah menjalankan sebanyak 394 program advokasi pencegahan kemalangan berjalan di seluruh negara bagi tempoh yang sama. PERKESO juga telah menjalankan program *Commuting Safety Support Program* (CSSP), dengan izin, bersama pihak MIROS yang memberi fokus mengurangkan kemalangan dalam perjalanan termasuk kemalangan-kemalangan maut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci sekali. Saya mendapati banyak kemalangan yang berlaku di tempat-tempat pembinaan dan juga awam yang melibatkan kegagalan kren, lif dan eskalator.

Soalan saya, dengan pertumbuhan tapak pembinaan, penggunaan jentera di tapak pembinaan, terutama di Lembah Klang, pemasangan lif dan eskalator, apakah kementerian mempunyai cukup pemeriksa untuk memastikan tahap integriti keselamatan dan alatan juga jentera ini terjamin keselamatannya. Bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia dapat memastikan aktiviti pemeriksaan *statutory* oleh DOSH bebas unsur rasuah dan penyelewengan? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang cukup prihatin tentang keselamatan dan kebajikan para pekerja kita dan juga orang awam keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga kini Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mempunyai seramai 512 orang pegawai pemeriksa kilang dan jentera, 576 orang penolong pemeriksa kilang dan jentera serta 25 orang pembantu pemeriksa kilang dan jentera. Kesemua pegawai-pegawai ini ditempatkan di seluruh Malaysia iaitu di Ibu Pejabat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), 16 buah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat negeri dan lima buah pejabat cawangan. Penempatan pegawai-pegawai tersebut dibuat berasaskan kepada latar belakang, pengalaman, kepakaran, kesesuaian, peruntukan

kewangan semasa jabatan serta mengambil kira keperluan dan kepentingan jabatan secara keseluruhannya.

Selain itu, satu ketetapan dasar dan garis panduan dalaman mengenai pusingan kerja turut dirangka bagi mewujudkan ketetapan dasar untuk memastikan pelaksanaan pusingan kerja dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam. Selain daripada itu, melibatkan pertukaran dan penempatan di dalam pejabat negeri dan berlainan. Pelaksanaan pusingan kerja ini dapat membantu dalam peningkatan produktiviti pegawai memberi lebih pendedahan dan pengalaman, memperluaskan jaringan kerjasama, mengelakkan kebosanan serta mencegah daripada penyelewengan dan salah laku serta juga integriti.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya belum mendengar lagi berlakunya perlakuan rasuah di kalangan pegawai-pegawai *enforcement* di bahagian ini, setakat yang saya berada di kementerian ini. Namun demikian, kita sentiasa berusaha melaksanakan program-program integriti bagi pegawai-pegawai kita.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar kita mempunyai bilangan pegawai pemeriksa kilang dan jentera sahaja tetapi kerjasama hendaklah ada bukan sahaja daripada kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, kementerian-kementerian yang lain bahkan daripada syarikat ataupun majikan-majikan yang melaksanakan projek-projek di kawasan berkenaan. Oleh sebab itulah saya akui terdapat beberapa kemalangan kren dan sebagainya yang berlaku dan ada juga melibatkan kematian orang awam. Namun demikian, ia tidaklah suatu kes yang terlalu besar. Namun, kita merasakan itu adalah juga kerugian bukan sahaja kepada orang awam bahkan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bahkan melalui kementerian-kementerian yang lain seperti Jabatan Kerja Raya dan sebagainya melakukan pemeriksaan berkanun. Saya mengambil contoh di antara program yang kita buat. Tahun 2015 pemeriksaan berkanun yang kita lakukan termasuk kepada lif, eskalator, kren bergerak, kren menara dan lain-lain mesin angkat ialah sebanyak 217,685 pemeriksaan berkanun yang kita buat. Tahun 2016 kita melakukan pemeriksaan berkanun sebanyak 235,182. Sehingga Oktober 2017, sejumlah 212,964 pemeriksaan telah pun dibuat ke tapak-tapak kilang termasuklah kepada jentera-jentera dan juga alat-alat yang digunakan seperti lif, eskalator, kren menara, kren bergerak dan sebagainya.

Jadi ini menunjukkan bahawa tindakan serius diambil oleh kerajaan, oleh kementerian bagi kita memastikan walaupun kita menggalakkan pembangunan negara tetapi tidak akan menjejaskan keselamatan pekerja dan orang awam di negara kita ini.

Di samping itu, kita juga melakukan tindakan perundangan. Bagi tahun 2017, sejumlah 54,508 tindakan perundangan telah pun kita berikan, kita kenakan kepada pengilang-pengilang ataupun syarikat-syarikat yang terlibat dengan *construction* dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekejap. Sila.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak fokus kepada soalan asal iaitu kemalangan yang berlaku dalam semasa perjalanan ke tempat kerja. Fokus saya ialah dari aspek lencongan, kalau berlaku lencongan sedikit. Kalau kita tengok peruntukan yang sedia, 24(2) Akta PERKESO, dia cakap kalau berlaku lencongan maka hilang kelayakan untuk tidak dianggap sebagai "*arising out of employment*". Isu saya bukan dengan budi bicara PERKESO tetapi lebih kepada perkataan yang digunakan dalam 24(2) di mana dia pakai perkataan "*shall be deemed, not arising out of employment*". Dia pakai perkataan "*shall be deemed*". Dalam isu "*shall be deemed*" ini saya rasa kalau pihak SOCSO mahu bayar pun dia tidak ada budi bicara kecuali kalau pekerja pergi melalui *Appellate Court* untuk dapat bayaran.

■1020

Mungkin *Board* akan bayar tetapi isu saya adalah dengan perkataan yang digunakan. So, soalan saya, sama ada Kementerian bercadang untuk mengulang kaji Akta PERKESO khususnya seksyen 24(2)? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Yang Berhormat ini nampak memang seorang yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pekerjaan ataupun Akta Kerja dan sebagainya.

Now, seksyen 24(1) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] berkaitan kemalangan semasa dalam perjalanan, kalau ikut pengertiannya ialah, "*Dalam perjalanan di antara tempat kediaman dengan tempat kerja*". Maknanya dari tempat penginapan ke tempat pekerjaan. Kita pergi bekerja. Kedua, "*Dalam perjalanan yang berdekatan dengan penggajian*". Maknanya, dia bekerja di mana? 'Penggajian' maknanya bergaji, dia dapat gaji. Maknanya dari perjalanan tempat dia ini. "*Dalam perjalanan di antara tempat kerja dengan tempat pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan*".

Seksyen 2, Akta 4 menyebut, "*Jika kemalangan berlaku di bawah seksyen 1 dalam masa perhentian atau lencongan, kemalangan itu bukanlah terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan ini*". Mungkin maksud Yang Berhormat Senator yang ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, lencongan yang munasabah untuk ke tempat kerja seperti mengisi minyak, motor pancit, menghantar anak dan isteri ke tempat kerja, boleh diterima sebagai bencana kerja. Maknanya, kita SOCSO ada tolak ansur, ada fleksibiliti ataupun budi bicara dalam menentukan perkara ini, kecuali kalau lencongan itu pergi ke tempat lain. Makna kalau katalah daripada Kuala Lumpur, Parlimen, kita hendak pergi tempat kerja di Putrajaya. Tiba-tiba kemalangan berlaku di Jalan Pahang. Maknanya ini suatu di luar- memang lencongan yang jauh dari tempat kerja.

Jadi yang lain-lain sekadar yang saya sebutkan tadi, kita boleh memberikan pertimbangan. Kalau ada apa-apa Yang Berhormat, boleh membuat rayuan balik kepada kita, aduan kepada kita. Cuma saya tertarik- sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Sumber Manusia sedang buat semakan keseluruhan akta yang di bawah kita. Tidak salah, lebih daripada 20 akta termasuk Akta Kerja, Akta SOCSO, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan sebagainya, untuk kita melihat termasuklah ini salah satunya. Mungkin dari segi kita, kita boleh laksanakan budi



bicara. Akan tetapi dari segi perundangan, mungkin ia lihat berbeza kerana terminologi yang digunakan agak berbeza.

Jadi saya ingat ini satu pandangan yang baik insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, kita akan lihat dan kita juga menerima kalau boleh perlukan *feedback* ataupun pandangan daripada bukan sahaja Yang Berhormat Senator, Ahli Yang Berhormat, bahkan kita hendak daripada pekerja sendiri melihat akta-akta yang ada untuk kita buat penambahbaikan kepada akta demi kepentingan mereka dan keseluruhan pekerja kita. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Boleh satu lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan SOCSO telah membelanjakan berbilion ringgit untuk membantu orang berinsurans yang ditimpa bencana kemalangan atau kematian. Soalan saya, berapakah jumlah perbelanjaan faedah atau tuntutan yang dikeluarkan oleh PERKESO? Berapakah pendapatan caruman PERKESO setiap tahun? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa. Sebelum saya pergi kepada statistik Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berikan gambaran bagaimana peranan PERKESO ini cukup besar kepada pekerja terutamanya. Oleh sebab itulah kita membuat kempen yang lebih besar untuk memastikan supaya kemalangan tidak berlaku. Bukan sahaja merugikan pekerja, keluarga mereka, bahkan merugikan majikan dan dalam masa yang sama, terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membiayai ini. Cuma saya hendak memberikan gambaran berapa besar sumbangan pekerja kepada PERKESO termasuk majikan dan berapa pula faedah pulangan yang mereka dapat. Saya hendak sebut.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua. Contohnya Mr. A, gaji bulanan, kita ambil RM2,000, caruman pekerja RM9.45 sebulan, majikan RM34.15. Maknanya, sumbangan yang *dicontribute* kepada PERKESO ialah RM43.90 sahaja sebulan. Pekerja bekerja, kita ambil contoh 30 tahun. Maknanya, sumbangan pekerja ini kepada PERKESO dalam masa 30 tahun hanya RM3,510.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila kemalangan berlaku kepada seorang pekerja, kadang-kadang kecil sahaja. Saya melalui pengalaman ini tetapi PERKESO mengeluarkan beratus-ratus ribu, berpuluh-puluh ribu kepada pekerja. Kadang hilang jari, sedikit sahaja, akan tetapi bayaran beratus-ratus ribu, berpuluh-puluh ribu. Dengan pekerja hanya menyumbang RM3,000 sahaja dalam masa 30 tahun.

Kalau kita ambil sumbangan daripada majikan, jumlah keseluruhan RM15,804 sahaja, sedangkan PERKESO telah mengeluarkan perbelanjaan yang cukup besar. Ini tidak termasuk program-program lain, CSR dan sebagainya.

Jadi berbalik kepada yang tadi, soalan utama Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, pendapatan caruman PERKESO, saya ambil contoh ya. Tahun 2015 berjumlah RM2.8 bilion. Perbelanjaan tahun 2015 ialah RM2.665 bilion. RM2.8 bilion ini termasuklah yang lain-lain, termasuk *investment* yang kita buat.

Tahun 2016, pendapatan caruman berjumlah RM3.2 bilion, lebih sedikit RM3.215 dan perbelanjaan yang kita buat ialah RM2.948 bilion.

Tahun 2017 sehingga bulan September Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, pendapatan caruman kita hanya RM2.646 bilion. Jumlah keseluruhan termasuk pelaburan ialah RM2.706 bilion, perbelanjaan yang telah pun kita buat sehingga sekarang ialah RM2.397 bilion. Maknanya, baki kalau kita kira memang cukup, bukanlah kritikal tetapi oleh sebab itulah kita hendak cari jalan melalui JKKP, SOCSO dan lain-lain, bagaimana kita boleh mengurangkan kemalangan supaya wang yang kita *collect*, yang *contribute* daripada majikan dan pekerja ini dapat kita agihkan untuk kebajikan mereka, untuk pendidikan anak-anak, untuk CSR dan sebagainya. Bukan untuk membiayai kemalangan yang berlaku. Ini kerana kemalangan seperti mana yang disebutkan awal tadi merugikan bukan sahaja pekerja, bahkan kepada majikan, kepada masyarakat, bahkan kepada negara kita daripada segi pembangunan ekonomi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit lagi atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya hendak pergi pada soalan lain. Terima kasih Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, memberi penerangan yang paling baik dan ringkas ya. Sekarang saya beralih kepada soalan iaitu kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Dipersilakan.

**4. Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk menaik taraf hospital awam sejak tahun 2013.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Soalan ini ialah berkenaan dengan kerja-kerja menaik taraf hospital awam sejak tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2013, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.834 bilion bagi tujuan menaik taraf kemudahan hospital di seluruh negara. Sebanyak 161 projek menaik taraf telah dilaksanakan di 84 buah hospital Tuan Yang di-Pertua. Antara kerja-kerja naik taraf ini ialah:

- (i) penambahan katil hospital sebanyak 11 buah projek;
- (ii) menambah atau menaik taraf kemudahan *Intensive Care Unit* sebanyak lima projek;
- (iii) dewan bedah sebanyak 11 projek;
- (iv) hemodialisis sebanyak lapan projek;
- (v) pertukaran lif sebanyak lima projek;
- (vi) keperluan bekalan elektrik, bekalan air dan sanitasi, bekalan gas perubatan sebanyak 27 projek; dan,
- (vii) lain-lain sebanyak 94 projek.

Untuk makluman, sebagai usaha terbaru, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan audit keselamatan ke atas semua hospital yang berusia melebihi 30 tahun ke atas. Berdasarkan kepada laporan audit tersebut, peruntukan khas sebanyak RM100 juta telah diluluskan di bawah Bajet 2018 untuk tujuan menaik taraf aspek-aspek keselamatan seperti kebakaran dan pendawaian di hospital-hospital tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan baik. Saya hanya ada sedikit sahaja soalan tambahan ialah adakah kerajaan merancang untuk mengadaptasikan inovasi teknologi sains perubatan yang boleh memudahkan tugas pakar-pakar perubatan? Terima kasih.

■1040

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kesihatan sentiasa mengadaptasi atau menggunakan teknologi atau kaedah-kaedah atau teknologi baru untuk memudahkan kerja-kerja doktor, pakar dan sebagainya. Di bawah Kementerian Kesihatan memang ada satu unit yang dipanggil Unit *Innovation*, memang kita menggalakkan *innovation* di kalangan kakitangan kita daripada paramedik sehingga lah kepada doktor pakar, cari jalan bagaimana kita dapat meningkatkan, memudahkan kerja-kerja mereka selain daripada yang kita *adapt* daripada luar negara, Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah*.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang saya hendak utarakan ini saya ingat Dato' Hilmi ini seorang pakarlah, saya ingat tiada masalah walaupun lari sikit daripada yang ini. Jika diteliti perkembangan semasa ekonomi kita, nampak seolah-olah tidak mustahil satu hari nanti akan tiba masanya bila kerajaan tidak mampu lagi menampung kos perubatan kita atas beberapa faktor. Yang memainkan peranan utama adalah peningkatan jumlah penduduk negara yang kini sudah pun mencecah 32 juta orang. Ini belum lagi mengira faktor kukuh ekonomi negara kita, faktor kadar pertukaran ringgit dengan negara pembekal ubat-ubatan dan juga faktor kos pengurusan badan perubatan yang akan terus meningkat.

Soalan tambahan saya Tuan Yang Dato Seri, apa persediaan kementerian dalam menghadapi situasi ini terutamanya rakyat dan pesakit dari kalangan B40 dan M40? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Haji Shukor. Ini soalan orang Perlis ini, dia makan Harumanis banyak, soalan dia panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang *the way we are going now, going on* macam sekarang Tuan Yang di-Pertua memang *eventually*, akhirnya kita tidak lagi *sustainable*. Ini kerana dari segi *health financing* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang mengeluarkan subsidi 98 peratus daripada kos kesemuanya. Contohnya, pada tahun 2015, kita belanja RM25 bilion. Kutipan dalam RM1, RM5 yang kita kutip ini dalam RM650 juta sahaja, tidak sampai RM1 bilion pun.

Kos sebanyak ini, sekarang kita dapat lagi tambahan. Tiap-tiap tahun nampaknya kita meningkat tambahan bajet kita, lebih kurang RM2 juta. Duit itulah kita hendak belanja untuk pengurusan dan pembangunan. Kita dapat dalam bajet itu dapat pembangunan dalam RM1.6 sehingga RM1.8 bilion setahun, itu sahaja. Jadi itulah yang kita hendak bina hospital baru, hendak bangun, hendak *upgrade* kita punya hospital, hendak tambah katil di hospital yang sedia ada dan sebagainya.

Memang agaknya mungkin tidak *sustainable in the future*. Sekarang ini kita punya *bed ratio* kita, *bed ratio to population* sekarang ini kita *today* kita punya *bed ratio* ialah *1.99 bed per 1,000 population*. Kita sekarang ada 59 ribu katil di seluruh Malaysia dan kalau *target* kita tahun 2020, *target* kita adalah *2.3 bed per 1,000 population*, maknanya kita perlu 69 ribu katil. Maknanya *we are short off*

10 ribu katil lagi. Oleh kerana semasa pembangunan kita tidak akan dapat capai tahap itu, Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi belanjawan, saya hendak sebut juga tentang belanjawan kita berbanding dengan luar negara. Kita punya bajet ialah *about 4.56 percent* daripada GDP kita, ini termasuk *private sector* dan juga hospital kerajaan *4.56 percent*. Kalau banding dengan banyak negara lain, ada yang *double digit* dia punya *expenditure* untuk kesihatan, *about 17 percent*, ada yang *12 percent* dan sebagainya. Ini kita faham kerana mereka ada cukai khas untuk kesihatan. Kita di Malaysia ini cukai kita terhadlah, makin lama makin kurang cukai pendapatan dan cukai korporat dan sebagainya.

Jadi kita kena cari kaedah lain. Antaranya kita bincang dan kita rancang bersama dengan *Harvard University*, bahagian *Public Health* ini, kita rancang untuk kita adakan yang disebut sebagai *Voluntary Help Insurance* (VHI). Ini adalah cadangan, kita bincang banyak dan panjang perkara ini dan Kabinet sudah lulus, sudah setuju.

Ini satu kaedah di mana kerajaan sendiri yang menguruskan insurans ini, maknanya dia tiada untung kalau ada untung pun amat-amat minimum. Di mana premium akan jadi amat rendah dan *coverage* tinggi. Ini yang kita sedang rancang tetapi belum ada detil lagi. Akan tetapi kita cadang supaya kita cuba pada pekerja asing dulu, pekerja asing ini dia ada Insurans SPIKPA. Namun di bawah SPIKPA ini semua dihantar kepada hospital kerajaan, jadi memang ada elemen subsidi itu. Oleh sebab itu lebih baik kita adakan insurans ini dan mereka bayar melalui insurans, bayar penuhlah melalui insurans, jadi dapat mengurangkan. Ini cadangan kita yang terawal, lepas itu kita akan *expand* lagi kepada seluruh rakyat Malaysia.

Namun persoalannya orang kampung, orang Perlis kebanyakannya nelayan, petani, pekebun Harumanis dan sebagainya adakah mereka sanggup membeli insurans yang minimum ini. Kita masih lagi bincang tetapi kita harap dapat carilah kaedah berbagai-bagai untuk hendak kurangkan kos dan sebagainya termasuk juga pembelian peralatan contohnya. Kalau kita hendak beli cara biasa hendak tunggu bajet kerajaan mungkin kita tidak dapat hendak beli semua. Oleh sebab itu kita juga melihat bagaimana kita boleh berkongsi, bekerjasama dengan *private sector*, kita membeli *outsource*, kita membeli *service* kepada mereka. Adalah kita melihat beberapa cadangan termasuk MRI contohnya, boleh tidak kita *explore* sama ada *public sector provide the machine* dalam hospital kita dan kita beli *service*. Tiap kali kita guna, kita bayar dia. Itu banyak opsyen yang kita sedang lihat.

Bagaimana dengan peruntukan yang sedikit tetapi kita boleh dapat menaikkan taraf perkhidmatan hospital kita, Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkenaan dengan pakar di hospital-hospital daerah kecil. Sejauh manakah kerajaan menempatkan doktor-doktor pakar di hospital-hospital daerah kecil contohnya seperti di Ledang, di Bentong, di Raub. Ini kerana baru-baru ini untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawan saya- terutamanya di hospital-hospital dan di wad-wad kanak-kanak sebab baru-baru ini anak kawan saya dimasukkan di hospital kerana sakit yang agak standard, agak normal, maknanya *bronchiolitis which is* batuk tetapi mengambil masa sehingga 10 hari hampir 14 hari duduk di hospital.

Apabila ditanya adakah doktor yang merawat itu doktor pakar ataupun doktor biasa dan saya dimaklumkan doktor yang merawat kanak-kanak itu di wad kanak-kanak hanyalah doktor MO, doktor biasa. Maknanya kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital di daerah-daerah kecil ini tidak mendapat *treatment* ataupun perubatan daripada pakar-pakar yang mana menyebabkan kanak-kanak itu mengambil masa yang lama untuk baik dan akhirnya anak itu tadi dikeluarkan dan dihantar ke hospital pakar. Maknanya di daerah-daerah kecil ini- adakah kerajaan bercadang meletakkan *visiting doctor*, dengan izin, doktor-doktor yang melawat secara berkala dan sebagainya terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah perkara-perkara yang kita lihat tentang bagaimana kita hendak meningkatkan lagi perkhidmatan kita pada rakyat. Memang bukan semua hospital ada pakar, hospital di daerah termasuk Hospital Balik Pulau pun, tiada pakar. Namun apa yang kita buat, dia ada *visiting specialist*.

Dalam hal ini, ada lapan negeri kita dah *setup* satu yang dipanggil *cluster* hospital, termasuk di Pulau Pinang. Contoh macam Hospital Seberang Jaya, dia ada tiga hospital daerah yang lain di Seberang Perai itu, jadi mereka ini *cluster* sekali. Maknanya pesakit boleh dirujuk kepada Hospital Seberang Jaya dan pakar dan sebagainya boleh pergi ke Sungai Bakap, ke Kepala Batas ataupun ke Bukit Mertajam. Mereka boleh lakukan *operation* di hospital-hospital ini. Masing-masing ada dewan bedah dan doktor daripada Seberang Jaya boleh pergi ke hospital daerah untuk buat *operation*.

#### ■1050

Jadi macam apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi mungkin ada perkara yang spesifik yang kita kena siasatlah, kenapa lama sangat budak ini tidak diperiksa oleh pakar dan sebagainya di hospital yang berkenaan. Jadi itulah, kita cuba sedaya upaya untuk- Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kita hendak mengurangkan pesakit yang perlukan perkhidmatan hospital ini, kita juga sekarang ini sudah maju ke satu langkah lagi untuk kita *promote primary care*, Tuan Yang di-Pertua. Makna, kita hendak *upgrade*-kan, kita hendak perkasakan perkhidmatan kesihatan di peringkat bawah, di klinik kesihatan dan juga di klinik-klinik ibu dan anak.

Hari ini kita sudah buat satu pilot projek yang dinamakan *enhance public health care* di mana kita sudah buat di 20 hospital di seluruh Malaysia, buat pilot projek di mana kita pastikan doktor dan *nurses* serta semua paramedik kenal pesakit mereka. Apabila pesakit ini datang, dia tahu sudah, ini penyakit pesakit ini. Jadi dengan cara ini, akhirnya kita akan *graduate*, akan memperkasakan *family health care* Tuan Yang di-Pertua. Sudah ada tetapi kita hendak perkasakan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan yang telah memberikan penerangan yang ringkas dan tepat. Sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Dipersilakan.

**5. Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menerangkan perkembangan terkini mengenai rancangan membina hospital veterinar, setakat ini di manakah lokasi yang dikenal pasti bakal dibina dengan hospital veterinar.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Nogeh anak Gumbek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sedang mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan hospital veterinar kerajaan berikutan permintaan tinggi terhadap keperluan penjagaan dan kebajikan haiwan kesayangan khususnya dalam aspek pencegahan dan rawatan penyakit. Kajian impak sosioekonomi penubuhan hospital veterinar ini sedang giat dilaksanakan. Buat masa ini, DVS telah pun menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar veterinar di cawangan-cawangan negeri dan daerah yang diselia oleh pegawai veterinar bagi memelihara kebajikan haiwan kesayangan.

Selain daripada itu, DVS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dinaik taraf sebagai hospital veterinar serta dilengkapi dengan kelengkapan dan *facility* rawatan haiwan kesayangan yang baik. Perkhidmatan veterinar bagi haiwan kesayangan juga dilaksanakan oleh klinik veterinar swasta yang turut menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar hingga ke prosedur khusus rawatan dan operasi. Pembinaan hospital ini juga merupakan peringkat kepada mekanisme pengawalan aturan itu isu kebajikan haiwan yang semakin mendapat perhatian masyarakat sejak akhir-akhir ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan tambahan. Pertamanya berhubung dengan kos pembayaran di klinik swasta dan kerajaan. Kita lihat sekarang kos perubatan di kerajaan itu lebih rendah dan swasta itu lebih tinggi. Adakah di pihak kementerian ada cadangan untuk menyelaraskan kos perubatan ini bagi penyakit-penyakit tertentu di mana kita tahu apabila penyakit ini datang kadang-kadang di luar waktu perkhidmatan klinik atau hospital kerajaan tetapi perlu rujuk kepada swasta dan kos ini lebih tinggi daripada kos yang ditawarkan oleh hospital veterinar kerajaan. Jadi adakah kementerian yang pertamanya, bercadang untuk penyelarasan kos perubatan ini?

Keduanya, saya hendak tahu tentang Akta Binatang 1953 yang mana ia memperuntukkan kepada kekejaman terhadap binatang. Kalau baru-baru ini kita tengok *viral* dan juga isu ini berbangkit bagaimana sesetengah, segelintir manusia ini dia bunuh binatang, dia tangkap gambar, dia *upload* dekat *Facebook* dan sebagainya. Dari segi pendakwaan undang-undang, di pihak kementerian, apa yang telah diambil dan berapa pendakwaan yang telah dibuat ke atas individu-individu ini yang mana kekejaman terhadap haiwan ini harus diangkat sebagai isu yang penting saya kira buat masa ini kerana saya melihat dua hari lepas, seekor kerbau masuk ke dalam tanaman seorang petani. Dia patahkan kaki, dia *upload* gambar dan dia sebar di *Facebook*.

Ini juga merupakan kekejaman saya kira di bawah Akta Binatang 1953 yang harus dikuatkuasakan dengan lebih tegas terhadap individu-individu yang orang kata menganiayai dan kejam terhadap binatang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Ya, memang betul. Kos pembayaran di hospital veterinar kerajaan adalah secara puratanya 40 peratus murah daripada yang di caj oleh hospital veterinar swasta. Kementerian menerima cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator. Itu adalah satu

cadangan yang baik tetapi kita tidak dapat menyelaras untuk semua penyakit. Kita akan melihat mana yang lebih penting supaya di mana-mana kita buat rawatan itu, harganya akan serupa.

Mengenai kekejaman kepada haiwan, kita memang ada Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang telah dikuatkuasakan mulai bulan Julai tahun ini. Di bawah akta ini sekiranya ada aduan dari individu ataupun pihak NGO sebab sekarang di negara kita ini, banyak NGO yang aktif seperti, dengan izin, *Prevention of Cruelty to Animal*. Sudah tentu Jabatan Veterinar akan menyasat dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Di bawah akta ini, memang kita boleh membuat dakwaan. Cuma untuk semasa ini, saya tidak ada statistik yang terkini berapa orang yang telah didakwa dan saya bercadang untuk memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator, ya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih. Minta maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya hendak tahu di Wilayah Persekutuan ini berapa banyak hospital veterinar yang telah diwujudkan? Saya tahu mutakhir ini, di kalangan rakyat, ramai yang prihatin tentang binatang peliharaan dan sebagainya termasuklah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun banyak bela kucing dan sebagainya. Dia sayang.

Soalan saya seterusnya, soalan kedua. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah bentuk penaiktarafan yang telah dilakukan dan jenis perkhidmatan yang dilaksanakan di Hospital Veterinar Cheras berikutan keperluan dan kesedaran dalam kebajikan haiwan masa kini? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya atas soalan tambahan. Di seluruh negara, kita sudah ada 404 klinik haiwan swasta termasuk tujuh hospital veterinar swasta dan dua di Universiti Putra Malaysia dan juga di Universiti Malaysia Kelantan. Di Wilayah Persekutuan, saya ingat lebih kurang ada empat hospital veterinar swasta yang diadakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Hospital Veterinar Cheras kini menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

- (i) pemeriksaan kesihatan dan diagnostik;
- (ii) pembedahan;
- (iii) pemeriksaan kesihatan rutin;
- (iv) pemvaksinan dan penyahcacingan, dan
- (v) pengenalan haiwan dan dokumentasi dan pelesenan.

Selain itu, hospital ini juga dilengkapi dengan kemudahan seperti berikut. Perkakasan diagnostik seperti x-ray dan *ultrasound*, bilik operasi yang boleh menjalankan enam sesi operasi serentak, kemudahan makmal termasuk analisa darah dan urin serta *test kit* penyakit. Secara purata, Hospital Veterinar Cheras menerima 70 hingga 100 kes sehari di mana haiwan yang dirawat adalah terdiri daripada kucing 60 peratus, anjing dan juga haiwan eksotik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kumpulan veterinar, *The European Academy of Allergy and Clinical Immunology* telah membuat kajian bahawa binatang-binatang ternakan kita ini juga *immune to food intolerance* dan juga *allergy*. Maknanya mereka ini sama juga penyakitnya kalau silap makan maka akan senak perut, sama macam manusia.

■1100

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, tahap manakah doktor-doktor veterinar kita ini mendapat pengajian dan formula apakah yang dipakai untuk hendak mewujudkan hospital-hospital veterinar ini? Adakah dikira berapa banyak binatang di dalam satu kawasan atau berapa banyak manusia di dalam satu kawasan. Hal ini kerana, saya ambil contoh di tempat saya, ialah pesawah. Banyak kerbau dan lembu tetapi satu klinik veterinar pun tiada di Sungai Limau, Kedah. Sekiranya Yang Berhormat Menteri, dapat mewujudkan veterinar ini di tiap-tiap daerah ataupun di setiap kawasan maka tentu sekali orang akan mengatakan bahawa hospital manusia ini pun tidak cukup, sekarang kita buat hospital binatang pula. Bagaimana kita hendak menangani komen-komen yang sedemikian? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Soalan tadi mengenai hospital veterinar untuk haiwan kesayangan. Akan tetapi untuk ternakan, Jabatan Veterinar memang ada di tiap-tiap negeri kita ada Jabatan Veterinar. Mereka memberikan *technical advice* dan juga nasihat kepada pesawah-pesawah kita yang ada membela *economic animal*. Akan tetapi untuk lokasi di mana kita akan menubuhkan hospital veterinar ini, kita mengambil kira faktor kepadatan penduduk dan juga kedudukan yang strategik, seperti di bandar-bandar yang besar. Contohnya di Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya.

Doktor veterinar kita memang dia perlu lulus ijazah doktor veterinar dan berdaftar dengan *Malaysian Veterinary Council* (MVC). Jadi dari segi itu, memang mereka ini *qualified*, dengan izin, *to give advice* dan juga untuk *treat* haiwan-haiwan ataupun binatang-binatang kita yang ada penyakit. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Nogeh anak Gumbek. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah menjawab soalan-soalan dengan baik dan teratur.

**6. Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, bilangan pekebun-pekebun kecil getah dan penoreh-penoreh getah di Malaysia. Selain daripada bantuan musim tengkujuh, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menstabilkan harga pasaran getah ke satu paras yang memuaskan supaya penoreh-penoreh getah boleh memperoleh pendapatan yang berpatutan.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 20 November 2017, seramai 420,878 orang pekebun kecil dan penoreh getah telah berdaftar dan memiliki kad Permit Autoriti Transaksi-Getah (PAT-G). Daripada



jumlah tersebut, sebanyak 282,643 orang berdaftar di Semenanjung dan 556,121 orang berdaftar di Sabah dan 82,114 berdaftar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa prihatin dan peka terhadap permasalahan yang dihadapi pekebun kecil dan penoreh getah terutamanya ketidakstabilan harga pasaran getah. Selain daripada bantuan musim tengkujuh, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk penoreh-penoreh getah memperoleh pendapatan yang berpatutan adalah seperti berikut.

Pertama, Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah dilaksanakan mulai tahun 2015. Insentif ini diaktifkan apabila harga purata bulanan getah menurun di bawah Paras Harga Pengaktifan (PHP) iaitu harga getah gred SMR 20 FOB pada aras RM5.50 sekilogram atau pada paras RM2.20 sekilogram bagi harga *cuplumps*. Insentif ini akan membolehkan pekebun kecil dengan pemilik purata dua hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM1,100. Sehingga Oktober 2017, sebanyak RM67.9 telah diagihkan. Pendekatan ini dapat memberikan galakan kepada pekebun-pekebun kecil bagi meneruskan aktiviti menoreh semasa harga getah yang rendah.

Kedua, mekanisme penetapan harga di ladang. Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang mulai bulan November 2014. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urus niaga. Langkah ini dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang dengan mengurangkan lapisan pembeli dan pekebun kecil mendapat harga yang munasabah dan menguntungkan. Berdasarkan maklum balas sehingga kini, sebanyak 18 buah koperasi terlibat dalam urus niaga getah dan menawarkan harga pada purata 10 sen sehingga 20 sen sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah yang lain.

Ketiga, menyediakan infrastruktur kutipan lateks. Dalam Bajet 2018, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi melaksanakan program untuk menggalakkan pengeluaran lateks tempatan. Peruntukan ini akan digunakan untuk memperkukuhkan infrastruktur kutipan lateks. Penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran lateks akan dapat meningkatkan pendapatan mereka memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding *cuplumps*. Di samping itu, program ini juga dapat menampung permintaan lateks dalam negara dan mengurangkan pengimportan lateks bagi industri sarung tangan.

Kerajaan juga melaksanakan beberapa strategi dalam usaha menangani ketidakstabilan harga getah di pasaran. Antara strategi yang telah dilaksanakan termasuklah menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara seperti menggunakan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya ataupun *rubberized roads*. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru-baru dan nilai tambah berasaskan getah. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli di dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa, Malaysia terus menjalin kerjasama dengan lain-lain negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) bagi memperkukuhkan harga getah. Mesyuarat ITRC peringkat Menteri yang diadakan pada 15 September 2017 telah bersetuju supaya Vietnam yang merupakan

negara pengeluar getah ketiga terbesar di dunia untuk menganggotai ITRC. Penyertaan Vietnam akan meningkatkan *share* pengeluaran getah dunia bagi negara anggota ITRC daripada 67 peratus kepada 76 peratus. Seterusnya, memperkukuhkan lagi peranan ITRC. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri yang memberikan penjelasan yang lengkap. Di negeri Kedah, dalam masa yang singkat ini, Yang Berhormat Menteri telah pun melancarkan pelancaran bantuan musim tengkujuh di Pokok Sena.

Jadi, di negeri Kedah kalau kita tengok kebanyakan daripada pekebun ataupun penoreh getah daripada kawasan Bukit Selambau, Pokok Sena, Sik dan juga Padang Terap. Jadi mereka mempunyai satu masalah sebab mereka bukan mempunyai tuan punya tanah yang sendiri, mereka berkongsi 50:50 pendapatan mereka dengan tuan punya tanah. Jadi, mereka ini bergantung kepada hasil pendapatan yang separuh sahaja.

■1110

Jadi saya minta pihak kementerian, adakah mempunyai satu skim ataupun satu rancangan seperti mana contohnya penanaman kelapa sawit, pekebun kelapa sawit mendapat skim daripada MPOB iaitu Malaysian Palm Oil Board, mendapat skim seperti ternakan, tanaman sayuran dan sebagainya? Adakah skim ini boleh diteruskan ataupun memberikan faedah kepada penoreh getah yang mempunyai separuh masa pendapatan mereka? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi bantuan musim tengkujuh, sebenarnya bantuan musim tengkujuh ini diberi kepada pekebun-pekebun getah. Bagi penoreh getah, sebenarnya dia adalah penoreh profesional. Maknanya, dia tidak menjaga satu ladang getah sahaja. Dalam tempoh satu masa, dia akan menjaga dua, tiga ladang getah. Jadi maknanya dia tidak bergantung harap kepada satu ladang getah sahaja yang ditoreh. Jadi maknanya pendapatannya lebih daripada separuh yang dia dapatinya daripada sebuah ladang. Jadi itu sebabnya dia tidaklah begitu bermasalah sangat daripada segi pendapatannya sebagai penoreh.

Skim yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu adalah satu cadangan yang baik. Setakat ini hanya ladang sawit sahaja yang mencadangkan skim ternakan bersama, skim integrasi itu ya. Akan tetapi, kita akan bincang, kita akan lihat sekiranya ada keperluan yang mendesak, kita akan mengaplikasikan sistem yang telah digunakan oleh MPOB juga kepada ladang getah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap soalan saya ini relevan kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator tadi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah fungsi *Rubber Research Institute* (RRI) yang amat terkenal suatu ketika dahulu dan masih lagi berfungsi dengan aktif dalam negara kita untuk menjamin harga pasaran getah itu dapat dipulihkan, walaupun usaha telah dilakukan dengan pelbagai perkara? Terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Senator. RRI ini sebenarnya satu institut yang telah ditubuhkan semenjak

penjajahan lagi, semenjak awal industri getah diadakan di Malaysia. Sebenarnya dia telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada industri getah.

Sekarang ini berbagai kajian, *research* yang telah dilaksanakan dan satu daripadanya yang sedang dilaksanakan dengan begitu tekun oleh RRI ialah *rubberized road*. *Rubberized road* ini sebetulnya sekiranya ia dapat dilaksanakan, sekiranya JKR akhirnya akan menerima *rubberized road* ini sebagai satu cara kita membina jalan raya di Malaysia, maka penggunaan getah itu akan meningkat begitu besar, begitu tinggi. Bukan itu sahaja. Banyak lagi kajian-kajian yang telah dilaksanakan untuk menggunakan getah di dalam pasaran di Malaysia.

Jadi dengan adanya penggunaan getah yang begitu besar di Malaysia, maka dengan itu harga getah akan menjadi stabil. Itu kajian yang tengah kita buat. Banyak lagi kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Getah ataupun institut RRI ini dan kita mengharapkan ia akan dapat diaplikasikan di pasaran supaya penggunaan getah itu akan digunakan dengan lebih banyak di dalam negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, sila.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma, saya sebenarnya begitu tertarik dengan *rubberized road* yang dibangkitkan sebab ada kaitan juga dengan persoalan-persoalan saya sebelum ini. Saya ingin tahu, setakat ini, sejauh mana penggunaan *rubberized road* ini di seluruh negara? Adakah *rubberized road* ini mampu mengurangkan masalah kerosakan jalan serius pada musim tengkujuh terutamanya di Pantai Timur? Adakah ia mampu mengurangkan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Senator. *Rubberized road* ini di dalam kajian, kosnya agak tinggi sedikit daripada jalan biasa. Akan tetapi, dia punya *cost of maintenances* begitu rendah. Maknanya boleh sampai 10 tahun kita gunakan *rubberized road* tanpa *maintenance*. Jadi, inilah kebbaikannya. Pada mulanya bila kita membina, dia mungkin agak tinggi sedikit daripada segi kosnya. Akan tetapi dalam kajian juga, apabila *rubberized road* telah digunakan, maka kosnya akan menurun juga sebab apabila telah begitu banyak menggunakannya, maka kosnya akan menurun. Akan tetapi, yang paling baiknya ialah *maintenance* kosnya amat rendah.

Setakat ini, JKR masih lagi dalam kajian. Ada beberapa batang jalan, saya tidak ada datanya sini. Di Kelantan pun ada, di Johor ada. Kita telah buat *testing* dan saya difahamkan dalam tempoh masa yang terdekat ini, keputusan akan diperoleh untuk kita menggunakan *rubberized road* di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur yang telah memberi penerangan yang baik dan teratur dan difahami kita sejelasnya.

**7. Dato' Fahariyah binti Haji Md Nordin** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bagaimana kerajaan membantu mengurangkan jurang digital yang dialami penduduk luar bandar dan bandar dan bagaimana komitmen kerajaan dalam memastikan sektor sosial dan ekonomi digandingkan bersama bagi memenuhi keperluan komunikasi, pendidikan dan pasaran ekonomi digital.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah kerangka kerja Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP), pembangunan infrastruktur telekomunikasi bagi kawasan yang kurang liputan perkhidmatan, dengan izin, *underserved areas* atau kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat, dengan izin, *underserved group within the community* telah dilaksanakan sejak tahun 2002 lagi.

Untuk rekod, di bawah kerangka kerja Pemberian Perkhidmatan Sejagat ini, sejumlah RM13.7 bilion telah dibelanjakan dari tahun 2008 sehingga kini dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dengan tujuan meningkatkan akses masyarakat kepada perkhidmatan telekomunikasi sekali gus merapatkan jurang digital.

*Digital inclusion*, dengan izin atau keterangkuman digital terutamanya di kawasan terpencil, kawasan pedalaman dan luar bandar menjadi keutamaan kerajaan yang dilaksanakan melalui SKMM. Untuk tujuan ini, tambahan RM1 bilion lagi diperuntukkan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi Bajet 2018 untuk memperluaskan dan menaik taraf infrastruktur komunikasi di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Sehingga hari ini, sebanyak 20,206 menara-menara telekomunikasi dan 841 buah Pusat Internet 1Malaysia telah pun dibina di kawasan *underserved area*, dengan izin, dan sebanyak 16 buah Pusat Internet 1Malaysia akan dibangunkan di seluruh negara dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2018.

Di samping itu, pihak kerajaan juga telah melaksanakan Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti empat terabit per saat dengan jumlah jarak keseluruhan lebih dari 3,800 kilometer. Pada masa yang sama, keupayaan masyarakat dalam bidang ekonomi juga diperkasakan melalui penganjuran kursus dan latihan keusahawanan dalam talian oleh pihak SKMM melalui Pusat Internet 1Malaysia di seluruh negara.

Di samping itu, sebanyak 100 ejen berdaftar pos akan dibuka melalui kolaborasi antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan POS Malaysia Berhad secara berperingkat di Pusat Internet 1Malaysia seluruh negara menjelang tahun 2020 untuk memperkasakan ekonomi masyarakat di luar bandar dan segmen B40 terutamanya melalui pembabitan mereka dalam bidang e-dagang.

#### ■1120

Dengan wujudnya ejen berdaftar pos ini, dapatlah masyarakat di luar bandar memasarkan produk mereka bukan sahaja di negara ini, malah ke peringkat antarabangsa. Sehingga kini sebanyak empat ejen berdaftar pos telah pun diwujudkan di Sabah dan Sarawak sebagai projek perintis. Manakala, 34 ejen berdaftar pos lagi akan diwujudkan dalam suku pertama 2018.

Di samping itu, pihak kementerian ini melalui satu lagi agensi iaitu *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dengan izin, pula telah melaksanakan program eRezeki dan eUsahawan yang

disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah, penduduk luar bandar, golongan belia dan usahawan kecil yang termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40. Kedua-dua program tersebut diwujudkan untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital.

Bagi program eUsahawan, sejak Januari 2016 sehingga November 2017, sejumlah 141,380 usahawan muda dan desa telah mengikuti latihan dan kursus eUsahawan di 112 pusat merangkumi Mini RTC, UTC dan Pusat Internet 1Malaysia serta sebanyak 411 *Technical and Vocational Education Training* (TVET) *centre*. Daripada jumlah ini, seramai 33,529 ataupun 24 peratus daripada peserta telah mula melaporkan jualan tambahan keseluruhan yang berjumlah sebanyak lebih dari RM177 juta. Jumlah penglibatan golongan wanita daripada jumlah ini adalah sebanyak 59 peratus.

Manakala bagi program eRezeki pula, bagi tempoh Januari 2016 hingga November 2017, seramai 138,031 individu telah dilatih melalui 346 pusat latihan termasuk Pusat eRezeki, Kolej Komuniti, Pusat Internet Desa, Pusat Internet 1Malaysia dan Mini RTC serta 336 wakil eRezeki. Daripada jumlah ini, seramai 106,964 ataupun 77 peratus telah pun berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul secara keseluruhan yang berjumlah sebanyak lebih RM93 juta. Jumlah penglibatan golongan wanita daripada jumlah ini adalah sebanyak 52 peratus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu panjang lebar dan agak detil. Tahniah kepada kerajaan juga kerana telah mengadakan pelbagai insentif untuk mengurangkan jurang digital terutama dari segi ekonomi luar bandar. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan kos jalur lebar negara kita. Ini kerana baru-baru ini ada laporan kajian oleh kaunter penyelidikan pasaran yang mengatakan walaupun kos purata bulanan jalur lebar negara kita ini adalah yang ketiga terendah di Asia Tenggara, namun jika dibuat purata kos jalur lebar berbanding aras kelajuan iaitu *price per megabyte per second*, dengan izin, Malaysia adalah kalangan negara-negara yang mahal iaitu di tangga yang keenam.

Soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan harga langganan ataupun kos bulanan dengan kadar kelajuan yang lebih tinggi supaya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat?

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk memberi bantuan seperti subsidi atau seumpamanya kepada golongan berpendapatan B40 bagi mengurangkan jurang digital? Maknanya, agar mereka mampu untuk akses *internet* sepenuhnya terutamanya dalam negara kita yang sedang berhadapan dengan kerangka digital ekonomi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan. Sebenarnya persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu merujuk kepada laporan yang disediakan oleh salah satu konsultan yang dinamakan Alchemy.

Akan tetapi, suka saya menyatakan di sini bahawa setiap konsultan dari segi pendekatan adalah berbeza. Seperti yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, maknanya dari segi kaedah

yang kita laksanakan adalah jelas bahawa konsep yang dilakukan di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat adalah berunsur kepada secara kawasan yang kurang liputan secara total dan juga kumpulan yang diberi perkhidmatan dalam masyarakat. Maknanya, kita seboleh-bolehnya ingin memberikan kemudahan internet ataupun jalur lebar kepada masyarakat di luar sana.

Jadi berkaitan dengan caj yang dikenakan, sebenarnya pihak kerajaan melalui pihak SKMM sentiasa memantau caj-caj yang diberikan ataupun yang dikenakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi untuk memastikan bahawa caj yang dikenakan adalah adil dan munasabah. Kalau kita lihat dari segi pemantauan yang kita jalankan, kadar ataupun caj yang dikenakan adalah sudah menurun sedikit. Ia adalah akibat daripada persaingan yang sengit di kalangan syarikat telekomunikasi. Kalau kita lihat sewaktu pembentangan Bajet 2017 yang baru-baru ini juga, pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa rakyat akan dapat menikmati kelajuan jalur lebar berganda pada harga yang sama yang akan ditawarkan oleh syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi.

Jadi, di sini kita dapat lihat bahawa pihak kerajaan memang sensitif dan mengambil maklum bahawa kita sebolehnya akan cuba membantu masyarakat di luar sana. Kalau kita dapat lihat contoh pakej akses jalur lebar mudah alih yang paling rendah adalah RM20 sebulan, manakala pakej perkhidmatan jalur lebar tetap bermula daripada RM38 sebulan. Jadi apabila adanya persaingan yang diberikan oleh pemain-pemain industri, kita dapat melihat bahawa dari segi kadar ataupun harga yang ditetapkan adalah berkurangan.

Berbalik kepada persoalan yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator berkaitan dengan peluang. Jadi, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa program-program yang diberikan misalannya seperti Pusat Internet 1Malaysia dengan kadar kelajuan yang disediakan antara lapan *megabits* dan sehingga 20 *megabits per second*, dengan izin, membolehkan masyarakat luar bandar mengakses *internet* untuk kemudahan-kemudahan seperti mana yang saya nyatakan tadi, berniaga atas talian dan juga untuk menambahkan pengetahuan.

Di sini juga dari segi kerangka yang kita sediakan, kita bukan hanya terhad kepada masyarakat yang sempurna tetapi juga terdapat golongan OKU yang juga diberi pendedahan dari segi konsep-konsep yang kita sediakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 326 OKU juga telah dilatih melalui program-program sama ada eUsahawan di pusat-pusat yang disediakan dan juga di pusat internet yang telah disediakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Dr. Zaiedi.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin hendak bertanya di sini kerana kita berbincang tentang keluasan ataupun *coverage* yang hendak kita buat di negara ini khususnya di kawasan luar bandar dan juga di kawasan pedalaman. Jadi soalan saya, adakah kerajaan masih meneruskan penggunaan *satellite technology* dengan diupgradinkannya dalam usaha untuk kita meluaskan jaringan *internet* khususnya di luar bandar dan juga di kawasan pedalaman yang mana kalau kita hendak menunggu pemasangan *fiber optic*, *tower* dan sebagainya, ini mungkin mengambil masa yang panjang.

Jadi, keghairahan masyarakat itu hendak menggunakan kemudahan *internet* adalah begitu tinggi. Jadi, adakah *satellite technology* ini satu jawapan untuk kita mempercepatkan keluasan *internet* di kawasan luar bandar dan juga di kawasan pedalaman? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan secara berterusan akan meneruskan program yang dinamakan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat melalui kaedah di bawah USP dan pada masa yang sama juga, pihak pemain industri akan bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam merencanakan perluasan liputan di luar sana. Sehingga kini, kadar penebusan jalur lebar adalah pada kadar 81.5 peratus dan *target* kita ialah menjelang tahun 2025, kadar penebusan jalur lebar akan kita *target* sehingga 92 peratus.

Jadi, pelbagai inisiatif termasuklah penggunaan satelit seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Memang betul, ia merupakan kaedah yang kita terpaksa menggunakan terutamanya di kawasan luar bandar. Ini kerana dari segi *footprint* dengan izin, jangkauannya adalah lebih meluas. Cuma, permasalahan yang kita hadapi ialah walaupun dari segi penggunaan satelit ialah dari segi sumber tenaga. Ini merupakan antara salah satu elemen yang menyumbang kepada kos yang agak tinggi.

■1130

Jadi untuk membolehkan masyarakat di luar bandar, agar dapat juga menikmati kemudahan jalur lebar, kita telah menggunakan kaedah satelit dan di kawasan-kawasan yang topografinya agak sukar, penggunaan satelit juga kita gunakan. Akan tetapi di kawasan yang topografi atau demografinya yang agak lapang, jadi penggunaan menara telekomunikasi seperti yang saya nyatakan di mana jumlahnya melebihi daripada 20,000 yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak ada saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul, silakan.

**8. Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sejauh manakah pendekatan baru dalam bidang teknologi dan perubatan pergigian yang telah di diguna pakai (*adopt*) atau diimplementasikan terutama selepas Pameran Pergigian Antarabangsa 2017 atau MIDS pada April lalu.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul. Soalan beliau ialah berkenaan dengan teknologi baru dalam bidang pergigian Tuan Yang di-Pertua. Beliau merujuk kepada Pameran Pergigian Antarabangsa 2017 yang berjalan pada bulan April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon untuk menjawab bersekali dengan soalan 14 Disember 2017, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif dengan maksud lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Pameran Pergigian Antarabangsa 2017, atau *Malaysia International Dental Show* (MIDS) anjuran *Malaysian Private Dental Practitioners Association* (MPDPA) bersama dengan *Malaysian Dental Dealers Association* (MDDA) berjalan pada bulan April. MIDS ini telah pun memaparkan beberapa kaedah baru dalam rawatan endodontik, *crowns and bridges* dan *thermoplastic*

*denture* yang telah diguna pakai dalam penyampaian perkhidmatan pergigian di Kementerian Kesihatan, Tuan Yang di-Pertua.

Antaranya satu, sistem pengimejan 3D. Pengimejan *cone beam computed tomography* ataupun CBCT memaparkan imej tiga dimensi dan boleh dilihat di skrin komputer. Sistem ini telah pun digunakan oleh kepakaran pergigian termasuk bedah mulut, pergigian pediatrik, ortodontik dan pergigian restoratif dan sehingga kini terdapat 20 buah hospital yang telah pun ada kemudahan ini Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, implan pergigian. Implan pergigian terdiri daripada *metal post* yang ditanam ke dalam tulang rahang dan *prothesis* seperti gigi palsu atau *bridges and crowns* yang boleh diletakkan di atas implan. Gigi palsu atau *bridges* tidak mudah beralih di dalam mulut dan pesakit akan merasa seperti menggunakan gigi asal semasa makan atau bercakap.

Ketiga, teknologi *denture flexi*. Teknologi ini telah digunakan di beberapa *facility* pergigian, tujuh hospital semuanya. Teknologi ini adalah menggunakan bahan dan proses pembuatan yang berbeza dari pembuatan dentur konvensional untuk menghasilkan dentur yang tidak mudah patah.

Keempat, teknologi pembuatan gigi palsu, *one day denture*. Pembuatan gigi palsu penuh pada ketika ini memerlukan sekurang-kurangnya empat kali rawatan dan akan siap dalam tempoh satu bulan. Teknik terkini merupakan revolusi kepada pembuatan gigi palsu yang penuh, yang hanya memerlukan satu hari untuk disiapkan. Teknik ini telah pun diguna pakai secara berperingkat di klinik-klinik pergigian di Kuching dan juga di Seberang Jaya, di Pulau Pinang.

Kelima, pembedahan menggunakan laser. Aplikasi laser dalam bidang pergigian diguna pakai untuk pembedahan tisu mulut rawatan penyakit gusi.

Keenam, rawatan kanal akar ataupun *root canal*, Tuan Yang di-Pertua. Terkini dalam rawatan kanal akar ini adalah untuk mengelakkan *vertical root fracture* dan ini dapat menyelamatkan gigi dari dicabut Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan sentiasa menyokong usaha pelbagai pihak, untuk menghasilkan pelbagai teknologi baru dalam perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan, selamat dan kos efektif demi penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu baik mengenai hal ehwal mengenai teknologi perubatan pergigian terkini masa sekarang.

Soalan saya, adakah kementerian dapat menyediakan perkhidmatan tersebut kepada rakyat di klinik awam terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah. Sejauh manakah kaedah rawatan baru ini akan diperkenalkan di klinik-klinik awam di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sekarang ini, *alhamdulillah* pihak kementerian dapat menyediakan pelbagai kemudahan di seluruh negara termasuk di bandar besar dan juga di seluruh negara, termasuk di kawasan-kawasan terpencil Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, *dental clinic* yang ada 1,117. *Mobile clinic* ada 36 buah, *mobile* yang pergi dengan bas, *four-wheel-drive* (4WD) dan sebagainya. Di peringkat sekolah sudah ada 546 pasukan yang pergi rawatan ke sekolah-sekolah.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara jumlah *dentist* untuk awam 4,551 orang. Di *private sector* ada 2,595 orang dan jumlah sekali 7,085 orang. Setiap tahun kita terdapat hampir 1,000



graduan baru yang masuk dalam perkhidmatan. Setakat ini kita lantik mereka *on contract* selama dua tahun dan *compulsory service* setahun jadi tiga tahun Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua *target* kita ialah dalam *ratio dentist* sekarang ini kita 1:4,400 penduduk Malaysia, *target* kita ialah 1:1,500. Saya yakin kita akan dapat mencapai tahap ini pada masa terdekat Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkait dengan pakar pergigian di peringkat klinik pergigian negeri dan juga daerah. Adakah bilangan mereka mencukupi dan berkaitan dengan pakar pergigian ini juga, ialah perkhidmatan ortodontik. Di mana, kalau ambil contoh di Klinik Pergigian Kota Bharu, untuk mendapatkan perkhidmatan ortodontik memakan masa *waiting list* sehingga bertahun-tahun. Ini pengalaman saya sendiri ketika tahun 90an dan terkini adalah di peringkat anak-anak kita. Saya rasa masih lagi terpaksa berdepan dengan *waiting list* yang sangat lama dan kita tahu kos untuk rawatan ortodontik ini adalah beribu-ribu di klinik-klinik swasta. Mohon jawapan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pakar *dentist* ini sebenarnya dalam mulut kita ini Tuan Yang di-Pertua, dalam mulut, dalam ruang yang kecil ini ada sembilan jenis kepakaran dalam itu. Dia beza antara satu pakar kepada pakar yang lain *one or two milimeter* sahaja.

Setakat ini kita ada 322 *dentist specialist* Tuan Yang di-Pertua. Ini pun sudah memenuhi 95 peratus perjawatan yang ada. Jadi memang tidak mencukupi lah. Akan tetapi pada sementara waktu *we have to make do* Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang ada, kerana kita menunggulah kalau terdapat lagi perjawatan kita akan boleh isi dan boleh menepati atau mengurangkan *waiting time* yang berlaku sekarang ini. Ini keadaan sekaranglah, kita cuba sedaya upaya untuk hendak meningkatkan lagi.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, memang pakar- kalau ikut yang kita hendak cadang, akta pergigian yang kita cadang, tetapi *first reading* sudah buat, tetapi di tangguh kerana tidak cukup masa, mungkin pada sidang Parlimen yang akan datang. Kita juga memberi kebebasan kepada *dentist* yang ada pengalaman untuk buat kerja-kerja pakar, tetapi dia tidak boleh *claim* kata dia pakar. Oleh sebab dia punya pengalaman banyak, maka dia boleh buat kerja pakar, tetapi dia tidak boleh *claim* kata dia pakar, itu. Makna kita memberi kelonggaran sedikit jadi ramai doktor yang boleh menjalankan tugas-tugas ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan yang telah memberi penjelasan dan jawapan yang tepat dan bernas. Sekarang dipersilakan pula, Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim.

#### ■1140

9. **Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah punca sebenar masalah pengangguran yang kian meningkat sekarang ini; dan
- (b) benarkah tidak cukup peluang-peluang pekerjaan di negara ini untuk menampung jumlah pencari kerja yang kian meningkat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim atas soalan tentang pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman awal, penduduk negara kita ialah 32 juta. Bilangan tenaga kerja atau *workforce* negara kita 15.002 juta, bilangan ekspatriat adalah 144,675 dengan pekerja asing lebih kurang 1.7 juta dan pengangguran negara ialah 3.4 peratus. Masih dalam *full employment*, guna tenaga penuh, *alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia telah sekali lagi berdepan dengan krisis ekonomi dan kewangan apabila harga minyak dan komoditi dunia jatuh di samping diuji dengan nilai Ringgit yang terus rendah sehingga mencapai paras terendah berbanding Dolar Amerika. Dalam suasana ekonomi global yang kurang stabil dan tidak menentu ini telah mengakibatkan hasil negara turut berkurangan dan seterusnya telah memberi impak kepada ekonomi negara. Implikasi daripada situasi berkenaan, kadar pengangguran negara pada bulan September tahun 2017 ataupun tahun ini adalah pada kadar 3.4 peratus.

Manakala berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja sehingga 31 Oktober 2017, terdapat seramai 264,267 orang pencari kerja sedang mencari pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, 135,035 orang pencari kerja adalah tidak bekerja dan 129,232 orang pencari kerja telah bekerja tetapi ingin meningkatkan kerjaya mereka. Kementerian Sumber Manusia akan terus mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah pengangguran di negara ini.

Antara program yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu pencari kerja mendapat pekerjaan adalah melalui mekanisme Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Sehingga 31 Oktober 2017, Jabatan Tenaga Kerja telah melaksanakan pelbagai program 3P dan mencapai penempatan sebanyak 176,724 orang atau 98 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 180,000 pada tahun 2017.

Program 3P merangkumi karnival kerjaya pekerjaan, temu duga terbuka, penempatan melalui *client account*, kerjasama dengan agensi Program Penyesuaian Kerjaya dan penempatan melalui portal *JobsMalaysia*. Kesimpulannya, dengan penganjuran program-program yang giat dilaksanakan untuk membantu golongan penganggur mendapatkan pekerjaan adalah diharap isu pengangguran dapat diselesaikan.

Sementara itu, di antara faktor penyebab pengangguran dan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang siswazah itu dalam mencari kerja sukar untuk dapat pekerjaan, antaranya ialah:

- (i) kelulusan atau CGPA yang rendah menyebabkan majikan kurang berminat untuk menggaji calon-calon dalam kategori ini;
- (ii) ketidaksepadanan antara bidang pengajian sesetengah siswazah dengan keperluan dalam pasaran kerja;
- (iii) gagal menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia dengan baik atau kedua-duanya sekali;

- (iv) kegagalan siswazah mendapat maklumat tentang kekosongan jawatan berkaitan kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan dan kelayakan yang dimiliki;
- (v) sesetengah siswazah memilih untuk memohon kerja berdasarkan lokasi tertentu;
- (vi) sesetengah pencari kerja mempunyai kemahiran insani, *soft skill* yang rendah;
- (vii) *mismatch* antara bidang pengajian dengan kekosongan jawatan yang wujud;
- (viii) sesetengah siswazah dan pencari kerja terlalu berharap untuk bekerja dalam sektor awam;
- (ix) pekerja yang sedang mencari kerja untuk peningkatan karier juga dianggap dalam kategori menganggur;
- (x) sesetengah pekerja terlalu memilih pekerjaan; dan,
- (xi) saya kira Tuan Yang di-Pertua ada juga mungkin sebahagian pelajar, anak-anak kita yang tidak berminat untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, apakah benar tidak cukup peluang pekerjaan? Saya hendak tarik sedikit perhatian Yang Berhormat kepada dua senario. Pertama, bilangan pekerja asing di negara kita ini lebih kurang 1.7 juta dan kita ada 144,000 ekspatriat. Maknanya, hampir dua juta pekerja, ruang-ruang pekerjaan diisi oleh pekerja asing termasuk ekspatriat daripada lebih kurang 51 buah negara. Ekspatriat ini pendapatan yang RM5,000 ke atas lebih kurang.

Ini antara sebab mungkin. Jadi kenapa harus kita izinkan pekerja asing berada terus di negara kita sedangkan anak-anak kita tidak bekerja? Oleh sebab itulah kita kena lihat apakah faktornya termasuklah yang saya sebutkan tadi, anak-anak kita mungkin rasa terlalu selesa. Ibu ada menyediakan makanan setiap hari, maka tidak perlu mereka bekerja. Sedangkan orang lain mencangkul ataupun menikmati kekayaan di negara kita ini seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan peluang untuk menarik pekerja-pekerja tempatan dan juga anak-anak tempatan mencari dan mendapat pekerjaan di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dengan ledakan ekonomi digital dan kemajuan e-dagang, dijangka terdapat banyak jenis pekerjaan yang ada sekarang akan berkurangan ataupun luput. Maka, apakah usaha-usaha kerajaan mendepani cabaran ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kalau kita tengok betapa seriusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kita dalam menangani isu peluang-peluang pekerjaan dan anak-anak muda pada masa akan datang termasuklah TN50, 30 tahun akan datang.

Oleh sebab itulah dalam bajet baru-baru ini antaranya, kerajaan telah meluluskan pada tahun depan sebanyak RM4.9 bilion kalau tidak silap saya, untuk TVET, bagi peningkatan TVET ini. Pada 27 September yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengisytiharkan

penjenamaan semula TVET yang berada di negara kita ini dengan mengkolaborasikan tujuh kementerian yang diurus dan diselia oleh Kementerian Sumber Manusia.

Tujuannya untuk kita menyusun balik bagaimana supaya peluang peningkatan kemahiran ini diwujudkan, diberikan kepada anak-anak kita. Jadi kenapa harus seperti mana yang saya sebutkan tadi, lebih kurang 144,000 lebih ekspatriat di negara kita diizinkan untuk bekerja di negara kita, sedangkan kita boleh memberikan latihan termasuklah *upskilling*, meningkatkan kemahiran dan *reskilling*, memahirkan semula pekerja-pekerja negara kita ini dengan tujuan mereka boleh menghadapi ledakan teknologi moden termasuklah IT dan sebagainya.

Di antaranya seperti mana yang diuar-uarkan sekarang termasuklah program-program TN50 yang dianjurkan oleh berbagai-bagai pihak termasuk Kementerian Belia dan Sukan yang di pelopor utama oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri dan didorong utamakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita memastikan supaya menjelang 30 tahun akan datang, kalau ikut sebahagian kajian mengatakan mungkin 60 peratus daripada pekerjaan hari ini tidak ada lagi tetapi akan dapat diisi oleh anak-anak kita ini.

Antaranya peranan kementerian, kita mengadakan NOSS, maknanya *National Occupational Skills Standard* yang baru. Lebih kurang sembilan tidak silap saya, NOSS baru yang akan diwujudkan bagi tujuan mengambil alih ruang-ruang yang akan mungkin kosong kerana peningkatan teknologi moden, yang menyebabkan mungkin kerja ini tidak ada lagi.

Di samping itu, kelulusan akademik pencari kerja perlu bersifat proaktif bagi perubahan keperluan semua sektor dalam pasaran ekonomi negara. Para lepasan institusi kemahiran turut disarankan untuk melengkapkan diri dengan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh pasaran kerja semasa. Nilai tambah yang ada pada para lepasan institusi kemahiran adalah antara faktor yang penting dalam menentukan kebolehpasaran golongan ini dalam bidang pekerjaan dan secara tidak langsung akan dapat menangani isu pengangguran dan cabaran pekerjaan pada masa akan datang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Kalau tidak ada, sila.

**Datuk Sambathan A/L Manickam:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2017, berapa ramai kah pekerja kaum India yang gagal mendapat bantuan SOCSO selepas mereka terlibat dalam kemalangan tempat kerja mereka?

Soalan kedua, adakah pihak kementerian ada satu garis panduan dalam menyampaikan informasi perhubungan cara mendapatkan SOCSO kerana ada yang kurang faham? Sekian, terima kasih.

■1150

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, minta maaf Yang Berhormat Senator, soalan ini berkaitan dengan pengangguran dan peluang pekerjaan dan juga masa depan peluang pekerja. Sebenarnya soalan itu sepatutnya soalan pertama saya tadi, soalan nombor tiga.

Akan tetapi tidak apa Yang Berhormat. Oleh sebab saya tidak ada maklumat itu, saya akan beri jawapan secara bertulis berapa bilangannya dan apakah langkah-langkah yang boleh kita bantu bagi memastikan supaya pekerja-pekerja, tidak kira siapa mereka, bahkan dari segi pekerja asing pun

kita tidak boleh *discriminate* mereka ini. Ini termasuklah kaum India, Melayu, Cina, kaum Bumiputera yang lain dan juga siapa sahaja pekerja di negara kita ini. *Insyah-Allah* Yang Berhormat ya. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jadi, akhirnya kita ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang telah memberi jawapan panjang lebar dan tepat dan kita faham sebaik-baiknya. Terima kasih banyak dan saya hendak beralih kepada pertanyaan-pertanyaan lisan dan beralih kepada usul-usul pula. Dipersilakan, terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".  
**[12 Disember 2017]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Menteri Kerja Raya untuk menjawab. Dipersilakan.

**11.51 pg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seramai 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang melibatkan Kementerian Kerja Raya. Segala cadangan, pandangan dan teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon panduan daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya perlu memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang tidak hadir di Dewan ini? Adakah saya perlu memberi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang tidak berada di Dewan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, boleh kalau seorang Ahli bertulislah ya.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Bajet 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut memberi tumpuan dan penekanan terhadap fokus serta komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai projek pembinaan. Ini sebagaimana petunjang pertama iaitu merancang pelaburan, perdagangan dan industri

yang akan terus menekankan pelaburan berimpak tinggi dengan memacu sektor logistik seperti Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dan Projek Central Spine Road, dengan izin.

Begitu juga dengan petunjang keempat iaitu pemacu pembangunan inklusif bagi menyediakan infra rakyat yang berkualiti untuk manfaat semua wilayah atau *region* dan tidak tertentu kepada wilayah tertentu sahaja. Ia turut melibatkan pelaksanaan projek dan program infrastruktur awam yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Dalam Bajet 2018 ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40 bilion untuk tujuan perbelanjaan pembangunan negara secara keseluruhan.

Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kerja Raya bakal menerima peruntukan sebanyak RM3.76 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Manakala, di bawah perbelanjaan mengurus pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM234.25 bilion secara keseluruhan dan daripada jumlah itu sebanyak RM2.004 bilion bakal di terima oleh Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemulanya, saya ingin menjawab isu-isu berkaitan Jalan Persekutuan. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada, ada.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Oh, beliau berada di Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Beliau telah membangkitkan isu kolaborasi antara agensi kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang yang melibatkan sistem perparitan dan juga saliran. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa bekerjasama dan berkolaborasi dengan agensi-agensi lain bagi menangani isu banjir, khususnya melibatkan infrastruktur.

Di bawah Program Penyelenggaraan Jalan Persekutuan, Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan sistem perparitan, khususnya longkang jalan dan pemetung sentiasa berada dalam keadaan baik dan terurus. Ini memastikan sistem perparitan Jalan Persekutuan mampu menampung dan mengalirkan larian air permukaan jalan ataupun *surface water run-off*, dengan izin, semasa hujan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sikit, boleh?

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab pagi tadi tidak bagi bercakap. Saya hendak tanya, boleh tidak *you* bagi *guidelines*, mana satu di bawah bidang kuasa JKR, mana satu longkang dan parit di bawah bidang kuasa JPS, mana satu parit iaitu di bawah KPKT dan mana satu parit di bawah *local authority*? Ini disebabkan kadang-kadang bila saya tanya, "Oh, ini JPS", "Oh, ini KPKT". Habis mana JKR nya? Tanya JPS, "Oh, ini JKR". Oleh sebab saya hendak tahu *guidelines* nya, sebab kita tidak tahu. Kadang-kadang ini saya pun bagi pihak orang kampung ini, rakyat tanya saya, ini longkang mana? Saya tidak tahu. Ini longkang bawah JPS kah, bawah JKR kah atau bawah KPKT. Boleh *guide* saya ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab persoalan ini, Yang Berhormat. Sebenarnya, untuk pengetahuan Yang Berhormat, saliran dan juga perparitan yang melibatkan Jalan

Persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Ia bergantung pada jenis jalan itu, Yang Berhormat ya.

Kalau ia jalan negeri dan ia di bawah kerajaan negeri yang diselenggarakan oleh JKR kawasan tersebut. Begitu juga kepada kawasan PBT Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat, ini tidak menjadi permasalahan. Sebenarnya, agensi-agensi termasuklah di antara JKR Pusat dan juga JKR negeri, kita saling memberikan kerjasama yang baik. Kalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai permasalahan ini, mintalah Yang Berhormat kalau boleh rujuk terus kepada kementerian ataupun di JKR daerah berkenaan Yang Berhormat, seperti yang dikatakan Yang Berhormat ini, apa Yang Berhormat bangkitkan tadi mungkin di daerah Jajahan Rantau Panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya sambung. Penyelenggaraan sistem perparitan iaitu kerja-kerja mencuci longkang dan pembetung dilaksanakan secara rutin oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan dengan tempoh kekerapan sebanyak dua kali setahun. Ini adalah untuk Jalan-jalan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua. Ingin juga dimaklumkan bagi program pembaikan Jalan Persekutuan yang rosak akibat bencana banjir, jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian Kerja Raya bagi tempoh tahun 2015 sehingga tahun 2017 untuk jajahan, minta maaf, bukan Rantau Panjang ya tetapi Pasir Mas, termasuklah di Rantau Panjang ialah sebanyak RM6.7 juta iaitu melibatkan lima lokasi pembaikan.

Jalan Persekutuan yang terlibat termasuklah laluan FT003 Jalan Kota Bharu ke Pasir Mas, terus ke Rantau Panjang sebanyak tiga lokasi. Laluan FT260 Jalan Pasir Mas ke Pohon Tanjung sebanyak satu lokasi dan FT129 Jalan Pasir Mas ke Tanah Merah sebanyak satu lokasi. Bagi kerja pembaikan tahun 2015 dan tahun 2016, pihak JKR melalui JKR Jajahan Pasir Mas, Kelantan telah membuat pemantauan sepenuhnya di lokasi yang telah dikenal pasti iaitu melibatkan kawasan rendah dan berisiko banjir. Manakala bagi kerja pembaikan tahun 2017 iaitu di FT003, kerja ini juga telah siap sepenuhnya di tapak iaitu pada bulan Oktober 2017 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada pembaikan Jalan Persekutuan di bawah program banjir, Kementerian Kerja Raya juga telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM2.4 juta pada tahun ini iaitu 2017 untuk penyelenggaraan secara berkala bagi skop *pavement* dan bukan *pavement* bagi Jalan Persekutuan di dalam Parlimen Rantau Panjang iaitu di laluan FT003, FT196 dan FT484.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin mengutarakan cadangan supaya kerajaan menaik taraf Jalan Kuala Terengganu ke Kota Bharu mulai Sungai Tong dan Jalan Pantai dari Kuala Nerus ke Besut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sememangnya memberi keutamaan tinggi untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur di negeri Terengganu.

#### ■1200

Sehubungan itu selari dengan Pelan Induk Rangkaian Jalan atau HNDR, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf Jalan Pantai dari Kuala Nerus ke Besut. Walau bagaimanapun, cadangan menaik taraf laluan tersebut baru diterima dari pihak kerajaan negeri pada tahun 2017. Oleh yang demikian, cadangan ini akan dipertimbangkan dalam permohonan *Rolling Plan* yang akan datang sekiranya tersenarai dalam projek keutamaan negeri serta memenuhi keperluan teknikal untuk di naik taraf. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohammad bin Mustafa telah membangkitkan status projek *Central Spine Road* atau projek lebuh raya yang menghubungkan Kelantan dengan Kuala Lumpur melalui negeri Pahang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua projek mega yang kini sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui laluan yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang ialah Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, dan projek *Central Spine Road* yang merupakan satu jajaran jalan raya dari Kota Bharu, Kelantan hingga ke Simpang Pelangai, Pahang dengan jumlah ataupun jarak keseluruhan 411.36 kilometer.

Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan projek lebuh raya dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 61.36 kilometer secara berperingkat bermula daripada Rancangan Malaysia yang Kesepuluh selaras dengan keperluan trafik semasa, pelaksanaan projek ini telah dimulakan dengan tiga kontrak pembinaan sepanjang 20.05 kilometer dari Pasir Ho ke Kok Lanas dan dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2020. Sebanyak RM85 juta telah diperuntukkan bagi tiga pakej kontrak bagi tahun 2018. Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej yang lain dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia yang Kesebelas tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan juga telah memberi komitmen untuk melaksanakan projek *Central Spine Road* atau CSR dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350 kilometer. Yang tadi 61.38 kilometer dan ini 350 kilometer. Pelaksanaan projek CSR di negeri Pahang telah dimulakan secara berperingkat sejak tahun 2009. Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 2018, jajaran sepanjang 123.8 kilometer telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu dari Mentara ke Kampung Relung, *Kuala Lipis-Raub bypass* ke *Bentong bypass*.

Kedua-dua jajaran ini diberi keutamaan untuk pelaksanaan atas faktor keselamatan dan juga kesesakan lalu lintas. Bagi pelaksanaan projek CSR di negeri Kelantan, sepanjang 16.5 kilometer telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu dari jajaran kilometer 180.5 FT08 Gua Musang ke Mentara. Pembinaan bagi jajaran tersebut dijangka mula pada awal tahun 2018.

Sebanyak RM340 juta telah diperuntukkan pada tahun 2018 untuk pelaksanaan projek CSR iaitu RM110 juta bagi pelaksanaan projek baru dan RM230 juta untuk projek sambungan. Sehingga kini empat seksyen projek sepanjang 41.35 kilometer telah siap pembinaannya iaitu dari Kampung Kubang Rusa ke Kampung Seberang Jelai, Pahang manakala lima seksyen sepanjang 48.3 kilometer pula sedang dalam pembinaan iaitu dari Mentara ke Kampung Kubang Rusa, Kampung Asap ke Kampung Sertik dan *Bentong bypass* Pahang.

Manakala dua seksyen sepanjang 26.5 kilometer kini dalam peringkat perolehan iaitu dari Bulatan Gua Musang ke Mentara, Kelantan dan Kampung Orang Asli Sungai Candan ke Kampung Asap, Pahang. Seterusnya tiga seksyen sepanjang 24.15 kilometer sedang dalam peringkat perancangan tender dan dijangka mula pembinaan pada awal tahun 2018 iaitu jajaran *Raub bypass* Pahang, Kampung Seberang Jelai ke Kampung Relung, Pahang dan kilometer 180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang, Kelantan.



Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej lain di bawah projek CSR dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia yang Kesebelas, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh agensi pusat. Oleh yang demikian, hasrat Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa untuk melihat satu jaringan jalan persekutuan dengan taraf ataupun spesifikasi lebuhraya wujud di negeri Kelantan akan tercapai tidak lama lagi. Tambahan pula ianya tanpa tol Tuan Yang di-Pertua. Ini juga membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Barisan Nasional tidak menganak tirikan negeri Kelantan walaupun bukan diperintah oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias memohon supaya jajaran Lebuhraya Pan-Borneo yang bebas tol ini juga akan memasukkan sama jalan Kuala Penyu dan Menumbok yang menjadi laluan utama ke Wilayah Persekutuan Labuan. Yang Berhormat Senator ada Dewan ya. Oh ya, minta maaf Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini sebagai kesinambungan cadangan projek jambatan ya yang menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasa 1 Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 kilometer adalah melibatkan 35 pakej kerja. Namun demikian buat masa ini Yang Berhormat, jalan yang menghubungkan kawasan Kuala Penyu ke Menumbok tidak tersenarai setelah kajian awal mendapati tiada keperluan untuk menaik taraf jalan tersebut buat masa ini.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kawasan Kuala Penyu dan Menumbok boleh dihubungi melalui jalan sedia ada ke jajaran Lebuhraya Pan-Borneo di kawasan Beaufort. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman membangkitkan isu supaya dapat diselesaikan masalah-masalah kompensasi ataupun pampasan tanah-tanah yang terlibat dan projek Lebuhraya Pan-Borneo secepat yang mungkin kerana telah kedengaran rungutan dan rintihan mereka-mereka yang terlibat terutama yang melibatkan rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengambilan tanah dan juga penilaian pampasan tanah bagi projek Lebuhraya Pan-Borneo dibuat oleh kerajaan negeri Sabah dan Sarawak menerusi Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Proses tersebut dilaksanakan berdasarkan kepada pelan pengambilan balik tanah atau *land acquisition plan* atau lebih dikenali sebagai LAP seiring dengan keperluan semasa, proses pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo.

Kementerian Kerja Raya akur kepada mekanisme dan juga prinsip pembayaran pampasan bagi tanah-tanah yang terlibat yang dibuat berdasarkan undang-undang Tanah Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini Kementerian Kerja Raya bekerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak pelaksana projek atau *project delivery partner* atau dikenali sebagai PDP yang dilantik bagi memastikan proses pengambilan balik tanah dilaksanakan dengan segera berdasarkan status tanah dan nilai harga tanah di pasaran yang meliputi semua komponen di atas tanah termasuk tanah serta pembangunan di atas tanah.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh dan Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin telah membangkitkan isu kesesakan dan pelaksanaan projek naik taraf jalan dari Tol Ayer Keroh ke Bandar Hilir Melaka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka iaitu fasa 1 persimpangan Peringgit dan persimpangan MITC telah dimulakan pembinaan pada 17 Mac 2014. Tarikh siap semasa projek ini adalah pada 5 Jun 2018. Walau bagaimanapun, disebabkan kelewatan kerja-kerja pengalihan utiliti, projek tersebut dijadualkan siap pada bulan Disember tahun 2018.

Skop projek ini adalah pembinaan jejambat 2A sepanjang 252 meter iaitu pusat bandar ke Ayer Keroh dan jejambat 2B sepanjang 303 meter iaitu pusat bandar ke Batu Berendam Peringgit. Selain daripada pembinaan dua jejantas pejalan kaki di Peringgit dan pembinaan jejambat struktur *segmental box* 640 meter di MITC.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan yang terlibat semasa pelaksanaan projek ini adalah sebahagian Jalan Mufti Haji Khalil iaitu FT142 di hadapan Hospital Besar Melaka yang mana di pecahkan kepada Lebuhraya Ayer Keroh FT143 dan Jalan Batu Berendam FT142 di persimpangan lampu isyarat SIRIM. Kedua, kawasan perindustrian Ayer Keroh *chainage* 8,000 sehingga ke Dataran Ayer Keroh dan persimpangan Jalan Ayer Keroh lama yang ketiga, simpang MITC dengan jalan-jalan yang membawa kepada jalan MITC dan Seri Negeri.

Sehingga 20 November 2017, kemajuan fizikal projek adalah 61.5 peratus pihak JKR mengambil maklum mengenai kesesakan yang berlaku dan memastikan pihak kontraktor melaksanakan *Traffic Management Plan* ataupun TNP, dengan izin, bagi menyuraukan trafik sebagaimana dimeterai di bawah kontrak.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip telah membangkitkan status cadangan pelebaran jalan Segamat-Tangkak fasa atau pakej 1A. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina jalan baru pakej 4 Tangkak ke Segamat adalah termasuk di dalam projek menaik taraf jalan Muar ke Tangkak ke Segamat fasa satu yang terdiri daripada pakej 1A, 1B, 2,3,4,5 dan 6 bagi pakej 1B dan 2 yang telah siap di naik taraf ke jalan berkembar empat lorong. Bagi pakej 3 dan 5 kini berada di dalam status pembinaan. Bagi pakej 1A permohonan pelaksanaan projek telah dibuat melalui *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, ia tidak mendapat kelulusan agensi pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini bersedia untuk menyenaraikan semula projek ini di dalam pelaksanaan *Rolling Plan* yang akan datang sekiranya projek ini tersenarai dalam projek keutamaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Sri Khairudin Samad beliau tidak berada di Dewan dan *insya-Allah* saya akan memberikan beliau jawapan secara bertulis.

Saya ingin beralih kepada isu berkaitan pengurusan lebuhraya bertol. Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun menyentuh berkenaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang tidak mampu lagi menampung lalu lintas dan mencadangkan sama ada lebuhraya Karak yang sedia ada di tambah lagi lorong atau di naik taraf ataupun mengadakan satu lebuhraya baru daripada Kuala Lumpur ke Genting Sempah untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan dan juga syarikat konsesi lebuhraya tidak mempunyai perancangan untuk menambahkan lagi lorong atau di naik taraf lebuhraya ini. Namun demikian sebagai langkah jangka panjang Yang Berhormat, kerajaan sememangnya mempunyai rancangan bagi mengurangkan tumpuan pengguna jalan raya dari Pantai Timur ke Selatan Semenanjung dan sebaliknya daripada menggunakan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ini dengan perancangan pelaksanaan Projek *Central Spine Road* pakej 6 iaitu dari Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang. Sebagaimana telah saya jelaskan awal tadi. Diharap ianya kelak dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin berhubung dengan kesesakan yang berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak terutama semasa musim cuti perayaan dan cuti-cuti panjang yang ada di negara kita. Kesesakan yang berlaku ini adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan kenderaan yang berlipat kali ganda berbanding dengan hari biasa pada tempoh masa yang hampir serentak, Tuan Yang di-Pertua. Tambahan pula hanya Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak merupakan lebuhraya yang menjadi laluan dan penghubung di antara negeri-negeri Pantai Timur dengan Kuala Lumpur. Kadar purata trafik harian adalah berjumlah 96,663 sehari berbanding sejumlah 185,579 sehari trafik yang dicatatkan pada musim perayaan Aidilfitri pada tahun ini sahaja Yang Berhormat di mana berlaku 69 peratus jumlah kenaikan trafik semasa perayaan tersebut...

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** So saya memohon daripada Menteri untuk memberi penjelasan itu memandangkan CSR daripada Bentong ke Pelangai, di mana ia akan berhenti di Pelangai. Di mana mereka yang balik ke Kuala Lumpur itu diakan gunakan Lebuhraya Karak. Jadi pandangan saya ialah CSR itu dia tidak akan menangani isu kesesakan lalu lintas pada Lebuhraya Karak. Sekian.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Yang Berhormat itu sebagai *option* untuk meleraikan trafik di kawasan tersebut Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ya ianya 100 peratus tidak akan dapat menyelesaikan masalah tersebut tetapi kita ada lagi opsyen yang lain termasuklah Jalan Persekutuan FT068 yang boleh digunakan Yang Berhormat.

Selain daripada itu Yang Berhormat saya juga ingin berkongsi di Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, mengenai perancangan ataupun langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi melancarkan aliran trafik di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ini. Melalui agensi kita iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia atau LLM kita telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi meminimumkan lagi Tuan Yang di-Pertua kesan peningkatan trafik yang berlaku.

Antara langkah-langkah tersebut termasuklah menggalakkan pengguna kita untuk membuat perancangan perjalanan melalui nasihat waktu perjalanan ataupun *travel time advisory*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan tumpuan perjalanan serentak para pengguna. Itu yang kita lakukan dari semasa ke sesama selain daripada mengaktifkan pelaksanaan laluan kontra di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti bagi pengaliran trafik yang lebih lancar terutamanya di kawasan

mendaki. Ketiga, kita juga telah menambah bilangan petugas serta bantuan anggota RELA di plaza tol serta hentian rehat bagi membantu mengawal aliran trafik keluar dan masuk agar lebih lancar.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui LLM juga telah meminta pihak konsesi menyediakan tempat letak kereta serta tandas tambahan di lokasi hentian rehat yang terpilih bagi menampung tumpuan pengguna. Selain daripada itu, kita juga membuka lebih banyak lorong transaksi termasuklah pelaksanaan kutipan tol secara berlapis ataupun *Multiple Transactional Lane* (MTL) dengan izin, di plaza tol.

#### ■1220

Selain daripada itu juga, langkah keenam, kita juga memastikan pasukan ronda serta kren kembali dalam keadaan siap siaga, sentiasa berada dalam keadaan siap siaga ataupun *standby* di lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan untuk bantuan kecemasan dan juga kerja pengalihan kemalangan.

Dan sudah tentu kita sentiasa bekerjasama dengan pelbagai saluran radio dan televisyen, pihak media televisyen utama bagi tujuan penyaluran maklumat keadaan trafik semasa untuk kemudahan perancangan perjalanan oleh para pengguna.

Selain daripada itu juga, penyampaian maklumat semasa trafik melalui laman sesawang media sosial dan juga aplikasi LLM Trafik juga dilakukan bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat daripada semasa ke semasa.

Saya ingin juga menarik perhatian Yang Berhormat bahawa masalah kesesakan ini kita akur tidak akan dapat diselesaikan semata-mata menerusi langkah proaktif dan juga...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, minta mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, biar dia habis dulu.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Saya habiskan dulu, Yang Berhormat. Nanti saya akan merujuk kembali kepada Yang Berhormat ya.

Langkah-langkah proaktif dan inisiatif yang dinyatakan tadi ataupun projek menaik taraf lebuh raya sedia ada. Sebaliknya, kerajaan pada ketika ini juga sedang memperkembangkan sistem pengangkutan awam baru iaitu perancangan pembinaan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur atau *East-Coast Rail Link* (ECRL) yang selari dengan jajaran Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak iaitu dari Gombak ke Bentong dan ini juga diharapkan dapat mengurangkan tumpuan lalu lintas di lebuh raya sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Minta maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum daripada itu, saya bagi pihak rakan-rakan Ahli Dewan Negara, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kemajuan Masyarakat India Manjung, Perak ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Selamat datang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, tadi Yang Berhormat Menteri cari saya tapi kebetulan saya ada di luar. Saya ada di luar ini kerana nak memperjuangkan nasib Ahli-ahli Dewan Negara. Kami ini, Tuan Yang di-Pertua, kita selalu meminta supaya diberi penghormatan kepada Dewan Negara, kita perkasakan sebab ini Dewan *is a Upper House*, dengan izin. Dewan yang mulia

ini, Ahli-ahli Dewan Negara ini sepatutnya diberi pengiktirafan lebih baik daripada Dewan Rakyat sepatutnya. Lantikan Yang di-Pertuan Agong, lantikan Dewan Undangan Negeri. Akan tetapi selalunya bila kita ada RUU ini, kita dianaktirikan. Dewan Rakyat dapat taklimat tetapi Dewan Negara tak dapat. Jadi saya *dok* tunggu Menteri keluar, tangkap. Jadi macam polis pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mencelah ini untuk Kementerian Kerja Raya...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tak, saya nak tanya itu tetapi saya nak maklum.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Atau memperjuangkan Majlis Senator?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Bukan, bukan. Bukan Majlis Senator ini, termasuk rakan-rakan daripada bukan Majlis Senator. Saya memperjuangkan Dewan Negara. Saya minta kerjasama daripada Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita maklum kepada kementerian-kementerian, kalau nak bagi- kita pun nak bahas RUU. Kita pun nak tahu apa yang hendak dibahaskan. Jadi saya tadi, menteri cari saya. Sebenarnya saya ada di luar kerana *dok* mengatur ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebab dalam perbahasan saya itu ada saya sebut pasal *pothole*, *manhole* yang ada di tengah jalan yang dibaiki tapi masih berlubang. Itu yang punca kemalangan di mana kereta cuba mengelak, motosikal cuba mengelak. Jadi dengan sebab itu berlaku kemalangan, kebanyakannya.

Satu lagi yang saya terlupa nak sebut pada ketika itu ialah bila air bertakung, kalau hujan-kerana jalan ini dibangunkan, dia *flat* macam seolah-olah *court tennis*. Bila *flat*, air hujan bertakung dan parit yang dibina di tepi-tepi jalan itu agak kecil. Kalau zaman dahulu, jalan itu dia melengkung. Jadi bila hujan, dia terus turun ke tepi. Jalan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, jalan itu *flat* dan lebar pula itu. Jadi, air bertakung. Kita masuk dalam air itu sahaja kalau kita *apply break*, dengan izin, *you apply break*, sudah tentu dia macam *vacuum*. Dia akan lambungkan kereta, *you* akan *skit* dan berlaku kemalangan. Itu kita lihat waktu hujan, kemalangan berlaku cukup banyak dengan sebab air bertakung ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sikit sahaja. Satu soalan sahaja kepada pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan dengan Majlis Senator kah apa?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tak, tak. Berhubung dengan jalan raya. Saya nak tanya kepada pihak kementerian.

Ada tak penyelarasan dibuat di antara pihak kementerian dengan PLUS ataupun pengusaha lebuhraya berkaitan dengan jadual penyelenggaraan berkala? Ini kerana sekarang saya lihat walaupun cuti sekolah tetapi berlaku penyelenggaraan ini tak ikut masa lagi dah. Maknanya bila waktu puncak, waktu banyak kita menggunakan lebuhraya, pembaikan jalan ini berlaku serentak dan ini mengakibatkan kesesakan lalu lintas ini berlaku dalam tempoh yang panjang dan orang kata jaraknya juga panjang.

Jadi ada tak berlaku penyelarasan di antara pihak kementerian dengan PLUS, maknanya bila waktu-waktu yang cuti sekolah sebagainya, berhentikan dahulu penyelenggaraan dan selesai daripada

itu, baru disemulakan? Kalau tidak, panjang, Tuan Yang di-Pertua, sebab kadang makan masa empat ke lima jam nak sampai ke Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad terlebih dahulu ya. Beliau telah membangkitkan isu mengenai pengorekan jalan bagi tujuan kerja utiliti ataupun isu *manhole* di tengah jalan. Betul ya?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja pengorekan jalan bagi kerja-kerja pemasangan utiliti seperti kerja pemasangan kabel elektrik, pemasangan kabel telekomunikasi dan juga pemasangan saluran paip adalah dilaksanakan oleh syarikat utiliti yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kerja-kerja pemasangan atau pembaikan utiliti dimulakan, syarikat utiliti perlu mendapatkan permit kelulusan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk jalan persekutuan dan jalan negeri manakala pihak berkuasa tempatan bagi jalan perbandaran, Yang Berhormat.

Di samping itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) juga telah mengeluarkan satu prosedur terkini berkenaan permohonan syarikat utiliti kepada JKR yang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2017 ini. Di dalam prosedur tersebut, syarikat utiliti perlu melantik kontraktor kerja sivil yang bertauliah untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan *pavement* seperti penurapan jalan sebagai salah satu langkah untuk mengawal kualiti pembaikan *pavement* mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Syarikat utiliti melalui kontraktor kerja sivil yang telah dilantik itu perlu juga menyediakan *traffic management plan* (TMP) di sepanjang pelaksanaan kerja-kerja pembaikan *pavement* untuk mengawal trafik sedia ada yang melalui kawasan pembaikan sebagai langkah bagi mengurangkan risiko berlaku kemalangan di kawasan yang terlibat.

Mengenai isu kedudukan *manhole* yang berada di laluan jalan atau berada di kedudukan tengah jalan, perkara ini berlaku selepas pelebaran jalan dilaksanakan. Terdapat beberapa sebab mengapa utiliti ini dikekalkan pada jajaran asal selepas kerja pelebaran jalan dilaksanakan adalah kerana kerja-kerja pengalihan utiliti ini memerlukan kos yang tinggi. Jika dilaksanakan secara berasingan daripada rizab jalan, ia melibatkan cadangan pengambilan tanah dan ini tentunya akan meningkatkan lagi kos projek.

Walau bagaimanapun, JKR sentiasa memantau dan memastikan *manhole* dalam keadaan yang baik iaitu dengan memastikan kedudukan *manhole* sentiasa sama aras dengan aras jalan. Jikalau terdapat mana-mana *manhole* yang rosak atau kedudukan *manhole* yang tidak sama dengan aras jalan iaitu sama ada kedudukan *manhole* yang lebih rendah atau lebih tinggi daripada aras jalan, JKR akan mengarahkan syarikat utiliti untuk membaikinya dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekiranya syarikat utiliti enggan atau gagal mengambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan, JKR akan melantik pihak ketiga atau *third party* untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan seterusnya menuntut bayaran kos pembaikan tersebut daripada syarikat utiliti yang berkenaan melalui pemotongan daripada bon pelaksanaan projek.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih ke isu seterusnya, saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencelah lagi?.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang saya maksudkan ini, syarikat utiliti ini dia tidak ada kemahiran dari segi pembuatan jalan. Dia punya kerja tanam paip atau elektrik tetapi bila nak tampil balik, saya cadangkan supaya JKR bagi kontrak ini kepada kontraktor yang buat jalan. Saya bertanya kepada PBT, kenapa jalan- saya bagi contoh jalan di rumah saya.

Sudah setahun, dua tahun sudah, masih lagi macam itu. Kita bayangkan IWK ini, IWK punya manual itu tengah-tengah jalan, apabila dia korek buat baru dan sebagainya, sampai hari ini air mengalir keluar daripada *main road* IWK itu, amat jijik sekali. Kita nak lalu jalan itu, yang itu maksud saya. Kalau boleh diserahkan kepada kontraktor yang diiktiraf oleh Jabatan Kerja Raya untuk membuat kerja-kerja jalan daripada kita serah kepada syarikat utiliti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya pun setuju. Banyak jalan yang dibuat, yang dikorek untuk paip semua dia tidak buat baik-baik. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Okey. Yang Berhormat, seperti yang saya jawab tadi Yang Berhormat ya, bermula daripada 1 Januari 2017, pihak kementerian melalui JKR telah mengeluarkan satu prosedur di mana permohonan daripada syarikat utiliti, mereka ini perlu melantik kontraktor kerja sivil.

So mereka bukan saja kontraktor untuk kerja-kerja utiliti, tetapi mereka perlu melantik kontraktor asing bagi kerja-kerja sivil yang bertauliah untuk mengendalikan kerja-kerja *pavement* seperti penurapan jalan dan juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat awal tadi, mengenai masalah-masalah yang timbul selepas sahaja pengalihan utiliti. Itu yang kita bermula daripada 1 Januari, kita mestikan syarikat utiliti untuk melantik kontraktor sivil untuk melaksanakan kerja-kerja ini Yang Berhormat ya.

Sebelum saya beralih kepada isu seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah telah menimbulkan isu mengenai- ini bukan dalam perbahasan tetapi beliau baru timbulkan sebentar tadi mengenai kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan. Selalunya Yang Berhormat, memang kita ada wujud komunikasi di antara pihak LLM dan juga syarikat konsesi. Itu memang dalam kita punya SOP Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, kerja-kerja penyelenggaraan akan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan Yang Berhormat ya. Saya faham Yang Berhormat telah sampaikan tadi, kadang-kadang kerja ini mengambil masa yang begitu panjang. Cuma Yang Berhormat ya, kerja-kerja tersebut kita perlu lakukan. Oleh daripada itulah kadang-kadang ia memakan masa yang panjang. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, selalunya kita tidak akan membenarkan penutupan lorong dilakukan pada hari-hari cuti Sabtu, Ahad dan juga cuti umum. Ini untuk mengelak kesesakan berlaku semasa kerja-kerja pembaikan dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya beralih kepada isu yang lain Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin membangkitkan isu berkenaan dengan cadangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT3) dan juga kualiti Lebuhraya LPT2 dan juga mengenai isu ternakan yang memasuki LPT 2 dan isu lampu jalan selepas Plaza Tol LPT 2.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 sepanjang 174 kilometer telah dibuka pada tahun 2004 bagi menghubungkan Karak ke Kuantan. Manakala Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 kilometer telah dibuka sepenuhnya pada 31 Januari 2015 bagi menghubungkan Jabor, Pahang ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu. Atas kesinambungan itu, kerajaan telah menyiapkan kajian kemungkinan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) pada tahun 2009 di mana ia telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan terlibat iaitu dari Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer dengan reka bentuk jalan berdasarkan standard R6 dan mempunyai empat lorong dua hala. Jajaran ini akan melalui tiga daerah di Terengganu, maafkan saya iaitu Kuala Terengganu, Setiu dan Besut. Manakala di Kelantan pula, jajaran ini akan melalui lima jajaran iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan juga Tumpat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan sama ada kerajaan akan melaksanakan projek LPT3 ini adalah merupakan perkara dasar di mana ia kini sedang diperhalusi dan dipertimbangkan oleh pihak agensi pusat. Antara faktor-faktor yang diberi perhatian ialah melibatkan kos projek, kaedah pelaksanaan dan impak sosial terhadap ekonomi negeri dan negara secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu kualiti jalan dan isu ternakan memasuki LPT2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 atau LPT2 sepanjang 184 km bermula daripada Jabor hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu pada tahun 2006 telah siap secara berperingkat di mana keseluruhannya dibuka kepada trafik sepenuhnya pada 31 Januari 2015. Lanjutan daripada itu, LPT2 telah mula diswastakan dan pelaksanaan kutipan tol telah berkuat kuasa pada 15 Julai 2016 di mana segala aspek pentadbiran, operasi dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi LPT2 Sdn. Bhd. sepenuhnya.

Berkaitan dengan itu, bermula pada 15 Julai 2016, pihak LPT2 Sdn. Bhd. telah melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan seperti mana yang telah termaktub di dalam perjanjian konsesi. Pihak LPT2 Sdn. Bhd. telah mengambil langkah proaktif dalam usaha untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan setiap aset lebuhraya LPT2 terutamanya melibatkan permukaan lebuhraya yang beralun.

Lanjutan daripada itu, berdasarkan kepada status pembaikan jalan di sepanjang jajaran LPT2 bermula dari tarikh penswastakan LPT2 sehingga kini, sebanyak 27 lokasi permukaan lebuhraya yang melibatkan jarak sepanjang 59,000 meter telah dibaik pulih. Berkaitan dengan itu, keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya merupakan aspek yang paling diutamakan di lebuhraya. Justeru, pemantauan secara berterusan akan dilaksanakan bersama-sama dengan agensi yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada status pembaikan *pavement* lebuhraya LPT2 melibatkan lokasi-lokasi antara kilometer 285 hingga kilometer 330, kedua-dua arah sehingga kini telah melibatkan pembaikan sebanyak 28,000 meter jajaran *pavement* yang rosak dan bermasalah telah di baik pulih. Pihak LPT2 Sdn. Berhad, juga kini sedang giat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan permukaan lebuhraya di mana terdapat empat lokasi pembaikan yang akan dilakukan sehingga penghujung tahun 2017 yang melibatkan lokasi seperti berikut:



- (i) kilometer 341.40 hingga 351.60 kedua-dua arah;
- (ii) kilometer 383 hingga 385.86 ke arah utara;
- (iii) kilometer 393.85 ke 392.40 arah selatan; dan
- (iv) kilometer 394 hingga kilometer 396 kedua-dua arah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LLM bersama syarikat konsesi iaitu LPT2 Sdn. Bhd. telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk memastikan ciri-ciri keselamatan pengguna di sepanjang lebuh raya diutamakan iaitu:

- (i) menambah baik permukaan lebuh raya dengan menggunakan teknologi *microsurfacing* dengan izin, bagi meningkatkan tahap geseran pada permukaan jalan raya;
- (ii) mengenal pasti dan membuat turapan semula terhadap beberapa lokasi permukaan lebuh raya yang di dapati beralun.

■1240

- (iii) menambah baik permukaan jalan raya dengan menggunakan teknologi *calcined bauxite* berfungsi sebagai anti geseran terutama di lokasi selekoh;
- (iv) mengecat semula garisan jalan yang telah pudar bagi tujuan meningkatkan kualiti pemanduan terutamanya pada waktu malam dan waktu hujan;
- (v) pemasangan papan tanda amaran atau *chevron*, dengan izin;
- (vi) pemasangan *yellow red travers bar*, dengan izin, di jalan susuran masuk ataupun keluar persimpangan;
- (vii) pemasangan pelekat pantulan cahaya di struktur rel adang dan juga *parapet* jambatan; dan
- (viii) pemasangan *alert bar marking* bagi tujuan memperlahankan had laju kenderaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya LPT2 juga telah mengambil kira ciri-ciri mesra alam sekitar dan juga hidupan liar di kawasan sekitar di mana reka bentuk struktur jambatan dan struktur terangkat ataupun *elevated structure*, dengan izin, serta terowong kenderaan VBC yang telah dibina di sepanjang LPT2 boleh dilalui oleh haiwan ternakan dan juga hidupan liar untuk menyeberangi lebuh raya. Jumlah bilangan jambatan *elevated structure*, dengan izin, dan VBC di sepanjang LPT2 adalah seperti berikut:

- (i) struktur jambatan sebanyak 88 jambatan;
- (ii) struktur terangkat ataupun 21 *elevated structure*; dan
- (iii) terowong kenderaan sebanyak 81 lokasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di sepanjang jajaran rizab Lebuhraya LPT2 juga dilengkapi dengan pemasangan pagar atau *chain link*, dengan izin, di mana usaha ini bagi memastikan semua haiwan dan hidupan liar tidak boleh memasuki rizab lebuh raya dan mengakibatkan kemalangan. Antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti terhadap pencerobohan haiwan ternakan dan hidupan liar ke dalam rizab lebuh raya adalah seperti berikut:

- (i) pagar rizab lebuhraya atau ROW *fencing*, sering dirosakkan dan dipotong oleh individu yang tidak bertanggungjawab;
- (ii) pemotongan pagar oleh penduduk setempat dan pemilik kebun di sepanjang lebuhraya bagi akses haram;
- (iii) pemotongan pagar oleh pencuri buah kelapa sawit di ladang-ladang sawit berdekatan dengan LPT2; dan
- (iv) pembukaan ladang-ladang baru di sekitar lebuhraya di mana ini mungkin menjejaskan habitat-habitat hidupan liar sedia ada di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahi Yang Berhormat, pihak LLM bersama dengan syarikat konsesi Lebuhraya LPT2 telah mengambil langkah-langkah mitigasi sepanjang jajaran LPT2 bagi menangani perkara ini daripada terus berlaku. Langkah-langkah kawalan bagi mengatasi isu ini adalah seperti berikut:

- (i) membina dan memasang jajaran lapisan kedua agar ROW *double layer fencing*, dengan izin, di lokasi-lokasi kerap berlaku pencerobohan;
- (ii) memasang gegelung dawai berduri atau *barb wire*, dengan izin, di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi haiwan liar dan juga haiwan ternakan;
- (iii) membina parit tanah atau *trenching*, dengan izin, di lokasi-lokasi kerap berlaku pencerobohan;
- (iv) memasang asas konkrit atau *concrete plinth* pada pagar ROW lebuhraya di lokasi-lokasi kerap dicerobohi haiwan;
- (v) membaiki pulih dan membaiki segera pagar rizab lebuhraya yang telah rosak;
- (vi) memasang papan tanda amaran hidupan liar melintas di lokasi-lokasi kerap dicerobohi haiwan liar;
- (vii) meningkatkan kekerapan rondaan di sepanjang lebuhraya oleh peronda bagi memantau aktiviti-aktiviti pemotongan pagar di sepanjang lebuhraya; dan
- (viii) bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Perhilitan, Jabatan Veterinar, pihak berkuasa tempatan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melakukan operasi bersepadu menangkap haiwan ternakan yang menceroboh dalam kawasan rizab Lebuhraya LPT2.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung ketiadaan lampu jalan di persimpangan Dungun dan Durian Mentangau selepas plaza tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan ke Kampung Serdang iaitu jalan ke Kuala Dungun dan Durian Mentangau adalah berstatus jalan negeri iaitu T118 iaitu terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Terengganu. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri untuk tindakan kerajaan negeri melalui peruntukan MARRIS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip. Adakah beliau berada di Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jikalau dia orang masuk, Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab.

**Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Saya faham Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi secara bertulis.

**Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Ya. Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Beliau berada di Dewan pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sentiasa ada.

**Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** *Alhamdulillah*. Memang Ahli-ahli Dewan Negara semua rajin-rajin ya, Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*.

Yang Berhormat Senator telah bertanyakan mengenai *Intelligence Transport System* atau singkatannya ITS. *So let me just warn you*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ia melibatkan enam muka surat. Isunya agak panjang kerana beliau membangkitkan perkara yang cukup penting, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sebagai latar belakang ITS telah bermula di Malaysia sejak tahun 1999. *ITS Council Malaysia* di bawah Kementerian Kerja Raya yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya diberi tanggungjawab untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ITS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ITS atau Sistem Pengangkutan Pintar adalah sistem di mana teknologi maklumat dan komunikasi digunakan dalam semua bidang pengangkutan, pengkhususan kepada pengangkutan jalan raya. Pelbagai infrastruktur telah disediakan mengikut keperluan semasa di mana infrastruktur tersebut telah dihubungkan di antara satu sama lain menggunakan *internet*. Perkara ini dikenali sebagai *Internet of Thing* (IoT). Walaupun infrastruktur berhubung, tetapi sistem yang dibangunkan tidak berintegrasikan di antara satu sama lain.

Bagi merealisasikan ITS, sistem perlu diintegrasikan dan satu pusat data perlu diwujudkan di mana ia dikelolakan oleh satu badan kerajaan yang akan ditentukan kelak. Pertukaran data atau maklumat perlu dilaksanakan di antara agensi kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan. Dari mula ITS dilaksanakan, usaha-usaha awal adalah tertumpu pada pengurusan trafik di Bandaraya Kuala Lumpur dan operasi lebuhraya di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah lama diwujudkan Pusat Kawalan Trafik atau ITIS di mana pengurusan trafik di Kuala Lumpur dapat dikawal dengan baik pada tahun-tahun sebelum ini. Memandangkan jumlah kenderaan yang memasuki Kuala Lumpur telah bertambah dengan pesat, maka integrasi antara pusat kawalan ITIS dan Pusat Kawalan Lebuhraya amat diperlukan.

Lembaga Lebuhraya Malaysia pula mula melaksanakan *Electronic Toll Collection* (ETC) seawal tahun 1994. Pada masa kini kesemua tol di lebuhraya Malaysia telah menggunakan ETC sepenuhnya. Penggunaan *SmartTAG* dan *Touch 'n Go*, dengan izin, adalah usaha-usaha merealisasikan pelaksanaan ITS. Dengan ketiadaan lorong tunai, maka kesesakan di plaza-plaza tol dapat dikurangkan. Lembaga Lebuhraya Malaysia juga sedang giat dalam melaksanakan *Multi-lane Free Flow* (MLFF) di mana pada suatu hari nanti kenderaan tidak perlu berhenti di plaza tol untuk pembayaran tol.

Sistem MLFF ini dijangka akan dapat dilaksanakan pada keseluruhan lebuhraya bertol dengan pemasangan RFID atau *radio-frequency identification*, dengan izin, yang kini di peringkat *pilot project*.

Dengan penggunaan sistem ini, plaza tol tidak lagi diperlukan pada masa hadapan dan dengan itu dapat mengatasi kesesakan di plaza tol.

Pada masa kini setiap syarikat konsesi lebuhraya menjalankan pengurusan trafik di lebuhraya masing-masing melalui pusat kawalan trafik di bawah seliaan mereka dan kesemua pusat kawalan ini tidak berintegrasi. Maka ini merupakan cabaran dan kesemua pusat kawalan ini tidak berintegrasi. Maka ini merupakan cabaran kepada usaha kita bagi menjadikan segala inisiatif yang telah dilaksanakan secara berasingan ini diintegrasikan sepenuhnya di masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi merealisasikan hasrat ini, *Master Plan ITS* telah wujud pada tahun 2004. Bersama *Master Plan* ini, *the system architecture* untuk ITS telah dicetak pada tahun 2007. Perkembangan terkini pula dalam perancangan untuk melaksanakan ITS adalah penyediaan *Malaysian Intelligence Transport System Blueprint*. *Blueprint* tersebut Yang Berhormat, disediakan di bawah seliaan *ITS Council*.

#### ■1250

*Stakeholder* untuk *blueprint* ini tidak kurang daripada sepuluh kementerian dan 30 badan-badan kerajaan, badan berkanun, pihak universiti, pihak swasta dan juga persatuan-persatuan yang secara langsung dan tidak langsung ada kaitan dengan ITS. Draf *blueprint* tersebut telah dibentangkan kepada *ITS Council* pada 24 November 2017 dan sedang dalam proses pemurnian di mana satu bengkel akan diadakan dengan wakil-wakil ahli Jawatankuasa *ITS Council* kelak. *Blueprint* tersebut mengandungi perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan kerajaan bagi menyokong pelaksanaan ITS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, isi kandungan *blueprint* ini menyokong polisi yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di dalam *National Transport Strategy, Public Transport National Plan* atau SPAD, *Logistic and Trade Facilitation Masterplan 2015 hingga 2020* dan *National Internet of Things (IoT) Strategic Roadmap*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia perlu siap siaga dengan perkembangan dan juga perubahan teknologi pada masa depan. Contohnya, idea pelaksanaan kenderaan tanpa pemandu atau *autonomous vehicle*. Walaupun ianya hanya satu perkara tetapi ia terkandung dalam *blueprint* tersebut. Ini merupakan persediaan kita.

*Autonomous vehicle* sedang di peringkat kajian dan ujian secara global. Pelaksanaan kenderaan jenis ini bergantung kepada pihak pembuat kenderaan di mana pada masa ini, mereka fokus kepada kenderaan *hybrid*, minyak dan elektrik, kenderaan elektrik sepenuhnya dan seterusnya kepada kenderaan tanpa pemandu. Dijangkakan pemilikan kenderaan persendirian akan berkurangan pada masa akan datang. Konsep *mobility as a service* di mana pengguna akan memanggil kenderaan mengikut keperluan. Ia dijangka akan turut digunakan apabila kenderaan tanpa pemandu dilaksanakan.

Kita perlu bersedia dengan sistem yang dapat menerima pelbagai maklumat yang dijana oleh kenderaan tersebut bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Maklumat yang diperolehi boleh digunakan bagi mengkaji penggunaan jalan raya, keselamatan, *level of service* (LOS) dan sebagainya. Bagi memastikan keadaan jalan raya seiring dengan evolusi kenderaan, pemasangan peralatan berteknologi tinggi perlu dilaksanakan bagi memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan.

Perkara utama yang perlu dipertingkatkan ialah sistem lampu isyarat di jalan raya yang dikawal secara berpusat. Penambahbaikan dengan memasukkan fungsi mesin *learning* atau *artificial intelligent* dalam sistem lampu isyarat berpusat, bertujuan mengawal dan menyelaraskan persimpangan mengikut zon yang dikenal pasti.

Selain *autonomous vehicle*, banyak lagi perkara di bawah ITS yang perlu dilaksanakan dan dilihat sebagai keutamaan. Ini merupakan cabaran untuk kita uruskan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan dan mencapai objektif yang telah disebutkan tadi, Kementerian Kerja Raya pada permohonan *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Kesebelas yang lalu, telah memohon peruntukan daripada agensi pusat bagi pembinaan Pusat Pengurusan Pengangkutan Peringkat Nasional atau *National Intelligent Transportation Management Centre* atau singkatannya NITMC. Pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan agensi pusat kelak.

Penubuhan pusat ini diharapkan akan dapat mengintegrasikan data dan semua pusat kawalan yang ada dengan objektif untuk meningkatkan lagi pengurusan trafik yang lebih efisien dan ia adalah satu lagi NBOS untuk kerajaan. Sebagai permulaan, ia akan menggabungkan maklumat ITIS DBKL dan maklumat lebuh raya LLM. Diikuti dengan menggabungkan maklumat daripada JPJ, polis, pihak berkuasa tempatan, Putrajaya, Iskandar Malaysia dan sebagainya, SPAD dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan serta pihak swasta yang berkaitan dengan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penjelasan yang dapat saya berikan kepada isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sedikit, hendak tanya sedikit boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada bahas?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada, ada bahas. Tadi dia sebut tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Saya hendak undur belakang sedikit tadi sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut 003, 006 itu saya tidak berapa faham.

Dalam sesi yang lepas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila saya tanya peruntukan RM1.2 juta untuk Lebuh Raya Rantau Panjang itu, saya kena bela Rantau Panjang sebab insya-Allah saya hendak bertanding Parlimen Rantau Panjang pilihan raya ini. Jadi RM1.2 juta sudah minta.

Pertama, saya hendak ucapkan terima kasih sebab RM600,000 untuk lampu jalan sudah lulus dan kemudian RM600,000 untuk cerun-cerun. Untuk *corners* yang bahaya itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah lulus atau belum? Oleh sebab itu hari Yang Berhormat Menteri kata dia akan luluskan.

Kedua, dalam rangka lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Ogos 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan, meluluskan untuk lebuh raya dua *lane* kepada *four lane*. Saya hendak tahu, setakat mana status sekarang ini? Sudah lulus, ada peruntukan

atau belum ada ataupun tunggu *alignment* jambatan kedua Sungai Golok yang menghubungkan Lebuh raya Pasir Mas-Rantau Panjang ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Senator ini memang hebat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang hebat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Disebabkan saya mendengar, disebabkan beliaulah *our PM is not lonely*. So, diharapkan semangat beliau juga akan berjangkit kepada kami. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, berita baik, 2018 ia diluluskan dan akan dilaksanakan saya difahamkan Yang Berhormat... [*Tepuk*] Insya-Allah, *confirm* calon [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan. Sekian daripada Kementerian Kerja Raya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.57 tgh.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 14 Disember 2017”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[*Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua minit lagi. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

**12.58 tgh.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak izinkan saya untuk penggulungan perbahasan Bajet 2018 Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh empat kluster utama yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menjawab dalam bentuk kluster kerana sebahagian besar Yang Berhormat Senator menyentuh ikut kluster-kluster berkenaan, lebih mudah saya kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kluster pertama, pemberhentian pekerja, peluang pekerjaan dan hak pekerja. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Yang Berhormat Senator Datuk Sambathan A/L Manickam, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris telah membangkitkan isu-isu mengenai pemberhentian pekerja, peluang pekerjaan dan hak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemberhentian pekerja. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah yang membangkitkan isu ini. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi bulan Januari sehingga 31 Oktober 2017, seramai 32,127 orang pekerja yang terlibat dengan pemberhentian.

Dari jumlah tersebut, seramai 28,698 iaitu 89 peratus pekerja diberhentikan melalui pemberhentian biasa berbanding seramai 3,429 ataupun 11 peratus pekerja diberhentikan melalui Pemberhentian Secara Sukarela (VSS). Kategori pekerja operator dan pemasang loji dan mesin yang paling tinggi merekodkan jumlah pemberhentian iaitu seramai 10,750 orang ataupun 33 peratus. Secara puratanya bergaji RM1,000 sebagaimana gaji yang diterima di bawah Perintah Gaji Minimum 2016 (PGM 2016). Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan oleh majikan ialah:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang mereka keluarkan;
- (iii) pemaksimuman teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya ataupun sebahagian daripada perniagaan;
- (v) pengecilan tenaga kerja;
- (vi) pengambilalihan syarikat;
- (vii) penstrukturan semula organisasi; dan,
- (viii) penggabungan syarikat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, rasa duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 tengah hari. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati, teruskan beri kerjasama macam semalam, tertib dan bagus saya nampak. Berjuang habis-habisan kita ya. Jadi, bak kata orang tua-tua, putus tali boleh sambung, ini perkara penting. Saya minta Yang Berhormat terus sambung ucapan tadi. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**2.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak dan mohon izin saya menyambung penggulungan perbahasan Bajet 2018 bagi Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, statistik menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak 24,097 orang iaitu 75 peratus. Sektor penginapan, perkhidmatan makanan dan minuman iaitu sebanyak 1,436 orang iaitu 4 peratus dan aktiviti kewangan dan insurans takaful sebanyak 1,018 orang iaitu 3 peratus. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mengetatkan pemakaian syarat untuk mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* dan mengambil calon-calon warganegara yang sedia berdaftar di dalamnya sebelum permohonan untuk mengajikan pekerja asing boleh dipertimbangkan. Di bawah Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], seksyen 60M memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil seorang pekerja asing.

Di bawah akta yang sama, menurut seksyen 60N sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebih pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu. Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan supaya majikan mematuhi peruntukan undang-undang, termasuklah hak pekerja dari segi pembayaran faedah penamatan kerja dan notis penamatan. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada, melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukan akta.

Sekiranya terdapat pekerja tempatan diberhentikan dan diganti dengan pekerja asing, pekerja berkenaan boleh membuat aduan di pejabat tenaga kerja yang berhampiran di seluruh negara. Di samping itu, undang-undang sedia ada di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk pembuangan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah, termasuklah pembuangan kerja yang disebabkan oleh diskriminasi terhadap pekerja tempatan.



Pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan penggajian pekerja asing hanya dalam lingkungan 15% dari keperluan guna tenaga negara melalui beberapa tindakan tertentu seperti hanya memperakukan kepada sektor-sektor dan sub sektor tertentu sahaja yang dikenal pasti kurang diminati pencari kerja tempatan dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Berkenaan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim berkenaan isu pekerja asing yang bekerja di stesen minyak. Stesen minyak merupakan sektor pekerjaan yang dikategorikan sektor di luar dasar. Ini bermakna ia merupakan sektor yang tidak dibenarkan bagi pengambilan pekerja asing.

Walau bagaimanapun, Persatuan Pengusaha Stesen Minyak pernah diberikan kelulusan untuk mengajikan pekerja asing oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja asing dari Bangladesh dan Nepal yang masih bekerja pada masa ini merupakan pekerja-pekerja asing yang diberikan kelulusan terdahulu dengan tempoh dibenarkan bekerja di negara ini dalam tempoh maksimum 10 tahun.

Penyata gaji disuarakan juga oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Di bawah peraturan 9, Peraturan-peraturan Pekerja 1967, Akta Kerja 1955 [*Akta 265*]. Adalah menjadi kewajipan majikan memberikan penyata gaji kepada pekerjanya. Sekiranya terdapat majikan yang gagal memberikan penyata gaji kepada pekerja maka pekerja berkenaan boleh membuat aduan untuk diambil tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

Penguatkuasaan undang-undang perburuhan dijalankan bagi memastikan hak-hak pekerja tidak dinafikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan selaras dengan peruntukan Akta 265 dan peraturan-peraturan di bawahnya, bukan sahaja pekerja tidak diberikan penyata gaji. Mana-mana majikan yang melanggar peruntukan ini melakukan kesalahan, apabila disabitkan boleh didenda maksimum RM10,000 atau kompaun RM5,000 bagi setiap kesalahan dilakukan. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, pada tahun 2017 hingga Oktober sebanyak 49 kes telah diambil tindakan pendakwaan dan kompaun.

Berhubung dengan isu pengangguran graduan belia dan peluang pekerjaan. Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

Untuk makluman, Kerajaan Malaysia mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 56 peratus pada suku tahun pertama tahun ini serta ekonomi negara yang dipacu oleh peningkatan eksport dan harga komoditi serta persepsi sektor pembuatan yang positif.

Pengukuhan ekonomi domestik serta peningkatan pelaburan asing (FDI) akan dapat menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam jangka masa panjang serta pelan pembangunan di bawah RMKe-11...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Boleh tanya sedikit.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berterima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia ini kerana bagus dalam membuat kerja. Cuma apa yang saya hendak beri sedikit pandangan berhubung pengambilan pekerja ini. Mana-mana kementerian yang mempunyai lambakan pekerjaan, maknanya pekerjaan yang banyak kerja-kerja yang tertangguh, tertunggak. Apakah kementerian ini ada cadangan untuk mengambil pekerja-pekerja sementara daripada puluhan ribu ataupun kebanyakan mahasiswa-mahasiswa yang menganggur ini? Ini ada *mileage* sedikit kepada kerajaan menjelang pilihan raya ini.

Saya rasa ada baiknya kalau Kementerian Sumber Manusia ini mengenal pasti mana-mana kementerian yang mempunyai lambakan kerja atau banyak kerja tertunggak, ambil mahasiswa-mahasiswa yang menganggur ini sebagai pekerja sementara ataupun kontrak. Selepas pilihan raya ini ikut lah tetapi sebelum ini kita ambil, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah.

■1440

Sebelum saya hendak jelaskan sedikit, kita ada dua sektor dalam pekerjaan negara kita. Pertama, sektor awam atau *public sector* dan kedua ialah sektor swasta. Jadi bagi sektor awam ini agensi kawalan pusat ialah Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi pengambilan dan berbagai-bagai termasuklah proses biasa yang mungkin ramai daripada kita tahu melalui SPA dan sebagainya. Kita di bawah Kementerian Sumber Manusia ialah lebih kepada sektor swasta Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah.

Jadi sebab itulah kita sedar bahawa di mana majikan-majikan ataupun pekerja-pekerja ataupun anak-anak kita yang tidak ada kerja, kita buat program-program *job fair* umpamanya di mana kita memanggil majikan-majikan dan yang ada ruang-ruang kosong, kekosongan kerja di tempat mereka. Kita panggil anak-anak ini, bakal-bakal pekerja datang daftar dengan *JobMalaysia* dan sebagainya dan kita buat program *job fair* di mana-mana di seluruh negara termasuk hari ini di UTC.

Jadi kekosongan yang ada di majikan di sektor swasta ini, inilah ruang yang dimainkan peranan oleh kementerian kita dan beberapa kementerian lain. Manakala di sektor awam ia dimainkan peranan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Jadi itu Yang Berhormat. Okey?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Kalau Kementerian Sumber Manusia ini berbincang dengan SPA supaya...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebenarnya kita ada kolaborasi Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita memberi peluang ataupun memastikan supaya pekerja-pekerja, calon-calon pekerja di negara kita dapat mengisi sama ada sektor awam ataupun sektor swasta. Memang kerjasama ini dibuat sebab itulah kita menggalakkan sama ada pekerja atau mereka yang mencari kerja hendak mencari di sektor awam ataupun sektor swasta.

Sekarang ini mudah Tuan Yang di-Pertua, *online* boleh. *Apply* melalui *online* dan mereka akan dipanggil untuk temu duga dan sebagainya dan bagi kita di sektor swasta, kita buat program-program seperti mana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung seterusnya. Pengangguran di kalangan belia dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun adalah fenomena yang dihadapi oleh setiap negara membangun dan maju di dunia. Golongan ini berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran-pasaran pekerjaan dan perlu melalui proses untuk mencari pekerjaan.

Isu pengangguran belia bukan eksklusif kepada Malaysia sahaja. Berdasarkan Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menunjukkan kira-kira 45 peratus kadar pengangguran di Asia Pasifik adalah di kalangan belia. Berdasarkan kepada rekod keseluruhan portal *JobMalaysia* sehingga 30 November 2017 sebanyak 201,587 peluang pekerjaan telah didaftarkan oleh pihak majikan. Sektor pembuatan menawarkan peluang pekerjaan yang tertinggi iaitu sebanyak 91,406 kerja diikuti dengan sektor pertanian sebanyak 32,072 kekosongan, sektor pembinaan sebanyak 32,993 kekosongan dan diikuti oleh sektor-sektor lain iaitu perkhidmatan perhotelan dan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja juga telah menyediakan medium pendaftaran pencari kerja dan pendaftaran kekosongan pekerjaan melalui portal *JobMalaysia* untuk pemadanan pekerjaan. Kemudahan ini juga boleh diperoleh di 54 buah pejabat tenaga kerja Kementerian Sumber Manusia di Semenanjung, di 14 buah Pejabat Tenaga Kerja Sabah dan 16 buah Pejabat Tenaga Kerja Sarawak serta di 21 *JobMalaysia Centre* (JMC) dan sembilan UTC di seluruh negara.

Jabatan Tenaga Kerja juga menjalankan lawatan guna tenaga ke syarikat-syarikat bagi mengesan kekosongan jawatan untuk menawarkan calon-calon pendaftar pencari kerja untuk mengisi kekosongan pekerjaan. Kementerian melalui program-program penempatan pekerjaan juga sehingga 30 November 2017 sebanyak 20,000 penempatan pekerjaan belia berjaya dilakukan. Berdasarkan dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan menyasarkan peningkatan penyertaan warganegara ke pasaran tenaga buruh negara sebanyak 35 peratus bagi kategori pekerja mahir, sebanyak 58.4 peratus kategori pekerja separuh mahir berdasarkan perwujudan pekerjaan baru sebanyak 1.511 juta peluang-peluang pekerjaan baru pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pihak kerajaan sangat prihatin dengan masalah siswazah yang sukar untuk mendapatkan pekerjaan ini. Untuk tujuan itu Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan portal *JobMalaysia* bagi membolehkan para pencari kerja mendaftar untuk mencari pekerjaan dan majikan mendaftar kekosongan jawatan. Berdasarkan statistik kepada portal *JobMalaysia* terdapat seramai 264,267 orang pencari pekerjaan aktif sedang mencari pekerjaan sehingga 31 Oktober 2017.

Daripada jumlah tersebut 135,035 orang pencari kerja adalah tidak bekerja, penganggur dan 129,232 orang pencari kerja telah bekerja tetapi ingin meningkatkan kerjaya ataupun karier mereka. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang siswazah sukar atau gagal mendapat pekerjaan setara dengan kelulusan yang mereka peroleh. Di antara faktor-faktornya ialah:

- (i) kelulusan atau CGPA yang rendah menyebabkan majikan kurang berminat untuk mengajikan calon-calon dalam kategori ini
- (ii) ketidaksepadanan antara bidang pengajian sesetengah siswazah dengan keperluan dalam pasaran kerja;

- (iii) gagal menguasai bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia dengan baik atau kedua-duanya sekali;
- (iv) kegagalan siswazah mendapat maklumat tentang kekosongan jawatan berkaitan kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan kursus yang mereka miliki;
- (v) sesetengah siswazah memilih untuk memohon kerja berdasarkan lokasi tertentu;
- (vi) sesetengah siswazah mempunyai kemahiran insani, *soft skill* yang rendah;
- (vii) *mismatch* antara bidang pengajian dengan kekosongan jawatan yang wujud; dan
- (viii) sesetengah siswazah terlalu berharap untuk bekerja dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua di samping kelulusan akademik, pencari kerja perlu bersifat proaktif kepada perubahan keperluan pelbagai sektor dalam pasaran ekonomi negara. Para lepasan institusi kemahiran turut disarankan untuk melengkapkan diri dengan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh pasaran kerja semasa. Nilai tambah atau *value added*, dengan izin, yang ada pada lepasan institusi kemahiran adalah antara faktor yang penting dalam menentukan kebolehpasaran golongan ini dalam bidang pekerjaan dan secara tidak langsung akan dapat menangani isu pengangguran di kalangan mereka dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan perundangan perburuhan pada masa ini tidak mempunyai sebarang sekatan kepada warganegara untuk melaksanakan berbagai-bagai bentuk pekerjaan seperti bekerja dari rumah atau melaksanakan perniagaan secara atas talian, *online* yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan. Kementerian juga menggalakkan pelaksanaan waktu kerja anjal di tempat kerja dalam kategori pekerjaan yang bersesuaian. Fleksibiliti ini diberikan untuk memulakan pekerja dan majikan menyusun atur struktur kerja masing-masing dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini mungkin terkena khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya, saya tidak dapat hendak *recall* balik siapa Ahli Yang Berhormat Senator ini tetapi saya kira kalau mereka prihatin dengan jawapan yang saya beri mungkin mereka akan teringat balik pertanyaan yang mereka timbulkan. Jadi nampaknya saya terpaksa menjawab semua kerana kalau berasaskan mereka yang ada dalam Dewan ini mungkin ada yang tidak terjawab nanti Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah mewujudkan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 di bawah Akta Kerja 1955 yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya wanita mengikuti pasaran pekerjaan. Peraturan kerja ini antara lain bertujuan untuk memberi alternatif kepada sistem bekerja separuh masa, menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran buruh dan menyediakan waktu kerja yang mesra pekerja, *flexible working hours* terutamanya kepada wanita di sepanjang menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan undang-undang sedia ada menetapkan pekerja lantikan secara kontrak oleh syarikat swasta juga diliputi di bawah satu kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja seperti mana ditakrifkan di bawah Jadual 1, Akta 265 dan peruntukan perburuhan termasuklah pekerja-pekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan dengan kontraktor atau

subkontraktor. Oleh yang demikian, kegagalan majikan untuk mematuhi perundangan perburuhan termasuk bayaran KWSP dan PERKESO merupakan satu pelanggaran undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar berkenaan isu pekerja estet yang diusir keluar, pengambilan tanah ladang oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk tujuan pembangunan atau penjualan untuk tujuan komersial telah melibatkan pekerja ladang, tempat tinggal dan pekerjaan. Penubuhan jawatankuasa pemilikan rumah dan penempatan semula pekerja ladang sejak 1983 dan dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia.

■1450

Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada ahli-ahli *exco* kerajaan negeri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal sumber manusia. Penubuhan jawatankuasa berkenaan juga telah dibentuk di peringkat negeri bertujuan menjalankan pemantauan mengenai penempatan semula serta bayaran pampasan mengikut peruntukan Akta 265 dan perjanjian bersama MAPA, NUPW di patuhi.

Sehubungan dengan itu juga, kerajaan di bawah RMKe-10 telah memperuntukkan dana pusingan dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional sebanyak RM50 juta di bawah Skim Khas Rumah Estet (SKRE). Skim ini dilaksanakan bertujuan memberi kemudahan pinjaman kepada pekerja-pekerja ladang yang sedang bekerja untuk membeli rumah kediaman dengan jumlah pinjaman maksimum RM150,000. Skim pinjaman dua generasi ini terbuka kepada pekerja ladang yang ingin membina rumah di atas tanah milik sendiri, keluarga terdekat atau disediakan oleh pemaju dan majikan ladang. Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada kluster kedua iaitu permohonan...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tanya di sini. Yang Berhormat Menteri telah beri jawapan yang bagus tetapi yang saya hendak tahu macam mana tentang mereka yang tidak mampu beli rumah. Mereka yang telah diusir dari estet-estet dan tidak mampu dan mereka terpaksa tidur di tepi jalan atau di bawah jambatan semua. Macam mana nasib mereka?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini mungkin perlu mendapatkan sedikit maklumat. Cuma kalau kita lihat sekarang Dasar Perumahan Negara, sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Bajet 2018 dan sebagainya, penekanan diberi kepada pembinaan rumah-rumah mampu milik yang ditujukan kepada warganegara kita. Saya rasa tidak terhad kepada orang di luar tetapi juga kepada pekerja-pekerja termasuk di ladang dan sebagainya. Saya ingat ini satu peluang yang boleh direbut oleh pekerja-pekerja kita.

Namun demikian, terima kasih Yang Berhormat atas pandangan itu dan *insya-Allah* saya akan bawa kepada kementerian kita untuk melihat kerana kita tidak mahu ada pekerja yang teraniaya kerana kedaifan mereka, sedangkan banyak ruang-ruang yang harus kita bina, membela mereka melalui peruntukan atas program-program kerajaan. Terima kasih banyak.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua. / hendak fokus sedikit kepada isu perumahan dari dua aspek. Satu aspek ini isu perumahan pekerja ladang. Soalan saya dari segi piawaian minimum *standard of housing* itu. Dari segi *enforcement*, kalau kita tengok di bawah Jabatan Buruh, kalau tidak salahlah. So dari segi standard itu, *minimum standard of housing* itu sama ada- / tidak berapa *sure* standardnya sekarang sama ada terdapat *improvement* atau tidak. Itu satu.

Balik kepada soal asal tadi mengenai bekas pekerja. Pada awal tahun 70-an kalau tidak salah di bawah kementerian juga ada *Tun Abdul Razak Estate House Ownership Scheme* pada tahun 72 kalau tidak salah. Akan tetapi cuma setakat itu, skim itu mengambil pendekatan secara *volunteering* dan bukan mandatori. So, hanya lima atau enam ladang. Ini kerana kalau kita ada skim itu, dia akan *address* isu orang yang tidak ada duit hendak beli rumah itu macam tadi.

So, / hendak tanya sama ada kementerian- walaupun kita sedar sekarang sebahagian besar pekerja ladang itu bukan warganegara Malaysia. Sama ada kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk mewujudkan satu skim lebih kurang serupa punya skim. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra. Ada dua soalan yang ditimbulkan. Pertama ialah tentang standard perumahan pekerja ladang. Dalam ingatan saya, memang sepatutnya majikan mesti menyediakan perumahan standard untuk pekerja-pekerja ladang ini di mana suatu akta yang bertujuan, Jadual Penggubalan Rang Undang-undang Penginapan Pekerja sedang diuruskan oleh kementerian di mana suatu akta untuk menetapkan standard-standard minimum penginapan pekerja dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan serta perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Tujuan rang undang-undang ini menetapkan standard-standard minimum penginapan pekerja. Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya memang itu antara kepentingan-kepentingan yang harus kita jaga bagi pekerja-pekerja ladang bahkan semua pekerja sepatutnya di mana-mana.

Kemudian berhubung dengan awal tahun 70-an, saya pun tidak sempat, Yang Berhormat. Skim Tun Razak. *What its call?... [Disampuk] Estate house*. Itu sudah lama. Saya pun kena *recall* balik dia punya *philosophy* nya ataupun peraturan program itu. Cuma dari segi pinjaman tadi, *loan* tadi ada. Maknanya itu memang kita tahu dan saya kira seperti mana saya jawab awal tadi kita akan melihat kalau boleh pekerja-pekerja ladang ini janganlah kita anak tirikan kerana mereka juga menyumbang kepada pembangunan perladangan hasil komoditi kita termasuk getah, kelapa sawit dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan bawa perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan? Pada kluster kedua, pembangunan sumber manusia negara, seramai sepuluh orang Yang Berhormat Senator membahaskan perkara ini, menimbulkan perkara ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk belaka ini. Payah saya menyebutnya. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun dan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat telah membangkitkan isu mengenai pembangunan sumber manusia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, program-program yang ditawarkan oleh pusat bertauliah (PB), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ataupun *National Occupational Skill Standard*

(NOSS) yang dibangunkan bersama-sama industri merangkumi berbagai-bagai sektor kemahiran termasuk sektor *oil and gas* atau minyak dan gas.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, salah satu strategi pemacu perubahan adalah dengan penglibatan pihak industri. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sejak tahun 2013 di bawah RMKe-10 telah mula berkolaborasi dengan pihak industri dengan melantik agensi tertentu yang mewakili industri sebagai badan peneraju industri atau *industry lead body* (ILB). ILB bertanggungjawab untuk mengenal pasti keperluan industri yang diwakilinya dan diberi mandat menggubal Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS tadi dengan kemudahan di mudah cara oleh Jabatan Pembangunan dan Kemahiran.

Institut TVET perlu merujuk kepada NOSS yang dihasilkan ini sebagai asas bagi menggubal silibus di institut masing-masing agar setara dengan kehendak industri dan seterusnya mengurangkan pengangguran di kalangan graduan latihan kemahiran. Sehingga Oktober 2017, terdapat 27 ILB telah dilantik yang merangkumi berbagai-bagai sektor kemahiran dan sebanyak 1,813 NOSS telah dibangunkan dalam 29 sektor pekerjaan dengan lebih kurang 1.6 juta pelatih telah berjaya menamatkan latihan kemahiran berasaskan standard yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kolaborasi antara agensi pendidikan dan pihak industri juga diperkukuhkan melalui kaedah latihan perantisan dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di mana 70 peratus latihan dijalankan di tempat kerja yang sebenarnya. Bermakna sama ada di industri, di kilang dan sebagainya dan 30 peratus latihan di institut latihan. Maknanya yang berbentuk teori. Mungkin *lecture* dan sebagainya.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya sedikit. Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Cuma saya hendak tanya sedikit apa beza program yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan juga Skim Latihan 1Malaysia di bawah kalau tidak silap saya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan dalam Bajet 2018, sebanyak RM4.9 bilion diperuntukkan untuk tujuan TVET dan kita difahamkan TVET pun akan diseragamkan, diselaraskan dan diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jadi apa akan terjadi kepada institusi-institusi di bawah kementerian-kementerian yang ada seperti KBS, KKLW dan semua. Apakah akan dipindah kepada Kementerian Sumber Manusia ataupun sebaliknya? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

#### ■1500

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator, orang muda.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya SLDM ini lebih awal datangnya. Skim Latihan Dual Nasional ini di bawah Kementerian Sumber Manusia. SL1M ini agak kemudian sedikit. Oleh sebab itulah kalau kita lihat secara keseluruhan, sebenarnya banyak penyelarasan mesti dibuat melalui skim-skim latihan ini. Kita ada beberapa kementerian. Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya.

Jadi oleh kerana keseriusan kerajaan melihat bahawa peningkatan kemahiran ini mesti diutamakan- kalau kita ingin menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dengan 35 peratus pekerja mahir untuk kita capai, sudah tentulah koordinasi mesti dibuat.

Oleh sebab itulah pada 27 September yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengisytiharkan penjenamaan semula TVET ini dengan kita panggil TVET Malaysia dengan mengkolaborasikan tujuh kementerian dan diurus utamakan, *the lead by*, dengan izin, diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Jadi, SL1M antara program-program yang juga sebenarnya *me-match*-kan pencari pekerja. Sebenarnya program ini kita sudah buat bawah *JobsMalaysia*. Saya tidak hendak komen banyak sangat tentang program SL1M. Namun, usaha itu ada baiknya tetapi- sebab itulah melalui TVET ini, kita telah bergerak. Jawatankuasa telah ditubuhkan dan jawatankuasa di peringkat kementerian, pegawai-pegawai kanan telah bermesyuarat. Antara badan-badan ini telah kita satukan, Yang Berhormat Senator, termasuk SL1M. EPU sendiri telah kita satukan dan kita akan melihat supaya kita akan pergi serentak untuk melihat supaya matlamat TVET ini dapat kita capai pada masa akan datang dan tidak ada *redundant* ataupun *overlapping* dari segi pelaksanaan program-program ini. Apa yang penting kita dapat melahirkan matlamat untuk mencapai tenaga kerja mahir negara. Boleh, Yang Berhormat? Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, kolaborasi serta agensi pendidikan dan pihak industri juga diperkukuhkan melalui kaedah latihan perantisan dalam Skim Latihan Dual Nasional, di mana 70 peratus yang saya sudah sebut tadi ya. Program SLDM dikendalikan melalui usaha sama syarikat-syarikat dan institusi latihan serta menyediakan platform kepada syarikat bagi melatih bakal pekerja mereka. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 7,087 syarikat dan 96,798 perantis telah menyertai program ini.

Jabatan Tenaga Manusia menyediakan latihan kemahiran yang memberi peluang kepada belia untuk membuat pilihan laluan kerjaya mereka melalui Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dan Diploma Kemahiran Tahap 4 dan 5 melalui 32 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia yang menawarkan kursus-kursus latihan kemahiran sepenuh masa pada belia lepasan sekolah yang secara tidak langsung membekalkan kemahiran kepada mereka untuk memudahkan mereka keluar ke dunia pekerjaan dan sekali gus dapat menangani masalah pengangguran. Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang kemahiran seperti kimpalan, pembuatan, pengeluaran, perkhidmatan percetakan, penyelenggaraan, elektrik, elektronik, sivil, ICT dan lain-lain.

Selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia telah memberi penekanan latihan kepada sektor-sektor yang kritikal dan mendapat permintaan tinggi seperti sektor perkhidmatan iaitu dalam bidang elektrik, elektronik dan automatif, sektor pengangkutan terutamanya dalam industri kereta api, sektor pembuatan dalam membuat komponen kapal terbang berasaskan bahan komposit, sektor minyak dan gas dan dalam sektor pembinaan dalam bidang *sky folding*.



Dalam usaha memperkukuhkan lonjakan transformasi TVET, Kementerian Sumber Manusia melalui 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Kerja Manusia mempergiatkan kerjasama strategik awam dan industri atau *public-private partnership* (PPP). Sehingga 2 Oktober 2017, sebanyak 43 MoU telah ditandatangani, sebanyak 132 kerjasama strategik dengan pihak industri telah dijalinan.

Antara kerjasama yang dilaksanakan seperti dalam sektor minyak dan gas adalah antara Petronas dengan Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, Institut Latihan Perindustrian Miri, Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu dan Institut Latihan Perindustrian Mersing dalam bidang kimpalan di mana pihak Petronas telah menyumbang peralatan dalam bahan latihan bagi melatih juru kimpal yang mahir sejak dari tahun 2008 hingga sekarang.

Dalam sektor perkhidmatan bidang elektrik dan elektronik, Samsung Malaysia Elektronik juga telah menubuhkan *Samsung Tech Academy* di ILP Kota Kinabalu, ILP Kuala Lumpur, ILP Pasir Gudang bagi melatih tenaga mahir dalam bidang elektronik dan telekomunikasi.

Dalam bidang perkhidmatan teknologi penyejukbekuan dan penyaman udara pula, kerjasama syarikat adalah seperti Daikin Malaysia Sdn Bhd, Mitsubishi Malaysia Sdn Bhd dan *Malaysia Air Conditioning and Refrigeration Association* (MACRA) dengan ILP Kepala Batas.

Dalam sektor pembuatan pula, *CTRM Aero Composite* bekerjasama dengan ADTEC Taiping bagi melatih tenaga kerja mahir di bidang komposit melalui kerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor pengangkutan pula, melalui projek mega seperti projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), projek *High Speed Rail Kuala Lumpur-Singapore*, projek MRT2 dan projek LRT3, Jabatan Tenaga Manusia dalam peringkat awal menjalinkan kerjasama dengan Gamuda Berhad bagi melatih tenaga mahir melalui kerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Bagi membantu graduan menganggur mendapat pendedahan awal dalam pekerjaan dan latihan spesifik, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah memperkenalkan skim *Future Workers, Graduates Enhancement Program for Employability* (GENERATE) bagi membolehkan pelatih diberi peningkatan kemahiran dan latihan semula ataupun *upskilling* dan *reskilling* dengan kemahiran semasa yang diperlukan oleh majikan berdaftar dengan PSMB sebelum diserapkan sebagai pekerja mereka.

Program ini dilaksanakan dengan menggunakan 30 peratus dana terkumpul dan juga peruntukan kerajaan di bawah RMKe-11. Bermula pada tahun 2016 sehingga 30 November 2017, sebanyak RM59.9 juta bantuan kewangan telah diluluskan bagi melatih 3,168 graduan menganggur menerusi program GENERATE ini.

Selaras dengan inisiatif bagi menyokong pembangunan industri *oil and gas* khususnya bagi projek pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang, PSMB telah meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM5.68 juta bagi melatih 264 graduan menganggur. Pelatih yang menamatkan latihan seterusnya ditawarkan penempatan pekerjaan di majikan industri yang diliputi di bawah Akta PSMB 2001 dengan tawaran gaji sebanyak RM2,000 bagi lepasan diploma dan RM3,000 lepasan ijazah. Antara kursus-kursus yang ditawarkan bagi industri *oil and gas*- ada banyak. Lebih kurang lima, enam

atau tujuh. Contohnya, *professional diploma in sky folding, planning, design and fabrication for oil and gas* dan, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang lain-lain.

Bagi menambah baik kebolehpasaran graduan latihan kemahiran, pelatih yang mengikuti latihan di pusat bertauliah (PB) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran diterapkan dengan modul asas *soft skills* atau *core ability*, dengan izin, yang merangkumi penggunaan ICT, komunikasi, hubungan kerjasama, pengurusan dan perancangan kerja semasa latihan kemahiran dilaksanakan. Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia melalui ILP, ADTEC dan JMTI- ini institut-institut latihan yang di bawah Kementerian Sumber Manusia- selain menawarkan kursus-kursus berbentuk kemahiran dan teknikal turut menitikberatkan pembelajaran bahasa Inggeris semasa menjalani latihan.

Bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran, JLTM telah menubuhkan Jawatankuasa Kepakaran Bahasa Inggeris yang dianggotai oleh guru-guru bahasa Inggeris Jabatan Tenaga Manusia. Jawatankuasa ini telah membangunkan program intensif *JLTM English Proficiency Test* (JIPT). Program ini menumpukan kepada kaedah *student centered* dan *experiential learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Bagi isu *soft skills* seperti *conventional English* dalam kalangan tenaga kerja di Malaysia pula, majikan yang berdaftar dengan PSMB boleh menghantar pekerja mereka menghadiri kursus bahasa Inggeris melalui skim latihan yang terdapat di bawah PSMB seperti skim bantuan latihan, skim bantuan latihan khas, skim latihan bersama, skim *Future Workers Strength*, dengan izin. Dari Januari hingga 31 Oktober 2017, sebanyak 16,000 tempat latihan telah diluluskan dengan bantuan kewangan berjumlah RM11.89 juta.

#### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, selain itu juga, PSMB juga bercadang untuk melaksanakan English Proficiency Program kepada pekerja bagi majikan yang berdaftar dengan PSMB yang merupakan salah satu inisiatif strategik yang akan menggunakan 30 peratus dana disatukan. Inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan rakyat Malaysia dan pekerja amnya. Di bawah program ini, kursus akreditasi bahasa Inggeris akan ditawarkan kepada pekerja bagi majikan yang mendaftar dengan PSMB. Program ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu cadangan perpindahan Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL). Kementerian Sumber Manusia telah menerima cadangan pembangunan semula Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL) ini dan sedang melihat, mempertimbangkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya hendak mencelah mengenai soal pembangunan ILP Kuala Lumpur di Jalan Kuchai Lama. ILP Kuala Lumpur, Jalan Kuchai Lama ini dia mula beroperasi tahun 1964, sama dengan umur saya sudah. Sijil dan diploma dia punya kelulusan.

Institut pertama ini ditubuhkan oleh kerajaan bagi latihan vokasional yang pertama sekali. Dia berhampiran dengan Bandar Malaysia dan juga Stesen MRT Jalan Kuchai Lama yang sedang dibina.

Apa yang saya hendak beritahu dan saya telah pun bangkitkan pertanyaan kepada kementerian, saya dapat tahu daripada pengajar-pengajar di sana, ia adalah tentang hendak mahu dipindahkan di beberapa kawasan. Antaranya saya lihat cadangan Serendah, di Labu, Seremban, Kuala Langat pun ada, Klang ada.

Saya mohon kepada kementerian melalui Yang Berhormat Menteri, supaya dikekalkan ILP Kuala Lumpur, Jalan Kuchai Lama kerana itulah satu-satunya institut yang ada di dalam Parlimen Seputeh terutamanya. Kedua, dia sudah bersesuaian dengan Bandar Malaysia, hampir satu kilometer lebih sikit dan ia ada satu tempat yang cukup strategik. Pelajar dia seramai 1,000 orang, luasnya 20 ekar. Disebabkan keadaan ini, mungkin ada cadangan-cadangan datang daripada syarikat swasta yang hendak diletakkan di tempat lain, kononnya mahu berikan yang lebih baiklah.

Saya mintalah kepada pihak kementerian- saya tidak setuju tentang pemindahan ini dan kalau boleh dinaikkan taraf terus menjadi kolej universiti dan dibuat bangunan yang tinggi di kawasan itu. Hal ini kerana ia satu kawasan yang cukup sesuai dan ia sebagai satu mercu tanda ILP di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh sebab itu saya tengok bila ada sampai tujuh atau lapan syarikat yang membuat cadangan, saya sekali lagi saya mohon supaya tidak dialihkan ke tempat lain. Kita fikir bagaimana hendak naikkan lagi lebih baik taraf ini untuk kepentingan generasi TN50 dan juga dalam bidang seperti yang telah kerajaan buat iaitu TVET itu, untuk kerja teknikal vokasional. So, saya mohonlah kepada Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Saya ucapkan tahniah kerana Datuk juga seorang yang cukup sensitif, cukup prihatin dengan pembangunan TVET negara.

Saya ingat selaras dengan pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga memberikan peruntukan yang cukup besar dalam Bajet 2018. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mendapat cadangan dan pandangan tetapi atas pandangan Yang Berhormat itu, saya akan bawa balik kepada kementerian kerana mungkin juga ada betulnya untuk kita melihat sebuah institusi yang cukup gah di negara kita sebagai sebuah institusi TVET yang dijenamakan semula. Hal ini juga akan memberikan satu imej baru kepada negara, terutamanya dalam TVET dan latihan teknikal vokasional ini. *Insyallah* Yang Berhormat, saya tidak boleh buat keputusan. Saya akan bawa ini kepada kementerian balik untuk disemak semula dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan penggulungan saya. Kerajaan melalui isu TVET awam dan swasta membuka luas peluang latihan kemahiran kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan status sosioekonomi. Ini termasuklah kepada wanita-wanita luar bandar yang berusia 40 tahun dan ke atas. Program latihan ini boleh diikuti melalui tiga pendekatan latihan seperti berikut.

Pertama, melalui latihan di pusat bertauliah (PB). Program Latihan Kemahiran dijalankan di PB yang ditauliahkan oleh JPK bagi bidang dan tahap kemahiran yang tertentu. Pusat bertauliah bererti

penyedia latihan kemahiran sama ada institut latihan atau tempat kerja- *work place*, dengan izin, yang telah diluluskan oleh JPK untuk mengendalikan latihan kemahiran dan menawarkan pensijilan kemahiran Malaysia bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu.

Kedua, melalui latihan berorientasikan industri SLDN. Kaedah latihan perantisan dalam Sistem Latihan Dual Nasional dijalankan dalam dua situasi pembelajaran iaitu 70 peratus latihan di tempat kerja yang sebenarnya dan 30 peratus latihan di institut latihan. Program SLDN dikendalikan melalui usaha sama syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan.

Ketiga ialah pentauliah pencapaian terdahulu bagi individu yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai pengiktirafan JPK. Kementerian Sumber Manusia juga memperkenalkan satu kaedah yang membolehkan pekerja tersebut dipersijilkan. Kaedah pentauliah pencapaian terdahulu memberikan peluang kepada pekerja atau individu yang mempunyai pengalaman dan dapat memenuhi kehendak yang ditetapkan. Kaedah ini hanya memerlukan pembuktian dibuat oleh individu tersebut tanpa perlu menghadiri kelas.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran bersama Malaysian Qualifications Agency (MQA) telah bekerjasama dalam pelaksanaan awal Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan perbezaan bagi penarafan sesuatu institut. Kelayakan dan kesinambungan program kemahiran juga diambil perhatian. Bagi meneruskan pengajian ke peringkat universiti, beberapa program latihan dalam bidang kejuruteraan telah diiktiraf untuk ditawarkan kepada lepasan diploma kemahiran Malaysia ataupun diploma lanjutan kemahiran Malaysia. Ini melibatkan kolaborasi dengan empat buah universiti, *Malaysia Technical University* iaitu Universiti Teknikal Malaysia, Melaka; Universiti Malaysia Pahang (UMP); Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Seterusnya, modul latihan dan rangka pengiktirafan Malaysia sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak 1,813 NOSS telah dibangunkan. NOSS ini Tuan Yang di-Pertua ialah standard yang dibangunkan untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir ini. Ia telah dibangunkan dan merangkumi 308 NOSS Tahap 4 dan 309 NOSS Tahap 5.

Di bawah RMKe-11, sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kelayakan berkaitan TVET. Bagi memenuhi keperluan ini, Malaysia perlu meningkatkan pengambilan pelajar setiap tahun secara berperingkat dari 164,000 orang pada tahun 2013 kepada 225,000 orang pada tahun 2020. Jabatan Tenaga Manusia telah menjalankan Kaji Selidik Pengesanan Graduan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (*Traces Study*) bagi mengesan dan mengukur tahap kebolehkeraan graduan, mengenal pasti kualiti graduan dari segi perkembangan kerjaya dan impak graduan dalam sektor ekonomi. Hasil daripada kajian ini pada tahun 2017, jumlah keseluruhan keluaran seramai 11,516 graduan. Didapati 91.55 peratus graduan telah menerima tawaran mendapat pekerjaan dan menyambung pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, penjenamaan TVET Malaysia yang telah dilancarkan dan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 September 2017 yang lalu dan penegasan semula dalam ucapan Bajet 2018 menunjukkan bahawa kerajaan beriltizam dan serius bagi mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan TVET dengan kolaborasi strategik yang selaras antara semua pihak yang berkepentingan.

Bagi merealisasikan tanggungjawab dan mandat yang diberikan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menyelaraskan TVET Malaysia, KSM telah mengambil tindakan berikut. Pertama, mengadakan satu bengkel hala tuju dan mekanisme pemantauan program inisiatif berkaitan TVET Malaysia yang melibatkan semua kementerian dan agensi berkaitan.

#### ■1520

Kedua, menubuhkan Jawatankuasa Nasional TVET Malaysia yang dianggotai oleh Yang Berhormat Menteri bagi tujuh kementerian yang terlibat secara langsung dengan TVET seperti yang disebut dalam ucapan Bajet 2018. Mesyuarat Jawatankuasa Nasional TVET Malaysia ini dijangka akan diadakan pada 16 Januari 2018.

Ketiga, mengadakan terma rujukan kajian Pelan Induk TVET Malaysia dan penubuhan Jawatankuasa PEMANDU dan Jawatankuasa Teknikal Kajian. Pelan tindakan jangka panjang TVET akan merangkumi isu permintaan dan penawaran TVET ke arah menangani isu jurang kemahiran dan meneliti keperluan industri terhadap modal insan TVET.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), beberapa perkara perlu diberi perhatian bagi memastikan ketersediaan institut TVET menghadapi Industri 4.0 tersebut iaitu antaranya menaiktarafkan peralatan *facility* sedia ada, pembangunan NOSS dan *syllabus* kurikulum dan peningkatan kualiti tenaga pengajar.

Kementerian Sumber Manusia sebagai pengerusi bersama Kementerian Pendidikan Tinggi bagi *technical working group, talent and human capital development* bagi Industri 4.0 akan sentiasa memastikan keperluan guna tenaga- Industri 4.0 dikaji dan diteliti agar modal insan yang dihasilkan melalui TVET Malaysia mempunyai kemahiran yang bersesuaian dengan sektor-sektor tersebut bagi menangani isu *mismatch* antara *demand and supply* seterusnya diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Selain daripada latihan kemahiran, para pelajar didedahkan kepada program keusahawanan bagi menggalakkan pelajar untuk menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. Bermula Julai 2017, Jabatan Tenaga Manusia Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program kerjasama dengan MDEC dalam menerapkan ilmu keusahawanan digital ke dalam kurikulum latihan.

Modul eUsahawan yang memfokuskan kepada pembangunan perniagaan menggunakan platform digital telah diterapkan ke dalam kurikulum semester akhir pada program sijil dan diploma. Para pelajar diberikan pendedahan kepada teknik pemasaran digital yang efektif, praktikal dan relevan kepada penggunaan media massa. Para pelajar diberi tugas secara realiti untuk mendapatkan jualan sekurang-kurangnya RM50 dalam tempoh latihan.

Institut Latihan Jabatan Tenaga Malaysia Kementerian Sumber Manusia juga dalam perancangan untuk melaksanakan program eUsahawan mikro yang dijangka bermula tahun 2018 bagi melatih usahawan konvensional untuk meluaskan perniagaan menggunakan platform digital.

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha proaktif ini graduan TVET tidak hanya bergantung kepada peluang pekerjaan di industri sebaliknya mereka mampu berdikari dengan ilmu keusahawanan yang diperoleh dan memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara.

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia tidak hanya memfokuskan kepada program-program *hard skill* seperti kursus kejuruteraan dan vokasional sahaja malah turut merangkumi pelbagai sektor kemahiran yang lain termasuk sektor pelancongan. Untuk makluman, sehingga ke hari ini terdapat 37 pusat bertauliah yang menjalankan program pelancongan yang turut melibatkan pelesenan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Industri 4.0 berdasarkan kepada sembilan tonggak iaitu robot, automasi, simulasi, integrasi sistem, IoT, keselamatan siber, pengkomputeran awam, pembuatan bahan tambahan, realiti diperkukuhkan, analisis data besar serta integrasi sistem menegak dan melintang. Trend semasa automasi dan pertukaran data dalam teknologi pembuatan yang menunjukkan kilang pintar di mana peralatan mesin disambungkan dengan *cloud computing* dan *Internet of Things* yang boleh menggambarkan keseluruhan rantai pengeluaran dan membuat keputusan sendiri dengan bantuan robot, komputer dan *artificial intelligence*.

Walau bagaimanapun, tenaga kerja kemahiran tinggi serta mempunyai elemen *soft skills*, dengan izin, iaitu kemahiran berkomunikasi, kreatif dan inovatif boleh bekerjasama dalam kumpulan berkeyakinan tinggi masih diperlukan. Kriteria ini membolehkan penyelesaian masalah yang memerlukan *critical thinking* dan *cognitive flexibility* yang tidak dimiliki oleh robot dalam menghasilkan produk perkhidmatan berkualiti. Tenaga kerja yang mempunyai elemen dan kriteria ini diperlukan bagi suasana kerja yang semakin kompleks terutamanya menjelang TN50.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke- ada dua lagi kluster, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Tidak lama sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, ya?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** iaitu penggubalan dasar perburuhan dan sumber manusia. Seramai enam orang Yang Berhormat Senator antaranya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat telah membangkitkan isu mengenai penggubalan dasar perburuhan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan mencadangkan penubuhan pusat sehenti atau *one-stop centre* dengan menggabungkan *JobsMalaysia*, HRDF, TERAJU, PERKESO dan skim latihan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2018 telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mewujudkan pusat sehenti bagi menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) ataupun PSMB dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC dalam menyediakan khidmat nasihat profesional dalam mendapatkan pekerjaan dan latihan.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama jabatan dan agensi yang terlibat pada 31 Oktober dan 1 November 2017 untuk menubuhkan pusat sehenti tersebut. Semua jabatan dan agensi telah memberikan kerjasama yang baik. Pusat sehenti

yang pertama telah bermula di UTC Pudu dan yang kedua di UTC Negeri Sembilan. Perbincangan sedang dijalankan untuk meluaskan pusat sehati ini ke semua UTC di seluruh negara. Kesimpulannya, dengan adanya pusat sehati yang menggabungkan pelbagai agensi di UTC ini, maklumat-maklumat dapat disampaikan dengan lebih berkesan, menyeluruh, mudah, cepat, terperinci dan menjimatkan.

Berkenaan dengan isu wanita hamil dan pulang awal yang dibangkitkan. Untuk makluman Dewan yang mulia, pelaksanaan bagi kebenaran pekerja wanita yang hamil pulang satu jam awal termasuk suami yang bekerja berdekatan adalah merupakan inisiatif kerajaan yang amat baik untuk meningkatkan kebajikan dan hubungan kekeluargaan kepada pekerja-pekerja di sektor awam sebagaimana pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam cadangan Bajet 2018. Peruntukan undang-undang sedia ada tidak menghalang mana-mana majikan untuk memberikan kemudahan cuti dan elaun bersalin yang lebih baik kepada pekerjanya. Malah perlindungan yang lebih baik juga boleh dirundingkan di antara kesatuan sekerja dan majikan untuk dimasukkan dalam terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan kontrak atau perjanjian bersama (CA).

Cadangan pemberian cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari di sektor swasta merupakan cadangan yang baik dan akan dilaksanakan dalam dua fasa pelaksanaan iaitu yang pertama, fasa pertama iaitu dengan menggalakkan majikan untuk memberikan cuti bersalin 90 hari kepada pekerja wanita dalam sektor swasta. Dalam tempoh ini, sesi libat urus sedang dan akan diadakan bagi mendapat pandangan dan maklumat balas daripada *stakeholders*. Kedua, fasa kedua pula akan diteruskan dengan membuat pindaan ke atas peruntukan seksyen 37, Akta Kerja 1995, seksyen 83 Ordinan Buruh Sabah, Bab 67, dan seksyen 84, Ordinan Buruh Sarawak, Bab 76 bagi mewajibkan cuti bersalin 90 hari ini dilaksanakan dalam sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pekerja asing, berdasarkan statistik...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencelah.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Cuma saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan soalan saya sebenarnya semalam yang juga berkaitan dengan cuti bersalin ini. Apabila saya mohon pandangan tentang adakah peruntukan ataupun undang-undang yang diberikan kepada kaum wanita yang bekerja, maknanya yang sedang hamil.

Yang Berhormat Menteri kata ada peruntukan. Saya semak juga di bawah Akta Kerja (Pindaan) 2012 di mana subseksyen 33, ia hanya menyatakan tentang dengan izin, "*a female employee during the period in which she is entitled to a maternity leave.*" *It means that*, dia hanya dibenarkan sewaktu-aknanya dia tidak boleh dibuang kerja semasa waktu tempoh *confinement*, maknanya tempoh berpantang, cuti bersalin itu.

#### ■ 1530

Akan tetapi tidak kepada wanita yang sedang hamil. Kenapa saya bertanya begini? Ini kerana sesetengah majikan ada kalanya bila sudah tahu tempoh bersalin ini dipanjangkan kepada 90 hari,

mengambil kesempatan ataupun mendiskriminasikan kaum wanita dengan pelbagai alasan dan membuang mereka bekerja. Akan tetapi tidak ada peruntukan yang mungkin boleh mengawal selia keadaan begini. Mungkin saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk makluman, tidak ada majikan boleh mendiskriminasikan ataupun menindas pekerja-pekerja. Ini yang perlu kita jelaskan. Jadi sebenarnya pelaksanaan cuti bersalin yang diumumkan semasa Bajet 2018, cuti bersalin pekerja wanita sektor swasta dinaikkan kepada 90 hari. Pandangan daripada kesatuan sekerja dan persatuan majikan dalam sesi libat urus akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam konsep kita di swasta ini, kita ada *tripartite philosophy* di mana majikan, pekerja dan juga kerajaan, kementerian semuanya, biasa kerajaan kita sebagai pengantara, bukan orang tengah, sebagai pengantara. Sudah tentulah kita lihat kadang-kadang ada pandangan baik, syor baik, program baik yang ditujukan kepada pekerja tetapi majikan akan melihat, akan merugikan mereka.

Akan tetapi kalau mereka boleh melihat bahawa mereka harus menyokong program ini kerana mereka berterima kasih kepada pekerja. Itu adalah pendapat yang terbaik. Akan tetapi ini akan kita hadapi. Oleh sebab itulah kita akan adakan libat urus, perundingan, perbincangan antara pekerja dan majikan sebagainya dan kita akan dapat rumusnya. Oleh sebab itulah kita perlukan pindaan kepada akta-akta ini supaya dia tidak bertentangan dengan akta yang ada.

Yang Berhormat tadi saya faham sebab kadang-kadang ada dikatakan bahawa wanita yang hamil ini diberhentikan kerja. Sebenarnya tidak boleh. Majikan tidak boleh melakukan tindakan memberhentikan kerja kepada pekerja-pekerja yang hamil. Nasib baik perempuan hamil. Kalau kita lelaki hamil? Takkan kita hendak berhenti kerja [*Ketawa*] Jadi, majikan kena faham. Bahkan banyak sumbangan yang telah diberikan oleh pekerja-pekerja wanita ini. Jadi sekarang ini ditambah- saya yakin 90 hari memang panjang dan majikan akan merasakan bahawa seolah-olahnya mereka memberikan ruang yang cukup luas kepada pekerja untuk berehat dan sebagainya. Sebenarnya bukan rehat tetapi itulah lumrah dan kejadian manusia di mana kita terpaksa hadapi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja menjalankan siasatan kepada mana-mana syarikat yang mendiskriminasikan pekerja sekiranya terdapat aduan yang dilaporkan. Jadi Yang Berhormat Senator, kalau ada, *please come forward*, laporkan kepada kita dan kita akan buat siasatan. Saya harap tiada majikan yang melakukan diskriminasi seperti ini kerana mereka juga hidup dengan dibantu oleh pekerja mereka sendiri.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bertanyakan kalau ada sekiranya peruntukan undang-undang secara jelas. Macam kalau kata tadi kita dalam Akta Kerja, memang secara jelas menyatakan bahawa tidak boleh dibuang kerja dalam tempoh cuti bersalin. Akan tetapi akta contoh macam di US, kita ada akta contohnya di US ada *Pregnancy Discrimination Act for example*. So sekarang ini, ada atau tidak peruntukan undang-undang supaya kita boleh jelaskan kepada mereka di luar sana kaum wanita khususnya, peruntukan undang-undang yang boleh diguna pakai sekiranya mereka didiskriminasikan kerana mereka mengandung ataupun hamil? Terima kasih.



**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, sebab itulah kita ke arah yang lebih maju, lebih membangun. Oleh sebab itulah kita telah melihat keseluruhan akta di bawah Kementerian Sumber Manusia, lebih daripada 20 akta. Saya ingat 22 lebih kurang akta dan kita hendak lihat, di mana kelonggaran-kelonggaran yang ada di dalam akta ini, bukan sahaja Akta Kerja, bahkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, SOCSO dan sebagainya, kita lakukan. Ini pun umpamanya cuti 60 kepada 90 hari terpaksa buat pemindaan.

Seperti mana yang saya sebut, walaupun Yang Berhormat tidak ada *clause* khusus yang menyatakan bahawa apa Yang Berhormat sebutkan tadi, namun kita harus kembali kepada macam Yang Berhormat sebutkan Dasar *No Discrimination*, tidak ada diskriminasi di peringkat ILO dan sebagainya, kita pun begitu. Oleh sebab itulah undang-undang utama yang boleh kita pegang ialah kepada Perlembagaan Malaysia, kalau kita lihat ya.

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, rakyat ataupun individu mempunyai hak yang sama rata dalam mengamalkan kehidupan termasuklah dalam alam pekerjaan. Jadi, undang-undang ini lebih utama. Saya kira, Yang Berhormat jangan bimbang. Kalau ada, lapor kepada kita. Kita akan ambil tindakan. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung? Sikit lagi. Kita pergi kepada pekerja asing Tuan Yang di-Pertua, yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 Oktober 2017, terdapat seramai 1,778,893 orang pekerja asing yang dikeluarkan permit kerja melalui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang mana mereka ini diambil kerja sebagai pekerja asas sahaja berbanding seramai 2.1 juta pekerja pada tahun 2015, turun kepada 1.8 juta pada tahun 2016. Maknanya, kita sudah ada pengurangan. Bila ada pengurangan, daripada segi ruang kerja kosong, sudah tentulah ada di negara kita yang harus diisi oleh pekerja tempatan.

Tidak dapat dinafikan kebergantungan guna tenaga negara di sektor perladangan, pembuatan, pembinaan kepada tenaga buruh asing. Namun begitu, dasar kerajaan adalah untuk memberikan keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat Malaysia terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing. Ini jelas apabila kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 menetapkan bahawa penggajian pekerja asing tidak melebihi 15 peratus daripada guna tenaga negara menjelang 2020.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, tidak silap saya kita hanya 13 peratus sahaja warga asing. Jadi masih lagi di ruang yang di-*target*-kan oleh kerajaan dan kita akan turunkan apabila kita dapat meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja warganegara untuk memasuki pasaran kerja seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudahcarakan peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan

ke atas pekerja asing. Langkah-langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020;

- (iii) memperkenalkan Dasar TVET Negara untuk warga tempatan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi;
- (iv) menetapkan *ratio* pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sektor perladangan kelapa sawit, keluasan tanah lapan hektar untuk satu pekerja dan getah pula, keluasan tanah empat hektar untuk satu pekerja asing. Manakala untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam subsektor elektrik/elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah dua pekerja warganegara bagi satu pekerja asing;
- (v) pekerja asing tidak dibenarkan bertugas di barisan hadapan *frontline* sebagai juruwang, *cashier* di pusat beli-belah mahupun di stesen minyak;
- (vi) pelaksanaan surat aku janji majikan mulai 1 Januari 2017 yang menghendaki majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula daripada peringkat kemasukan penggajian sehinggalah penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asalnya;
- (vii) mengutamakan *Exit Policy*, dengan izin, penggajian pekerja asing dengan menyediakan Pelan Latihan Kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme IBS dalam sektor pembinaan, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya; dan,
- (viii) kerajaan akan melaksanakan kadar baharu bayar levi secara progresif mengikut bilangan pekerja asing yang diperlukan oleh majikan pada tahun 2019. Pelaksanaan mekanisme ini akan mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing, ekoran daripada kos pengambilan pekerja asing yang tinggi. Selain itu, perlaksanaan mekanisme ini juga secara langsung akan menggalakkan peralihan industri ke arah mekanisasi dan automasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif adalah perlu ditegaskan bahawa kerajaan sentiasa komited dalam usaha meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara dan merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengehadkan penggajian pekerja asing kepada 15 peratus, daripada guna tenaga negara seperti mana yang dinyatakan dalam RMKe-11. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha membantu majikan dan pencari kerja tempatan dalam meningkatkan taraf produktiviti dan penyertaan guna tenaga dalam pasaran kerja.

#### ■1540

Antaranya seperti insentif ke arah peralihan intensif buruh kepada intensif berasaskan mekanisasi, automasi, pengenalan dasar TVET ke arah melahirkan pekerja tempatan berkemahiran tinggi supaya *complement* atau seiring dengan dasar kerajaan ke arah *high end economy* atau negara

berpendapatan tinggi, memperkenalkan dasar pengajian pekerja asing yang ketat dan sebagainya.

Pihak kerajaan juga turut menyambut baik cadangan Yang Berhormat Senator berhubung pelepasan cukai kepada majikan yang mengajikan pekerja tempatan. Cadangan ini diambil maklum untuk dikaji secara komprehensif dari peringkat kementerian dan kerajaan.

Seterusnya, berhubung dengan isu berkaitan kebajikan pekerja asing tidak perlu diikuti. Kerajaan ingin menegaskan bahawa, mana-mana pekerja asing yang bekerja di Malaysia akan dilindungi selaras dengan dasar-dasar undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Majikan mestilah bertanggungjawab kepada kebajikan pekerja asing mereka dan tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana majikan yang tidak patuh kepada ketetapan yang telah digariskan.

Seterusnya, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat yang membangkitkan isu *front desk* di hotel, *tour guides* dan pemandu teksi yang mengambil pekerja asing. Dasar dan syarat-syarat pengajian pekerja asing yang perlu dipatuhi oleh majikan ialah pekerja asing tidak dibenarkan bertugas di barisan hadapan di hotel-hotel, *tour guides*, dengan izin, serta pemandu teksi. Oleh itu tindakan majikan menempatkan pekerja asing di barisan hadapan merupakan satu tindakan yang tidak mematuhi syarat-syarat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan juga oleh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes isu bertudung di sektor perhotelan. Hasil perbincangan yang telah diadakan pada 5 Disember 2017, baru lagi, baru minggu lepas. Kementerian telah mencapai kata sepakat dengan kementerian-kementerian lain, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia di mana Kementerian Sumber Manusia menggesa agar semua pengusaha-pengusaha hotel di seluruh negara tidak melaksanakan larangan bertudung. Maknanya, tidak boleh melarang pekerja bertudung.

Kepada pekerja-pekerja yang bukan Islam di tempat pekerjaan berasaskan kepada Perkara 31, Perlembagaan Persekutuan. Agama Islam sebagai Agama Persekutuan dan para 82 iaitu tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan dan keharmonian perusahaan dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kluster terakhir. Tuan Yang di-Pertua, dua orang Senator menimbulkan tentang gaji minima. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad dan Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman.

Berhubung dengan isu gaji minimum pekerja asing, untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa pelaksanaan gaji minimum dengan membezakan mengikut kewarganegaraan, adalah tidak sesuai dilaksanakan. Kerajaan berpendirian tidak timbul isu kewujudan pekerjaan di sektor-sektor tertentu secara sengaja yang bertujuan memberikan gaji murah kepada pekerja asing. Sebenarnya kita tidak boleh ada diskriminasi di antara *local*, pekerja tempatan dan juga pekerja asing. Melanggar- ingat undang-undang buruh antarabangsa. Pendirian kerajaan dalam menetapkan kadar

gaji minimum yang seragam di antara pekerja tempatan dan pekerja asing adalah berasaskan sebab-sebab berikut:

- (i) Dasar Gaji Minimum hendaklah tidak mendiskriminasikan seseorang pekerja, atas alasan kewarganegaraan selaras dengan Konvensyen ILO No.100 - *Equal Remuneration*, yang mana telah diratifikasikan oleh Malaysia tahun 1997;
- (ii) seksyen 60L - Akta Kerja 1955, seksyen 11, 118B - Ordinan Buruh Sabah dan seksyen 119B - Ordinan Buruh Sabah tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing;
- (iii) bagi menjamin dan memelihara peluang pekerjaan rakyat tempatan agar tidak terjejas dari segi Dasar Pekerja Asing dikecualikan dari gaji minimum bakal timbul suatu keadaan, di mana majikan akan cenderung untuk memberi keutamaan pengajian kepada pekerja asing berbanding pekerja tempatan kerana dapat membayar gaji yang lebih murah daripada pekerja tempatan;
- (iv) sebarang bentuk diskriminasi seperti membenarkan perbezaan gaji untuk pekerja asing dan rakyat tempatan adalah bertentangan dengan dasar kerajaan dalam aspek pemerdagangan orang dan buruh paksa. Sekiranya kerajaan membenarkan situasi ini, ia secara langsung akan menjejaskan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Masyarakat antarabangsa telah mengiktiraf komitmen Malaysia memerangi isu pemerdagangan orang atau buruh paksa. Ini telah dibuktikan melalui Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai pemerdagangan orang tahun 2017, yang mana kedudukan Malaysia telah dinaikkan ke tahap 2 atau *tier 2*; dan
- (v) Malaysia juga telah meratifikasi Konvensyen ILO iaitu Konvensyen No.131 - *Minimum Wages Fixing Convention, 1970 (C 131)*, 7 Jun 2016 yang mana menetapkan Malaysia harus bertanggungjawab dan memastikan tiada wujud sebarang bentuk diskriminasi berhubung pelaksanaan Dasar Gaji Minimum di negara ini.

Berhubung isu kajian semula gaji minimum berdasarkan kos sara hidup.

**Datuk Jamilah Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, sila.

**Datuk Jamilah Sulaiman:** Saya menafikan, bahawa saya tidak pernah membandingkan pendapatan ataupun gaji minimum bagi rakyat tempatan dan rakyat asing. Namun, apa yang saya katakan di sini ialah cadangan-cadangan saya untuk meningkatkan pendapatan rakyat yang bekerja dengan menaikkan paras gaji minimum, sepadan dengan kadar kos sara hidup. Saya tidak pernah menyebut untuk pekerja asing. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Minta maaf kalau tersilap catat. Walau bagaimanapun, ia juga boleh menjadikan panduan, maklumat tambahan kepada Yang Berhormat sendiri dan kepada Dewan yang mulia ini.

Maknanya, tidak boleh diskriminasi. Saya faham maksud Yang Berhormat, bagaimana kerajaan boleh meningkatkan lagi kadar gaji minimum kepada pekerja kita, Yang Berhormat ya.

Jadi sebenarnya, kalau tanya saya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar RM1,000 kita harus bayar kepada pekerja kita tetapi kalau kita boleh bayar RM3,000, RM4,000 *why not*, sebagai gaji minimum. Oleh sebab ada setengah negara, ada gaji yang mahal dan ada gaji yang lebih rendah daripada kita. Kita di antara negara yang membayar gaji minimum yang tinggi.

Cuma sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, melalui Majlis Perunding Gaji Negara, kita mempunyai jawatankuasa teknikal, kita mempunyai Majlis Perunding Gaji Negara yang terdiri daripada pakar-pakar tentang ekonomi dan sebagainya. Perundingan ini bukan mudah. Oleh sebab itulah dalam masa yang sama, kita juga mesti melaksanakan konsep *tripartite* antara majikan dan pekerja. Saya percaya, walaupun kalau saya sebagai pencadang, saya hendak cadangkan RM5,000 gaji minimum, saya ingat bagi pekerja memang mereka akan memberikan sokongan padu kepada saya. Bukan sahaja dari segi politik dan sebagainya tetapi majikan akan sudah tentu marah kepada saya dan itu satu.

Kedua, apakah kita yakin bahawa majikan boleh membayar kadar gaji yang begini tinggi? Kalau hari ini, bulan ini, mereka pekerja-pekerja mendapat RM5,000 gaji minimum tetapi bulan hadapan semua *company*, semua syarikat tutup. Jadi, tiada makna. Oleh sebab itulah konsep *tripartite* ini kita bincangkan. Namun demikian, kerajaan prihatin, kita prihatin, Majlis Perunding Gaji Negara cukup prihatin.

Oleh sebab itulah dalam akta ini, setiap dua tahun kajian semula akan dibuat kepada kadar gaji minimum ini. Saya harap kalau semua orang, Yang Berhormat Senator memberi sokongan kita, termasuk oleh pembangkang dan semua, tiada rakyat melakukan perkara-perkara yang boleh merugikan wang negara kita dan kita mempunyai tahap ekonomi yang baik, saya rasa tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh meningkatkan gaji minimum pada pekerja kita. Terima kasih, pandangan baik daripada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja, hendak habis sudah. Berhubung dengan isu kajian semula. Saya ingat saya sudah sebutkan tadi, mungkin saya- berhubung dengan kajian semula gaji minimum berdasarkan kos sara hidup semasa, kerajaan membuat semakan semula penetapan gaji minimum berdasarkan *evidence based approach* dan bukan *populist based approach*. Maknanya, bukan kita hendak popular, kerana hendak bayar gaji minimum tetapi berdasarkan kemampuan dan juga asas-asas rasional yang logik. Dalam hal ini, antara pertimbangan yang diambil kira adalah perubahan Indeks Harga Pengguna (CPI), kadar pertumbuhan produktiviti buruh, gaji penengah, keupayaan majikan untuk membayar gaji, kadar pengangguran, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya.

#### ■1550

Selain mengambil kira indikator-indikator sosioekonomi sebagai asas penetapan gaji minimum yang turut mengambil pendekatan berhemah iaitu *balance approach* iaitu mengimbang kepentingan majikan, pekerja dan kerajaan agar apa-apa keputusan dibuat berhubung kenaikan kadar gaji minimum tidak membebankan majikan sehingga membawa mudarat kepada pekerja seperti pembuangan kerja akibat ketidakmampuan majikan mampu bayar gaji minimum.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan membuat dasar negara ini semua aspek akan diambil kira. Dasar yang dibuat kerajaan bukan untuk meraih populariti daripada rakyat

semata-mata tetapi untuk menjaga kepentingan rakyat dan mengambil kira kedudukan Malaysia di mata dunia.

Di samping itu juga, kerajaan sentiasa prihatin atas masalah yang dihadapi pekerja dan akan memastikan hak pekerja di negara terpelihara tanpa menjejaskan kepentingan majikan serta mengekalkan momentum positif pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak menteri saya dan Kementerian Sumber Manusia dan seluruh tenaga keluarga Kementerian Sumber Manusia mengucapkan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia dan andai kata terdapat isu-isu yang kurang jelas bolehlah datang kepada saya, pada kementerian kita untuk kita berikan penjelasan yang lebih.

Akhir kata kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan, Kementerian Sumber Manusia semasa pembentangan Bajet 2018, kementerian ini menghargai segala cadangan, teguran dan komen yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kementerian ini akan mengambil tindakan ke atas cadangan dan pandangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih mengizinkan saya mengambil sedikit masa untuk menggulung Bajet 2018 Kementerian Sumber Manusia di Dewan Negara dan terima kasih pada Yang Berhormat. Akhir, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Saya masuk tadi, saya minta Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib sambung saya kata. Pukul itu, pukul 2.33 petang. Ini telah sampai pukul- tengok jam. Sudah lebih tiga lebih. Tadi, kita beri peluang dia bercakap lebih sejam. Kita dengar bahawa banyak ilmu kita dapat. Banyak daripada ibu hamil, pekerja asing dan macam-macam lagi. Begitu juga yang di rumah dan yang di hotel- macam-macam dengar ya. Jadi, nampak gayanya banyak sekali kerja yang dibuat oleh kementerian ini. Perjuangannya luas saya rasa.

Saya rasa banyak ilmu yang kita dapat. Ahli Yang Berhormat faham ya? Tahu sudah bahawa maklum banyak ilmu yang kita dapat daripada hujah-hujah yang diberi oleh wakil Yang Berhormat Menteri kita tadi. Kita percaya segala perjuangan yang dibuat dan diatur oleh pihak kementerian ini berjaya. Akan berjaya. Sebab Yang Berhormat Menteri dan disokongi oleh amanah-amanah oleh pegawai-pegawai yang ada pada petang ini semuanya. *Insyah-Allah.* Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia. Syabas dan terima kasih. Sekian.

Sekarang saya menjemput pula kita punya yang kedua, Kementerian Pendidikan Tinggi. Dipersilakan. Terima kasih.

### **3.53ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Tinggi merakamkan terima kasih kepada 16 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan, saranan dan teguran yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan tinggi negara.

Saya mewakili Kementerian Pendidikan Tinggi amat berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana telah memperuntukkan sebanyak RM13.9 bilion kepada kementerian ini iaitu peningkatan sebanyak 13.15 peratus berbanding peruntukan sebelumnya. Ia melibatkan peningkatan masing-masing sebanyak RM1.3 bilion atau 13.63 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan RM299.6 juta iaitu 11.3 peratus bagi perbelanjaan pembangunan.

Melalui bajet *soaring upwards* ini juga, kerajaan turut bersetuju untuk mengekalkan pemberian bantuan baucar buku RM250 untuk setiap pelajar IPT bertujuan untuk menampung kos pengajian. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib, pada tahun 2018 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan mekanisme yang sedia ada melalui pemberian Kad Debit Siswa 1Malaysia atau Kad 1M dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM300 juta kepada 1.2 juta pelajar yang mempelbagaikan penggunaannya bukan hanya pembelian buku bahkan ke atas pembelian alat tulis, akses *internet* dan peralatan komputer.

Bagi tujuan menambah baik mekanisme pemberian Kad 1M, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengalu-alukan sebarang saranan dan cadangan dalam memastikan mekanisme terbaik dapat dilaksanakan serta memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Berhubung kerisauan Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib berkaitan sasaran 205,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020 yang akan menjejaskan kuota pelajar tempatan, perkara ini perlu dilihat sebagai satu sasaran yang positif dan ini kerana memandangkan Malaysia merupakan salah satu dari 10 destinasi utama pelajar antarabangsa. Ia pastinya dapat mencapai hasrat Malaysia menjadi *hub* pendidikan bertaraf global menerusi kepakaran akademik dan penyelidikan. Melalui inisiatif ini, kerajaan telah menetapkan hanya lima peratus sahaja kuota pelajar antarabangsa diambil.

Dengan rekod bilangan IPT termasuk IPTS sebanyak 672 buah, ia adalah lebih dari cukup bagi menampung penempatan pengajian semua pelajar terutamanya pelajar tempatan. Tujuan meritokrasi adalah seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar di mana kaedah ini adalah kaedah terbaik dalam proses pengambilan pelajar untuk memastikan hanya mereka yang berkualiti dari segi akademik dan sahsiah sahaja diterima masuk ke IPTA.

Untuk makluman juga, bagi sesi akademik 2017 dan 2018 kesemua pelajar cemerlang dengan PNGK 4.0 atau *'four-flat'* iaitu seramai 3,175 orang telah ditawarkan tempat di universiti awam mengikut pilihan calon tanpa ada sebarang keciciran. Manakala, dalam bagi bidang perubatan dan kejuruteraan pula, sebanyak 53.9 peratus dari 961 pelajar kaum India yang memohon dan layak telah berjaya ditawarkan bidang-bidang tersebut.

#### ■1600

Kementerian Pendidikan Tinggi sejak tahun 2012 telah mempertimbangkan kemasukan pelajar kaum Siam ke IPTA sama seperti bumiputera lain. Justeru untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook perbezaan kaum istilah kaum Siam dan kaum Thai dalam borang kemasukan UPU sebenarnya diselaraskan bersama istilah yang sedia terpakai oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang merupakan pemilik daftar dalam sistem daftar *dictionary* sektor awam. Bagi pelajar Siam bukan warganegara mereka boleh menyertai IPTS, namun syarat am kemasukan ke IPTA adalah kekal kepada warganegara Malaysia sahaja.

Sejajar dengan cadangan Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib...

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ada membangkitkan tentang universiti-universiti yang menerima pelajar Siam sebagai Bumiputera dan ada yang tidak menerima, contohnya universiti UPM dan UM. Anggapannya berbeza.

Jadi di sini saya ingin mendapatkan kepastian daripada kementerian adakah kementerian melakukan sesuatu yang tepat untuk memastikan semua universiti menggunakan istilah ataupun maksud yang sama untuk pelajar-pelajar Siam ini dianggap bumiputera. Ini kerana apabila pelajar Siam memohon di UPM akan dapat kursus-kursus untuk bumiputera tapi di Universiti Malaya tidak dapat. Itu yang saya perlu kepastian. Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan kes kemasukan atau pengambilan pelajar Siam dan memandangkan ini satu kes yang spesifik maka saya menjemput Yang Berhormat Senator untuk mengadakan satu perbincangan dengan pihak universiti dengan maklumat spesifik selanjutnya.

Sejajar dengan cadangan Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib dan Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa mengkaji semula program-program pengajian sedia ada di universiti awam dengan menawarkan kokurikulum baru mengurangkan dan menjumudkan program pengajian yang tidak memenuhi permintaan pasaran pekerjaan.

Selain itu, pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM dan STPM yang memenuhi syarat kemasukan dibolehkan melanjutkan pelajaran di Pusat Asasi sebagai persediaan awal dan turut dibolehkan menyertai program dwi-ijazah sebagaimana ditawarkan di Universiti Sains Islam Malaysia atau USIM yang telah melaksanakannya sejak tahun 2015.

Sejajar dengan Dasar Wassatiyyah Negara yang meletakkan pendekatan *wassatiyyah* sebagai salah satu elemen utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan dan Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip, elemen *wassatiyyah* dan kenegaraan ini telah diterapkan melalui pelaksanaan Modul Mata Pelajaran Umum (MPU) di IPT. Struktur MPU ini mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai patriotisme dan jati diri beracukan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehdapatan kerja.

Penglibatan tokoh-tokoh ternama dalam bidang *wassatiyyah* ini juga telah dilaksanakan antaranya melalui penganjuran Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan dan Persidangan Parlimen Mahasiswa secara tahunan.

Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat ada di dalam Dewan?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Atas keperluan *soft-skills*, pengalaman industri dan kemahiran berbahasa Inggeris pelajar. Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Malaysia *English Assessment Program*, dengan izin, yang merangkumi pentaksiran



formal dan tidak formal untuk memastikan penguasaan bahasa Inggeris pelajar mengikut skala *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dan program kerjasama bersama *TalentCorp* dan *Cambridge Malaysia Educational Development Trust* turut dilaksanakan di mana ia bukan hanya bertujuan untuk memantapkan Bahasa Inggeris pelajar malah turut menambah *soft skill* lain seperti persediaan menempuh alam pekerjaan.

Beberapa program utama Kementerian Pendidikan Tinggi lain juga dijalankan seperti ICGPA, program *2u2i*, program *CEO Faculty* dan program *Gap Year*, sememangnya secara jelas bertujuan membolehkan pelajar menggandakan pengalaman industri seiring dengan konsep *academia* dan *industry are one*, di mana pada ketika ini pembelajaran bukan hanya boleh dijalankan di dalam kelas malah melalui *learning by doing* atau *work based learning*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Usaha bagi memartabatkan penggunaan dan penguasaan Bahasa Melayu di IPT tidak langsung diketepikan. Melalui pelan tindakan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di universiti awam yang sudah mula pada tahun 2016 dan akan diteruskan pada tahun 2020, ia dapat memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator juga anugerah tokoh akademik Malaysia yang mula diperkenalkan sejak 2012 telah banyak memberi penganugerahan kepada Tokoh Akademik yang memperjuangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu terutamanya mengantarabangsakan Malaysia sebagai pusat rujukan ilmu alam Melayu.

Pada tahun ini Profesor Dr Nik Hazlina binti Nik Hussain dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah dianugerahkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu atas sumbangan beliau memasyarakatkan ilmu sains perubatan dan kesihatan kepada golongan sasaran yang lebih luas melalui penerbitan penggunaan Bahasa Melayu.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dalam mendepani cabaran Revolusi Industri Keempat, KPT telah bersedia lebih awal dengan memperkenalkan program *redesigning higher education*, dengan izin, atau mereka bentuk semula kurikulum infrastruktur pembelajaran ekosistem pengajaran dan pembelajaran.

Penambah baik sistem penyampaian turut mengalami transformasi dengan penggunaan teknologi tinggi seperti *blended learning* dan pembelajaran terbantu *robotics*.

Seiring dengan konsep *akademia* dan *industri as one* yang memberi gambaran kerjasama kedua pihak ini cukup utuh dalam melengkapkan graduan dengan ilmu dan kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan.

#### ■1610

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad berkaitan penyelarasan jaminan kualiti dan akreditasi kursus kejuruteraan teknikal dan vokasional, proses penilaian akreditasi akan dilaksanakan dengan melibatkan panel penilai dari kalangan IPT dan panel berpengalaman dalam industri berkaitan berdasarkan ketepatan standard program yang dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysia Qualification Agency* (MQA).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperluaskan kemasukan pelajar dengan melaksanakan laluan artikulasi yang lebih komprehensif

kepada pelajar lepasan TVET. Untuk tujuan tersebut, seramai 3,000 orang profesional akan dilatih melalui penubuhan *National Rail Centre of Excellence* di mana Universiti Malaysia Pahang telah dipilih sebagai universiti *focal* untuk menyelaraskan program latihan kemahiran industri *East-Coast Rail Link*, dengan izin, serta bekerjasama rapat dengan syarikat luar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris, Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil berat cadangan supaya memperluaskan TVET kepada kaum wanita di luar bandar. Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah membantu golongan ini melalui pendedahan pendidikan fleksibel di kolej komuniti.

Walau bagaimanapun, permintaan yang tinggi adalah ke atas bidang latihan meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan keterampilan individual untuk menjana ekonomi. Antara contohnya seperti Puan Nur Jannah binti Abdul Rashid berumur 59 tahun dalam bidang pelbagai jenis jahitan termasuk langsir, Puan Saya binti Tawil berumur 65 tahun dalam bidang pembuatan kuih tradisional dan kraf tangan serta Puan Hasmah binti Kamit berumur 52 tahun dalam bidang refleksologi. Ini memang ada berkaitan dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong education*, dengan izin.

Mengulas kebimbangan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin berhubung *survival* pelajar sains sosial, iktisad, ekonomi dan perakaunan yang ditawarkan di semua institusi TVET, Kementerian Pendidikan Tinggi dalam *World Economic Forum* melalui laporan *The Future of Jobs*, dengan izin, menyatakan bahawa 55 peratus pelajar pada masa kini akan bekerja dalam bidang pekerjaan baru yang masih belum wujud dan seterusnya memberi peluang sama rata kepada graduan pelbagai bidang.

Bidang sedia ada masih penting seperti inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu *2u2i* di mana pelajar belajar di universiti selama dua tahun dan selepas itu selama dua tahun mereka akan mengadakan latihan di industri yang tertentu. Selain daripada itu, *Gap Year* juga memberi peluang untuk pelajar dapat pendedahan di tempat yang lain, di negara yang lain. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga mengamalkan satu fleksibel kurikulum dan pada masa yang sama juga, Kementerian Pendidikan Tinggi juga *humanize education*, dengan izin. Jadi, *artificial intelligence*, dengan izin, *internet of things*, *creative* dan *innovative thinking* memang merupakan kurikulum yang dijalankan di IPT, institusi pendidikan tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram- Yang Berhormat tidak ada di sini, jadi saya tidak akan jawab.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip berhubung Skim Wakaf Pendidikan, kerjasama antara majlis agama negeri dan Kerajaan Persekutuan sedang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan di mana pemberian biasiswa melalui kaedah ini akan diiktiraf sebagai salah satu agenda di dalam agihan dana wakaf universiti awam. Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menubuhkan Tabung Bantuan Pelajar di mana pelajar yang berkelayakan boleh memohon bantuan kewangan dari universiti awam masing-masing.

Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah binti Engku Taib bertanya atau kemukakan satu *concern* yang berkaitan dengan PTPTN. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kempen 'Boleh

Bincang' yang dilaksanakan oleh PTPTN telah terbukti berjaya dalam meningkatkan lagi kesedaran peminjam untuk membudayakan bayaran balik pinjaman.

Ini dibuktikan dengan meningkatnya jumlah kutipan bayaran balik pinjaman iaitu sebanyak RM3.4 bilion sehingga Oktober 2017 berbanding tempoh yang sama tahun 2015 sebanyak RM1.5 bilion dan jumlah pengeluaran pinjaman PTPTN adalah sebanyak RM3 bilion hingga Oktober 2017 berbanding tahun 2015 sebanyak RM3.9 bilion. Sehingga Oktober 2017 juga, bilangan peminjam yang telah menikmati pengecualian bayaran balik di atas penganugerahan ijazah kelas pertama adalah seramai 4,545 orang dengan masing-masing 2,733 orang pelajar IPTA dan 1,812 orang pelajar IPTS. Manakala bagi tahun 2015, inisiatif ini telah dinikmati oleh seramai 7,230 orang yang melibatkan 5,300 pelajar IPTA dan 1,930 pelajar IPTS.

Mengulas cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat supaya PTPTN tidak terlampau serius terhadap peminjam dengan mengikat perjalanan ke luar negara, kelangsungan dana bagi tujuan pembiayaan generasi seterusnya adalah perkara pokok yang perlu diteliti berbanding melihat kepada kesan jangka masa pendek yang melibatkan individu tertentu.

#### ■1620

Walau bagaimanapun, ini merupakan langkah terakhir dan hanya melibatkan peminjam yang tidak membuat bayaran balik mengikut jadual selepas 18 bulan tamat belajar.

Bagi menjawab isu sijil *Unified Examination Certificate* atau UEC yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong, Kementerian Pendidikan Tinggi telah 15 kali menjawab isu ini dan pendirian kementerian kekal bahawa sijil UEC tidak diiktiraf sebagai kelayakan untuk masuk ke universiti awam.

Bagi mengukuhkan lagi kemajuan kerjaya pensyarah ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Kementerian Pendidikan Tinggi telah membangunkan empat laluan kerjaya pensyarah yang melibatkan penyelidikan, pengajaran, profesional dan kepimpinan institusi.

Justeru, sememangnya tidak dinafikan bahawa selain mengajar, pensyarah juga digalakkan menjalankan penyelidikan yang bertujuan untuk kecemerlangan dan kesarjanaan. Kerajaan ada menyediakan geran ke atas penyelidikan yang berimpak tinggi. Kajian semula elaun kritikal bagi pensyarah bidang tertentu perlu diteliti semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam secara menyeluruh yang turut melibatkan skim perkhidmatan yang lain.

Lantikan pensyarah-pensyarah ini terutamanya jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor melalui satu proses yang ketat. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, proses penilaian yang dibuat bukan hanya melihat kepada potensi, malah kemampuan dan kompetensi mereka. So, ia melibatkan penilaian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan panel penilai.

Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian tidak ada. Jadi saya tidak akan jawab. Akan tetapi- terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar supaya Kementerian Pendidikan Tinggi meneliti modul penubuhan IPTS seperti *Penang Skills Development Centre* yang mempunyai sokongan ekosistem pendidikan antara berada di persekitaran kawasan perindustrian bagi memastikan kelestarian IPTS di samping memberi peluang pekerjaan kepada pelajar IPTS berkenaan.

Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui inisiatif *Redesigning Higher Education* telah menjalinkan kerjasama dengan industri bagi melengkapkan bukan sahaja pelajar, malah golongan pensyarah muda dengan ilmu dan pengalaman industri. Inisiatif-inisiatif seperti *CEO@Faculty* dan 2u2i saya sudah sebut tadi, jadi tidak perlu untuk saya ulang lagi.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang mahu mencelah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Boleh saya mohon mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab tentang kerjaya, pembangunan kerjaya pensyarah di IPT. Akan tetapi soalan saya sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bertanya tentang penstrukturan gaji baru di kalangan pensyarah terutamanya bagi pensyarah-pensyarah yang berada di bidang-bidang kritikal seperti perubatan. Maknanya dia adalah doktor, tetapi dalam masa yang sama dia mengajar di universiti-universiti dan juga membantu dari segi pembangunan penyelidikan. Ini saya rasa mungkin saya terlepas pandang ataupun mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawabnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan penjelasan. Jadi seperti yang saya sudah beritahu bahawa yang berkaitan dengan skim gaji ini sepatutnya diteliti oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh KPT yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi Kementerian Pendidikan Tinggi mengucapkan setinggi-tinggi...

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon saya mencelah sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi cadangan pada saya itu saya rasa agak sukar untuk dilaksanakan di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri minta saya berjumpa dengan Universiti Malaya sendiri tentang isu ini. Saya menjangkakan tugas ini menjadi tugas kementerian untuk selaraskan. Jadi untuk pastikan bahawa semua universiti melakukan perkara yang sama, kalau tidak nanti saya tidak larat untuk pergi ke setiap universiti untuk bertanyakan itu. Ini sepatutnya menjadi tugas kementerian.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, tentang jawapan yang dibekalkan oleh kementerian kepada soalan-soalan yang kita berikan yang tidak sempat dijawab secara lisan. Jadi saya dapati ada jawapan-jawapan yang mungkin kementerian terlepas pandang tentang apa yang saya maksudkan. Jadi untuk soalan saya, soalan nombor 46 hari ini, saya hendak mohon kementerian melihat kembali soalannya dan juga jawapan yang diberikan kerana bagi saya ia belum lagi menepati hasrat soalan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Berkenaan dengan soalan, Yang Berhormat boleh bagi secara bertulislah apa yang diminta.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang saya juga ingin untuk memberi jawapan memandangkan ini ada- seperti yang

saya sudah beritahu, perkara ini adalah perkara yang spesifik, jadi saya akan memberi jawapan secara bertulis. Berkaitan dengan untuk memohon Yang Berhormat Senator untuk mengadakan satu perjumpaan itu, jadi saya akan berusaha untuk mengadakan satu perbincangan di mana pihak Kementerian Pendidikan Tinggi akan menjemput Yang Berhormat Senator untuk duduk bersama. Ini kerana memang Kementerian Pendidikan Tinggi juga hendak maklumat selanjutnya yang berkaitan dengan kes-kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu satu jawapan yang lebih baik Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi terus dengan *soaring upwards*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang silakan Kementerian Wilayah Persekutuan.

**4.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Belanjawan 2018 pada kali ini dan menyentuh isu di Wilayah Persekutuan khususnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff telah membahaskan isu kawasan hijau dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendefinisikan kawasan hijau sebagai kawasan yang sebahagian besar diliputi dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi atau tanaman. Ia terdiri dari kawasan lapang, kawasan rekreasi, koridor infrastruktur dan utiliti, kawasan penempatan, rizab hutan, kawasan pertanian, tanah perkuburan, tapak semaian, kawasan belukar dan halaman kediaman.

Kuala Lumpur mempunyai kawasan hijau meliputi luas 3,836.87 hektar atau 15.84 peratus dari luas keseluruhan Kuala Lumpur, 24,221 hektar pada tahun 2017.

■1630

Nisbah kawasan hijau dengan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah 21.47 meter persegi. Ini melebihi saranan yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu sembilan meter persegi. Bagi memastikan pengkalan kawasan hijau seimbang dengan kepesatan pembangunan di Bandaraya Kuala Lumpur ini, beberapa langkah strategik yang dirangka seperti mana dalam Pindaan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020, Pindaan DPBRKL 2020

iaitu peruntukan 10 peratus kawasan lapang awam oleh pemaju dalam pelan susun atur atau pelan pembangunan yang diluluskan.

Peruntukan 10 peratus kawasan lapang awam dalam pembangunan kawasan-kawasan penajaan semula. Peruntukan 10 peratus atau lebih kawasan lapang awam dalam pembangunan kawasan-kawasan pembangunan semula terutamanya dalam kawasan pembangunan semula yang luas seperti kawasan pembangunan bandar Malaysia. Penyediaan 16 peratus *vertical landscape* di pembangunan hanya menyediakan lapan peratus kawasan hijau di tapak. Dua meter perimeter *planting* di sekeliling cadangan pembangunan *free standing building* dan tiga meter daripada 10 meter koridor sungai telah ditetapkan sebagai kawasan hijau bagi pembangunan menghadap sungai.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL telah mengambil inisiatif bagi memastikan kelestarian kawasan hijau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti menambah rizab kawasan hijau, melalui mewartakan lot-lot kawasan hijau yang berpotensi dan berimpak tinggi selain memantau aktiviti yang dibenarkan di kawasan hijau dalam bandar raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff telah membahaskan isu gerai-gerai penjaja di Kuala Lumpur. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sedikit tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Celah.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Ya, celah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya ucap terima kasih lah pada Yang Berhormat Menteri yang menjawab apa yang saya tanya. Saya hendak tanya tentang soal kawasan hijau ini. Saya tengok begitu dahsyat pembangkang memfitnah Menteri, Datuk Bandar, Timbalan Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

So, apakah perkara ini hendak dibiarkan berlalu begitu sahaja kerana saya *attend* dua atau tiga perjumpaan yang mempersoalkan kemajuan pembangunan tidak boleh buat di kawasan itu. Kita yang orang muda yang hendak beli rumah ini hendak beli dekat mana. Adakah kalau orang tinggal tahun 60an, kalau depannya ada kawasan hijau, sudah tidak boleh hendak majukan kerana pentingkan tentang keindahan apa semua. Sedangkan ini adalah bandar raya Kuala Lumpur. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan soal masalah inilah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal. Yang Berhormat, kalau lihat pada cara yang kita lakukan di Kuala Lumpur ini, kita memberi kepentingan kepada rakyat. Kita melihat dari sudut kepentingan rakyat. Kita lakukan sesuatu yang memberi faedah dan manfaat kepada rakyat. Kita tidak mengambil kira isu-isu lain, yang pentingnya pertama kita kepentingan, keutamaan kepada kepentingan rakyat.

Apa yang diberitahu oleh pembangkang dan sebagainya, mereka tidak dengar apa yang kita sudah biasanya menjawab. Dalam hari ini kita telah menjawab dengan segala faktor. Faktor-faktor yang perlu kita tahu setiap *figure*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita telah jawab mengikut setiap *figure*.

Kita tahu berapa kawasan lapang kita ada, berapa kawasan hijau ada, adakah kita sudah melanggar penetapan-penetapan yang telah diberi pada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Setakat hari ini saya boleh nyatakanlah di sini bahawa kita tidak melanggar mana-mana piawaian, kita tetap ikut apa yang kita perlu lakukan. Oleh itu saya rasa yang fitnah akan terus fitnahlah. Akan tetapi yang perlu kita tahu rakyat kena tahu yang mana betul. Saya teruskan...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya mohon mencelah.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua hendak celah sekali. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mencelah, hendak sambung apa yang ini, tetapi sebelum daripada itu saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Pembangunan Masyarakat Parlimen Rembau dan Persatuan Kebajikan Masyarakat Kaum India Karak, Pahang ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Selamat datang... *[Tepuk]*

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu bersamaan dengan, kadang-kadang pembangunan itu sudah pun diluluskan di depan, kawasan hijau itu tinggal di belakang. Tidak ada faedah lagi kawasan hijau itu. Apa yang akan dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di kawasan seperti itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak ucap tahniah kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana telah berjaya mengekalkan kawasan-kawasan yang hijau yang berada di dalam bandar raya Kuala Lumpur. Akan tetapi kemusykilan saya apakah jaminan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seandainya ada di kalangan pemaju-pemaju yang begitu rakus untuk mengambil kawasan-kawasan hijau ini. Sebab saya tengok sebahagiannya ada juga berlaku di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di kawasan Wilayah Persekutuan, digazet kawasan hijau tetapi tiba-tiba kita lihat kawasan hijau telah dinaikkan bangunan dan sebagainya. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin dan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, kalau tanah lapang itu dijadikan gazet, diwartakan sebagai tanah lapang, tanah itu akan dibiarkan untuk digunakan oleh rakyat, masyarakat di sekitar kawasan itu dan tidak akan digunakan untuk hal lain kecuali kita hendak memberi satu, menjadikannya sebagai satu tempat rekreasi. Tanah kosong ini dijadikan taman rekreasi masih dalam piawaian tanah hijau, kawasan hijau.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Abbas pula berkenaan dengan soalan ini yang rakus ini. Tidak adalah rakus. Yang kita lihat kalau dia memberi manfaat dari segi pembangunan ekonomi terhadap rakyat dan masyarakat, kita akan benarkan tanah itu digunakan. Kalau tidak kita

tidak benarkan. Itulah pendirian Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur terdapat pelbagai jenis gerai penjaja iaitu gerai penjaja pasar dan pusat penjaja, gerai penjaja pasar pagi dan pasar malam dan gerai penjaja beredar dan juga gerai penjaja tepi jalan. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya mempunyai rancangan untuk menaik taraf gerai-gerai berlesen di Kuala Lumpur.

Antara rancangan dan kaedah untuk menaik taraf gerai-gerai penjaja di Kuala Lumpur adalah seperti berikut. Gerai penjaja pasar dan pusat penjaja. Bagi gerai penjaja pasar dan pusat penjaja berbangunan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus melaksanakan transformasi gerai di pasar dan pusat penjaja yang telah uzur atau yang tidak berdaya saing bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan berdaya maju. Untuk itu DBKL telah memperluaskan program transformasi ini melalui kaedah seperti dilaksanakan pembangunan semula pasar dan pusat penjaja dan juga mengesyorkan konsep *outsourcing*, pengurusan gerai pasar dan pusat penjaja.

Kedua-dua konsep ini dilihat berjaya dilaksanakan di projek pembangunan semula Pasar Bukit Bintang yang kini diurus oleh sebuah pengurusan swasta dalam suasana pasar dan pusat penjaja yang lebih moden dan teratur. Keadaan ini secara langsung telah meningkatkan tahap gerai penjaja dan secara langsung mempertingkatkan tahap penjaja ke arah yang lebih berdisiplin dan maju.

Gerai penjaja pasar pagi terbuka dan pasar malam. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah merancang dan melaksanakan program transformasi pasar malam pada tahun 2015 sehingga kini.

#### ■1640

Melalui program ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah berjaya membentuk struktur organisasi pasar malam yang mantap, melalui penganjur-penganjur pasar malam Kuala Lumpur bagi menyusun semula dan memperkemaskan penampilan gerai penjaja pasar malam. Sehingga kini, hampir 80 buah pasar malam telah diperkemas dari segi pengurusan dan kebersihan di Kuala Lumpur. Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga mengkaji dan melaksanakan program yang sama terhadap pasar pagi terbuka di seluruh Kuala Lumpur.

Gerai penjaja tepi jalan. Menjelang tahun 2020, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyasarkan Kuala Lumpur sifar penjaja tepi jalan. Apa yang dimaksudkan sebagai penjaja tepi jalan adalah penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan secara statik atau sementara di tepi-tepi jalan seperti di bahu jalan dan siar kaki.

Terdapat sebanyak 12,227 penjaja tepi jalan yang berlesen sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur ketika ini. Kewujudan penjaja tepi jalan ini menimbulkan beberapa isu seperti kekotoran dan halangan lalu lintas, termasuk penglibatan warga asing sebagai penjaja.

Tuan Yang di-Pertua, imej Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga menjadi kurang baik apabila penjaja-penjaja ini tidak dikawal dan disusun dengan baik. Oleh yang demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah merancang perkara berikut:



- (i) mengkaji semula struktur permohonan dan syarat lesen termasuk had tempoh pemilikan lesen penjaja tepi jalan bagi menangani masalah penambahan penjaja tepi jalan;
- (ii) menyusun dan menaik taraf semula penjaja struktur gerai atau penempatan semula penjaja melalui beberapa kaedah yang sesuai dan menjimatkan; dan
- (iii) melaksanakan perubahan konsep perniagaan penjaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff telah membahaskan isu masalah kepadatan penduduk di Kuala Lumpur.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah lagi sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak celah lagi? Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tadi dengar penjelasan berkaitan dengan penjaja. Saya tahu ramai, ribu-ribu, berpuluh ribu peniaga yang berlesen, yang tidak ada lesen atas budi ihsan kemanusiaan kementerian dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membenarkan mereka berniaga.

Pertamanya saya hendak tanya dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, ada atau tidak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai perancangan berkaitan dengan penjaja *food truck* yang saya difahamkan kita ada bajet RM120 juta dalam bajet baru-baru ini yang hendak diagihkan? Saya hendak tahu sama ada- sebab saya tanya KPKT, dia kata kementerian lain. Tidak tahu sama ada di Kementerian Wilayah Persekutuan ini bagaimana kaedahnya. Oleh sebab *food truck* ini dapat sambutan yang baik.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana bagi *food truck*, makan percuma, minum percuma sempena Perhimpunan Agung UMNO. Satu respons yang cukup baik. Saya rasa ini yang kena tengok kerana kalau ada RM120 juta, saya kalau boleh, 30 peratus, 40 peratus daripada permohonan mesti datang daripada peniaga-peniaga dalam Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator, memang cadangan Yang Berhormat Senator ini begitu bagus. Memang kita mengharapkanlah daripada RM120 juta yang diperuntukkan ini akan diberikan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan juga Perbadanan Labuan untuk melaksanakan program *food truck*.

Seperti mana Yang Berhormat Senator sendiri tahu kita telah berjaya menunjukkan kebijaksanaan dan kelebihan kita semasa Perhimpunan Agung UMNO. Saya juga ingin memaklumkan di sini, Yang Berhormat Senator sendiri adalah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Peniaga Kecil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ini bolehlah Yang Berhormat Senator sendiri... [*Tepuk*]

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya kena ini sedikit. Oleh sebab itu saya tidak pernah tinggal pakai *tie* Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sejak hari pertama saya jadi Senator, saya tidak pernah tinggal. Ini saya tengok Yang Berhormat Menteri pun tidak pakai. Saya

cuma cadangkanlah Kementerian Wilayah Persekutuan dan kawan-kawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pakai *tie* Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa ini, dia Pengerusi Penjaja di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa pun pakai *tie* serupa dengan pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang datang hari ini. Cuma Yang Berhormat Menteri tidak pakai.

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa ini umpamanya “Sudah gaharu, cendana pula”, “Kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak nampak”. Itulah umpamanya. Terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya, saya hendak celah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, kalau pasal *tie* dan kasut, dengan jaket, tolonglah.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak cakap pasal jaket, kasut.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tidak, tidak. Saya ini bertanya kerana dalam Dewan ini yang paling sesuai saya tanya sebab lembaga penasihat jaga hal ehwal peniaga ini dan juga *food truck* ini, saya kena tanya dalam Dewan ini supaya semua tahu keadaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya, tarik balik ya.

**Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya. Untuk maklumat kedua-dua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja, ahli pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bolehlah pakai *tie* dia. Kita dari Kementerian Wilayah Persekutuan, untuk maklumat. Bukan Kementerian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Ada pula datang sini cakap pasal *tie*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Menteri, jangan marah.

**Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff telah membahaskan isu masalah kepadatan penduduk di Kuala Lumpur.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, ini saya hendak – Macam tadi jugalah soalan ini. Kuala Lumpur menyasarkan penduduk 2.2 juta orang menjelang tahun 2020, dengan purata kepadatan penduduk 90 orang per hektar, berbanding dengan kepadatan penduduk 73 orang per hektar pada tahun 2017. Sasaran penduduk ini adalah berdasarkan pertumbuhan penduduk semula jadi, *carrying capacity*, dengan izin, sesuatu kawasan, keupayaan menampung beban infrastruktur, kemudahan awam serta kesediaan tanah untuk pembangunan akan datang.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menggalakkan pertumbuhan ekonomi bandar yang berdaya saing, berdaya huni serta inklusif dengan mengambil kira pembangunan kepadatan tinggi ini untuk

memungkinkan ekonomi bandar serta menawarkan potensi terbaik dan mendorong kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya celah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ada satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator dalam perbahasan ada...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya masuk dalam perbahasan isu ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang saya setuju dan saya puji Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membangunkan Kuala Lumpur secara tersusun dan teratur.

Akan tetapi ada satu perkara yang mungkin tidak diberi perhatian. Ini ialah kemasukan mereka yang dahulu kerja di estet-estet. Misalnya estet-estet RRI yang telah dijual, mereka telah masuk dan mereka ini berkeliaran di Kuala Lumpur. Tidak ada tempat yang tetap hendak duduk dan mereka tinggal di kaki lima, tanah lapang, kadangkala dihalau ke sana sini.

Maka saya hendak tanyalah dalam keadaan begini, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai satu rancangan untuk mengatasi masalah ini seperti memberi perumahan kepada mereka ini dengan bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, boleh saya jawab selepas saya habiskan jawapan ini? Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan memastikan pembangunan berintensiti ini mempunyai pelbagai aktiviti yang saling melengkapi untuk memastikan sesuatu projek *economically and financially viable*, dengan izin, dengan nilai tanah yang tinggi, pembangunan kepadatan tinggi dapat menawarkan hartanah pada harga yang berpatutan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator juga, kepadatan penduduk bagi sesuatu kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menggambarkan keadaan positif daripada sudut ekonomi kerana nilai tanah di kawasan ini telah pun meningkat tinggi.

#### ■1650

Disebabkan nilai tanah ini yang telah meningkat, maka kepadatan penduduk juga akan meningkat. Adalah tidak lagi *economic* bagi tanah yang tinggi nilainya kekal dengan kepadatan yang lama. Antara langkah-langkah rancangan yang diambil untuk menangani masalah kepadatan penduduk adalah:

- (i) memastikan pembangunan tersebut mempunyai kemudahan pengangkutan awam bersepadu berasaskan prinsip pembangunan berorientasikan transit fokus kepada pembangunan bercampur, komersial dan kediaman berintensiti tinggi serta pusat pekerjaan yang mudah diakses dengan pengangkutan awam;
- (ii) pembangunan berasaskan transit *orientated development*, dengan izin, juga akan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan akses ke stesen transit dan kawasan sekitar melalui berjalan kaki, berbasikal dan menaiki bas;

- (iii) menggalakkan pembangunan bercampur untuk memastikan pelbagai aktiviti guna tanah dapat dijalankan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan mengurangkan pergerakan lalu lintas;
- (iv) menyediakan keperluan kemudahan awam secara bersepadu, mengintegrasikan pelbagai aktiviti mengikut jenis kemudahan, kemudahsampaian untuk semua golongan masyarakat;
- (v) memastikan kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA), dengan izin, disediakan untuk setiap pembangunan kepadatan tinggi bagi penyuraian kelancaran lalu lintas keluar dan masuk serta mengenal pasti laluan *missing link* penyuraian trafik.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, berkenaan dengan rancangan untuk penduduk-penduduk estet yang telah dikeluarkan dari estet dan mencari tempat tinggal. Bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dengan secara khususnya kita tidak mengambil bahagian dalam hal-hal ini.

Akan tetapi ini adalah satu dasar yang perlu dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Mereka boleh gunakan dasar itu untuk kita sebagai satu agensi kerajaan tempatan, PBT untuk melaksanakannya. Akan tetapi di Kuala Lumpur, kita mempunyai program untuk setinggan-setinggan, untuk kawasan-kawasan setinggan, di mana kita bila membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan ini kita ada perancangan untuk perumahan mereka. Di mana kita cuba kekalkan mereka di kawasan tersebut supaya mereka tidak dikeluarkan, dengan izin, *displaced*. Kita membina mereka rumah-rumah pangsa 800 kaki persegi dan 3 bilik 2 bilik air dan dijual kepada mereka pada harga RM42,000 dan menggunakan dengan cara *smart partnership*.

Seterusnya, kepada soalan keempat daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias yang membahaskan isu kebolehlaksanaan Projek Jambatan Labuan-Menumbok, Sabah. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana atas sokongan terhadap usaha kerajaan dalam memacu ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan.

Sesungguhnya Kerajaan Persekutuan akan sentiasa menitikberatkan soal keseimbangan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan agar menjadi sebuah wilayah yang bukan sahaja pesat pembangunan, malah maju dalam semua bidang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kajian kemungkinan Jambatan Labuan-Menumbok telah diluluskan oleh kerajaan dengan kos berjumlah RM14.31 juta yang baru sahaja diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [*Tepuk*] Pada masa ini, urusan pelantikan konsultan yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan kini sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Wang belum sampai lagi, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan optimis bahawa pelantikan konsultan akan dibuat selewat-lewatnya awal bulan Februari 2018.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani telah membahaskan isu RUMAWIP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program RUMAWIP ini adalah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan bermula tahun 2013 dalam menyediakan perumahan pada harga yang mampu di miliki oleh golongan yang berpendapatan sederhana dan sederhana rendah.

Pelaksanaannya adalah secara inisiatif swasta dan dibiayai oleh institut swasta sepenuhnya tanpa melibatkan sebarang peruntukan daripada kerajaan. Syarat permohonan RUMAWIP menetapkan pendapatan kasar isi rumah bagi pemohon individu- bujang, tidak berkeluarga hendaklah tidak melebihi RM10,000 sebulan, manakala berkeluarga- suami isteri tidak melebihi daripada RM15,000 sebulan, di mana tiada pendapatan minimum bagi isi rumah ditetapkan bagi mereka yang ingin memohon. Kelayakan pembiayaan pinjaman adalah tertakluk kepada kelulusan pihak perbankan berdasarkan kepada polisi yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengkaji dasar sedia ada untuk menurunkan harga Projek RUMAWIP daripada RM300,000 kepada RM260,000 bagi memenuhi keperluan rakyat. Pengutipan wang pendahuluan boleh dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan daripada Jabatan Perumahan Negara.

Lesen ini adalah bagi membolehkan pemaju melakukan jualan dan membuat pengutipan deposit ke atas pemohon yang telah ditapis berjaya selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 [Akta 118]. Sehingga November 2017 sejumlah RM3,662 unit RUMAWIP telah siap dibina, 31,044 unit dalam pembinaan, 20,393 unit akan dilaksanakan yang telah mendapat kelulusan perintah pembangunan dan 26,636 unit dalam perancangan di Kuala Lumpur. Harga yang telah ditawarkan adalah dalam lingkungan RM188,000 hingga ke RM300,000.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini seramai 33,691 pemohon yang masih menunggu untuk membeli RUMAWIP yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan RUMAWIP yang pelbagai harga jualan yang mampu dimiliki oleh golongan berkenaan.

Berdasarkan syarat kelayakan, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL tidak menetapkan gaji minimum bagi permohonan untuk pembelian RUMAWIP. Sekian, saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas keprihatinan dan perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

#### **4.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Bajet 2018 peringkat Dasar dalam sesi sidang Parlimen di Dewan Negara pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengikut pecahan tajuk besar iaitu belia, sukan, kemahiran dan prasarana seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, ada?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2017 KSK- *Sport and Recreation Community Club* (SRCC) di negeri Kelantan telah menerima bantuan antara RM50,000 hingga RM60,000 mengikut jumlah keahlian. Majlis Belia Kelantan menerima bantuan pentadbiran sebanyak RM80,000 dan Majlis Belia Daerah di negeri Kelantan telah menerima bantuan pentadbiran sebanyak RM40,000. Bagi tujuan rekod, suka saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa KBS tidak pernah menyalurkan dana kepada mana-mana parti politik.

Dasar pemberian bantuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah bergerak seiring dengan NGO di dalam melaksanakan program dan aktiviti sebagai usaha mendekati golongan belia bagi mencapai objektif kementerian dan memastikan Dasar Belia Malaysia dan Dasar Sukan Negara dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bantuan hanya disalurkan kepada NGO mengikut ketetapan seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997, pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, Sekretariat Rakan Muda di IPTA dan IPTS yang berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara dan NGO yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan digabungkan dengan Majlis Belia Malaysia (MBM).

#### ■1700

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu-isu mengenai sukan. Terima kasih diucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan pujian dan ucapan tahniah kepada..

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?.

**Datuk M. Saravanan:** Boleh, boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Takut dia pergi jauh sikit yang saya tanya tadi, lupa nak dijawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini sebab dulu NGO memang kita tidak minta atas nama badan politik. Kita minta atas nama NGO itu seperti kalau dulu ada Kelab Sukan Komuniti (KSK) dan Persatuan Belia. Kelab Sukan Komuniti ini dan Persatuan Belia sudah lama tidak ada *fund* untuk bergerak.

Jadi saya nak minta dengan Kementerian Belia lebih-lebih lagi tahun depan kita nak pilihan raya, bagilah sedikit *fund* atau peruntukan kepada KSK atau Persatuan Belia untuk membolehkan belia-belia ini berkumpul di situ untuk membolehkan mereka juga mengadakan aktiviti-aktiviti ataupun kegiatan sukan di KSK dan Persatuan Belia. Saya rasa ini lebih baik sebab tahun depan nak pilihan raya. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Menteri saya mohon mencehah.

**Datuk M. Saravanan:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika ada peruntukan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum- sebab baru *gear* satu ini saya kacau sebab ini baru berlaku semalam. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri kita nak bahas sebelum ini tidak ada dalam agenda kita. Ini baru berlaku semalam saya mohon Yang Berhormat Menteri tolong maklumkan sama ada ketiga-tiga sukan teras yang dikeluarkan. Bolehkah badan-badan sukan ini buat rayuan untuk dimasukkan semula kerana saya bagi contoh sebagai Naib

Presiden Sepak Takraw, kita berjanji kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kita akan bagi dua pingat emas. Walaupun pihak Menteri minta tiga, kita kata kita boleh bagi dua, itu kemampuan kita. Ini adalah kerana apa yang dilakukan oleh Thailand umpamanya, mengubah syarat-syarat supaya mereka itu lebih hebat dalam soal ini.

Jadi kita tengok yang ini kita dihukum apatah lagi sepak takraw ini merupakan sukan warisan orang Melayu di negara kita dan satu lagi taekwondo pun terlibat. Itu sudah bagi tiga emas, itu pun kena hukum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya Presiden Taekwondo.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Oh, *you* Presiden ya?.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya bersimpati dengan Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua sudah *deliver* dengan izin tiga pingat emas, juga kena hukum. Saya cuma nak minta Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan sama ada boleh atau tidak kita membuat rayuan untuk dimasukkan semula kerana kita hendak bangunkan sukan. Bukan kita yang sengaja hendak bagi kalah, tetapi pihak lawan lebih kuat, hendak buat macam mana?. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Bola sepak lagi dalam sukan teras? Yang Berhormat Menteri?.

**Datuk M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu yang disentuh oleh Yang Berhormat mengenai peruntukan untuk aktiviti KSK dan sebagainya saya mohon Yang Berhormat memanjangkan surat permintaan permohonan dan kementerian akan mengkaji dengan dana yang sedia ada dan memberi peruntukan mengikut keperluan semasa dan dana yang sedia ada.

Seterusnya mengenai isu yang telah disentuh oleh Yang Berhormat mengenai tiga sukan teras yang telah dikeluarkan daripada 19 yang ada. Walaupun Yang Berhormat bersimpati kepada Tuan Yang di-Pertua saya yakin, sama ada jadi sukan teras atau tidak, dengan kepimpinan yang begitu bernas oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, taekwondo akan masih berjaya.

Mesyuarat Lembaga untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Lembaga Pengurusan MSN telah diadakan pada 12 Disember 2017, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah bersetuju untuk mengekalkan hanya 16 sukan daripada 19 sukan teras yang ada sebagai sukan teras. Manakala tiga sukan iaitu angkat berat, sepak takraw dan taekwondo digugurkan dari senarai sukan teras yang baru atas beberapa sebab seperti berikut.

Yang pertama angkat berat. Prestasi sukan angkat berat negara semakin merosot. Atlet-atlet juga menghadapi masalah disiplin di mana sebanyak tujuh kes *doping* telah dilaporkan oleh *World Anti Doping Agency* sejak empat tahun yang lepas.

Seterusnya sukan sepak takraw, sukan ini tidak menunjukkan peningkatan prestasi sejak tahun 2006, malah aspek pembangunan juga tidak diberikan tumpuan secara menyeluruh dan keupayaan negara untuk mempertahankan kedudukan ranking dunia turut digugat oleh negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya taekwondo pencapaian tertinggi adalah di peringkat Sukan SEA sahaja. Sukan ini tidak mempamerkan pencapaian yang positif di temasya mana pun mahupun kejohanan-kejohanan antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya ingin sentuh sedikit..

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Menteri saya mencelah sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia belum habis jawab lagi.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tak sebelum jawab saya nak cerita ini sikit, yang ini bukanlah saya cemburu dan peminat-peminat bola sepak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia belum bagi alasan untuk tiga sukan yang digugurkan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ok, ok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar dia habis dulu. Saya pun nak dengar juga.

**Datuk M. Saravanan:** [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kita harus melihat kesan dan implikasi ketiga-tiga sukan ini kerana telah dikeluarkan daripada senarai sukan teras. Pemilihan sukan-sukan sebagai sukan teras negara membawa kesan dan implikasi dalam pembangunan sukan tersebut di antaranya, sukan-sukan yang terpilih sebagai sukan teras akan menjadi sukan wajib dipertandingkan dalam temasya sukan Malaysia.

Ketiadaan dalam senarai sukan teras meletakkan sukan-sukan tersebut dikategorikan sebagai sukan pilihan dan terpulang kepada negeri-negeri tuan rumah untuk memilih sukan-sukan pilihan untuk dipertandingkan dalam Temasya Sukan Malaysia masing-masing. Kedudukan tiga sukan tersebut pada Sukan Malaysia 2018 adalah kekal dipertandingkan, tetapi dalam kategori sukan pilihan sahaja.

Program pembangunan sukan-sukan yang tidak termasuk dalam senarai sukan teras tidak akan diberi keutamaan lagi dan pihak persatuan dituntut untuk membangunkan sukan masing-masing dan pihak kerajaan hanya akan memberi bantuan yang minimum sahaja. Pemilihan atlet untuk dimasukkan ke dalam Program Elite ataupun Podium tidak terjejas dengan kedudukan sesuatu sukan, sama ada dalam sukan teras ataupun tidak.

Penilaian memasuki Program Podium dinilai berdasarkan pencapaian individu atau pasukan yang boleh membuktikan mereka mampu memberi pulangan pingat atau kejayaan di peringkat antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, persatuan-persatuan sukan yang tidak termasuk dalam senarai sukan teras perlu membuktikan bukan saja dari segi prestasi malah turut dinilai dari segi urus tadbir, pembangunan atlet dan penganjuran kejohanan yang berkesan dan akan meningkatkan prestasi atlet secara keseluruhan untuk dipertimbangkan sebagai sukan teras.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan pendirian Yang Berhormat untuk membuat rayuan. Yang Berhormat boleh kemukakan, ketiga-tiga persatuan ini boleh kemukakan rayuan dan rayuan ini akan dipertimbangkan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mencelah lagi sekali. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kalau itulah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Bermakna dalam Podium kita tetap kekal, terima kasih banyak dan kita boleh buat rayuan, itu juga terima kasih. Yang menjadi kemusykilan. Saya bukan cemburu tapi macam mana bola sepak. Bola sepak ini kalau daripada lebih kurang 200 buah negara, kita ada nombor 174, tetapi tidak dikeluarkan pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri suka bola sepak.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jadi saya tidak tahulah saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, apa alasan dia pula sebab kalau takraw, judo ini tidak adalah sampai 200 buah negara yang terlibat. Bola sepak ini dia popular dia...



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ok, silat saya ucap tahniah. Saya Bendahari. Kalau saya tidak bagi duit, silat pun tak menang. Yang ini Naib Presiden ini. So, minta penjelasan daripada.. kerana bola sepak tidak kena hukum. Jadi bukan cemburu tetapi biar adil. Sekian, terima kasih

■1710

**Datuk M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan. Timbalan Menteri boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis, tidak boleh jawab?

**Datuk M. Saravanan:** Memandangkan keputusan ini adalah daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Kementerian Belia dan Sukan boleh jawab atau tidak boleh jawab?

**Datuk M. Saravanan:** Boleh jawab. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat keputusan ini adalah keputusan lembaga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi cakap yang bola sepak.

**Datuk M. Saravanan:** Tidak. Keputusan mengeluarkan tiga persatuan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk M. Saravanan:** Adalah keputusan Lembaga Pengurusan MSN yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Maka, permintaan ataupun cadangan Yang Berhormat akan disampaikan kepada peringkat Yang Berhormat Menteri dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cadangan apa Yang Berhormat? Dia minta soalan, bola sepak macam mana?

**Datuk M. Saravanan:** Itu, permintaan ini akan disampaikan kepada pengurusan MSN. Dia lembaga membuat keputusan. Soalan tadi itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad, dia akan beri jawapan secara bertulis ya Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M. Saravanan:** Boleh. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu sukan. Terima kasih diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pujian dan ucapan tahniah kepada semua atlet negara yang telah berjaya mengharumkan nama negara pada temasya Sukan Kuala Lumpur 2017 yang lalu.

Malaysia telah berjaya menjadi juara keseluruhan Sukan SEA 2017 dengan memenangi 145 pingat emas dan naib juara Sukan Para ASEAN dengan kutipan 90 pingat emas. Saya serta warga KBS ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada mereka. Selain itu, tidak dilupakan juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan temasya sukan dwitahunan ini. Kita dapat melihat semua pihak telah memainkan peranan dan menjalankan tugas masing-masing dengan bersungguh-sungguh tanpa mengira usia, pangkat, agama dan bangsa. Syabas diucapkan kepada semua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mohan A/L Thangarasu. Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk M. Saravanan:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu, KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) masih meneruskan program pelapis di peringkat kebangsaan, serantau dan negeri yang memberi penumpuan kepada 16 jenis sukan teras. Program

pelapis ini dilaksanakan dengan melibatkan pemegang taruh seperti Majlis Sukan Negeri dan persatuan sukan di negeri-negeri di dalam memastikan kesinambungan atlet-atlet remaja berpotensi untuk meneruskan pencapaian sukan negara di peringkat antarabangsa.

Sehingga kini, Program Pelapis Kebangsaan mempunyai seramai 290 atlet, Program Pelapis seramai 86 atlet dan Program Pelapis Negeri seramai 4,590 atlet di seluruh negara. Dalam merancang program pembangunan di peringkat akar umbi, KBS juga sedang melaksanakan beberapa program seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara yang melatih seramai 23,525 pemain muda di seluruh negara. Manakala Program Pembangunan Ragbi Negara pula telah mendapati penyertaan sebanyak 13,233 pemain lelaki dan 3,937 pemain wanita.

Seterusnya program pembangunan sukan berbasikal iaitu *Junior Cycling Malaysia* (JCM) telah pun menganjurkan sebanyak tujuh *circuit* bagi tahun 2017 dan mendapat penyertaan seramai 5,357 orang dalam pelbagai acara yang dipertandingkan.

Selain daripada itu, KBS melalui Institut Sukan Negara atau pun ISN juga sedang melaksanakan program-program yang mampu menjadi platform dalam mencungkil bakat baru dalam sukan dengan memperluaskan tapak pencarian bakat iaitu dengan menyaring bakat di peringkat akar umbi melalui kaedah saintifik dan teknologi.

Program pencarian bakat dijalankan secara menyeluruh termasuk sekolah-sekolah di kawasan pedalaman dan bandar. 'Program Kompos Juara' diperkenalkan bagi membolehkan pemantauan perkembangan bakat sukan yang lebih cekap dengan kos yang lebih rendah melalui pembangunan sistem pintar yang boleh menjalankan potensi masa hadapan atlet melalui program *prick test* yang turut mengambil kira aspek kematangan individu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program *current outreach* juga dilaksanakan bertujuan untuk memperluaskan pendedahan dan penglibatan sukan di kawasan luar bandar serta kawasan yang kurang pendedahan sukan melalui jurulatih yang bertauliah. Ini dapat meningkatkan peluang kepada peserta yang berbakat dengan pendedahan latihan secara sistematik pada peringkat awal supaya bakat dan kebolehan dapat ditonjolkan daripada 12 pusat latihan sedang beroperasi di negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Johor dan Kelantan. Manakala tiga lagi pusat latihan baharu akan ditubuhkan di Zon Utara, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-pertua, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Sila beri secara bertulis.

**Datuk M. Saravanan:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya adalah adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai rancangan untuk melantik guru-guru sukan khususnya dari *specifically* dari *sports*. Kalau sekiranya dia adalah guru bola sepak, adakah guru itu mempunyai atau kementerian mempunyai program untuk guru iaitu menjadi *coach* yang bertauliah dengan izin.

**Datuk M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan ataupun AKK di bawah

Institut Sukan Negara dengan kerjasama Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menganjurkan kursus-kursus kejurulatihan, kursus sains sukan dan kursus sukan spesifik secara berterusan bagi guru-guru sukan ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada ini.

**Datuk M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, KBS akan meneliti cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk penyelenggaraan dan menaik taraf padang bola sepak. KBS akan meneliti cadangan penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan sukan termasuk padang bola sepak secara berjadual bagi memastikan kemudahan-kemudahan sukan dapat digunakan secara optimum.

KBS juga amat mengalu-alukan inisiatif oleh pihak kerajaan negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyelenggarakan dan menaik taraf kemudahan sukan seperti padang bola sepak di bawah bidang kuasa masing-masing. Bagi tujuan rekod, saya ingin memaklumkan bahawa keadaan padang Stadium Bukit Jalil kini adalah dalam keadaan terbaik. Keadaan rumput serta permukaan padang bola sepak tidak lagi rosak kerana sistem *drainage* dengan izin, telah dinaiktarafkan sepenuhnya pada tahun 2015. Padang juga telah diuji oleh MSN bagi program NFDP komuniti pada bulan Mei 2017, Sukan SEA pada Ogos dan September 2017 serta Hari Sukan Negara pada Oktober 2017.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pembinaan Gelanggang Futsal 1Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, mohon mencelah lagi. Saya ada mencadangkan supaya dewan-dewan yang ada gelanggang badminton ini yang lengkap dengan parkir dan sebagainya tidak disewakan kepada majlis perkahwinan. Ini kerana akibat daripada tumpahnya kari, dalca, sirap, sirap bandung dan sebagainya merosakkan dewan itu dan kegunaannya terpaksa dibatalkan oleh persatuan-persatuan sukan. Tidak boleh masuk sebab rosak habis dewan. Jadi saya mencadangkan supaya dewan-dewan seperti ini jangan digunakan untuk majlis perkahwinan. Majlis perkahwinan boleh, gunakan untuk pelamin boleh tetapi makan di luar dalam khemah yang disediakan oleh tender-tender. Itu cadangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan-dewan di bawah Kementerian Belia dan Sukan?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Dewan sukanlah. Misalan stadium badminton misalan. Di bawah itu semua parkir yang mahal kita bina tetapi bila digunakan untuk ataupun dewan-dewan komuniti Tuan Yang di-Pertua, dewan-dewan komuniti ini kita sudah buat siap dengan parkir tetapi kerana kita hendak melayan komuniti hendak guna untuk majlis perkahwinan, ia rosak.

#### ■1720

Bila tumpah kari ini semua di atas, bila kita basuh, parkir itu tercabut habis. Apatah lagi kalau kontraktor yang bina dewan itu, dia pun cari makan lebih sikit, dia kurang gam parkir itu, lagi teruk parkir itu tercabut semua, dah tak boleh guna. Akhirnya tak boleh guna. Jadi saya cadangkan pelamin boleh

buat dalam dewan untuk orang masuk melihat pengantin tetapi makan di luar. Jadi, tidak mengganggu gelanggang itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu cadanganlah, Yang Berhormat.

**Datuk M. Saravanan:** Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Seterusnya pembinaan gelanggang Futsal 1Malaysia. Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yasim?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada, tak ada.

**Datuk M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk M. Saravanan:** Ada ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS mengucapkan terima kasih dan menyambut baik cadangan tersebut di mana memberikan kemudahan bersukan setiap Parlimen di Bandarraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, KBS akan meneliti perkara ini dahulu supaya jika dilaksanakan nanti akan dapat memastikan semua kemudahan digunakan dengan optimum dan dijaga dengan baik termasuk dengan cadangan Yang Berhormat supaya kita tidak mengadakan majlis-majlis jamuan makan dan sebagainya dalam dewan. KBS sememangnya mempunyai perancangan untuk menambah kemudahan dan fasiliti sukan yang berkualiti kepada rakyat secara berperingkat mengikut peruntukan yang diberikan oleh kerajaan.

KBS juga bersedia melihat semula kemudahan sukan yang terdapat di seluruh negara bagi memastikan ia dapat digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Ini seterusnya dapat menggalakkan aktiviti riadah dan bersukan dan seterusnya meningkatkan lagi tahap kesihatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, Yang Berhormat.

**Datuk M. Saravanan:** Boleh.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan perkara ini kerana saya pernah buat semasa saya Ketua Pemuda tahun 1998 sehingga 2004. Kita pilih padang sekolah dalam satu Parlimen, kita jadikan ia sebagai pusat untuk membina budak-budak yang masuk Darjah Satu di Parlimen itu dan kita minta cikgu melatih mereka untuk melahirkan pemain bola yang berkualiti. Kalau ramai pemain boleh jadi pemain yang berkualiti di peringkat umur yang muda, kita akan dapat pemain-pemain bola yang baik dan disiplinnya baik.

Sebab itu pandangan saya masa saya berucap hari itu, dia ada tiga skop dekat sana. Dewan Bandaraya, kita minta dia jaga padang itu baik-baik. Kementerian Belia dan Sukan dengan program belianya, sukannya. Apa-apa sukan pun kita bina di setiap Parlimen daripada akar umbi. Yang Kementerian Pendidikan sebagai tempat dia, dia ada pengawal dia yang menjaga kawasan itu dan TNB dia *sponsor* lampu untuk kegunaan hari Jumaat malam boleh, hari Sabtu malam dan setiap hari Jumaat malam, Sabtu dan juga Ahad siang.

Tujuan dia, banyak masalah sosial boleh selesai, kualiti bola sepak kita boleh tinggi. Kualiti bola sepak boleh tinggi tak semestinya kita perlu ada tempat yang canggih, bagaimana nak naikkan

pemain bola kerana pemain bola datang daripada akar umbi. Latihannya, gurunya diberi sijil sekurang-kurangnya kelas B.

Saya beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di Iceland ya, Iceland penduduk dia 400,000 tetapi *team* dia masuk pusingan akhir *World Cup*. Dia dulu banyak *problem*, 20 tahun dahulu, kerana dengan masalah sosial, 45 *percent* dia punya itu. Sekarang ini lima *percent* sebab dia ada program-program. Saya tak nak sentuh program sosial. Macam mana dia bina pasukan bola dia? Dia bina pasukan bola dia kerana Iceland adalah negara yang sejuk dan berhampiran dengan Greenland, so dia punya kesejukan di dalam bulan panas, musim panas, lima ke 10 darjah *Celsius* padang dia. Jadi orang tak nak main bola. Orang tak boleh nak main bola atas padang rumput.

Apa dia orang buat? Dia orang cipta satu teknologi untuk membina padang berhampiran padang sekolah. Dia panaskan, dia *heat* padang bola itu, akhirnya jadi macam biasa dan akhirnya mereka dapat melahirkan pemain-pemain di peringkat umur lima ke enam tahun dah boleh main bola. Sekarang ini Iceland masuk *World Cup*. Tempat dia bukan ada stadium yang canggih, apa semua tetapi cara itu. Cara kita ini. Kerana apa? Saya agak terkejut bila Presiden FAM, Yang Mulia Tengku Mahkota Johor beritahu pemain bola kita besar kepala.

Kalau besar kepala, kita ada stadium, ada canggih macam mana pun, kalau disiplin ini tidak ada, tidak boleh berjaya. Sebab itu saya- saya dulu pemain bola, Tuan Yang di-Pertua. Saya main bola dulu bawah 20 tahun, hampir-hampir nak main tinggi tetapi malas *training*, *out you go...*

**Seorang Ahli:** Tak ada disiplin jugalah.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Ha! Memanglah tak ada disiplin... [*Dewan ketawa*] Tak, saya nak beritahu ini, Yang Berhormat Menteri, sebab kita kena ada gabungan di padang sekolah itu dibuat- Kementerian Pendidikan peranan dia apa, Dewan Bandaraya peranan dia apa. Ini saya cerita bab dalam KL kerana kita padang mungkin kurang tetapi dengan cara ini, kos yang rendah, kita bagi cikgu ini elaun lebih sikit untuk buat latihan, kita total setahun, tak banyak modal, kita boleh lahirkan pemain-pemain yang ada kualiti.

Surat khabar dua minggu lepas, anak Melayu jurulatih hoki terkenal yang bermain untuk Perak dan juga Johor, dia pergi kerja dekat Scotland, dia boleh bina satu tim kelab hoki yang tak ada nama, akhirnya boleh main dalam Liga Scotland. Kerana apa? Kerana ada karakter-karakter yang sebegitu di sana.

Jadi saya *volunteer* kan diri saya. Kalau Yang Berhormat Menteri ingat nak untuk bantu kertas kerja ini, pandangan ini, cadangan ini, saya boleh buat sebab saya pernah mengurus pasukan bola itu di sekolah. Semua sekolah buat latihan di situ. Budak Darjah Satu masuk, kita bagi *form* untuk isi dan datang dekat sekolah, semua sekolah *training by* guru yang ada sijil. Akhirnya, kita boleh dapat pemain yang berkualiti. Itu pandangan sayalah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta nak tolong kementerian atau nak jadi *FAM President?*... [*Dewan ketawa*]

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, *you* kena cakap dengan Menteri secara jelas.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah peminat bola sepak. Saya kecewa dengan permainan bola sepak Malaysia. Permainan bola sepak Malaysia

menyusahkan orang kepada kawan kepada kawan kepada kawan tetapi bola sepak dan sukan lain, *philosophy* dia adalah menyenangkan, menyenangkan, menyenangkan dan skor gol. Ini *philosophy* bola. Sebab itu Zidane kah, Messi kah, apa semua ini, dia orang bukannya seorang yang apa ini tetapi dia *passing* bola, *grounder* senang *receive*, senang *turning*, senang semua. Itu dia bola sepak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Ini bola sini, *first touch* sini, lutut apa. Mana boleh main. Jadi, kualiti itu kena ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Yang Berhormat, saya tengok gaya Yang Berhormat pun saya ingat Yang Berhormat pandai main bolalah. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cadangan, cadangan.

**Datuk M. Saravanan:** Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat dan isu ini adalah amat dekat dengan hati saya di mana cadangan yang cukup baik.

Hari ini kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah besar yang kita hadapi hari ini ialah kekurangan padang-padang di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar kerana satu ketika dahulu masa Tuan Yang di-Pertua jadi belia, hampir semua kawasan perumahan dilengkapi dengan padang tapi hari ini dengan pembangunan yang begitu pesat, kita telah kehilangan padang-padang.

Saya pernah duduk dalam Dewan yang mulia ini sebagai Ahli Dewan Negara dan telah mencadangkan kepada kerajaan supaya Akta Perancang Bandar dikaji semula kerana kita menghadapi masalah. Saya pernah jadi Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan sebelum ini juga. Akta Perancang Bandar ini harus dikaji semula supaya kelulusan diberi dengan syarat tukar kawasan lapang kepada padang. Sebab apa? Apabila kita meluluskan pembangunan, kita menetapkan kawasan-kawasan khas sebagai kawasan lapang tetapi kawasan lapang itu lama-lama jadi kawasan perniagaan. Maka kita tukar pendekatan ini, jangan lagi kita gunakan kaedah kawasan lapang sebab kita tengok semua kawasan lapang akan jadi kawasan penjaja sebelum kawasan-kawasan itu dibangunkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, so kemerosotan bola sepak kerana tidak ada padang?

**Datuk M. Saravanan:** Salah satu sebab. Hari ini kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan belia hari ini sebab tak ada padang, mereka terpaksa main futsal. Futsal boleh menambahkan stamina tetapi dia tak akan melahirkan pemain yang berskil, berskala. *If you want a skillful player, then you must go and playing in the football field, not in the futsal.* Futsal mungkin *you* ada stamina.

#### ■1730

Maka perancang bandar kita perlu mengkaji semula supaya apabila kelulusan diberi, kita meletakkan syarat setiap kawasan pembangunan harus memberi ruang kepada padang.

Cadangan Yang Berhormat tadi melibatkan- memandangkan terlibat dengan tiga kementerian, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan juga agensi lain, maka ini melibatkan keputusan dasar tetapi saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, ini akan dikaji secara mendalam supaya kita lihat kaedah yang terbaik untuk melaksanakan. Saya cukup pasti ini akan membawa perubahan yang besar di kalangan belia supaya masa mereka digunakan secara baik dan berhemah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir, 14 kompleks sukan baru yang akan dibina di beberapa negeri di seluruh negara menyediakan kemudahan bagi atlet OKU. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan, KBS akan mengambil kira keperluan untuk golongan OKU dalam pembinaan kompleks sukan dan kemudahan sukan termasuklah 14 kompleks sukan yang akan dibina supaya mereka dapat turun menggunakan *facility* tersebut dan menyediakan diri mereka untuk menyertai sukan-sukan OKU di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan saya ke atas pertanyaan yang telah dikemukakan oleh semua Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Bajet 2018 peringkat dasar dalam sesi sidang Dewan Negara kali ini. Segala pandangan dan teguran serta cadangan yang telah dikemukakan, saya ambil maklum dan saya akan memastikan penambahbaikan dapat dibuat bagi meningkatkan mutu pembangunan belia dan sukan ke arah pembinaan bangsa dan negara Malaysia yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Sekian, terima kasih. Majulah sukan untuk negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Silakan.

#### 5.32 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Selamat petang dan salam 1Malaysia negaraku.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang lalu. Sepanjang perbahasan, seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan sebanyak enam perkara yang akan saya jelaskan pada petang ini.

#### *[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama, program *Food Truck* 1Malaysia atau FT1M yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Program *Food Truck* 1Malaysia (FT1M) merupakan program di bawah petunjang kelima Bajet 2018 untuk menjana dan meningkatkan pendapatan rakyat. Pinjaman mudah sebanyak RM120 juta disediakan melalui Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional dan kerajaan memberi subsidi kadar faedah sebanyak empat peratus ke atas pinjaman tersebut.

Bagi menjayakan program FT1M ini, perancangan telah pun dibuat oleh kementerian meliputi aspek pembangunan modal insan serta penyediaan prasarana yang sesuai seperti tapak perniagaan yang dikenali sebagai *hotspot* dan *pitstop* bagi kemudahan pengusaha FT1M. Program ini juga menekankan aspek peningkatan kapasiti pengeluaran menggunakan kaedah *central kitchen* dan *francais*. Penglibatan golongan sasar seperti graduan, peniaga-peniaga baru serta peniaga-peniaga

sedia ada, adalah dialu-alukan sebagai salah satu sumber bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup.

Pada masa yang sama, KPDNKK sedang merangka model perniagaan yang sesuai bagi memastikan peniaga *food truck* di bawah program FT1M berdaya maju. Penyediaan Prosedur Operasi Standard atau SOP akan dilaksanakan bagi syarikat-syarikat yang mampu untuk melaksanakan program ini mengikut kluster perniagaan yang sesuai. Konsep dan model perniagaan yang tersusun, lebih baik dan teratur bukan sahaja untuk memastikan syarikat-syarikat pelopor berdasarkan perniagaan kluster atau *cluster base business concept* serta harga barangan jualan terkawal, malah individu yang terlibat dalam program ini juga dapat menjana pendapatan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua...

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit pasal *food truck* ini sebabnya saya difahamkan ada geran pada bajet yang baru ini RM120 juta. Apa yang saya hendak minta dalam Dewan yang mulia ini, sebab saya juga adalah sebagai Pengerusi Persatuan Penjaja dalam Dewan Bandaraya, sebab kita ada 50,000-60,000 peniaga-peniaga dan Dewan Bandaraya mempunyai perancangan untuk menaiktarafkan mereka ini.

Jadi, apakah kaedah kementerian yang boleh melihat kepada peniaga-peniaga yang ramai sungguh di dalam Kuala Lumpur ini? Saya kalau boleh ada sedikit, ada *certain* peratusan kuota untuk peniaga khusus di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk dinaiktarafkan mereka untuk menjadi peniaga-peniaga yang membawa *food truck* ini. Jadi saya hendak tahu, bagaimana kaedah-kaedah, sama ada di kementerian mahupun di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, permohonan dia bagaimana? Kalau ia melalui Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun boleh menyenangkan perkara yang sebegini, lebih baik kita menyenangkan mereka yang hendak membuat permohonan itu. Kaedah dia itu, saya cuma hendak tahu bagaimana dan berapa peratus kalau boleh diberi kuota kepada peniaga-peniaga DBKL.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Pembahagian peruntukan sebanyak RM120 juta ini untuk negeri-negeri ataupun wilayah, belum ditetapkan dan tentu sekali ia bergantung kepada keperluan dan permohonan daripada negeri-negeri ataupun wilayah nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada isu yang kedua yang dibangkitkan iaitu Pembangunan Koperasi Orang Asli oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Ada? Okey.

KPDNKK melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi galakan dalam pembangunan perniagaan koperasi dan menyediakan insentif bagi membantu pembangunan koperasi-koperasi di Malaysia termasuk Koperasi Orang Asli. Kemudahan bantuan pembangunan turut diberikan kepada Koperasi Orang Asli bagi tujuan memantapkan perniagaan yang diceburi. Bantuan-bantuan ini adalah dalam bentuk penambahbaikan infrastruktur bagi membolehkan koperasi menjalankan perniagaan seperti bantuan pembelian peralatan, mesin dan kelengkapan untuk perniagaan koperasi.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, SKM telah menempatkan pegawai penyelia SKM di setiap negeri dan daerah di seluruh negara. Mereka ini berperanan memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada koperasi-koperasi dalam aspek tadbir urus serta pembangunan perniagaan termasuk kepada Koperasi Orang Asli. SKM akan memperhalusi cadangan Yang Berhormat supaya ditempatkan



pegawai SKM di Jabatan Kemajuan Orang Asli atau JAKOA, bagi memastikan Koperasi Orang Asli tidak ketinggalan dan mampu berdaya saing seperti koperasi-koperasi yang lain.

▪ **1740**

Isu yang ketiga, tindakan terhadap pemilik portal pembangkang oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun. Ada? Tiada. So jawapan akan diberi secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bertulis. Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Keempat, isu Program Penyeragaman Harga oleh Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Yang Berhormat juga tiada dalam Dewan.

Seterusnya isu yang kelima, penguatkuasaan harga barang oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, dan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. KPDNKK sentiasa serius dalam menangani kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam memastikan harga barangan yang dijual adalah pada harga yang berpatutan.

Kementerian telah memulakan penguatkuasaan pencatutan pada tahun 2015 melalui Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan. Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah ataupun margin keuntungan bersih 2014. Ia dikuatkuasakan pada 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 bagi membendung perbuatan peniaga yang mengambil kesempatan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Demi melindungi kepentingan pengguna, kementerian telah melanjutkan penguatkuasaan pencatutan melalui peraturan-peraturan kawalan harga dan anti pencatutan. Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi barangan 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Buat masa ini, penguatkuasaan yang dilakukan oleh KPDNKK mengambil kira dua kategori barangan iaitu makanan dan minuman serta barangan isi rumah. Ia terdiri daripada jenis barang yang tidak tahan lama seperti pencuci pakaian, bahan-bahan pencuci rumah dan tisu termasuk produk penjagaan diri iaitu ubat gigi, syampu, lampin bayi kerana memberi kesan ke atas perbelanjaan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengawal harga barangan di pasaran, KPDNKK turut menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (N-BOS) melibatkan pihak-pihak lain seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), penghulu dan penggawa, Pasukan Polis Marin (PPM), anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pihak-pihak berkenaan dilibatkan dalam pemeriksaan secara bersama-sama pada hari-hari biasa mahupun semasa musim perayaan. Dalam tahun ini, sehingga Oktober 2017, sebanyak 80 pemeriksaan oleh RELA dan 7,814 pemeriksaan oleh penghulu dan penggawa telah dilaksanakan secara bersama di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili meminta supaya KPDNKK mengawasi harga bahan-bahan binaan. Pada masa ini, pengawalseliaan ke atas bahan-bahan binaan dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan jabatan iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta KPDNKK yang mengawal selia bahan binaan simen dan *clinker*.

Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan harga ke atas simen telah dimansuhkan pada tahun 2008 bagi mengatasi masalah gangguan bekalan simen serta bagi menyokong pertumbuhan industri simen tempatan. Pada masa ini, harga pasaran tempatan bagi simen adalah stabil dan belum ada keperluan untuk kerajaan mengawal harga simen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif ingin mengetahui jumlah bajet yang diperuntukkan untuk mewujudkan penguatkuasaan dan latihan kepada pegawai penguat kuasa. Bagi tahun 2018, sebanyak RM32.06 juta telah diperuntukkan untuk aktiviti penguatkuasaan bagi tujuan latihan kepada seramai 2,373 orang pegawai penguat kuasa. Sebanyak RM1.56 juta telah diperuntukkan.

Isu yang keenam, kos sara hidup. Tuan Yang di-Pertua, isu ini ialah mengenai kos sara hidup rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman dan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor.

Seperti sedia maklum, negara kita berjaya mencapai perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.2 peratus bagi suku tahun ketiga 2017 manakala kadar pertumbuhan purata tahunan ialah sebanyak 5.1 peratus bagi tempoh 2010 sehingga 2016.

Ini menunjukkan keupayaan kerajaan mentadbir negara dengan baik tanpa mengabaikan kebajikan rakyat. Kerajaan sememangnya amat prihatin akan keperluan rakyat terutamanya isu kos sara hidup kerana ia merupakan salah satu agenda utama yang ingin dicapai oleh kerajaan. Isu kos sara hidup telah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi melihat secara holistik meliputi pelbagai sektor termasuk makanan, pengangkutan, perumahan dan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, antara inisiatif-inisiatif dan mekanisme lain yang dilaksanakan oleh KPDNKK bagi menangani kos sara hidup ialah:

- (i) menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Peruncit) 1993 bagi mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;
- (ii) menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara oleh pegawai pemantau harga kementerian;
- (iii) menetapkan kadar faedah maksimum jualan kredit kepada 15 peratus sahaja berbanding setinggi 35 peratus pada ketika ini;
- (iv) melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan untuk menyekat kenaikan harga semasa enam perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas;

■ 1750

- (v) melaksanakan inisiatif bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat seperti Skim Pembiayaan Francais dan program *Food Truck* 1Malaysia;
- (vi) program KRIM 2.0 bagi memastikan pengguna mempunyai akses kepada barang keperluan pada harga yang kompetitif; dan,

- (vii) melaksanakan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) bagi memberi pengiktirafan kepada premis yang dikenal pasti menawarkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan.

Kementerian juga mengawal selia pelbagai aktiviti melalui 31 akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK dan agensi-agensi di bawahnya, merangkumi antara lain kualiti barangan, kawalan harga barang dan bekalan, persaingan, perlindungan pengguna dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu harga barangan bagi barang-barang keperluan asas yang dikawal oleh KPDNKK iaitu gula, tepung, minyak masa dan gas memasak LPG jika dibandingkan dengan kebanyakan negara di rantau ASEAN seperti Thailand, Indonesia, Singapura, *Cambodia* dan Filipina, menunjukkan bahawa harga barang-barang tersebut di Malaysia adalah yang paling murah. Ini membuktikan bahawa barang-barang keperluan asas adalah sesuatu yang berjaya dijaga dengan baik oleh kerajaan untuk rakyat dalam negara kita nikmati dalam keadaan yang selesa.

Manakala bagi barang-barang basah seperti ikan, ayam, sayur, daging dan sebagainya, adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Dalam hal ini, kebajikan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi-agensi seperti LKIM dan FAMA akan melaksanakan Program Stok Bekalan Makanan serta program-program lain bagi menjamin bekalan makanan yang konsisten dengan harga kompetitif dan mengurangkan bebanan rakyat.

Manakala bagi barang-barang kelengkapan diri seperti pakaian, telefon bimbit, kasut dan sebagainya, ia merupakan keperluan gaya hidup yang berbeza di antara satu individu dengan individu yang lain. Oleh yang demikian, adalah terpulang kepada kebijaksanaan pengguna untuk mengawal pengurusan perbelanjaan mereka pada tiap-tiap masa.

Sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab, KPDNKK akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan. Ia bertujuan memastikan bahawa tindakan tegas akan kita ambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan mencatut, memonopoli, menyorok barang, kartel dan sebagainya bagi mempengaruhi harga.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diumumkan semasa Perhimpunan Agung UMNO 2017 baru-baru ini, dua inisiatif baru akan dilaksanakan khusus untuk membantu menangani kos sara hidup ini. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bagi meneliti isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat secara lebih mendalam. Ini termasuklah faktor-faktor yang menyumbang kepada inflasi seperti perumahan, pengangkutan, utiliti serta makanan dan minuman yang akan diberi fokus dalam perbincangan Majlis tersebut.

Selain itu, kerajaan juga akan melaksanakan Program Jualan Rakyat di seluruh negara bertujuan untuk membantu rakyat bagi mendapatkan barangan pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Program ini sedang dirangka pelaksanaannya bagi memastikan liputan yang lebih meluas supaya kesan pelaksanaannya dapat dirasai oleh lebih ramai rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya, pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Yang Berhormat Datuk Seri, boleh saya mohon mencekah?

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya, sila.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menggulung. Tuan Yang di-Pertua boleh?

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih. Apa yang saya hendak utarakan di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukanlah satu perkara yang berkaitan soalan-soalan yang menjawab tetapi kebetulan kementerian KPDNKK sedang menggulung pada hari ini.

Saya ingin menyentuh tentang perkara, mungkin dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hendak menyentuh tentang perkara yang agak terkini berkenaan dengan susu *Enfalac*. Ini disebabkan saya kira perkara ini, yang susu *Enfalac* Langkah 1, kotak susu tiruan ini sebab saya kira, perkara ini amat penting. Ini disebabkan ia telah menjadi kerisauan di kalangan ibu bapa, yang mana baru-baru ini KPDNKK telah merampas susu-susu *Enfalac* yang dikatakan tiruan, yang mana terdapat reaksi kepada anak-anak ini yang cirit-birit, yang muntah, keracunan dan sebagainya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, anak saya pun sendiri minum susu *Enfalac* ini dan memang betul-betul berlaku. Saya hendak berkongsi di sini. Dalam beberapa bulan yang lalu, memang betul saya ada beli susu dan saya telah membuang beberapa paket. Susu itu pun yang saya suruh *bibik* saya buang pun masih ada lagi di rumah sebab *bibik* saya kata hendak beri kepada kucing. Akan tetapi saya cakap dengan *bibik*, semalam tidak payah bagi takut keracunan. Memang susu itu, bila kebetulan pada ketika itu anak saya tidak minum susu itu. Dia tidak mahu minum. Saya pun pelik kenapa dia tidak mahu minum.

So bila saya *check* susu itu, memang baunya berbeza daripada susu biasa. Memang susu ini bau dia agak tengik dalam plastik dan memang saya minta saya punya pembantu rumah untuk buang beberapa paket susu tersebut. Saya tidak ingat saya beli di mana sama ada di Johor ataupun semasa saya balik ke Johor, balik di Ledang ataupun saya beli di Kuala Lumpur, saya tidak berapa ingat sebab kadang-kadang kita beli waktu bila sempat sahaja.

Apa yang saya hendak katakan di sini, perkara ini memang benar-benar berlaku dan saya kira apabila kita tengok dalam *Facebook* pun, *Mead Johnson* bagi *statement* dia, *just a statement* dalam *Facebook*. Kita tengok ribuan responden ataupun ribuan komen daripada ibu-ibu yang menanyakan tentang ketulenan susu yang mereka beli dan *Mead Johnson* hanya memberi garis panduan tentang bungkusan *foil*. Maknanya *the foil* itu, yang berada dalam kotak susu, kalau kata lah yang ada kelepak, ada *line* itu, maknanya bukan original. Kalau *a bit fluffy*, dia kata bekas *insulated is a bit-* maknanya *it is original*.

Masalahnya sekarang, macam mana kita hendak tahu sebagai pengguna? Adakah kita perlu membuka kotak tersebut dan saya rasa setiap peniaga tidak mungkin akan membuka setiap kotak. Kalau satu atau dua orang pengguna mungkin tetapi kalau setiap pembelian hendak dibuka kotak, hendak disemak sama ada original ataupun tidak original, mungkin agak tidak logik. Kemudian saya hendak tanya kepada KPDNKK, adakah satu garis panduan ataupun cara bagaimana yang hendak mengenal pasti perkara-perkara, benda-benda, perkara yang penting, barangan-barangan, produk-produk yang penting seperti susu seperti makanan-makanan yang anak-anak kita ini?

Kedua saya hendak tanya, bagaimanakah cara ataupun tindakan efektif kementerian untuk memastikan *Mead Johnson* ataupun syarikat ini menarik balik produk mereka bagi tujuan menyemak sama ada susu yang berada di pasaran tidak bercampur dengan yang palsu? Sebab saya tengok tadi baru-baru ini, baru dapat *news feed*, Menteri kata dia tidak ada tindakan susulan, tengah tunggu keputusan daripada Jabatan Kimia. Kemudian ada kata petang ini baru hendak bermesyuarat. Ini masalahnya produk, anak-anak sudah banyak minum ini. Kita tidak tahu sama ada original atau tidak original. Ibu bapa mungkin boleh hendak menukar susu tetapi sama ada anak itu hendak minum atau tidak minum susu baru. Itu satu lagi persoalan.

Kedua, saya hendak tanya, saya juga hendak mohon agar pengeluar dan pengedar membuat *tagging* baru. Maknanya, agar isu kekeliruan versi asli dan palsu ini dapat dikenal pasti oleh pengguna. Macam sekarang ini kita tidak tahu sama ada baru atau tidak baru, original kah atau tidak original dan yang kedua yang seterusnya, saya juga memang mintalah kalau boleh *Mead Johnson*- memang kita tahu bukan salah *Mead Johnson*. Memang kita tahu bukan salah syarikat tetapi atas dasar *social responsibility* iaitu atas dasar kebertanggungjawaban terhadap masyarakat agar dapat menarik balik produk tersebut untuk digantikan dengan *batch* yang baru.

■1800

Maknanya, yang sedia ada di *market* ini, kalau boleh ditarik balik yang mana kawasan-kawasan yang dijangkakan *affected*. Oleh sebab saya kira dalam laporan kata sesetengah bahagian sahaja, sesetengah kawasan di Johor, di Skudai dan di Permas sahaja yang terdapat barangan produk palsu. Akan tetapi apabila kita tengok dalam *Facebook*, respons daripada komen-komen tersebut, sebenarnya merata Johor sebenarnya yang berlaku. Maknanya, kita tidak tahu. Maknanya sekarang ini, sebagai ibu, kita tidak tahu yang mana satu yang asli, mana satu yang tidak asli. So, kita cadangkan supaya, saya mencadangkan supaya pihak *Mead Johnson*, kita tahu bukan salah mereka tetapi mengambil tanggungjawab untuk menarik balik dan kemudian menggantikan dengan stok baru. Yang mana yang ditarik balik itu, di-*repackaging* dan dilabelkan dengan hologram *sticker* atau sebagainya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Memang pun benar terdapat susu tersebut dikesan di Johor Bahru baru-baru ini. Produk tersebut dihantar ke kimia untuk tindakan. Tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak kementerian apabila terdapat pengesahan mengenai susu itu yang dikatakan palsu. Jadi, sama-samalah kita menunggu laporan daripada pihak kimia untuk mengesahkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau katakanlah kita hendak menunggu sehingga Jabatan Kimia baru hendak mengeluarkan. Yang sebenarnya saya ada terbaca dalam *Facebook* komen itu, Yang Berhormat Menteri. Ada satu laporan yang telah dibuat oleh seorang ibu. Saya kena buka *Facebook Mead Johnson* ini semula. Yang dibuat laporannya setahun setengah yang lalu tentang bagaimana anaknya yang dia sudah jangka yang susu itu sebenarnya susu palsu. Dia sudah hantar *email* kepada *Mead Johnson* dan komunikasi antara *Mead Johnson* dan juga kepada ibu ini sudah beberapa kali sehinggalah akhir-akhir ini, memang tidak dapat respons daripada *Mead Johnson*.

Malahan, ibu tersebut pun sudah hantar pun susu contoh kepada *Mead Johnson* tetapi tidak dapat respons daripada *Mead Johnson* tersebut. So, kita bukan apa, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kita bimbang sebab apa, kita ini katakanlah kita hendak menunggu tentang laporan baru- kita hendak menunggu Jabatan Kimia, berapa lama lagi yang kita hendak- berapa ramai lagi nanti anak-anak kita dan juga ibu-ibu ini nanti, kadang-kadang *confused*. Maksudnya, kita tidak tahu mana satu yang *original* dan mana satu yang tidak *original*. Oleh sebab kita ini berkaitan dengan nyawa dan juga keselamatan anak-anak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Boleh saya mencelah sedikit, Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sedikit dalam hal ini. Perkara ini sangat serius dan melibatkan kesihatan dan nyawa kanak-kanak. Jadi, kita banyak berbincang dan banyak berbahas hal ini dan tidak ada tindakan. Jadi, saya mencadangkan supaya kementerian terus mengeluarkan arahan menarik balik semua barang-barang susu ini dan terus keluarkan kenyataan bahawa mereka ini akan tangkap sesiapa yang menjual. Saya rasa itu lebih tegas daripada kita bercakap dan bercakap tanpa apa-apa tindakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Dimaklumkan kepada Yang Berhormat, sebelum penangkapan ataupun perkara ini dilaporkan di Johor Bahru, pihak kita ataupun kementerian tidak mendapat apa-apa maklumat. Oleh yang demikian, tindakan awal tidak dapat diambil. Selepas perkara ini berlaku, maka pihak kementerian sedang mengambil tindakan dan akan memaklumkan kepada umum tindakan yang akan diambil kelak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Satu kementerian yang dekat sangat dengan hati rakyat di bawah. Sangat dekat itu iaitu jaga hal isu-isu sara hidup, pemantauan harga barang-barang. *Very closed* kepada rakyat. Jadi, contoh satunya, apabila orang kata tadi, ikan kembung naik harga. Orang bising, ya. Jadi, saya ingat itu tadi apabila...

*Harga ikan kembung melambung,  
Mak long, mak ngah pandang kita serong,  
Benda-benda kecil seakan-akan terapung,  
Hapuskan orang tengah secara langsung.... [Tepuk]*

Jadi, berat tanggungjawab. Saya faham. Saya dengar tadi begitu bagus sekali tanggungjawab yang dipikul, perancangan yang baik untuk rakyat tadi. Saya percaya dan yakin di bawah kepimpinan

Yang Berhormat Menteri kita dan Timbalan Menteri kita dan anggota amanah, pegawai-pegawai kita yang ada ini, *insya-Allah* kementerian akan terus berjaya. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Sekarang saya pergi kepada acara lain pula, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dipersilakan.

#### 6.07 ptg.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini hari ini bukan mewakili kementerian saya iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Akan tetapi hari ini saya gembira untuk berdiri menjawab persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, penghargaan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkit, menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian sewaktu perbahasan peringkat Dasar, Bajet 2018 sepanjang sesi yang diadakan.

Antara enam Ahli Yang Berhormat yang terlibat ialah Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif; Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif; dan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat.

Izinkan saya untuk menjawab Tuan Yang di-Pertua, dan kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang tidak ada dalam Dewan ini, jawapannya akan dihantar secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cantik, cantik.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong? Tidak ada hari ini. Secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, bagus.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim? Tiada, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Baru sahaja dimaklumkan, pergi ke *airport* tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Jadi, jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian juga tidak ada pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif juga tidak ada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, ada. Saya nampak daripada jauh tadi, tudung kuning. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif telah pun membangkitkan beberapa isu, ya Yang Berhormat?

Antaranya, minta penjelasan daripada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Nama *glamour*, MOTEC. Jadi, kalau saya sebut MOTEC selepas ini Yang Berhormat Senator Puan Sopiah, Yang Berhormat faham itu adalah Kementerian Pelancongan, ya. Yang Berhormat mohon penjelasan tentang apakah perancangan MATTA Fair bagi tahun 2018? Apakah penambahbaikan yang bakal dianjurkan pada tahun ini berbanding dengan tahun-tahun yang lepas? Itu isu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya kementerian menjemput dan melibatkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat kecil, sederhana dan besar. Bukan sahaja melibatkan syarikat besar tetapi termasuk kecil dan sederhana dalam industri pelancongan, khasnya daripada negeri Pulau Pinang untuk menyertai *MATTA Fair* pada tahun hadapan.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, *MATTA Fair* seperti mana Yang Berhormat maklum, seperti mana yang kita semua tahu adalah merupakan acara yang dianjurkan oleh *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA) di mana ia akan diadakan sebanyak dua kali setahun di Kuala Lumpur. Jadi tiap-tiap tahun Yang Berhormat, dua kali setahun kita adakan *MATTA Fair* ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, *MATTA Fair* ini turut diadakan di negeri-negeri seperti di Johor, di Perak dan juga di Pulau Pinang. Bukan sahaja ia berpusat di Kuala Lumpur tetapi juga ia diadakan di negeri-negeri seperti yang saya sebutkan yang di bawah kelolaan *MATTA Chapter* negeri-negeri yang ada.

Untuk tahun 2018, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) melalui *Tourism Malaysia* bercadang menyertai pameran *MATTA Fair* yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mac dan September dengan skala penyertaan yang lebih besar lagi Yang Berhormat. Ini adalah merupakan salah satu daripada langkah yang dilaksanakan oleh MOTAC bagi promosi awal Tahun Melawat Malaysia Tahun 2020. *Pavilion Tourism Malaysia* ini Yang Berhormat, akan diadakan sebagai pusat penjualan pakej-pakej percutian domestik di samping ia menjadi lokasi utama bagi perasmian pakej. Selain itu juga, untuk membantu mempromosikan produk-produk pelancongan baru yang mahu dipamerkan yang akan dijadikan pengetahuan kepada masyarakat umum yang ada, terutamanya rakyat Malaysia.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, ia juga akan dijadikan sebagai satu lokasi perjumpaan, satu lokasi interaksi, *networking* di antara pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan yang ada di peringkat negeri antara satu sama yang lain. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk Program *MATTA Fair*, sejak bermulanya pada edisi September 2017, pendekatan yang akan digunakan oleh Kementerian Pelancongan ataupun MOTAC ini adalah merupakan inisiatif baru yang telah pun dilakukan iaitu mengadakan kerjasama pintar atas konsep *National-Blue Ocean Strategy* (N-BOS) dengan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pertanian Industri Asas Tani, melalui agensi-agensinya yang ada untuk kita mempromosikan lagi destinasi-destinasi pelancongan domestik berasaskan kepada agropelancongan.



Saya ingin memberikan keyakinan kepada pihak Yang Berhormat, yang Kementerian Pelancongan (MOTAC) melalui *Tourism Malaysia* sememangnya memberikan komitmen yang tinggi untuk melibatkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana selain daripada syarikat-syarikat besar dalam industri pelancongan. Ini termasuklah pengusaha pelancongan daripada Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, kerajaan tidak pernah membezakan antara negeri-negeri walaupun negeri itu adalah negeri pembangkang seperti Pulau Pinang.

Hal ini kerana, banyak produk-produk pelancongan yang boleh dibangunkan dan boleh dipromosikan bukan sahaja kepada pelancong domestik tetapi juga kepada pelancong-pelancong daripada luar negara untuk kita mempromosikan produk-produk pelancongan yang terdapat di semua negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebanyak tujuh pengusaha pelancongan daripada Pulau Pinang telah pun menyertai *MATTA Fair* sebelum ini pada tahun 2016, tahun 2017 dan insya-Allah akan juga turut mengambil bahagian dalam *MATTA Fair* Pulau Pinang yang telah pun berlangsung pada 13 Oktober dan 15 Oktober 2017.

Jadi saya harap saya telah menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Jadi selepas ini, Yang Berhormat balik tengok kalau ada lagi produk-produk pelancongan yang lain yang boleh dimasukkan dalam ekopelancongan dan sebagainya, bolehlah berurusan dengan pihak kementerian untuk kita bangunkan lebih banyak lagi produk-produk domestik.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, nasib baik Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat ada hari ini. Kalau tidak, seorang sahajalah saya jawab. Jadi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat kerana telah membangkitkan isu susu tadi. Saya tanya dengan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat hisap susu itu kah? Tidak, cucu bongsu saya. Jadi tahniahlah, bagus. Atuk yang baik ini. Bagus.

Jadi, antara perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat ialah, satu, mencadangkan supaya pekerja-pekerja barisan hadapan, "*front-liner*" dalam sektor pelancongan seperti hotel, pemandu pelancong dan lain-lain yang terdiri daripada rakyat tempatan dan bukannya warga asing, Yang Berhormat Datuk.

Kedua, Yang Berhormat Datuk juga telah mencadangkan supaya kementerian mengambil tindakan tegas kepada hotel-hotel yang melarang pekerja wanita Islam terutamanya mereka yang bekerja sebagai penyambut tetamu, "*front-line office*" daripada memakai tudung.

Jadi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kementerian melalui Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja asing dan juga pendatang asing tanpa izin mengambil maklum akan isu kekurangan pekerja tempatan industri ini, Yang Berhormat. Tambahan pula, sedang mengkaji apakah bentuk mekanisme terbaik untuk kita menambahbaikkan lagi pelan penggantian pekerja warga asing sedia ada dan mencapai sasaran guna tenaga asing pada kadar 15 peratus seperti yang telah dihadkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Kementerian Pelancongan juga telah mengambil Yang Berhormat Datuk, langkah-langkah proaktif dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam subsektor perkhidmatan pelancongan, antaranya dengan penubuhan *Centre of Excellence* (CoE) secara kerjasama dengan penggiat industri tempatan bagi kita melatih pekerja-

pekerja tempatan untuk sektor perkhidmatan pelancongan seperti Program Latihan Terapi Spa, Hotel *Assist On-The-Go* dan Program Akademi Kemahiran Belia Golf.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk juga, buat masa ini pengambilan pekerja asing bagi subsektor perkhidmatan pelancongan adalah berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin yang hanya melibatkan subsektor spa, Pusat Urutan Kaki atau *foot reflexology*, *massage*, golf sebagai KD dan hotel bagi kerja-kerja *housekeeping* dan bukannya "*front-liners*".

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu cadangan yang kedua, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat, Kementerian Pelancongan dan kebudayaan memandang amat serius tentang isu larangan pekerja wanita bertudung bertugas daripada bertugas di bahagian perkhidmatan pelanggan "*front-line*". Berdasarkan kepada maklumat daripada penggiat industri, Tuan Yang di-Pertua, hotel-hotel mempunyai polisi pemakaian seragam yang harus dipatuhi oleh semua pekerjanya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, larangan bertugas terhadap pekerja wanita bertudung adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan negara kita. Saya harap hotel-hotel yang ada polisi yang tidak membenarkan wanita bertudung ini faham dengan Perlembagaan Persekutuan kalau hendak berada di Malaysia ini. Faham dengan Perundangan yang ada di Malaysia ini. Jangan buat keputusan sewenang-wenangnya dengan membelakangkan peruntukan perundangan yang ada di negara kita.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, larangan pemakaian tudung adalah sangat jelas merupakan suatu bentuk diskriminasi terhadap seorang wanita dalam bidang pekerjaan. Berdasarkan kepada Perlembagaan di bawah Perkara 3, Perkara 8(2), Perkara 11(1) dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, setakat ini Yang Berhormat Datuk, kementerian baru menerima satu aduan berkaitan dengan isu larangan pemakaian tudung dan sedang menjalankan siasatan dan sedang mengumpulkan maklumat berkaitan dengan aduan tersebut.

Kementerian menegaskan supaya pihak hotel-hotel yang berkenaan untuk meneliti semula dasar hotel agar bersesuaian dengan agama, adat resam, budaya negara kita dan tidak sama sekali menyentuh sensitiviti rakyat. Dasar sedemikian adalah tidak boleh diterima lebih-lebih lagi apabila dilaksanakan di negara Malaysia yang majoriti penduduknya ialah beragama Islam.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Hanafi juga, Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Yang Berhormat, sudah pun menandatangani *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) iaitu satu perjanjian bahawa tidak boleh ada sebarang penolakan di dalam bidang pekerjaan atas dasar gender pada tahun 1995. Tindakan pengusaha hotel yang tidak membenarkan pekerja wanita bertudung bekerja di hadapan kaunter hotel jelas telah mewujudkan satu bentuk diskriminasi terhadap wanita tempatan yang ada.

#### ■1820

Bagaimana hendak menyelesaikan? Saya sudah agak Yang Berhormat akan tanya, itu adalah isunya, bagaimana hendak menyelesaikan. Saya ingin memberikan keyakinan kepada Yang

Berhormat, Kementerian Sumber Manusia telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan Kementerian Pelancongan dan juga agensi-agensi yang berkaitan.

Perbincangan sudah mula pada 5 Disember 2017 dan Kementerian Sumber Manusia sedang dalam pertimbangan untuk mewujudkan satu garis panduan mengenai etika berpakaian di tempat kerja sebagai salah satu daripada usaha dalam menangani isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Di samping itu, kementerian juga akan menggunakan jaringan hubungan baik, *networking* dengan persatuan hotel, seperti *Malaysian Association of Hotel, Malaysian Association Hotel Owners* dan *Malaysian Budget Hotel Association* untuk sama-sama menangani isu ini secara bersama melalui *engagement* yang akan diadakan.

Jadi, saya harap itu telah memberikan suatu kedudukan yang boleh memberikan keyakinan kepada Yang Berhormat. Supaya Yang Berhormat balik nanti, kalau ada di antara wanita-wanita daripada kawasan Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini, Yang Berhormat maklumkan, Yang Berhormat telah memperjuangkannya di Dewan Negara. Kerajaan sedang dalam tindakan, antara Kementerian Pelancongan bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, maka begitulah dua sahaja soalan yang dibangkitkan. Mungkin Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi ada hendak bertanya apa-apa kepada saya, silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Pohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri. *Insya-Allah* selepas pilihan raya, Yang Berhormat Menteri akan jadi *full Minister of Tourism*... [Tepuk] Bila Yang Berhormat menyebut tadi, sukan juga menjadi satu tarikan pelancongan. Baru-baru ini saya melihat di TPC Kuala Lumpur, ramai sekali orang-orang daripada luar negara yang datang. Akan tetapi malangnya saya melihat tidak ada satu koordinasi di antara orang-orang luar dengan orang-orang Malaysia yang berminat dengan golf ini.

Saya meminta kepada Kementerian Pelancongan supaya ada satu badan yang menguruskan orang-orang dari luar ini untuk masuk ke tempat-tempat yang begitu cantik dan indah supaya mereka mengikut etika, disiplin padang-padang golf yang ada di kawasan kita ini. Jadi, saya melihat supaya ramai lagi orang-orang luar yang akan datang untuk melihat profesional-profesional *golfers* bermain di Malaysia ini. Baru-baru ini, khususnya untuk wanita, saya melihat ramai sekali. Akan tetapi malangnya tidak ada koordinasi, kemungkinan di antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelancongan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi. Suara yang memang kita tunggu, kita ucapkan tahniah! Oleh kerana kerajaan sengaja sambung perkhidmatan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi supaya dapat terus berjuang untuk mengetengahkan suara-suara rakyat, termasuklah *golfers*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada masalah kerana seperti mana yang saya nyatakan, seperti Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi maklum juga, pelancongan melibatkan segala-galanya, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja produk pelancongan itu adalah untuk lawatan semata-mata, bersifat kepada produk-produk sedia ada. Pelancongan melibatkan makanan, pelancongan melibatkan segala yang boleh kita berikan. Termasuklah permainan-permainan tempatan, sama ada permainan tradisional ataupun *tournament*- pertandingan-pertandingan seperti *golf tournament* dan sebagainya yang boleh diadakan.

la melibatkan segala-galanya yang boleh dijadikan sebagai pelancongan, yang melibatkan perhubungan rakyat tempatan dan juga rakyat yang datang untuk menikmati keindahan dan juga *the friendliness of the people of Malaysia. With all the things that we can offer to the people, those tourists who come to Malaysia*, dengan izin. Jadi, tidak ada masalah. Ini TKSU ada, *I believe* ini baru saya jumpa. Saya jumpa dengan TKSU, dengan semua pegawai-pegawai MOTAC, *and I believe*- saya percaya TKSU ada, lepas ini bolehlah buat perbincangan dengan bukan sahaja dengan Kementerian Belia dan Sukan, juga dengan persatuan *golfers* yang ada dan libatkan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi, yang banyak pandangan dan nasihat yang boleh diberikan. Bagaimana cara untuk kita melibatkan masyarakat luar negara dan masyarakat tempatan dalam mempromosi produk-produk pelancongan yang ada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka begitulah berakhirnya- apa ni?... [*Merujuk nota*] Okey, samalah apa yang saya cakapkan tadi. MOTAC- tidak akan MOTAC tidak percaya dengan jawapan saya kah? [*Ketawa*]

Saya sudah sebut tadi bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan, bersetuju untuk mewujudkan jawatankuasa bersama untuk membincangkan semua acara sukan dijadikan sebagai produk pelancongan, bukan sahaja *eco* pelancongan, termasuk *sports*, pelancongan sukan. Lebih kuranglah kan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih di atas segala pandangan, teguran, cadangan dan segala-galanya. Bukan sahaja untuk memantapkan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetapi untuk membantu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menjadikan apa sahaja yang boleh dilakukan, mempromosi segala produk tempatan dan sebagainya. Apa yang paling penting ialah melibatkan masyarakat tempatan, yang datang bukan sahaja daripada bandar tetapi daripada kawasan-kawasan luar bandar. Supaya ia menjadi satu lagi punca pendapatan baru kepada masyarakat tempatan. Sebagai satu lagi punca pendapatan baru, contoh dalam program *homestay* dan sebagainya.

Ini adalah amat diharapkan oleh masyarakat tempatan, berasaskan kepada perkara yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak. Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Pelancongan mengharapkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan yang berterusan di atas segala usaha yang sedang dan akan terus dilaksanakan oleh kementerian. Terutamanya dalam mempromosikan produk pelancongan dan juga Tahun melawat Malaysia 2020.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, *Malaysia Truly Asia, Jom Cuti-cuti 1Malaysia, Dekat Sahaja*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Cara Yang Berhormat tadi, melafazkan cakap tadi, saya ingat dia pernah menjadi menteri pelancongan. Seolah-olah. Begitu fasih. Semua dia boleh, kiri dia boleh, kanan pun dia boleh. Atas, bawah pun dia boleh. Dia semua boleh, saya terang-terang cakap. Dia rajin, *dedicated* dan saya rasa banyak perkara, kita bagi tepukan kepada dia... [*Dewan tepuk*]

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak di atas sokongan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa tadi banyak perkara-perkara kemajuan yang dibuat oleh pelancongan yang diketuai oleh Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, orang lama. Banyak termasuklah tadi pelancongan dia buat macam-macam untuk menambah pendapatan negara kita. Saya ucapkan syabas, tahniah kepada Menteri berkenaan.

Benda yang saya rasa tersinggung sangat ini, apabila ada iblis tadi memberitahu anak buah saya tidak boleh duduk *front desk* kalau pakai tudung. Macam saya ini orang yang belum tua lagilah, darah itu naik semula. Kurang ajarnya orang ini. Saya harap tadi kementerian ambil tindakan keras kepada yang melafazkan itu. Tidak boleh di *front desk* kalau pakai tudung.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang telah berjaya membuat ramai pelancong datang ke negara kita dan juga pendapatan bertambah, macam saya cakapkan tadi. Macam-macam yang dibuat untuk menjayakan negara kita sebagai sebuah negara pelancongan. Dengan itu saya percaya, dengan kekuatan, keyakinan Menteri kita dan rakan-rakannya, termasuk pegawai-pegawai yang amanah ini, *insya-Allah* pelancongan akan terus maju. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Sekarang saya bawa pula kepada Kementerian Pendidikan, sila Yang Berhormat Menteri.

■1830

6.30 ptg.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Senator di Dewan Negara yang saya hormati sekalian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada pandangan, teguran, pertanyaan atau apa jua yang telah dikemukakan sepanjang persidangan Dewan yang mulia ini. Seramai 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dan terdapat 53 isu pertanyaan dan cadangan. Jadi, saya telah mengkategorikan 53 itu dalam sembilan tajuk dan kalau hendak diikuti sembilan tajuk ini, saya akan habis dalam masa empat jam untuk menjawabnya... *[Disampuk]* Jadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kata jangan, jadi saya pendekkanlah.

Tuan Yang di-Pertua, fokus kepada penggulungan pada petang ini kepada perkara-perkara yang saya sebut tadi, pertamanya adalah berkait dengan dasar yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong. Ada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tiada?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tiada. Kita bagi jawapan yang bertulis kepada beliau yang berkait dengan perkara UEC.

Kita pergi yang kedua. Perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan. Ini dikemukakan oleh ramai Yang Berhormat yang kemukakan di sini iaitu Yang Berhormat Senator Engku Naimah, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, ada?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Senator Dato' Isa? Ada dua sahajalah. Yang Berhormat Senator Engku Naimah dan Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Pertama, fasal pembaikan sekolah terlibat banjir di Terengganu. Ini satu perkara yang sememangnya dihadapi oleh Kementerian Pendidikan bukan sahaja di Terengganu tetapi di seluruh negara.

Kita mempunyai sebuah bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA) di mana bahagian ini akan bekerjasama dengan jabatan-jabatan pendidikan negeri untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan yang mudah banjir ataupun cepat banjir. Kemudian, jabatan pendidikan negeri akan berurusan dengan pejabat-pejabat pendidikan daerah.

Di seluruh negara, kita ada lebih kurang 140 pejabat pendidikan daerah. Jadi, pejabat pendidikan daerah akan memaklumkan sebenarnya kawasan-kawasan yang mudah banjir. Di Kelantan, di Terengganu, di Kedah, Perak dan juga di negeri Johor, begitu juga di Sarawak dan juga di negeri Sabah ada kawasan-kawasan yang mudah banjir. Kecuali yang terbaru dalam senarai ini adalah di Pulau Pinang. Sebab, Pulau Pinang ini dahulu tidak pernah banjir tetapi kemudian-kemudian ini banyak banjir di Pulau Pinang.

Jadi, kerana banjir itu jugalah, Tuan Yang di-Pertua, ada di-*viral*-kan gambar Menteri Pendidikan naik atas meja seolah-olah diberi salah tanggapan bahawa Menteri Pendidikan jaga kasut dia takut kena banjir. Sebenarnya meja yang saya naik itu adalah meja di mana sebelah paginya pelajar-pelajar beratur atas meja itu untuk menduduki peperiksaan SPM dan saya sampai pada waktu tengah hari, jadi saya naik meja yang sama jugalah tetapi diberi tanggapan yang salah.

Di Terengganu, Yang Berhormat Mulia Senator Engku, diluluskan peruntukan khas bagi pemuliharaan pasca banjir institut pendidikan dan ada peruntukan-peruntukan tambahan yang diberi kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang telah dikemukakan khususnya macam kawasan Hulu Terengganu dan juga Setiu yang ada banjir yang terbaru ini dan juga di Kuala Nerus. Jadi, itu jawapan saya, Yang Berhormat, kepada sekolah-sekolah yang terlibat dan, *insya-Allah*, kita membuat pembaikan dan juga menambah kemudahan- kemudahan kepada sekolah itu untuk dibuka pada Januari 2018.

Kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Isa yang berkaitan dengan penyelenggaraan sekolah masyarakat Orang Asli, saya nak maklumkan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya kita mempunyai 93 buah sekolah kebangsaan di mana sepenuhnya di sekolah itu adalah pelajar-pelajar di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli. Kita mempunyai peruntukan yang sama dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang lain untuk memberi peruntukan penyelenggaraan sekolah. Kita memberi kemudahan juga kepada sekolah-sekolah ini

sebab ada di kalangan 93 buah sekolah itu adalah sekolah yang mempunyai asrama untuk anak-anak masyarakat Orang Asli.

Selain daripada itu, di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli ini, kita bagi juga kemudahan untuk ibu bapa datang ke sekolah. Dalam istilah ini kita panggil KEDAP. KEDAP ini nama penuhnya adalah Kelas Dewasa Orang Asli dan Penan. Kalau dia datang ke sekolah, dia dapat elaun kehilangan pendapatan sebanyak RM15 sehari dan dia dapat elaun makan sebanyak RM4. Dia dapat pula elaun pakaian sebanyak RM50. Dia dapat pula elaun kesihatan sebanyak RM50, elaun buku dan peralatan pembelajaran sebanyak RM50 dan ada pakej lawatan- selalunya Yang Berhormat Senator akan membuat lawatan ke Putrajaya lah- ada lagi peruntukan sebanyak RM50. Jadi, maknanya ini salah satu daripada insentif diberi kepada bapa-bapa untuk nak tengok anak-anak di sekolah.

Saya telah melawat beberapa buah sekolah kebangsaan anak-anak masyarakat Orang Asli ini, memang kita kena ada banyak perkara kena dibuat. Sebabnya, kita ada guru-guru yang mengajar di sana- contohnya saya pergi ke Sekolah Kebangsaan Tohoi. Sekolah Kebangsaan Tohoi ini sekolah yang terletak dua jam setengah dari Gua Musang. Makna, sampai ke bandar Gua Musang itu kena naik kereta *four wheel drive* selama dua jam setengah lagi untuk sampai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga mempunyai anak-anak di kalangan masyarakat Orang Asli yang telah *graduate* di institut pendidikan guru. Mereka juga telah kita *posting*-kan balik ke kampung halaman mereka untuk mengajar... [*Mencari-cari sesuatu di atas meja*] Hilang pula saya punya kertas yang jumlah apa nama- nanti pegawai bagilah. Jumlah guru di kalangan masyarakat Orang Asli.

#### ■1840

Jadi, ini adalah jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Selain daripada peruntukan yang melibatkan penyelenggaraan bangunan sekolah Orang Asli, ada peruntukan- penyalurannya dibuat seperti biasa kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk mengendalikannya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklum sahaja di sini. Setakat ini 2016, kita telah melatih 17 lepasan...

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan *maintenance* sekolah ini, saya juga membangkitkan perkara ini dalam perbahasan saya bilamana negeri Sarawak diperuntukkan jumlah RM1 bilion untuk *maintenance* sekolah-sekolah.

Jadi persoalan yang saya bangkitkan ataupun cadangan saya ialah adakah kementerian ini telah membentuk satu jawatankuasa bersama di antara Kementerian Pendidikan dengan Kerajaan Negeri Sarawak khususnya Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk bersama-sama melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ini? Ini kerana seperti mana kita difahamkan bahawa di negeri Sarawak, mereka lebih mahu supaya peruntukan itu diurus oleh mereka sendiri. Jadi, apa pandangan kementerian tentang perkara ini? Adakah perlu ditubuhkan satu *joint committee on the coordination and implementation*, dengan izin, kerja-kerja ini?

Keduanya, saya juga ada menyatakan bahawa ada kalanya sekolah-sekolah ini- sekolah-sekolah di negara kita ada kalanya berlaku bencana alam seperti banjir, adanya kena ribut dan sebagainya dan memerlukan peruntukan yang amat segera. Seperti mana yang kita ketahui bahawa

malapetaka ini dia berlaku bila-bila. Dia tidak kira awal tahun, tengah tahun, penghujung tahun dan sebagainya. Ada kalanya *maintenance funds* di kementerian itu sudah *exhausted*.

Jadi saya mencadangkan supaya perkara ini ada *fund* itu sentiasa ada, maka saya mencadangkan agar kalau boleh kita wujudkan *school maintenance trust fund*. Jadi tabung amanah ini supaya duit wang peruntukan itu sentiasa ada. Kalau tidak dibelanjakan habis pada tahun ini, boleh di bawa lagi pada tahun hadapan dan sebagainya. Jadi bila ada *fund* yang sentiasa *available*, maka saya rasa tidak berlakulah kadang-kadang bila berlaku sesuatu terhadap sekolah, *even* di Sarawak kita lihat ada bangunan terbakar.

Jadi ini membawa kepada berita-berita bahawa kementerian tidak ada peruntukan untuk membina sekolah baru akibat daripada kebakaran. Kalaulah *maintenance fund* seperti ini ada, maka boleh dimulakan kerja-kerja untuk pembinaan semula sekolah itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Sebenarnya saya hendak jawab ini yang pasal Orang Asli dulu. Jadi saya selesaikan dulu Orang Asli ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, 17 orang kita telah *graduate* ijazah pada 2016 dan tahun ini ada empat orang yang telah *graduate*. Jadi, ramai sudah *posting* balik ke tempat masing-masing di mana mereka datang. Saya boleh bagi contohlah, misalnya ada yang datang daripada sekolah dia Gua Musang, ramai di sini, mereka balik ke Gua Musang. Puan Salvin A/P Bah Alang contohnya, datang daripada Gua Musang dan sekarang balik kepada Sekolah Kebangsaan Balar. Puan Vivi Narita A/P Sembunyi datang dari Gua Musang, balik ke Sekolah Kebangsaan Kuala Betis. Maknanya mereka sanggup lepas *graduate* empat tahun dan balik di kalangan masyarakat Orang Asli untuk mengajar anak bangsa. Ini suatu benda yang patut di-*promote* untuk masa yang akan datang.

Bercakap mengenai dengan *maintenance*, penyelenggaraan dan *maintenance* di seluruh negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kita mempunyai sekolah 10,176 buah sekolah. Daripada 10,176 sekolah, 2,996 sekolah adalah sekolah SKM. Sekolah SKM takrifnya adalah Sekolah Kurang Murid. Sekolah Kurang Murid ini maknanya 150 orang sahaja satu sekolah sehinggalah kepada murid satu orang di sekolah.

Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang ada pada hari ini tidak tutup sekolah. Walaupun Menteri mempunyai kuasa terus untuk menutup sekolah, tetapi kita tidak tutup sekolah itu sebab kita bagi kepada ibu bapa dan masyarakat untuk menentukan. Kalau mereka sudah tidak hendak di sekolah itu, maka kita boleh kata kita tutup sekolah. Akan tetapi sehingga hari ini, 2,996 ini tidak tutup.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk SKM paling banyak di negeri Sarawak dan di negeri Sabah. Ada yang 30 orang, ada 20 orang sekolah. Satu sekolah SKM perbelanjaannya ialah RM67,130.65 per murid, RM67 ribu satu murid. Bagi sekolah biasa, perbelanjaan adalah RM5,321.84. Maknanya RM5,300 sahaja satu murid bagi sekolah biasa, tetapi bagi sekolah SKM RM67 ribu. Ini sebab guru walaupun lima murid, walaupun 10 murid, guru kena ada minimum sembilan orang atau 10 orang. Kemudian kontraktor yang buat pembersihan mesti ada di sekolah itu, mesti dilantik. Pegawai keselamatan yang jadi jaga sekolah itu, mesti ada yang dibayar oleh kerajaan. Dua ini pun sudah kira cukup tinggi sudah termasuk utiliti, elektrik, air kena bayar kepada pihak yang berkuasa terhadap ini.



Campur semua sekali, jumlah dia dan gaji guru, jadi semua sekali itu jadi besar tetapi kita tidak tutup sekolah itu.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili sebut tadi, yang itu bukan penyelenggaraan. RM1 bilion itu bukan penyelenggaraan. RM1 bilion yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet itu adalah untuk membuat sekolah-sekolah baru menggantikan sekolah lama yang daif. RM1 bilion di Sabah, RM1 bilion Sarawak dan RM500 juta di Semenanjung.

Jadi RM1 bilion di Sarawak itu kita telah mengadakan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ketua Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan mesyuarat bersama dan saya hadir dalam mesyuarat. Kemudian Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersama dengan Perdana Menteri bermesyuarat dan di peringkat Kementerian Pendidikan, kita mempunyai *technical committee* di antara Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Dato Sri Michael Manyin Ak Jawong dengan saya di kementerian.

Akan tetapi untuk pelaksanaan, projek ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Ini sebab bajet ini adalah *Federal matters* yang berkait dengan hal yang berkaitan dengan persekutuan. Maka tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan *facilities* yang berkait dengan persekolahan ini. Cuma kita dapatkan detil di sana, di mana hendak buat. Kita tidak hendaklah kata kita buat, kita duduk dengan *technical team*, kita tengok tiap-tiap daerah di negeri Sabah, juga di negeri Sarawak di mana yang paling daif. Diberi kepada saya setakat ini, 210 buah sekolah yang sepatutnya dibuang dan diganti sekolah itu.

#### ■1850

Itu penyediaan sekolah baru. *Maintenance* ini lain, peruntukan lain Yang Berhormat Senator. *Maintenance* ini lain daripada yang disebut RM1 bilion tadi. *Maintenance* ini satu lagi peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan sekolah jadi kita boleh *insya-Allah* dalam masa dua tahun ini kita boleh siapkan dulu 210 ini sekurang-kurangnya mendapat bangunan baru di tempat-tempat yang telah ditentukan oleh pendidikan di negeri Sarawak.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Okey, soalan saya yang di bahaskan pada hari itu untuk makluman Yang Berhormat Menteri berapakah peruntukan yang dibelanjakan dalam penambahbaikan atau baik pulih sekolah-sekolah Orang Asli dalam tahun 2017, saya hendak tahu. Kemudian agihan cadangan bajet baik pulih untuk tahun 2018 itu saya rasa jawapan mudah untuk dijawab oleh pihak kementerian.

Kedua, berkenaan dengan IPGM tadi, terima kasih jawapan yang dijelaskan. Walaupun kita melihat dengan 2016, 17 orang dan tahun 2017, empat orang. Ini yang saya minta pihak IPGM melihat bagaimana dengan empat orang ataupun 20 orang tak sampai 20 orang setahun guru yang patutnya kita tempatkan di sekolah Orang Asli ada 193 buah sekolah tadi. Lima tahun hendak tunggu seorang, yang ini saya minta pihak IPGM melihat sedikit dasar ataupun kuota yang perlu diubah supaya sesuai dengan praktikal keperluan guru di sekolah pedalaman.

Kita faham guru-guru kaum lain agak sukar ataupun terbatas untuk bertugas di pedalaman dengan budaya yang agak berbeza dengan komuniti Orang Asli. Sebab itu kita mencadangkan supaya

komuniti Orang Asli lebih banyak dilatih menjadi guru untuk di tempatkan di sekolah-sekolah Orang Asli. Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ada dualah, di sini satu mengenai dengan peruntukan, *detail* mengenai dengan itu saya akan bagi kepada Yang Berhormat nanti jumlahnya itu. Keduanya adalah berkait dengan satu cadangan yang baik di mana Yang Berhormat Senator sebut mengenai dengan bagaimana kalau boleh dalam bahasa mudahnya adalah diturunkan sedikit *qualification*-nya untuk membolehkan pengambilan diambil di kalangan masyarakat Orang Asli. Ini boleh dibawa ke pertimbangan kementerian dan saya boleh katakan bahawa saya akan bawa kepada kementerian untuk melihat bagaimana kaedah yang terbaik untuk mengambilnya setakat ini Yang Berhormat.

Jadi kalau ada kaedah, ada cara apabila kita mesyuarat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bolehlah kita maklumkan kepada masyarakat bahawa kita sudah mengubah sedikit kaedah pengambilannya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Menteri saya mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri sentiasa bersama dengan kami Ahli-ahli Dewan Negara ini, di antara Menteri-menterilah yang datang menjawab soalan, datang sendiri untuk penggulangan *alhamdulillah* terima kasih banyak. Banyak lagi Menteri yang ini, tetapi ada Menteri yang tak datang langsung dalam masa kita hendak memperkasakan Dewan Negara ini. Ada Menteri yang tak pernah menunjuk muka langsung di dalam Dewan ini. Ini di antara Menteri yang - selepas itu *hands on* pula dengan izin *hands on* kita minta tak jadi ini saya berdiri hendak memohon untuk Putrajaya.

Saya mohon sekurang-kurangnya dibangunkan dua buah sekolah lagi dan satu lagi ada sekolah yang dibangunkan oleh swasta bagi kementerian terbengkalai sudah agak lama di Presint 15. Jadi yang dua ini kita mohon sebab kita tak mahu *over crowded* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kelas-kelas di sekolah-sekolah dan juga kita minta supaya tidak ada dua sesi. Ini kerana di Putrajaya ibu bapa itu bekerja, kalau anaknya bersekolah pagi atau petang ada jadi dia mempunyai masalah untuk menghantar, mengambil anaknya balik kerana di sana juga tidak ada bas sekolah yang disediakan ataupun yang masuk ke Putrajaya untuk memberi perkhidmatan.

Jadi saya mohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri dalam RM500 juta itu taburlah sedikit untuk Putrajaya kerana 95 peratus penduduk Putrajaya adalah kakitangan kerajaan. Kita harus membantu dan bukan sahaja itu, saya juga kalau boleh saya hendak lihat di seluruh negara kalau dapat kita seimbangkan pembangunan perumahan di kawasan-kawasan tertentu dengan sekolah yang dibangunkan. Ini kerana ada sekolah dari Darjah 1 sampai Darjah 3, Darjah 4 ada dua sesi. Kemudian satu kelas sampai 40, 50 murid ini kadang-kadang bukan kita hendak salahkan kementerian tetapi kerana kekangan kewangan dan sudah tentulah dengan pembangunan yang pesat jadi kita tak boleh nak *cope* bersama-sama dengan keadaan.

So saya bermohonlah kalau boleh Yang Berhormat Menteri tolong melihat apa yang saya nyatakan ini dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Ini pasal yang balik pada Yang Berhormat Senator Dato' Isa tadi saya ada jawapan daripada pegawai baru sampai untuk makluman Yang Berhormat Senator, seramai 252 orang calon layak menjalani saringan ujian

kelayakan calon guru. Daripada 252 orang, 178 orang calon telah menghadiri ujian kelayakan calon guru dan 52 orang calon telah melepasi ujian tersebut untuk ditemu duga. Saya hendak maklumkan tadi saya sebut tahun 2016 itu dan setakat hari ini daripada tahun 2014 Yang Berhormat Senator, pengambilan tahun 2014 akan menamatkan pengajian pada tahun 2017 adalah 28 orang guru dari kalangan masyarakat Orang Asli.

Jumlah pelatih guru Orang Asli yang masih dalam pengajian di IPG ijazah adalah seramai 135 orang. Jadi maknanya jawapan yang diberi tadi yang awal itu adalah hanya 17 dan empat. Maknanya *total* yang berada di IPG adalah 135 orang. Jadi ramailah sebenarnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin tadi minta di Putrajaya ini boleh kita tengoklah macam mana sebab Putrajaya ini adalah salah satu kawasan yang sangat berkembang jumlah penduduknya. Saya sedar Pengarah Jabatan Pendidikan Putrajaya sudah maklum kepada Kementerian Pendidikan bahawa dalam tempoh tiga tahun daripada sekarang kalaulah tak dibuat sekolah yang baru dan sekolah-sekolah ini akan menjadi sekolah-sekolah yang penuh sesak dengan pelajar-pelajar baru.

Pertambahan itu meningkat sehingga ke 400 ke 500 orang telah dimaklumkan dan *insya-Allah* ini kita akan diambil tindakan yang sepatutnya dan kementerian akan memberi angka ini kepada *Economic Planning Unit* (EPU) Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat tajuk sekolah yang baru. Saya ingat itu sudah okey *kot* jawab macam itu.

Itu *maintenance* secara keseluruhannya saya ingat itu sahaja kemudian kita pergi ke segmen yang berikutnya adalah kurikulum dan pengajaran ini dari Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad ada, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa ada, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukur bin Mohd Sultan, Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip tak ada kan, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah ada.

Jadi semuanya berkait dengan kurikulum dan juga pengajaran ini ia adalah merupakan satu soalan yang pada saya bagaimana hendak lihat kurikulum yang ada dalam negara daripada kurikulum di prasekolah, kurikulum di sekolah kebangsaan dan kurikulum di sekolah menengah. Jadi keseluruhannya boleh saya sebut di sini bahawa sekarang ini di kerajaan telah membentuk kepada laluan dalam pendidikan ini di peringkat menengah kepada tiga cabang ataupun tiga laluan.

#### ■1900

Laluan yang pertama yang dikenali sebagai laluan akademik di mana laluan akademik ini dipanggil STEM, Sains dan Matematik sebagai asas bersama dengan *core subject*, Bahasa Malaysia dan Sejarah. Bahasa Malaysia dan Sejarah adalah wajib lulus termasuk *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM). Ini satu laluan. Kalau dulu dipanggil aliran sainslah, aliran sains. Kemudian satu lagi laluan yang dipanggil laluan ikhtisas. Ikhtisas ini boleh jadi Perdagangan, boleh jadi Sastera di sekolah menengah. Ini satu laluan.

Laluan yang kedua yang telah diperkenalkan oleh kerajaan adalah laluan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Jadi maknanya ada satu laluan lagi yang dulunya dianggap sekolah menengah vokasional ini adalah di bawah daripada laluan akademik. Jadi kalau anak-anak

hendak pergi sekolah vokasional, dia kira dalam bahasa mudah itu Tuan Yang di-Pertua, dia kata budak ini tidak berapa pandailah berbanding dengan budak yang hendak pergi ke aliran sains.

Akan tetapi kita angkat TVET ini supaya ia setara dengan aliran. Maknanya TVET boleh bergerak bersama dan hari ini sekolah menengah teknik, sekolah menengah vokasional telah diangkat menjadi kolej vokasional dan pelajar-pelajar kenal tempat ini sebagai Kolej Vokasional (KV) di dalam negara kita. Jadi dua sekali. Satu lagi aliran yang diberi adalah dipanggil aliran agama. Aliran agama ini ada dua juga, satu kita kenal sebagai aliran sains tahfiz. Satu lagi dikenali sebagai aliran iktisas tahfiz.

Jadi 16 buah sekolah menengah agama tahfiz sains dan 14 sekolah menengah agama iktisas tahfiz. Ada 31 buah sekolah semua sekali yang buat tahfiz ini. Kemudian, kita ada aliran sains dan sekolah biasa. Ini adalah aliran ataupun laluan yang ada dalam negara, kalau saya boleh jawab secara keseluruhanlah. Aliran-aliran ini kita sokong dengan satu pelan yang kita kenali sebagai *Malaysia Education Blueprint* atau dalam bahasanya adalah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini adalah merupakan satu transformasi dalam dasar ataupun dalam program pelaksanaan sistem pendidikan. Kita sudah mula pada tahun 2013 sehingga tahun 2015. Ini dikenali sebagai gelombang yang pertama dan sekarang ini kita masuk tahun 2016 sehingga tahun 2020, kita panggil gelombang yang kedua. Jadi dalam gelombang yang kedua ini, sekarang inilah, kita 2017 ini dalam gelombang yang kedua. Jadi gelombang ini adalah menekankan kepada pembinaan asas dengan meningkatkan sokongan dari pelbagai pihak berkepentingan, yang mencakupi sektor pembelajaran secara informal juga.

Jadi, sekarang kita berada di gelombang yang kedua dan kita hendak supaya pendidikan ini, *roadmap* sudah ada, dasar sudah ada, cara hendak melaksanakan sudah ada, jadi kita pergi. Bila kita hendak bertolak dalam Dasar Pendidikan ini, bukan sahaja sekolah dan guru, bukan sahaja sekolah, guru dan murid tetapi kita memerlukan sokongan daripada semua *stakeholders*. Antara *stakeholders* yang ada di depan kita adalah para ibu bapa, masyarakat, *opinion leaders* dengan izin, ketua-ketua masyarakat yang ada. Semua sekali kena bergerak sekali untuk membantu.

Saya melihat bahawa kadang-kadang di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau SRJK(C). Dalam negara ini, SRJK(C) ada 1,298 buah dan SRJK(T), Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Ada 524 buah sekolah SRJK(T). SRJK(C) ini dia punya *roadmap* sudah ada, dasar sudah ada, cara hendak melaksanakan sudah ada, dukungan daripada masyarakat itu kuat, dukungan daripada masyarakat kuat. Oleh sebab itu di kalangan masyarakat, rakan-rakan masyarakat Cina, bila saya melawat sekolah, saya tanya Jawatankuasa Pengelola Sekolah, apa Jawatankuasa Pengelola Sekolah dipanggil?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** LPS atau Lembaga Pengelola Sekolah- Pengerusi dia tanya ini, "Eh, dewan cantik?". Dewan ini diberi oleh PIBG. Kita pergi sekolah lain pula, tanya dewan cantik, ada *court* badminton, ada tempat boleh buat seminar lagi, dewan ini diberi oleh alumni sekolah.

Jadi dukungan dari masyarakat itu kuat dan boleh pergi. Kita menyeru supaya masyarakat, ibu bapa semua dapat sebenarnya berganding bahu untuk membolehkan sama ada di sekolah

kebangsaan, sama ada di sekolah agama, di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan juga Cina ataupun di mana jua sekolah itu, boleh menjadikan sekolah itu adalah kepada *center community* yang kuat dan akhirnya, anak-anak boleh belajar dengan lebih baik lagi. Jadi ini antara perkara yang pada saya dibangkitkan dan dalam itu ada...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Minta laluan?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Minta laluan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya bahaskan hari perbincangan tersebut Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan *Industrial Revolution 4.0* ini. Kita melihat *Internet of Things (IoT) versus internet addiction*, dengan izin. Kita melihat sekarang ini masalah dadah contohnya, penagihan dadah di sekolah-sekolah sudah mula menular. Sekarang ini kita dalam perjalanan untuk Revolusi Industri 4.0 ini, tentu sekali penekanan kita akan diberikan kepada gajet-gajet yang membawa kita kepada *Internet of Things* tadi.

Jadi kita melihat sudah ada sekolah-sekolah di negara China dan Amerika *rehab center* untuk *internet addiction* ini. Jadi apakah *preparation* Yang Berhormat Menteri ke arah penyakit yang akan datang ini Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bercakap mengenai dengan *Industrial Revolution 4.0*.

Sebenarnya dalam Kementerian Pendidikan, kita telah memikirkan bahawa kita perlu beranjak dalam hal yang berkaitan dengan kurikulum dan peperiksaan. Oleh sebab itu saya katakan bahawa UPSR Darjah 6, ujian penilaian di peringkat Darjah 6 itu, kemudian di Tingkatan 3 dipanggil Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), dan akhirnya SPM barulah dipanggil peperiksaan SPM.

Sebabnya, kita kena ubah pemikiran. Hendak ubah pemikiran masyarakat ini bukan satu benda yang mudah. Selamanya *exam-oriented*. Kalau di kampung itu, saya pun Ahli Parlimen dari kampung Padang Terap, Parlimen saya. Kalau musim *exam* itu, bersimpang-siur motosikal hantar tuisyen sebab hendak kejar 'A'. Oleh sebab itu kita kena ubah pemikiran bahawa kita tidak boleh bergantung selamanya dengan *exam-oriented* ini. Kita kena pergi kepada *School-Based Assessment*, Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Di mana penilaian terhadap pelajar itu diambil secara holistik, bukan sahaja dalam hal yang berkaitan dengan akademik.

Ini sebabnya pemikiran kena ubah. Oleh sebab itu dalam sistem pendidikan negara, datanglah yang dipanggil *higher order thinking skills*, dengan izin, kemahiran berfikir aras tinggi. Kena ada kemahiran berfikir aras tinggi. Apa dia Kemahiran Berfikir Aras Tinggi itu? Mudah-mudahan ialah jawab dengan cepat, jawab dengan kreatif dan inovasi, boleh berkomunikasi dengan laju. Pelajar boleh berkomunikasi dengan laju, cepat. Kemudian jawab pun cepat. Jawab cepat itu

#### ■1910

Lepas itu, ada elemen *of creative* dan inovasi. Betul atau tidak betul, cerita lain. Cikgu tanya dia, '*Ahmad, kenapa siput berjalan perlahan?*'. Dia terus jawab, '*Siput cikgu, dia tengah fikir. Siput itu berjalan perlahan, dia tengah fikir sama ada dia siput atau dia babi.*' Oleh sebab yang ditanya itu siput babi. Minta maaf. KBAT laju. Dia cepat jawab. Labu sayong, Perak, dia orang Perak, labu sayong.

Apa dia labu sayong? Labu sayong ini, 'Apa dia labu sayong, Ahmad?' 'Labu sayong ini di mana jin duduk dalam itu'. Itu jawab KBAT lah itu, cepat.

Jadi, kita tidak hendak budak kita dok tunggu 5 minit tidak boleh jawab lagi. Kita tak nak budak kita tidak boleh berfikir. Budak kita kena cepat berfikir. Ini yang dikatakan *higher order thinking skills*. Dalam itu sebab itu format peperiksaan diubah. Kalau dulu 40 soalan objektif, sekarang tinggal 20 soalan objektif, 20 soalan lagi kena jawab dalam pemahaman.

Ini kaedah di mana *higher order thinking skills* datang dalam sistem. Oleh sebab itu *parents* terkejut bila 2016 *drop* peperiksaan. Tok wan-tok wan ini marah sebab dia kata cucu dia tidak dapat 6A atau 5A. Akan tetapi saya katakan tidak apa. Begitu juga kita hendak supaya masyarakat tidak tengok kepada *exam* itu keterlaluan. Oleh sebab tidak boleh hendak tengok 12 tahun, apa yang hendak diujinya. Umur 12 tahun ini biarlah dia buat peperiksaan dulu- dia buat saja ujian itu. Ujian sebenarnya adalah pada waktu Tingkatan 5- 17 tahun.

Itu *streaming* kita untuk hendak pergi. Yang Darjah 6, Tingkatan 3 ini biarlah apa-apa *result* yang dia dapat pun. Akan tetapi kita selamanya, berpuluh-puluh tahun, *parents* tidak berapa puas hati itu. Akan tetapi saya kata tidak apa. Oleh sebab itu saya tidak hendak raikan. Tidak payah rai. Ambillah *result* itu di sekolah. Ambillah semua orang. Cikgu letak dalam *envelope*, bagi semua *envelope* sebab dalam *envelope* itu ada *school-based assesment*. Apa dia *school based assesment*? Pentaksiran berasaskan sekolah.

Ada penilaian kokurikulum, ada penilaian sukan, ada penilaian terhadap sahsiah diri dengan psiko metrik, kecenderungan budak itu sekali. Kita tafsirkan sekali. Tidak akan cikgu setahun tidak tahu ada di situ. Cikgu tahu perangai dia macam mana. Perangai dia sangat baik. Kehadiran ke sekolah memuaskan, 190/190 hari. Jadi, campur semua itu dia dapat 'A'. 'A+' dengan UPSR dia, dapat 'A' juga. Maknanya, budak ini dari segi holistik, dia adalah seorang yang boleh dibawa ke tengah. Itu maksud dalam konteks. Itu tidak masuk gajet lagilah. Itu tidak masuk lagi 4.0 lah yang kita kata kita hendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta Kementerian Pendidikan, setelah dilulus oleh Kementerian Kewangan, MK2 pun ada di sini. Saja hendak bagi dia, hendak tengok dia sikit.

Sebanyak RM190 juta, okey pergi buat di sekolah, bilik darjah abad ke-21, *smart classrooms*. Sekurang-kurangnya satu sekolah ada dua *smart classrooms*. Tidak apalah tahun ini PM kata, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, buat dulu 1,000 buah sekolah. *Insyaa-Allah* tahun depan ada bajet, kita buat lagi. Jadi, sekurang-kurangnya dia tahu bahawa budak-budak ini sudah mula berfikir macam mana yang dikatakan *smart classrooms* yang ada *smart board*. Oleh sebab di negara yang sudah maju, *smart board* nya boleh *Google*. Bukan setakat *Google*, Tuan Yang di-Pertua, tapi boleh ada 3D dalam kelas. Kemudian di sekolah kena ada macam mana hendak buat supaya *cashless*, kena ada kad, kena ada benda yang dibeli melalui kad. Ini adalah sistem pengajaran sebab di luar sana pun orang sudah tidak pakai duit, wang tunai.

Sekarang orang sudah pakai semua sistem yang tidak melibatkan wang. Jadi, ini patut diajar di sekolah. Betullah kata bagaimana industri 4.0 itu datang dan kita kena ambil, kena *assimilate* dengan sistem yang ada. Saya ingat saya sudah jauh sudah pergi ini. Kalau macam itu, saya boleh berhenti lah kot?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Boleh ya? Boleh. Saya hendak buat kesimpulan saja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang lain-lain yang berkait dengan perkara-perkara yang tidak disebut ini sebab saya ingat sudah saya jawab pun banyak sudah. Perkara-perkara yang tidak disebut ini ada benda yang berkait dengan hal ehwal murid. Ini hal buli, dadah, kemasukan ke asrama penuh, kemudian ada lagi yang berkait dengan melanjutkan pelajaran. Ini hal ehwal murid, kemudian yang selain daripada hal ehwal murid, ia berkait dengan profesion perguruan.

Sukacitalah saya menyebut bahawa setakat ini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, dari 10,176 sekolah yang kita ada di Malaysia ini, kita mempunyai 435 ribu guru. Dari 435 ribu guru ini, saya boleh sebut bahawa kita telah berada di 97 peratus atau 96 peratus daripada guru-guru yang berijazah. Jadi, ada sedikit guru yang lama, orang lama itu yang tidak berijazah. Ya, Yang Berhormat Senator.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Ada sikit. Sebelum yang- terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Menteri mengakhiri jawapan ini, saya ada sikit, satu soalan saja tentang nasib pelajar-pelajar yang dibuang atau dipecat sekolah. Jadi, biasanya pelajar-pelajar ini memanglah ada kesilapan-kesilapan tertentu yang akhirnya dia dibuang sekolah. Jadi, masalahnya dia sudah jadi orang buangan dan tidak ada satu sistem yang membela dia.

Akhirnya, dia terbiar dan jadi terasing dalam masyarakat dan banyak juga yang terjebak dengan masalah dadah dan sebagainya- *nauzubillahiminzaliqu*. Jadi, saya harap pihak kementerian boleh fikirlah kalaulah sekiranya dia memang kena buang sekolah tapi jangan biarkan dia terkapai-kepai tidak ada satu alternatif. Kalau dia dibuang di sekolah ini, boleh cari sekolah lain supaya dia dapat pembelaan. Jadi, kalau dibuang begitu saja, ibu bapa pun jadi satu menanggung beban yang berat hendak fikir masalah anak jadi buangan dan memalukan keluarga dia.

Kalau boleh pihak kementerian boleh fikir pelajar-pelajar ini, jangan bunuh semangat dia itu dengan pembuangan sekolah kerana kesalahannya. Oleh sebab kalau dia sudah baik semua sekali, tidak payah sekolahlah. Oleh kerana ada masalah-masalah ini yang perlu sekolah. Jadi, kalau-kalau guru-guru hanya memberi perhatian kepada pelajar-pelajar yang cemerlang saja, yang tidak cemerlang itu dia buat satu kelas yang semacam ia ada buat satu kelas dan kelas ini tidak di *manage* dengan baik semacam orang ini- pelajar-pelajar yang kurang, yang tidak begitu baik sangat dalam pelajaran ini tidak diberi perhatian. Itu pun satu hal juga. Saya minta pihak kementerian tolong bagilah perhatian ya. *Wallahua'lam*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri silakan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekolah macam Monfort Boys Town dan sebagainya.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekolah tertentu untuk...

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tadi. Soalan itu berkaitan dengan buang sekolah. Saya hendak tekankan di sini bahawa buang sekolah adalah perkara yang paling akhir dilakukan oleh guru sebenarnya. Ada tujuh atau lapan perkara

sebelum itu akan dilalui dulu sebelum proses buang sekolah. Maknanya, sudah tidak boleh buat apa sudahlah, yang barulah sampai kepada buang sekolah. Buang sekolah ini pun sebenarnya kalau kita katakanlah kepada guru-guru di luar sana, tidak ramai sebenarnya yang dibuang. Oleh sebab ambil segala, semua proses yang berlaku itu, dengan kaunselor nya, dengan pergi ke rumah, dengan jumpa ibu bapa, dengan apa semua itu, barulah dibuang dan saya telah melihat rekod untuk pelajar yang dibuang sekolah.

Contohnya, saya baca dalam rekod yang dihantar kepada saya oleh Ketua Pengarah Pelajaran. 70 hari ke atas tidak datang ke sekolah. Itu dengan masalah disiplin lagilah. Tidak datang itu satu bab. Kemudian akhirnya, sudah tidak boleh buat apa sudah, empat kali, lima kali sudah, macam-macam amaran dan sebagainya, mereka buang sekolah. Walaupun dibuang sekolah, dalam peruntukan, peraturan Kementerian Pendidikan, ibu bapa boleh merayu untuk anaknya bersekolah di sekolah-sekolah lain yang berdekatan. Maknanya, dalam peruntukan itu dibenarkan. Maknanya, bukan tidak boleh merayu, masih dibenarkan. Akan tetapi itulah, Yang Berhormat Senator katakanlah bahawa ada sebilangan kecil yang sememangnya ada masalah tapi bila dia merayu, dia masuk balik sekolah dan dia boleh membentuk balik diri dia menjadi seorang pelajar yang baik.

#### ■1920

Ada insiden yang seumpama itu dan boleh masuk ke universiti. Jadi kita boleh mengkajilah apa-apa juga kaedah yang ada Yang Berhormat Senator. Walau bagaimanapun, sampai hari ini istilah buang sekolah masih lagi digunakan di Kementerian Pendidikan. Kita menegaskan bahawa ia adalah jalan yang paling akhirlah dilakukan di peringkat kementerian. Saya memberi jaminan bahawa kita juga mengambil perhatian kepada anak-anak ini. Bukanlah kata kita tidak ambil langsung perhatian yang berkaitan dengan anak-anak ini.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah. Saya juga ada menyebut dalam perbahasan saya berkaitan dengan masalah pelajar seperti ini. Apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sememangnya buang sekolah adalah kaedah terakhir. Kalau mengikut statistik pun, jumlah yang dibuang sekolah adalah sekitar 400 orang lebih sahaja.

Cuma, apa yang membimbangkan saya sebelum tahap buang sekolah, banyak sekolah yang mengambil tindakan menyarankan pelajar tersebut tukar sekolah. Sebenarnya tindakan menyarankan tukar sekolah ini satu kaedah apabila pelajar ini sudah ada bibit-bibit masalah. Jadi kaedah tukar sekolah ini diambil oleh pihak sekolah.

Cuma saya juga menyebut dalam perbahasan saya berkaitan dengan guru-guru kaunseling di sekolah. Jadi saya kira satu kaedah yang perlu ditekankan oleh pihak kerajaan adalah untuk memastikan guru-guru kaunseling sepenuh masa di sekolah ataupun kaunselor yang tidak hanya tertumpu pada kaunseling kerjaya tetapi kaunseling psikologi pelajar, masalah remaja, sosial ini turut ditekankan. Guru-guru kaunselor di sekolah ini dipastikan untuk diisi. Oleh sebab saya dimaklumkan bahawa kebanyakan kaunselor-kaunselor di sekolah, mereka bukan sepenuhnya menjadi guru kaunseling tetapi mereka juga turut mengajar. Jadi, saya kira perlu ditekankan aspek ini. Okey, sekian terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, tidak ada guru kaunselor yang mengajar di sekolah hari ini. Guru kaunseling adalah *full time* sebagai kaunselor di



sekolah. Dia tidak mengajar. Bukan setakat itu sahaja malah kalau sekolah itu terlampau besar muridnya, kita boleh letakkan sampai dua orang kaunselor di sesebuah sekolah. Jadi *target* kita ini memang hendak kepada satu jumlah pelajar satu kaunselor. Akan tetapi sampai hari ini kita belum mampu lagi macam itulah.

Katalah kita hendak berapa ratus budak untuk satu kaunselor tetapi kita tidak boleh lagi sebab jumlah kaunselor yang ada itu kita tidak mampu lagi. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator bahawa kaunselor sebenarnya tidak mengajar di sekolah. Cumanya barangkali yang disebut yang pertama tadi tukar sekolah kerana ada bibit-bibit yang kita tengok budak ini hendak jadi masalah. Elemen yang seperti itu kita boleh tengoklah dan kita boleh memberi apa-apa perhatian yang serius terhadap apa Yang Berhormat sebut.

*Insya-Allah*, saya kira bahawa kita pun tidak hendak kalau boleh budak-budak ini ataupun pelajar-pelajar ini sampai ke tahap yang di mana akhirnya mereka buang sekolah. Kita kalau boleh cari jalanlah dahulu untuk kita membuat penyelesaian kepada hal yang berhubung dengan sekolah. Jadi akhir sekali ada lagi di sini, ada hal yang berkaitan dengan pendidikan khas, hal yang berkaitan dengan profesion perguruan.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan. Nanti kita bagi dia celah.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey, jadi ada banyak perkara lagi barangkali saya boleh jawablah secara bertulis. Kalau disebut di sini pendidikan teknik dan vokasional saya sudah sebut tadi. Akhir di sini saya hendak sebut adalah bantuan pendidikan, Tuan Yang di-Pertua bantuan pendidikan.

Bantuan pendidikan ini untuk tahun 2018 seperti dalam bajet, kerajaan telah memperuntukkan RM3.1 bilion untuk bantuan pendidikan. Bantuan pendidikan ini kalau boleh saya baca semua sekali ada 19 jenis bantuan pendidikan. Bantuan-bantuan pendidikan ini termasuklah makanan di asrama, rancangan makanan tambahan, elaun murid berkeperluan khas, biasiswa sukan, Biasiswa Kecil Persekutuan, yuran khas sekolah, bantuan kokurikulum prasekolah, bantuan sekolah-sekolah, bantuan kokurikulum sekolah, bantuan makanan prasekolah, KEDAP yang saya sudah sebutkan tadi untuk masyarakat Orang Asli. Kemudian elaun pra universiti, ini Tingkatan 6 dan elaun murid berkeperluan khas, Kad Debit Diskaun Siswa 1Malaysia dan bantuan awal persekolahan.

Jadi banyaklah ada 19 jenis. Jadi kita ada menyediakan buku kemudahan bantuan seumpama ini yang boleh diedarkan kepada Yang Berhormat Senator untuk Yang Berhormat Senator tengok. Ada Yang Berhormat hendak? Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bangkitkan sebab ada beberapa perkara yang saya bangkitkan itu Yang Berhormat Menteri tidak sentuh. Ini tentang masyarakat Siam yang ramai di Padang Terap itu, tentang anak-anak masyarakat Siam yang tidak ada status warganegara. Jadi apa jadi masa depan mereka selepas mereka bersekolah?

Kemudian kedua ialah tentang cadangan saya untuk sekolah secara rasminya menjemput pensyarah-pensyarah daripada luar, penceramah luar untuk memberi ceramah kepada anak-anak masyarakat Siam di sekolah tentang jati diri, tentang tatasusila dan sebagainya dijadikan aktiviti yang

tetap. Bukannya atas budi bicara penolong kanan dan juga saya mohon supaya Kementerian Pendidikan menimbang untuk mengiktiraf sijil kelas bahasa Thai yang kita jalankan di sekolah-sekolah. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. *Sawadikap*. Saya kira bahawa di sekolah-sekolah di kalangan masyarakat Siam yang ada di seluruh negara khususnya di utara tanah air dan dalam Parlimen Padang Terap, saya mempunyai pengundi masyarakat Siam sebenarnya lebih kurang 2,800 pengundi dari masyarakat Siam. Saya kira bahawa dari segi sekolah ini, mereka bersekolah sekali dengan masyarakat orang Melayu. Jadi dia tidak ada masalah sebenarnya dari segi bahasa, dari segi pencapaian.

Malah untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook, tahun lepas STPM lima terbaik di Malaysia salah seorang yang terbaik di Malaysia STPM *Form 6* itu adalah di kalangan anak masyarakat Siam yang datang dari Padang Terap... [*Tepuk*] Padang Terap kena sebut jugalah. Dia mendapat 4A *four flat*. Maknanya STPM dia empat subjek. Ini yang dapat 100 markah, 100 markah semualah.

Jadi sebenarnya tidak ada beza kaum, etnik dalam negara kita ini sebab kita adalah mempunyai pendidikan yang bebas. Maknanya sistem meritokrasi itu wujud walaupun kita tidak sebut tetapi wujud sebenarnya. Siapa yang dianggap pandai, siapa yang agak bijak dan boleh pergi dan boleh capai dan dia akan capai. Jadi untuk masyarakat Siam juga kita tidak ada masalah sebenarnya untuk membantu apa juga. Saya ingat di Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Inilah kawasan-kawasan di mana ramai di kalangan masyarakat Siam.

Untuk penglibatan penceramah luar ini adalah mengikut keperluan sekolahlah. Ini saya ingat atas inisiatif dan juga daripada ibu bapa boleh kita berpakat dengan PIBG misalnya. Kita tengok yang terbaik, kita boleh bawa datang ke sekolah penceramah ini. Cuma, penceramah ini kita kena tengok jugalah penceramah yang macam mana hendak datang itu.

#### ■1930

Itu atas kebijaksanaan, *wisdom* PIBG dan juga guru besar sendirilah. Saya ingat itu kita tak ada masalah, Yang Berhormat Senator. Kemudian yang keduanya pasal sijil bahasa Siam. Sijil ini sebenarnya dikendalikan oleh Wat-wat Siam yang saya pun membantu. Saya mempunyai peruntukan Parlimen yang saya bagi kepada dua buah Wat Siam dalam Parlimen Padang Terap untuk tujuan bahasa Siam.

Jadi saya ingat ini satu usaha yang murni untuk keturunan Siam di negara kita. Cumanya buat masa ini, kita tidak ada pengiktirafan sijil itu lagi kerana ianya masih di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia kerana kendaliannya adalah kendalian secara di Wat Siam dan ini juga ada bahasa-bahasa etnik yang lain dalam negara kita yang mereka kendalikan sendiri dan pada waktu ini, belum ada pengiktirafan diberi, Yang Berhormat. Itu saya nak maklum kepada Yang Berhormatlah. Untuk masa depan, kita boleh berbincang tengok bagaimana kaedah kerana waktu ini dibuat sendiri atau dikelola sendiri oleh Wat-wat Siam.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak ucap terima kasih ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada lagi satu yang dia minta pasal tidak ada surat beranak.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ha, satu lagi pasal ini. Dia ada dua keadaan, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama adalah bapa warganegara Malaysia, mak warganegara Kunthai, dengan izin. Kunthai itu orang Siamlah, orang Thailand. Jadi, itu boleh sebenarnya. Kalau bapa itu warganegara Malaysia, mak itu bukan warganegara Malaysia, dia boleh bersekolah. Yang tak boleh bersekolah di sekolah dalam negara kita ini ialah kedua-duanya bukan warganegara.

Kalau kedua-duanya bukan warganegara, tak boleh. Dia tak boleh bersekolah di sekolah kebangsaan. Kalau dia bersekolah juga, dia kena minta kebenaran dan kita kena caj dia. Dia kena bayar di sekolah kebangsaan. Saya baru berurusan, baru tengah hari ini sebelum saya masuk ke Dewan ini, ada seorang minta saya *sign* satu surat, dua adik-beradik hendak masuk di sekolah di Putrajaya. Saya tanya, dia kata dia *Singaporean*. Kalau dia *Singaporean*, kedua-dua, mak pun *Singaporean*, bapa pun *Singaporean*, dia tak boleh bersekolah melainkan dia kena bayar ikut caj yang telah dikenakan.

Itu sebab dia nak ikut kurikulum nasional. Jadi kalau macam kes di sempadan ini, saya faham sebab saya Ahli Parlimen di sempadan. Ramai sebenarnya kita benarkan dia bersekolah kalau salah seorang daripada mereka itu warganegara. Tak ada masalah, Yang Berhormat.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih. Satu sahaja, *just miss* satu benda. Selepasnya Tuan Yang di-Pertua, selepas sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia, masalah dia yang ...

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Selepas sekolah, selepas SPM. Apa akan jadi dengan dia orang oleh kerana mereka bukan warganegara, IC belum ada. Jadi selepas SPM itu, apa akan jadi dengan dia? Apa masa depan dia orang?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Dia ambil SPM? Dia ambil SPM, dia tak ada masalah sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak Yang Berhormat Menteri, ini masalah dia ini yang tak ada Sijil Beranak tetapi diberi kelulusan, peluang untuk belajar tetapi sampai tahap SPM pun dia orang tak dapat IC.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Oh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Betul, itu pasal IC tapi masa depan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat untuk Kementerian Pelajaran, dia benarkan belajar.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Cuma ada tak ruang di mana ada tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk masa depan mereka. Selepas SPM, IC belum ada, jadi untuk ke IPTA.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ha, itu ada masalah itu Yang Berhormat. Yang itu ada masalah sebab itu melibatkan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran sebab yang itu sepatutnya dalam masa lima tahun itu, lima tahun kita benarkan dia bersekolah itu, patutnya *parents* itu kena carilah jalan untuk dapatkan IC itu.

Saya ingat untuk tujuan ini Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat kemukakan di Dewan yang mulia ini. Saya pun mengesyorkan walaupun bukan tanggungjawab sayalah tetapi saya mengesyorkan supaya elok kalau kita kumpulkan yang ada di sekolah ini dan kita bercakap dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Katalah di Kelantan berapa orang, katalah di Kedah berapa orang dan di Terengganu berapa orang, di Perak berapa orang. Kita boleh kumpulkan dan kita boleh buat satu- dan saya sedia membantu. Sebagai Menteri Pendidikan, saya sedia membantu. Saya katakan bahawa mereka ada di sekolah dan patut diberi, Yang Berhormat. Jadi, saya ingat itu boleh kita selesaikan. Semua perkara boleh diselesaikan, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesti, Menteri baik.

**Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ada lagi?

**Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram:** *No, no.* Ini Yang Berhormat Menteri, saya ada juga bangkitkan, bukan bangkitkan tetapi mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan kerana memberikan peruntukan setiap tahun. Dalam sejarah masyarakat India, dalam masa-masa dahulu kita fahamlah masa-masa dahulu kita tidak dapat sebarang peruntukan daripada Kerajaan Malaysia di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib telah pun memberikan peruntukan yang sebegitu besar. Kalau dah begitu besar, janganlah kurang, Yang Berhormat Menteri.

Jadi, peruntukan ini yang disalurkan tahun 2018 pun ada RM50 juta untuk penyelenggaraan sekolah Tamil. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan juga meneruskan bajet tahunan dan juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan ke hendak berterima kasih?

**Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram:** *No, no.* Ada juga. Bantuan kewangan ini akan memperkasakan sekolah Tamil. Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia nak ucap terima kasihlah kepada Menteri.

**Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram:** Jadi pujian juga sebab Menteri dari negeri Kedah. Pujian juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan yang telah pun meluluskan tujuh buah sekolah baru di seluruh Malaysia. Jadi, saya ucapkan terima kasihlah. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi itu sahaja daripada saya, terima kasih kepada saya dan juga terima kasih kepada Timbalan jugalah. Ada sebelah saya sini. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sensitif dengan pendidikan sebab pendidikan ini untuk semua, *education for all* dan kita akan berusaha untuk mempertingkatkan apa juga kualiti pendidikan untuk anak bangsa dalam negara kita, *cross the board*lah, untuk semua kaum.

Kita bekerja untuk semua kaum yang ada dalam negara ini, bukan bekerja untuk satu kaum dan saya yakin Ahli-ahli Dewan Negara juga akan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk melihat kalau ada perkara-perkara yang perlu diperbaiki ataupun perlu ditegur, jadi tak payah tunggulah Dewan. Yang Berhormat Senator bolehlah datang berjumpa dengan secara peribadi. Bawalah hal yang berkaitan. Patut kita *repair*, patut kita buat penambahbaikan, *insya Allah* kami di Kementerian Pendidikan akan menerima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sudi datang sendiri untuk menggulung dan kepada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan. Silakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

### 7.37 mlm.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM1.77 bilion pada tahun 2018 kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan pengagihan sebanyak RM485,346,200 bagi perbelanjaan pembangunan dan RM1,293,333,200 bagi perbelanjaan mengurus.

Semasa membentangkan usul Rang Undang-undang Perbekalan 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga telah mengumumkan beberapa projek yang melibatkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan yang keduanya, tadi yang pertama. Yang keduanya, peruntukan sebanyak RM100 juta untuk memperluaskan Program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah Malaysia Digital Economy Corporation ataupun MDEC.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian ini. Tuan Yang di-Pertua, penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada lima perkara utama.

Yang pertamanya iaitu penambahbaikan infrastruktur *internet* ataupun jalur lebar. Yang kedua, penyebaran maklumat palsu ataupun penyalahgunaan media sosial dan *internet*.

Ketiga, ekonomi digital. Yang keempat, jenayah siber. Dan yang kelimanya, perlindungan data peribadi.

### ■1940

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun dan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok mengenai penambahbaikan infrastruktur *internet* ataupun jalur lebar. Saya percaya mungkin salah seorang tidak ada tapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya berkongsi berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif menaik taraf kelajuan jalur lebar bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar dapat ditawarkan secara menyeluruh di seluruh negara daripada semasa ke semasa sama ada melalui peluasan jalur lebar talian tetap dan juga mudah alih.

Sehingga kini, di bawah inisiatif peluasan jalur lebar talian tetap yang meliputi Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan 2 ataupun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *High Speed*

*Broadband Phase 1 and Phase 2* dan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), sebanyak 380 ibu sawat telah pun siap dilaksanakan manakala baki 239 ibu sawat masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara yang dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2019. Daripada jumlah ini, sebanyak 66 ibu sawat terletak di negeri Sarawak manakala 35 ibu sawat adalah terletak di negeri Sabah.

Di bawah inisiatif peluasan liputan jalur lebar mudah alih pula, sebanyak 1,628 menara komunikasi baru telah pun dibina dan diaktifkan di seluruh negara manakala 172 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan. Selain daripada itu, sebanyak 3,786 menara sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G manakala 409 menara lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Untuk negeri Sarawak, jumlah menara komunikasi baru dan menara sedia ada yang telah siap dinaiktarafkan adalah sebanyak 1,256 manakala 89 menara masih dalam peringkat pelaksanaan. Untuk negeri Sabah pula, jumlah menara komunikasi baru dan menara sedia ada yang telah siap dinaiktarafkan adalah sebanyak 1,254 manakala 131 menara masih dalam peringkat pelaksanaan.

Manakala di bawah inisiatif peluasan liputan *cellular*- tadi saya bercakap tentang jalur lebar, sekarang berkaitan dengan liputan *cellular*. Bagi tujuan menambah baik liputan *cellular*, sebanyak tujuh menara komunikasi telah pun siap dibina dan beroperasi bagi menawarkan liputan perkhidmatan 3G di Parlimen Tenom kerana ada spesifik soalan, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Tenom. Manakala tambahan enam menara komunikasi yang sedang dibina dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2018. Di samping itu, sebanyak 18 menara sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan empat menara lagi sedang dinaiktarafkan untuk manfaat penduduk di sekitar Parlimen Tenom.

Di Parlimen Pensiangan pula, terdapat 27 menara komunikasi telah siap dibina dan diaktifkan dengan liputan perkhidmatan 3G manakala tambahan enam menara sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap pada suku kedua tahun 2018. Di samping itu, sebanyak 34 menara sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan tambahan sembilan menara lagi sedang dinaiktarafkan.

Manakala di Parlimen Keningau pula, sebanyak 11 menara komunikasi telah siap dibina dan beroperasi bagi menawarkan perkhidmatan *cellular*. Terdapat tambahan dua menara komunikasi yang sedang dibina dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2018. Di samping itu, sebanyak 48 menara sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan lima menara lagi sedang dinaiktarafkan untuk manfaat penduduk setempat.

Pihak kerajaan percaya bahawa semua inisiatif ini dapat memperluaskan rangkaian jalur lebar serta meningkatkan mutu perkhidmatan komunikasi khususnya di kawasan luar bandar termasuklah kampung-kampung baru Cina di seluruh negara, sekali gus dapat mencapai sasaran 95 peratus liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada isu kedua yang dibangkitkan oleh tiga Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin-saya nampak beliau baru keluar tadi. Tidak apa, saya menjawab juga, Tuan Yang di-Pertua. Kedua,

Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan Harun dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah mengenai penyebaran maklumat palsu ataupun penyalahgunaan media sosial.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebarang tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak SKMM adalah berlandaskan peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ataupun kita kenali sebagai Akta 588 dan bukan berdasarkan latar belakang politik portal-portal berita yang berkaitan. Dalam masa yang sama, tindakan berkaitan dengan penyalahgunaan *internet* turut melibatkan agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Oleh itu, kementerian giat melaksanakan pemerksaan dan jalinan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan dalam menangani ancaman baru ini.

Kerajaan memberi keutamaan terhadap aspek kesedaran kepada rakyat berkenaan penyalahgunaan media sosial dan penggunaan *internet* secara berhemah kerana kita rasakan bukan penguatkuasaan saja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kesedaran kita harus lakukan. Ini bagi membolehkan masyarakat mendapat maklumat daripada sumber yang sahih dan pengetahuan tentang perkara-perkara yang berkaitan yang dapat melindungi diri mereka daripada menjadi mangsa penyalahgunaan media sosial.

Sehubungan dengan itu, pendekatan bersepadu dan menyeluruh telah diambil oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian ini dengan keterlibatan pelbagai agensi untuk memperluaskan program kesedaran kepada semua kelompok masyarakat. Antara aspek-aspek yang dititikberatkan dalam program kesedaran ini adalah:

- (i) perlindungan terhadap kanak-kanak di alam maya;
- (ii) pembudayaan amalan menyemak;
- (iii) risiko perundangan;
- (iv) amalan terbaik;
- (v) penggunaan *internet* secara berhemah; dan
- (vi) peluang memperbaiki sosioekonomi yang ditawarkan di dalam platform *internet*.

Program-program yang saya nyatakan tadi disokong dengan pembangunan portal *sebenarnya.my* dan pengenalan aplikasi *Parental Control* oleh pihak SKMM bersama syarikat-syarikat telekomunikasi.

Kementerian melalui agensi seperti Jabatan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Jabatan Penyiaran (RTM) dan Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA)- ini kesemuanya adalah agensi di bawah kementerian- menggunakan empat platform utama iaitu media elektronik, media cetak, media sosial dan komunikasi bersemuka dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh dua Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman dan Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun berkenaan dengan ekonomi digital.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi keperluan abad ke-21 yang memerlukan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan tinggi dalam membantu perkembangan ekonomi digital, MDEC telah melaksanakan program *MY Digital Maker*, dengan izin, dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan Malaysia. Program tersebut dilaksanakan dengan penerapan subjek pemikiran *computational* dan sains komputer dalam pembelajaran. Ini program yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri KPM tadi- STEM. Melalui program tersebut, seramai 70,000 murid sekolah telah mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti berorientasikan digital seperti *coding*, penciptaan kandungan, *embedded system*, dengan izin, pencetakan 3D dan robotik melalui aktiviti kokurikulum dan kurikulum tambahan di seluruh negara.

MDEC juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjadikan Malaysia sebagai hab utama ekonomi digital di peringkat dunia dan serantau seperti menarik pelaburan dalam dan juga luar negara, memperkasa syarikat tempatan serta memangkin pembangunan ekosistem inovatif. Sehingga Disember 2016, jumlah pelaburan asing dan domestik yang dicatatkan oleh syarikat Multimedia Super Koridor, dengan izin, MSC Malaysia adalah sebanyak RM304 bilion. Di samping mewujudkan peluang pekerjaan, aktiviti pelaburan ini turut telah menarik syarikat-syarikat global dalam bidang teknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

#### ■1950

Dalam menggalakkan pembangunan industri kreatif, kerajaan melalui MDEC menyediakan kemudahan infrastruktur pembangunan kandungan kreatif multimedia untuk segmen animasi, *visual effect* dengan izin, dan permainan video menerusi *Malaysia Animation Creative Content Centre* (MAC3), dengan izin. Program *Go2Market*, dengan izin, pula menemukan syarikat tempatan dengan syarikat pembeli antarabangsa melalui platform dan festival antarabangsa seperti *International Market of Communications Programmes* (MIPCOM) dengan izin, NSC dan *Kidscreen* dengan izin, serta penganjuran beberapa persidangan animasi kreatif, *visual effect* dengan izin dan permainan video seperti program kreatif dan *level up*. MDEC juga melaksanakan program yang berorientasikan perlindungan harta intelek dengan kerjasama MyIPO dan KPDNKK bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan khusus industri kreatif dalam isu harta intelek dan harta kreatif digital.

Program eUsahawan dan eRezeki yang saya maklumkan pagi tadi Tuan Yang di-Pertua, telah diperkenalkan kepada penduduk luar bandar, golongan belia dan usahawan kecil yang termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40 untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital. Bagi program eUsahawan, sejak Januari 2016 sehingga November 2017, sejumlah 141,380 usahawan muda dan desa telah mengikuti latihan dan kursus eUsahawan.

Daripada jumlah ini, seramai 33,529 ataupun 24 peratus daripada peserta telah mula melaporkan jualan tambahan keseluruhan yang berjumlah sebanyak lebih daripada RM177 juta. Melalui program eRezeki pula, bagi tempoh Januari 2016 hingga November 2017, seramai 138,031 individu telah pun dilatih melalui pusat dan wakil eRezeki di seluruh negara. Daripada jumlah ini, seramai 106,964 ataupun 77 peratus telah berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhan yang berjumlah sebanyak lebih RM93 juta.

Manakala satu lagi agensi di bawah kementerian iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ataupun FINAS pula melalui strategi pemerkasaan industri kreatif turut memacu pembangunan ekonomi digital melalui sistem integrasi e-Industri dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta bagi sistem pelesenan secara dalam talian. Sistem tersebut memberi manfaat kepada sejumlah 8,000 pemegang lesen dengan potensi berpendapatan berjumlah RM2.1 juta setahun kepada kerajaan. Selain daripada



itu, pada tahun 2017 sahaja, sebanyak RM75 juta nilai eksport kandungan kreatif tempatan diperolehi daripada jaringan ekonomi digital lapan buah syarikat tempatan bersama rakan niaga di peringkat antarabangsa melalui inisiatif pemasaran dan eksport kandungan kreatif ke peringkat global.

*Astro GO SHOP* merupakan salah satu lagi di bawah kementerian ini pula telah dilancarkan secara rasmi pada 30 Januari 2015 dan merupakan salah satu daripada inisiatif *Astro* untuk menggalakkan ekonomi digital di Malaysia. Pada awal pelancarannya, 60 peratus daripada produk yang dijual di *GO SHOP* merupakan barangan keluaran perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS Malaysia dan peratusan tersebut meningkat setiap tahun.

Kementerian melalui MYNIC iaitu agensi di bawah kementerian telah melaksanakan program *creative market* yang membolehkan rakyat memasarkan kandungan digital seperti foto dan seni grafik secara dalam talian. Sekali gus, membolehkan rakyat menjana pendapatan tambahan. Platform ini dijangka akan dibuka kepada orang ramai pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya memberi maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff mengenai jenayah siber. Saya tidak pasti beliau ada tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya maklumkan jugalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat hendak juga, boleh.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Boleh. Saya teruskan sahajalah Tuan Yang di-Pertua, kerana untuk makluman rakan-rakan Ahli Yang Berhormat semua ya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap jenayah siber, pemerdayaan komersial mengikut seksyen 420 Kanun Keseksaan adalah di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia. Daripada Januari hingga November 2017, pihak SKMM telah menerima sebanyak 600 maklumat ataupun aduan awam berkaitan aktiviti dan kandungan yang melibatkan penipuan dalam talian yang seterusnya dirujuk kepada pihak PDRM untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Jenayah Siber pada 3 November tahun ini yang dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia bagi menyelaras tindakan-tindakan penguatkuasaan kesalahan jenayah siber yang merangkumi tindakan bersepadu penguatkuasaan terhadap jenayah siber seperti penipuan, *scam* dengan izin, judi atas talian, penyalahgunaan media sosial, fitnah dan penyebaran berita palsu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff mengenai perlindungan data peribadi. Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi ataupun JPDP telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 pada 15 November 2013 yang bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial.

Mulai tahun 2017, JPDP telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas pengguna-pengguna data yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 709 ini. Sehingga Oktober 2017, sebanyak tiga kes telah pun selesai dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dengan dikenakan denda sebanyak RM40 ribu yang melibatkan syarikat daripada sektor pelancongan, pendidikan dan agensi pekerjaan. Manakala sebanyak tujuh kes sedang menunggu izin Timbalan Pendakwa Raya untuk didaftarkan di mahkamah.

Pihak JPDP juga telah membangunkan sebanyak lima tata amalan, dengan izin, *code of practice* mengikut sektor iaitu sektor utiliti yang berkaitan dengan elektrik, sektor perbankan dan institusi kewangan, sektor insurans, sektor pengangkutan dan sektor telekomunikasi. JPDP juga telah membangunkan Standard Perlindungan Data Peribadi yang menetapkan kehendak minimum yang perlu dipatuhi oleh pengguna data di dalam pematuhan tiga prinsip PDP. Tiga prinsip tersebut ialah prinsip keselamatan; prinsip penyimpanan; dan prinsip integriti data.

Ketidakpatuhan terhadap tata amalan dan standard PDP adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda penjara atau kedua-duanya. Selain daripada tindakan penguatkuasaan, pihak JPDP juga giat melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti berkaitan Akta 709 secara berterusan dan meluas melalui pelbagai platform media komunikasi bagi memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Boleh.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak bertanya seksyen yang saya berucap berhubung dengan *internet addiction* ini, sama ada di bawah MCMC atau kementerian lain. Ini sebab saya belum dengar lagi ada satu jawapan pun berhubung *internet addiction* ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Yang Berhormat telah membangkitkan *internet addiction* di mana anak-anak muda kita ini dia *get addicted* iaitu satu sindrom yang baru.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya juga menyatakan bahawa sudah ada di negeri China dan juga di US di mana sudah pun sekolah-sekolah untuk *rehabs* mereka yang *addicted to internet* ini.

Tuan Yang di-Pertua juga menyatakan bahawa kita tak hendak anak-anak kita contohnya bermain *Blue Whale* sehingga sanggup membunuh diri kerana *game* tersebut. Jadi, itu soalan saya sama ada MCMC atau kementerian lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri atau bidang kuasa lain?

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Kaitan dengan *internet addiction*, dia sebenarnya tidak berapa jelas Tuan Yang di-Peruta, berkaitan dengan liputan daripada bidang kuasanya. Ini kerana kita tahu berkaitan dengan internet ini, dia adalah luas di alam maya. Akan tetapi apa peranan yang dimainkan oleh pihak kementerian, biasanya kita akan mengadakan *engagement*, pertemuan dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang saya nyatakan tadi. Kebetulan Yang Berhormat Senator keluar tadi.

#### ■2000

Pertamanya aspek-aspek bukan hanya berkaitan dengan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh agensi di bawah kementerian ini tetapi program kesedaran yang antara yang kita sebutkan tadi iaitu portal '*sebenarnya.my*' misalannya yang maknanya dari segi kesahihan berita yang berkaitan dengan *internet addiction*.

Saya rasa antaranya ia melibatkan kanak-kanak yang mana kita sebagai orang tua, sebagai ibu bapa kepada kanak-kanak kita tidak harus meletakkan semua tanggungjawab ini kepada pihak kerajaan kerana pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program saya rasa, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pertamanya seperti program Klik Dengan Bijak, program Parental Groom yang dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui SKMM dengan pihak sekolah misalannya.

Ini di antara beberapa program-program kesedaran yang telah dilakukan tetapi satu elemen yang sering kita tekankan kepada ibu bapa ialah harus mengawasi terutamanya anak-anak mereka kerana masa mereka di sekolah tidak banyak tetapi mereka lebih banyak masa di rumah dan kebanyakan kanak-kanak ini apabila mereka balik ke rumah dia orang kunci pintu. So, kita harus tengok apa yang berlaku di sebalik pintu yang terkunci.

Inilah permasalahannya tetapi di pihak kementerian kita ada dua program bersepadu selain daripada penguatkuasaan tetapi program kesedaran. Itu yang boleh dibantulah dari segi *addiction* ini kerana kita tahu kalau kita pergi makan ataupun *dinner* di luar bersama keluarga biasanya kadangkala antara kita sesama anak-anak ini mereka lebih sibuk bermain *cellular* berbanding dengan bercakap seperti mana kita pada zaman kanak-kanak dahulu. Akan tetapi saya ambil maklum persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator tetapi di pihak kita itulah gerak kerja yang kita lakukan berkaitan dengan program kesedaran yang sentiasa diadakan sepanjang masa. Saya harap saya menjawab persoalan Yang Berhormat Senator.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat sembilan orang tadi yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2018 peringkat dasar yang menyentuh peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pihak kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian dan di sini juga saya ingin rekodkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai yang telah membantu dalam menyediakan jawapan pada hari ini. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada pegawai-pegawai kementerian. Akan tetapi yang isu yang berkenaan dengan internet dan unsur-unsur melalui internet ini kena ada satu kalau tidak ada di bawah kementerian bidang kuasa Yang Berhormat Menteri, kita ini kena tengok elok-elok oleh kerajaan. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Pengangkutan.

### 8.03 mlm.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu-isu dan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan isu lapangan terbang. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah membangkitkan mengenai projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian sentiasa memberi keutamaan kepada projek ini dan telah mengambil langkah-langkah perlu bagi menyegerakan pelantikan kontraktor dan pelaksanaan projek.

Walaupun bagaimanapun, pihak kementerian dalam proses menender semula projek ini sebagaimana arahan Kementerian Kewangan Malaysia pada 27 Oktober 2017. Proses tender dijangka selesai pada Januari 2018. Kerja-kerja menaik taraf dijangka bermula pada Februari 2018 dan akan mengambil masa selama 36 bulan. Siling peruntukan bagi kerja-kerja fizikal berjumlah RM460 juta termasuk GST. Menjawab pertanyaan mengenai pengambilan tanah yang bersempadanan, untuk makluman Yang Berhormat Senator tiada pengambilan tanah terlibat dalam projek ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Ir. Yong Wui Chong dalam perbincangan telah mencadangkan supaya Lapangan Terbang Sandakan di naik taraf kepada lapangan terbang antarabangsa. Untuk makluman, kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan, Sabah sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Lapangan Terbang Domestik termasuk Lapangan Terbang Sandakan adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain.

Walaupun tidak berstatus antarabangsa, Lapangan Terbang Sandakan masih boleh menerima penerbangan antarabangsa dengan kemudahan-kemudahan yang menyokong kepada penerimaan penerbangan antarabangsa tersebut. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memastikan kemudahan di lapangan terbang negara termasuklah Lapangan Terbang Sandakan mencukupi melalui projek-projek pembangunan lapangan terbang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah berkaitan dengan cadangan lapangan terbang baru di Perak seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim. Tidak ada, saya jawab bertulislah ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulis, yes. Silakan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sentiasa ada.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ....Telah membangkitkan beberapa perkara menyentuh isu MASwings dan perkara berkaitan bidang kuasa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Menjawab isu-isu yang dibangkitkan, kerajaan tiada halangan sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak berhasrat untuk menubuhkan syarikat penerbangannya sendiri ataupun mengambil alih MASwings ataupun mana-mana syarikat penerbangan yang lain bagi menyediakan perkhidmatan penerbangan di Sarawak.

Adalah menjadi dasar kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan di laluan-laluan yang tidak berekonomi dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan *accessibility* penduduk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak ke bandar-bandar berdekatan yang direalisasikan melalui

penyediaan perkhidmatan udara luar bandar ataupun dengan izin, *Rural Air Services (RAS)* oleh syarikat penerbangan yang dilantik kerajaan.

Namun begitu, sekiranya syarikat yang dilantik Kerajaan Negeri Sarawak tersebut ingin menyediakan perkhidmatan RAS ianya perlulah tertakluk kepada akta dan peraturan yang berkuat kuasa buat masa ini seperti Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) 2015 berhubung obligasi perkhidmatan awam ataupun dengan singkatan PSO iaitu *Public Service Obligation* yang antara lain memperuntukkan kuasa MAVCOM sebagai pentadbir dan pengurus PSO serta menetapkan kriteria-kriteria pemilihan operator bagi menyediakan perkhidmatan RAS.

MAVCOM sedang menjalankan kajian terhadap harga tiket penerbangan dan akan mencadangkan pendekatan yang boleh diambil kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. Kajian ini dijangka dapat diselesaikan sebelum pertengahan tahun 2018. Pada masa ini kerajaan hanya menetapkan *capping* bagi perkhidmatan udara luar bandar *Rural Air Services* bagi tujuan mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, bagi laluan udara komersial, syarikat-syarikat penerbangan udara yang menyediakan perkhidmatan berkenaan diberikan kebebasan untuk menentukan liputan rangkaian iaitu *network coverage*, kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, secara bertulis.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tidak ada, jawab secara bertulis ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulis, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seterusnya isu KTMB, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, ini saya hendak jawab sini. Pada masa sekarang KTMB memiliki sebanyak 15 set kereta api elektrik yang menyediakan perkhidmatan kereta api elektrik (ETS) dari Gemas ke Padang Besar.

#### ■2010

Semua set ETS tersebut sedang beroperasi sepenuhnya. Kementerian Pengangkutan sedia maklum berkenaan isu kemampuan sistem jualan tiket KTMB dalam memenuhi permintaan dan ekspektasi pelanggan. Untuk makluman, KTMB telah menaiktarafkan sistem jualan tiket atas talian sedia ada kepada yang baru yang lebih stabil dan mesra pengguna, dengan kos naik taraf berjumlah RM650,000. Sistem baru ini telah mula diguna pakai pada bulan Oktober 2017.

Dalam masa yang sama, sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan juga telah memperuntukkan sejumlah RM9.8 juta bagi menyediakan *Disaster Recovery Center (DRC)* untuk KTMB yang berfungsi sebagai *backup* kepada *server system* jualan tiket atas talian dan di kaunter daripada berlakunya sebarang gangguan seperti *server down*. Pembangunan DRC ini dijangka akan siap selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2018.

Kerajaan telah membelanjakan lebih RM35 bilion bagi pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik. Namun begitu, KTMB hanya mampu memenuhi 30 peratus daripada kapasiti penuh landasan. Tambahan juga, kapasiti penggunaan trek ini dijangka akan meningkat, sebaik sahaja Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor baru siap sepenuhnya.

Justeru, bagi mengoptimumkan penggunaan trek seterusnya memaksimumkan pulangan pelaburan kerajaan, kerajaan sedang mempertimbangkan liberalisasi sektor pengangkutan rel bagi membuka peluang kepada lain-lain pengendali perkhidmatan kereta api. Buat masa ini, hanya sebuah syarikat yang telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan sebagai calon pengendali perkhidmatan kereta api kedua. Kerajaan juga bersedia menimbangkan mana-mana syarikat untuk memohon sebagai pengendali perkhidmatan kereta api.

Kementerian Pengangkutan selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap Akta Keretapi 1991 tidak merancang atau melaksanakan sebarang urusan pindaan akta tersebut. Pada hemat kementerian ini, maklumat yang dipaparkan dalam laman sosial berkenaan cadangan pindaan Akta Keretapi 1991 adalah tidak tepat sama sekali.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Pohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bercakap soal kereta api ini, memang saya berminat dan saya tertarik sekali kerana saya selalu menggunakan kereta api daripada Alor Setar ke Kuala Lumpur dan saya merasa selamat. Kalau saya naik kapal terbang apabila angin tebal, dia goyang, saya bimbang. Cepat-cepat saya mengucap. Akan tetapi apabila saya naik kereta api saya kurang bimbang sedikit. Kereta api ini pula dia bertolak betul, tepat pada masanya. Cuma servis dalam kereta api itu perlu dipertinggi, perlu dipertingkatkan lagi.

Kereta api juga kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, kita boleh mempercayai, kita yakin dengan kereta api ini. Akan tetapi baru-baru ini saya terbaca di dalam akhbar bahawa *Railwaymen Union of Malaysia* (RUM) ini telah pun berkasar dengan Menteri kita, sehinggakan berkata, "...*Is a very like a stupid idea*" apabila Menteri mencadangkan supaya KTM ini menyerahkan asetnya kepada satu lagi badan. Badan ini juga adalah badan yang akan dimiliki oleh kerajaan. Di mana saya faham daripada surat khabar ini, saya minta Menteri terangkan dengan lebih lanjut, saya faham kita ambil contoh-contohnya lebuhraya. Lebuhraya dibina oleh kerajaan, oleh PLUS, kemudian di atasnya itu ada bas dan bas tidak di-*limit*-kan kepada bas MARA sahaja tetapi dibuka kepada banyak bas lain.

Saya percaya dan saya yakin dengan kerajaan menyerahkan perkara ini supaya landasannya itu dikelolakan oleh KTM. Ini kerana setakat ini Yang Berhormat kata tadi kita sudah habis RM35 bilion dan *return on asset only three percent* dan 30 peratus sahaja kegunaannya. Kenapa tidak kita membuka kepada syarikat-syarikat lain?

Saya ucapkan tahniah kerana buka kepada satu syarikat. Kita patut buka lagi. Kalau ada syarikat A, syarikat B, syarikat C, berlumba-lumba. Jadi maknanya, saya akan datang daripada Alor Setar ke Kuala Lumpur, saya ada *selection of* syarikat. Makna kata kalau saya hendak pilih syarikat A, yang kapal terbangnya kuat *aircond*-nya macam dalam Dewan ini, saya boleh pilih atau syarikat B yang

telah ada nasi lemak dalam koc nya, dalam restorannya, saya boleh pilih syarikat tersebut. Jadi dibuka kepada syarikat-syarikat asing.

Jadi kalau ini hendak dijalankan oleh kerajaan, saya percaya dan saya menyokong kalau RIC ini diadakan untuk tujuan itu, maka saya rasa *Union* tidak perlu bimbang. *Railwaymen Union of Malaysia* tidak perlu bimbang kerana kedua-dua KTM dan juga entiti-entiti yang akan ditubuhkan ini juga adalah milik kerajaan dan kita *open* kepada *competition*. Saya suka melihat apabila saya pergi ke Paris. Kenapa saya ambil Paris kerana banyak apabila kita naik *high speed railway* di sana, memang banyak opsyen kita.

Contoh yang diberikan di sini, *advertisement* yang diletakkan oleh *Eurorail*. "*The TGV is a high-speed train that operates all over France and beyond*". Cuba kita lihat cara ayat yang digunakan, "*Travel from romantic Paris to the shores of the Mediterranean or the vineyards of the Loire Valley. The international TGV services connect France to Belgium, Luxembourg, Germany, Italy and Spain and then pass through Bordeaux, Lyon and Marseille*". Kita melihat, kita ada opsyen di sini bahawa empat syarikat yang mengadakan *marketing*-nya yang berbeza.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, kenapakah *Union* begitu keras dari segi tindakannya yang hendak dijalankan oleh kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Suhaimi yang membangkitkan masalah isu *Railwaymen Union of Malaysia* yang *against* ini. Memang biasa *Union* ini dia selesa dengan cara yang lama. Benda yang baru ini memang selalu akan mendapat tentangan walaupun benda yang baik. Jadi memang kementerian telah membuat transformasi seiring dengan gagasan transformasi kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat yang lebih baik.

Jadi kerajaan telah membelanjakan RM35 bilion lebih untuk mewujudkan *electric double tracking*. Dahulu, dia satu trek bukan elektrik. Jadi sekarang *double track*, elektrik lagi. Jadi kemampuannya 10 kali ganda. Apabila kemampuan 10 kali ganda, ia memberi kemudahan yang banyak. Walau bagaimanapun, KTM hanya *utilize*, mengguna 30 peratus daripada *capability* ini. Maka sebab itu, kita tidak mahu sumber ataupun aset kerajaan ini jadi gajah putih, tidak digunakan sepenuhnya. KTM telah mengakui dia tidak mempunyai kemampuan untuk menggunakan 100 peratus. *That is the* kemampuan, setiap organisasi mempunyai kemampuan yang terhad.

Maka sebab itu kerajaan membuat pendekatan *multi rail operator* untuk mewujudkan perkhidmatan tambahan dan kita bukakan kepada syarikat-syarikat baru. Kerajaan pun akan mewujudkan *new economic avenue*, peluang-peluang ekonomi baru. Maka dibuat pendekatan sebagai pengkhususan. Kalau dahulu trek ini dikendalikan oleh KTM, KTM juga sebagai operator, KTM juga sebagai *asset owner* dan sebagai penyelenggara, yang mana semuanya rojak sehinggakan KTM mengalami kerugian yang besar. Maka kementerian mengambil pendekatan *specialization* untuk mengasingkan operator dengan *asset owner*.

#### ■2020

Jadi maknanya, *track* ini akan diurus oleh bukan KTMB tetapi *Railway Asset Corporation*, perbadanan yang dimiliki oleh kerajaan. Ia macam *highway* lah, *highway* ada satu lembaga lebuhraya tetapi atas *highway* macam-macam operator ada. Jadi, begitu juga macam *airlines industry*, *airport*

kerajaan miliki tetapi Malaysia Airlines yang dimiliki oleh kerajaan, ada AirAsia, ada Malindo. Ini memberi pilihan, *option* yang luas kepada rakyat. Jadi, kita mengambil pendekatan yang sebegitu untuk memberi pilihan yang luas kepada rakyat.

Akan tetapi pihak RUM tidak senang dengan perubahan ini, kalau boleh ia hendak semua bawah KTMB. Akan tetapi hakikatnya KTMB mengalami kerugian dan kita kena ubah pendekatan yang lebih baik untuk meningkatkan *delivery system* ini. Lebih baik daripada kerajaan. Lebih-lebih lagi dalam konteks kargo, hari ini kargo hanya menggunakan lima peratus daripada industri *rail* ini.

Jadi, dengan adanya *multi rail operator* nanti kita yakin kargo-kargo akan dapat menggunakan *rail* ini dan ini mengurangkan kemalangan, kesesakan di *highway* lah. Hari ini dekat *highway*, situlah kontena, treler, macam-macam. Jadi, mungkin akan datang apabila telah banyak *rail operator* ini, kita akan menyarankan agar kargo-kargo yang besar-besar ini semua guna *rail* supaya ia tidak menyesak *highway* kita.

Jadi, pendekatan *multi rail operator* ini sebenarnya menguntungkan rakyat. Jadi, kementerian membuat pendekatan ini hanya untuk kepentingan rakyat. Akan tetapi *The Railwaymen Union of Malaysia* ini ia mengambil kira daripada *union*. Sedangkan sebenarnya apabila kita buat begini, peluang pekerjaan dalam industri *rail* akan meningkat sebenarnya. Jadi walau bagaimanapun, kerajaan berpendirian rakyat didahulukan. Jadi, maka sebab itu kita hendak beri perkhidmatan kepada rakyat supaya rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih baik seperti kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi tadi. Untuk tingkatan servis, kemungkinan nanti ada *multi rail operator* yang lain menyediakan *premium class, first class, business class* daripada Alor Setar sampai ke Kuala Lumpur dan ini akan memberi satu *option* yang lebih baik kepada rakyat. Saya rasa itu jawapan saya.

Seterusnya, mengenai isu pelaut yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali dalam perbahasan yang telah memohon kementerian memperincikan bilangan *personel* yang didaftarkan di bawah persijilan kompetensi Jabatan Laut sehingga November 2018 dan unjuran keperluan bilangan pelaut dan *personel* kompeten yang diperlukan menjelang 2050.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 5,177 pelaut telah menerima Sijil Kompetensi atau *Certificate of Competency* yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia bagi tahun 2017 iaitu sehingga November. Daripada jumlah ini, sejumlah 1,661 persijilan kompetensi telah dikeluarkan untuk gred pegawai bahagian kejuruteraan, manakala bakinya sebanyak 3,516 melibatkan persijilan kompetensi gred pegawai bahagian dek. Kajian *Ocean Policy Research Foundation (OPRF)* yang berpangkalan di Tokyo, menjangkakan bahawa perdagangan global melalui jalan laut akan mengakibatkan kekurangan 364 ribu pelaut secara global menjelang tahun 2050.

Sehubungan itu, terdapat keperluan agar jumlah pelaut dan pemegang sijil kompeten secara global perlu ditingkatkan sekitar 40 hingga 50 peratus menjelang 2050. Kajian ini mengambil kira unjuran berlakunya peningkatan perdagangan dunia sebanyak 2.5 kali ganda yang memerlukan sejumlah kapal dagang dan pelaut untuk mengendalikannya, selaku mod pengangkutan yang utama, efisien dan kos efektif.

Seterusnya, isu sekatan jalan raya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad..., ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.



**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, tiada. Saya jawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seterusnya, isu nombor plat kenderaan, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali..., ada?

Dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai harga nombor plat kenderaan yang dijual semula pada harga yang tinggi selepas memenangi tender JPJ. Mohon penjelasan, adakah kerajaan tidak berhasrat mengenakan cukai atau levi terhadap hasil keuntungan penjualan nombor plat istimewa di pasaran sekunder? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk mengenakan cukai atau levi terhadap hasil keuntungan penjualan nombor pendaftaran di pasaran sekunder memandangkan perkara tersebut tidak termaktub di bawah mana-mana peruntukan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Ini memandangkan di bawah perundangan dan prosedur sedia ada pengurusan nombor pendaftaran kenderaan, pembida yang berjaya perlu menjelaskan fi harga tempahan sesuatu nombor sebelum nombor kenderaan diuntukkan dan didaftarkan terhadap kenderaan yang dimiliki oleh pembida berjaya tersebut.

Bagi urus niaga di pasaran sekunder, adalah sesuatu nombor didaftarkan, perkara ini adalah melibatkan tawaran dan persetujuan yang tidak rasmi di antara dua pihak iaitu pemilik lama dengan pembeli yang baru. Dalam hal ini, transaksi tersebut adalah di luar bidang kuasa JPJ. Tambahan pula, entiti atau individu perseorangan yang menjalankan aktiviti penjualan nombor pendaftaran di pasaran sekunder adalah tidak berdaftar dengan JPJ. Sebaliknya sebahagian besar entiti yang terlibat dalam perniagaan ini pada kebiasaannya berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang mana terdiri daripada perniagaan milik tunggal, perkongsian atau ada kalanya syarikat.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin, ada? Membangkitkan mengenai masalah kekurangan buku kurikulum pendidikan pemandu (KPP) yang menyebabkan individu terpaksa menangguhkan hasrat untuk memiliki lesen memandu dan memohon pihak kerajaan segera menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan mengambil maklum berkenaan permasalahan kekurangan bekalan buku teks Kurikulum Pendidikan Pemandu yang dibangkitkan pelbagai pihak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu ini mula berbangkit kesan daripada pertambahan calon semasa musim cuti sekolah, terutamanya di beberapa institut memandu di kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Pihak JPJ telah cuba memenuhi permintaan kesemua 219 institut memandu di seluruh Malaysia. Arahan juga telah dikeluarkan kepada pembekal supaya proses cetakan dan penghantaran buku-buku tersebut dapat dipertingkatkan dan dipercepatkan bagi menampung keperluan semua institut memandu.

Bagi menangani masalah ini dari terus berulang, JPJ akan melaksanakan eBook KPP mulai Mac 2018. Pelajar-pelajar atau calon boleh memuat turun buku teks kurikulum pendidikan memandu secara atas talian dan menggunakan nombor ID untuk memasuki ujian undang-undang.

## ■1830

Seterusnya mengenai kempen jalan raya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff...

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat, boleh...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ya.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. saya ucap terima kasih atas penjelasan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian kerana akan menggunakan pendekatan *e-book* selepas ini. Cuma ada kerisauan saya sedikit berkenaan perkara ini sebab itu saya utarakan di Dewan yang mulia ini adalah sebab untuk makluman Yang Berhormat Menteri, apabila perkara ini terkena kepada rakan-rakan kita sendiri yang pergi untuk membuat ujian dan sebagainya, akhirnya kenyataan yang diberikan oleh pegawai yang bertugas ialah inilah sebabnya tidak ada buku ini dicetak sebab kerajaan tidak mempunyai duit. Kerajaan sudah tidak ada duit. Jadi apabila disebut perkataan 'kerajaan tidak ada duit' ia menimbulkan perasaan marah rakyat kepada kerajaan dan Barisan Nasional *for nothing*, dengan izin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi sebab itulah saya melihat perkara ini Yang Berhormat Menteri, walaupun perkara ini perkara yang tidak terlalu besar tetapi kesannya boleh menjadi begitu tidak baik apatah lagi apabila kita hendak berhadapan dengan pilihan raya walhal ini bukan salah kerajaan tetapi kerana masalah ini berlaku mengakibatkan rakyat. Mereka ini adalah pengundi-pengundi muda kebanyakannya yang marah kepada kerajaan. Jadi saya hendak ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan peringkat kementerian sekiranya *e-book* ini boleh dilaksanakan seberapa segera bagi mengelakkan perasaan marah mereka kerana dia tunggu sampai tiga bulan, enam bulan Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh menimbulkan perasaan marah yang meluak apabila disebutkan kerajaan tidak ada duit untuk membuat percetakan buku ini. Jadi ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi tak?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya ingat tidak panjang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini kalau dapat beri nama pegawai kerajaan yang telah memberi maklumat yang *misleading* lah sedangkan ini adalah masalah bekalan dan kebetulan cuti sekolah ini tiba-tiba ramai yang mendaftar.

Walau bagaimanapun, perkara ini sudah kita atasi tentang bekalan buku ini. Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dalam perbincangan ada membangkitkan mengenai kegagalan kempen keselamatan jalan raya yang telah dilaksanakan dan mencadangkan

supaya kempen keselamatan jalan raya hendaklah dimulakan pada peringkat sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah.

Untuk makluman, memang kementerian telah mengarahkan pihak JKJR untuk membuat kajian tentang kegagalan kempen-kempen JKJR ini, kempen-kempen kita ini. Walau bagaimanapun, saya setujulah dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa agar kempen-kempen keselamatan jalan raya dimulakan di peringkat tadika.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah tersebut dengan meningkatkan usaha-usaha kempen di peringkat sekolah. Untuk program kempen keselamatan jalan raya di sekolah, pada tahun 2016 kita adakan sebanyak 519 kempen. 519 kali. Pada tahun 2017 ini sampai bulan November ini, sudah 596 kali di seluruh negara.

Seterusnya kita juga membuat program sekolah angkat di 37 buah sekolah seluruh negara dan juga kita buat pelaksanaan juga di sekolah-sekolah dengan program Kadet JPJ yang telah mula dilaksanakan pada Jun 2005. Setakat ini program ini telah melibatkan penyertaan sebanyak 9,700 murid daripada 222 buah sekolah dan insentif diberikan kepada peserta program kadet ini melalui pemberian lesen memandu B2 melalui Program MyLesen Kadet JPJ. Mulai tahun 2016, JKJR dengan kerjasama MIROS dan Kementerian Pendidikan telah membangunkan buku panduan guru bagi pendidikan keselamatan jalan raya untuk taska mulai umur tiga tahun dan tadika yang telah menjalani kajian rintis di 25 taska dan 29 tadika secara keseluruhan di tujuh negeri iaitu Sabah, Kelantan, Negeri Sembilan, Johor, Perlis Kedah, Terengganu. Ia akan dilancarkan di semua taska dan tadika swasta dan kerajaan mulai tahun 2019.

Modul Program Keselamatan Jalan Raya (PKR) yang telah dibangunkan pada tahun 2007 juga telah disemak dan dibangunkan semula pada tahun 2016 bagi sekolah rendah dan bagi sekolah menengah tahun 2017 dengan perubahan kurikulum semasa KSSR dan KSSM. Modul PKJR sekolah rendah telah dirintiskan di beberapa sekolah di enam negeri dan akan dilancarkan pada tahun 2019. PKJR sekolah menengah akan dirintiskan pada tahun 2018 dan dilancarkan pada tahun 2020. Modul baru ini juga dibangunkan dengan mengambil kira bilangan jam bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti yang diperuntukkan di sekolah sekali gus mengurangkan jumlah aktiviti yang perlu diajar berbanding modul sebelumnya.

Selain itu, modul ini turut dibangunkan dengan meraikan suasana dan konteks di Malaysia berbanding modul sebelumnya yang diangkat dan diterjemahkan dari modul PKJR di Australia. Modul baru ini telah disempurnakan dengan memastikan penglibatan daripada para guru bahasa Melayu sendiri bagi membangunkan modul dan aktiviti yang sesuai dengan keterlibatan pakar rujuk dalam bidang keselamatan jalan raya.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa juga membangkitkan mengenai penggunaan gadget semasa memandu.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** *[Bangun]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ya?

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Boleh mencelah?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Boleh, boleh.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya tertarik sebab kempen jalan raya ini sebab yang berkata gagal ini adalah Yang Berhormat Menteri itu sendiri. Kata program itu gagal, kempen itu. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa boleh kata ia gagal? Sebab saya buat saya punya kajian yang kecil-kecil ini, saya lihat kempen ini yang menyebabkan ia menjadi gagal ia datang daripada contoh pertama, ibu bapa yang menghantar anak pergi sekolah, langgar lampu merah, tidak pakai topi, jawab telefon.

So kalau kita ada program di peringkat pelajar, kanak-kanak memang baik. Ia memang terbaik tetapi bagaimana kita hendak atasi masalah ibu bapa ini yang langgar dalam undang-undang jalan raya? Ini cuba Yang Berhormat Menteri jelaskanlah. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua, gagal ini saya membuat kesimpulan gagal ini kerana kemalangan di Malaysia yang kempen kita ini untuk mengurangkan separuh, *50 percent*, hendak *reduce 50 percent*. Akan tetapi kenyataannya ia semakin meningkat. Jadi bukan menurun tetapi kemalangan meningkat. Itu saya simpulkan gagal. Kalau ia menurun, kita berjaya. Akan tetapi tahun 2016, ia sebelum ini baru 6,000 lebih tapi tahun 2016 meningkat 7,000 lebih sedikit. Jadi mana silapnya? Kemalangan berpunca daripada sikap pemandulah, kecuaiannya dan memang selalu kadang-kadang saya berbual dengan kawan. Memang sikap masyarakat kita ini suka langgar undang-undang.

#### ■2040

Kadang-kadang bawa anak pergi sekolah pun main melintas sesuka hati, ambil jalan *shortcut*. Itu adalah *attitude* yang perlu kita betulkan. Jadi, oleh sebab itu kita hendak berikan pengajaran ini di peringkat sekolah rendah, seperti kata pepatah Melayu "Hendak melentur buluh, biarlah daripada rebungunya".

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff tentang penggunaan *gadget*. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa mengadakan operasi penguatkuasaan sama ada secara rutin, operasi khas, operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, operasi musim perayaan, operasi penyamaran dalam bas dan lain-lain. Penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ ialah meliputi semua kesalahan yang terdapat dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ini termasuklah kesalahan menggunakan telefon bimbit ketika memandu. Dari segi pelaksanaan JPJ menguatkuasakan kesalahan menggunakan telefon bimbit ketika memandu terhadap semua jenis kenderaan motor seperti kereta persendirian, kenderaan perkhidmatan awam, seperti bas, teksi, bas sekolah dan lain-lain kenderaan barangan seperti lori dan juga motosikal.

Kesalahan menggunakan telefon bimbit atau alat-alat telekomunikasi yang lain tanpa alat bebas tangan ketika memandu adalah di bawah Kaedah 17A, Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959. Ia merupakan salah satu dari tujuh kesalahan utama yang boleh menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

Statistik penguatkuasaan terhadap penggunaan telefon bimbit atau apa-apa alat telekomunikasi lain tanpa alat bebas tangan ketika memandu adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pesalah
2013	4,944
2014	4,568
2015	4,027
2016	4,358
2017 (sehingga Oktober)	4,129

Ini yang kena tangkaplah. Saya ingat yang tidak kena tangkap lagi banyak. Kesalahan ini merupakan kesalahan yang boleh di kompaun sebanyak RM300 pada kadar tetap dan jika kesalahan ini disebut di mahkamah denda yang boleh dikenakan apabila disabitkan ialah tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan serta cadangan yang dikemukakan. Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat yang telah memberikan penerangan tepat dan baik dan saya rasa tahniah, kami semua faham apa yang dijelaskan.

Akhirnya saya ucapkan terima kasih banyak-banyak, kita nampak tadi kita punya Pak Menteri kita iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II datang awal-awal lagi. Lama sudah dia tunggu itu, sebab dia mahu menggulung itu. Tahniah, kita ucapkan kepada beliau. Terima kasih banyak-banyak.

Sekarang, saya ingin panggil beliau untuk menggulung Kementerian Kewangan kita sebagai kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung bagi perbahasan Belanjawan 2018. Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri.

#### 8.44 mlm.

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 di Dewan yang mulia ini.

Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh seramai hampir 19 orang Ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amatlah dihargai. Ahli Yang Berhormat, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jawapan saya ini mengambil kira dari segi topik kerana banyak daripada Yang Berhormat yang membahaskan isu-isu yang dikemukakan ini dia bertindih tetapi subjek yang sama.

Jadi saya akan sebut satu nama tetapi dalam masa yang sama ada banyak soalan-soalan yang berbangkit oleh Yang Berhormat merupakan jawapan hampir sama.

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong ada? Kalau tiada, saya kena juga jawab ini kerana ada perbahasan dari segi topik ini.

Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2008 adalah sebanyak RM306.4 bilion ataupun 39.8 peratus kepada KDNK. Berikutan krisis ekonomi global pada tahun 2008 dan tahun 2009, kerajaan melaksanakan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM67 bilion sebagai langkah untuk memulihkan ekonomi negara pada ketika itu. Oleh itu defisit fiskal meningkat kepada 6.7 peratus daripada KDNK dan seterusnya menyebabkan kedudukan hutang meningkat kepada 50.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2009.

Bermula tahun 2010, kerajaan telah memperkenalkan langkah konsolidasi fiskal untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negara dan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Hasilnya paras defisit telah berjaya dikurangkan daripada 6.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2009 kepada 3.1 peratus daripada KDNK pada tahun 2016 dan disasarkan terus berkurang kepada 2.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2018. Selaras dengan langkah konsolidasi fiskal ini kerajaan juga yakin paras hutang akan dapat dikurangkan setelah mencapai bajet hampir berimbang menjelang tahun 2020.

Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman kasar tahunan dengan mengambil kira keperluan untuk membayar balik hutang yang matang serta membiayai defisit. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran pokok dan faedah yang dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran faedah merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat dan sehingga kini kerajaan tidak pernah gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.

Seterusnya, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah pun tidak ada. Akan tetapi saya kena jawab kerana dia tanya berapakah jumlah hutang negara iaitu sebanyak RM687.4 bilion setakat September 2017 iaitu 51.1 peratus daripada KDNK. Daripada jumlah hutang negara berapakah pecahan jumlah hutang domestik dan hutang luar? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, hutang domestik hanyalah 96.8 peratus dan hutang luar negara adalah sebanyak 3.2 peratus. Berapakah jumlah *debt service charges*? Bagi tahun 2017, jumlah *service charges* ini ialah RM28.8 bilion.

Seterusnya, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, yang bertanyakan berapakah peratus jumlah hutang KDNK pada tahun 1986 dan tahun 1987. Pada tahun 1986 dan 1987, kita punya hutang berbanding dengan kita punya GDP atau KDNK ialah sebanyak 103.4 peratus, tahun 1987 sebanyak 101.7 peratus. Pada hari ini, pada tahun 2017, kita hanyalah 51.3 peratus.

Seterusnya, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah mengatakan bahawa- yang ini saya kena jawab kerana ini penting untuk makluman Yang Berhormat semua.

**■2050**

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2017, sektor pembuatan dijangka berkembang, tetapi pada masa yang sama terdapat pemberhentian pekerja adalah dalam sektor pembuatan sebanyak 75.8 peratus. Jadi dia hendak tahu kenapa ekonomi berkembang, tetapi ada orang kena berhenti kerja.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2017 sektor pembuatan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus, berbanding 4.4 peratus pada tahun 2016. Disumbangkan terutamanya oleh peningkatan jualan semi konduktor global serta permintaan yang lebih tinggi, bagi produk pengguna dan bahan pembinaan.

Jumlah guna tenaga bagi sektor pembuatan, meningkat kepada 2.52 juta. Tahun lepas pekerjaan daripada sektor pembuatan ini hanya 2.35 juta, tetapi meningkat kepada 2.52 juta. Jadi soal pemberhentian pekerja ini, dia terdapat hampir 26,000 pekerja yang telah diberhentikan setakat Ogos 2017, sebenarnya *figure* ini adalah *figure* yang biasa. Ini kerana kalau saya boleh bacakan *figures* yang lain, tahun 2013, tahun 2014 dan tahun 2015 pemberhentian pekerja ini biasa berlaku. Contoh kalau kita tengok daripada tahun 2013 hingga tahun 2016, seramai 33,800 pekerja yang diberhentikan. Asal alasannya bukan kerana ekonomi, tetapi ada perniagaan yang telah jatuh, memperkecilkan saiz pekerja kerana tidak untung, itu biasa.

Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan, kalau kita bandingkan empat tahun *average* 33,000 tetapi tahun 2017 cuma 26,000. Penambahan pekerja dalam sektor pembuatan ini pada tahun 2017 sebanyak 170,000. Jadi pemberhentian pekerja ini setiap tahun memang ada. Akan tetapi yang kita hendak kena jaga ialah sama ada *figure* ini mendadak atau tidak. Akan tetapi ikut kepada perangkaan ini dia tidak, dia merupakan normal punya pemberhentian pekerja.

Seterusnya saya juga ingin menjawab soalan dari Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong, mencadangkan penubuhan jawatankuasa pemantauan Bajet 2018 bagi memantau pelaksanaan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 30 Oktober 2017, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana saya juga menjadi ahlinya, telah bersetuju ke atas penubuhan jawatankuasa khas penyelarasan dan pemantauan langkah Bajet 2018, di mana pengerusinya adalah Ketua Setiausaha Negara, dia kena memantau apa sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet tersebut, maka dia kena pastikan bahawa langkah untuk menjalankan semua langkah bajet itu perlu dijalankan secepat mungkin.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato'Chandra Mohan, isu ketidakseimbangan perbelanjaan mengurus, berbanding perbelanjaan pembangunan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita adalah merupakan *the only country* yang kita *split* kita punya perbelanjaan *operating expenditure* dengan *development expenditure*. Banyak negara di luar sana, bajet dia satu *figure* sahaja. Maknanya kita gunakan untuk OE dan DE, dia sekali, dia tidak *compare*. *The right comparison is not OE* atau *DE*, *the right comparison is* kita tengok, kita punya pembangunan DE ini *reserves* kita punya GDP.

Jikalau saya boleh bacakan untuk *comparison*, kalau kita tengok dalam negara ASEAN, kita punya perbelanjaan DE kita, *second highest after Philippines*. *Philippines* sebanyak 3.9 peratus daripada GDP. Kita Malaysia sebanyak 3.4 peratus, yang lain semua Thailand sebanyak 1.8 peratus, Indonesia sebanyak 1.8 peratus, Singapura sebanyak 1.6 peratus, Korea sebanyak 2.2 peratus, United

Kingdom sebanyak 2.2 peratus, Japan sebanyak 1.9 peratus, Australia sebanyak 0.6 peratus, New Zealand sebanyak 0.6 peratus. So, kita di tahap yang itu.

Kedua, jikalau kita tengok peningkatan OE kita ini adalah kerana banyak *developments expenditure* yang kita belanjakan untuk membina sekolah, universiti dan sebagainya, bila siap universiti dan sekolah-sekolah ini, maka kita terpaksa sediakan tenaga pengajar dalam setiap sekolah dan universiti. Walaupun jumlah pelajar-pelajar mereka itu kurang, tetapi kekuatan *staff* untuk mentadbir ataupun menyediakan peluang untuk mengajar dalam sekolah-sekolah dan universiti ini, tetap sama.

Seterusnya soalan dari Yang Berhormat Senator, ini saya sudah jawab, soalan yang sama juga. Isu cukai, terdapat rungutan di kalangan komuniti perniagaan, bayaran balik GST yang lambat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memastikan proses tuntutan kredit GST di atas input yang dikemukakan oleh peniaga dibuat dengan cepat dan tepat mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Selaras dengan matlamat ini, permohonan yang lengkap telah dapat di proses dalam tempoh yang ditetapkan. Ini jelas ditunjukkan melalui prestasi pembayaran tuntutan balik kredit input yang menunjukkan peningkatan. Sebagai contoh, kalau dulu kita punya *refund* ini cuma 49 peratus yang dibuat dalam masa tempoh 14 hari, tetapi sekarang ini telah meningkat kepada 71 peratus. Setakat September 2017, semua input GST ini dapat di *refund*-kan semula hampir mencecah 73 peratus.

Walau bagaimanapun, banyak daripada isu yang tidak dapat *refund* dalam masa 14 hari ini banyak disebabkan oleh isu-isu *administrative* contohnya mereka tidak memenuhi secara borang-borang yang telah ditetapkan oleh Kastam tidak diisi sepenuhnya, *bank account* salah dan bila *contact* syarikat untuk buat *clarification*, telefon tidak berjawab, syarikat tidak beroperasi dan sebagainya. Jadi, isu-isu ini menyebabkan kelewatan. Begitu juga kadang-kadang kita lakukan audit, kita terdapat banyak *discrepancy* dari segi perbezaan, dari segi kutipan ataupun input *claim* tersebut, maka dia juga akan menyebabkan lambat.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili mencadangkan pembekalan perkhidmatan oleh PBT tidak dikenakan GST mulai 1 April 2017. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah mencadangkan bahawa, GST tidak dikenakan kepada PBT bermula pada Bajet 2018.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim, cadangan supaya Kastam mengenakan GST kadar sifar, kepada mangsa bencana alam seperti banjir untuk membeli barangan-barangan membaik pulih rumah yang rosak, peralatan dapur dan pakaian kelengkapan bagi menggantikan barang-barang rosak.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penetapan kadar sifar ke atas sesuatu barang secara sementara atau bermusim dan bagi satu-satu golongan tertentu sahaja akan merumitkan pentadbiran GST dan ianya bukanlah merupakan satu amalan yang dipraktikkan di mana-mana negara yang telah dilaksanakan GST. Ini kerana *enforcement costs* akan meningkat. Walau bagaimanapun, isu-isu mengenai banjir ini, lebih baik kita salurkan peruntukan secara terus untuk membantu mangsa banjir daripada kita mengecualikan GST kerana dia akan menyebabkan pemantauan yang agak sukar untuk kita mengenakan GST secara sementara.

Kemudian, saya juga ingin menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukur mengenai pihak berwajib patut mengambil langkah untuk melihat dan mengambil tindakan berkaitan



isu syarikat GLC yang mengamalkan pengelakan cukai secara agresif melalui 'LOBATA'. Ini mencadangkan GST sepatutnya bersih, akan menjadi contoh.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah *check* semua perkara yang berbangkit soal pelarian cukai di Labuan ini, kita tidak dapat kenal pasti mana-mana GLC yang terlibat. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memantau dan mengadakan satu langkah yang drastik baru-baru ini. Kita ada buat satu undang-undang *exchange of information* di mana, mana-mana mereka yang kita dapat tahu tidak menggunakan *transfer pricing* di Labuan ini untuk mengelakkan cukai, maka kita akan dikenakan penalti dan juga tindakan yang sepatutnya.

#### ■2100

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff berkaitan *Special Border Economic Zone* Bukit Kayu Hitam untuk supaya *Exclusive Economic Zone* ini dilanjutkan hingga ke Perlis.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan melalui Agensi Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah merancang pelbagai projek untuk membangunkan kawasan di utara tanah air meliputi negeri Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah. Pembangunan *Special Border Economic Zone* menumpukan pembangunan ekonomi ini bersempadan di sempadan negara di Bukit Kayu Hitam, Kedah meliputi negeri Perlis melalui di bawah insentif khas pembangunan *Northern Corridor Economic Region*. Dia kita tidak akan tinggalkan Perlis, malah kerajaan sedang bercadang untuk membina- dalam kajian untuk membina jalan di antara Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam dan begitu juga Bukit Kayu Hitam ke Padang Besar dan memperbaiki jalan tersebut sebelum menjadi *highway* di antara dua bandar ini.

Seterusnya, adakah Kementerian Kewangan (MoF) bercadang untuk memperkenalkan cukai alternatif selain daripada GST. Buat sementara ini, kita tidak ada cukai alternatif dan kita juga tidak bercadang untuk mengubah sistem GST yang kita telah laksanakan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Cadangan supaya diwujudkan minggu pembelian barangan sekolah tanpa GST selama seminggu sebelum sesi persekolahan. Seperti mana yang saya sebut tadi, penetapan kadar sifar ke atas suatu barang secara sementara atau bermusim bagi sesuatu golongan tertentu sahaja akan merumitkan pentadbiran GST dan ia bukanlah merupakan suatu amalan yang dipraktikkan. Walau bagaimanapun, kerajaan sebenarnya telah mengambil beberapa langkah untuk meringankan beban ataupun memudahkan kepada golongan pelajar. Sebagai contoh, buku-buku teks, buku rujukan, semuanya kita dikenakan kadar sifar.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff mencadangkan agar semakan diadakan ke bank komersial berkaitan pemberian pinjaman kenderaan supaya lebih fleksibel.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bank tugas dia kena bagi pinjaman. Kalau dia tidak bagi pinjaman, dia akan rugi. Ini kerana apa, kerana dia simpan duit kita, dia kena bayar *interest*. Kalau dia tidak bagi pinjaman, dia rugi. Akan tetapi walau bagaimanapun, dia ada beberapa perkara yang bank selalunya mengambil kira. Pertama, kebolehan membayar peminjam dan ia kena juga bersesuaian dengan pendapatan. Kalau dia punya pendapatan itu tidak membolehkan mereka meminjam lebih kepada apa yang sepatutnya, maka mereka tidak akan mendapat. Ketiga, ialah dia mesti mempunyai

rekod pendapatan. Kalau dia tidak ada gaji sekalipun, asalkan dia ada rekod pendapatan melalui *bank statement* dia, kalau dia peniaga dia ada *bank statement*. Kita tengok ada duit masuk, keluar masuk, dia masih boleh dapat pinjaman. Kalau dia meniaga sebagai *enterprise* ataupun syarikat, dia kena ada akaun dia.

Jadi, bank akan bagi. Kesemua ini sebenarnya adalah untuk memastikan bahawa kita punya *household debt* ini tidak terlampau tinggi. *At one time* pada tahun 2015, kita punya *household debt* hampir 89 peratus GDP. Sekarang ini telah menurun hingga 84 peratus untuk kita mengawal kedudukan hutang ini.

Kemudian, Yang Berhormat- ini saya sudah jawab fasal rumah. Isu Khazanah, telah melaksanakan aktiviti. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali tanyakan sama ada pelaburan yang dibuat oleh Khazanah dalam *Legoland* yang mempunyai keuntungan atau tidak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, buat masa ini belum untung lagi. Dia masih kerugian sekitar RM7 juta pada 2015 dan RM6 juta pada tahun 2016.

Seterusnya ECRL. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, bagaimanakah pakej kerja untuk rakyat tempatan termasuk bagi perunding bagi kajian tanah *soil investigation*. Terdapat rungutan yang kontraktor melantik kontraktor dari China, adakah benar perkara ini berlaku.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus tender dalam membangunkan projek ECRL ini hendaklah diagihkan kepada kontraktor tempatan. Walaupun projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negara China, ini adalah projek yang dibuat secara G2G. Kerajaan masih merupakan pemilik kepada projek ECRL. Cuma dalam strategi kita mendapat pinjaman, kita juga meletakkan 30 peratus hendaklah kontrak ini diberi kepada kontraktor tempatan.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, adakah PNB tidak berhasrat untuk menaikkan had pelaburan ASB. Selaras dengan objektif utama penubuhan PNB sebagai jentera utama Dasar Ekonomi Baru, ASB telah dilancarkan bagi memperteguhkan simpanan masyarakat Bumiputera dari pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang ekonomi agar simpanan tersebut dilaburkan dalam syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan strategik.

Buat masa ini, kerajaan tidak berhasrat untuk meningkatkan had pelaburan maksimum dalam ASB yang telah ditetapkan pada 200,000 unit untuk setiap pelabur. ASB walau bagaimanapun, untuk dana-dana lain kita tidak mengehadkan. Contoh, kita ada 10 tabung unit amanah yang lain iaitu Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Nasional 3 Imbang, Amanah Saham Gemilang dan berbagai-bagai lagi, ada 10. Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham Wawasan dan ini semua tidak ada *limit*.

Kemudian, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali. Berapakah caj tunggakan bagi IWK dan berapa syarikat yang dilantik untuk memungut kutipan tertunggak. Berapakah caj yang dikenakan terhadap syarikat-syarikat tersebut. Setakat hari ini, jumlah caj pembetulan tertunggak sehingga Oktober 2017 adalah sebanyak RM879 juta. Kita tengah berusaha untuk *collect* duit-duit ini kerana mereka tidak bayar.

Kemudian soalan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, apakah kerajaan bercadang menaikkan BR1M atau apa-apa insentif lain jika harga minyak dunia naik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan jumlah pemberian BR1M buat masa ini kerana kita masih dalam defisit. Walau bagaimanapun, jika harga minyak naik seperti mana yang telah diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini, apabila harga *retail* mencecah lebih daripada RM2.50, kemungkinan besar kerajaan akan memikirkan insentif untuk membantu rakyat pada ketika tersebut. Seterusnya- okey BR1M saya sudah jawab.

UTC. Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong bertanyakan memperbanyakkan UTC dan RTC di bandar utama. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat hari ini kita telah mempunyai 20 UTC dan 12 RTC. Kita akan bangunkan UTC-UTC ini apabila kita mendapat tempat yang sesuai dan mempunyai permintaan yang ramai oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Seterusnya KWAP. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanyakan berapakah jumlah pelaburan KWAP pada tahun 2017. Jumlah pelaburan KWAP ialah sebanyak RM137.8 bilion. Kalau dibandingkan pada tahun 2012, ia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.2 peratus.

Seterusnya, akhir sekali adalah jawapan soalan mengenai MARRIS oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Bagaimana pemantauan bagi peruntukan penyelenggaraan kepada Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) di bawah Kerajaan Negeri Selangor diurus selia dengan cekap.

Untuk makluman Yang Berhormat. Majlis Kewangan Negara pada 27 Februari 1993 telah bersetuju supaya mulai tahun 1994, pemberian penyelenggaraan jalan negeri dicarum terus ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Seterusnya, Majlis Kewangan Negara juga pada 2 Ogos 2012 telah memutuskan supaya semua kerajaan negeri menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi semua negeri di Malaysia kecuali bagi negeri Sarawak di bawah *financial procedure*.

#### ■2110

Kumpulan wang hendaklah dikawal oleh seorang pegawai pengawal yang ditetapkan dalam surat ikatan amanah oleh pegawai kewangan. Tatacara penubuhan di setiap negeri perlu dilaksanakan berdasarkan tatacara yang dijelaskan dalam peruntukan undang-undang sedia ada ataupun tatacara yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri masing-masing. Pengendalian operasi harian sesuatu kumpulan wang adalah tertakluk kepada surat ikatan amanah Arahan Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain peraturan kerajaan yang berkuat kuasa semasa pengecualian darinya. Oleh yang tersebut Kerajaan Persekutuan akan memantau perbelanjaan MARRIS ini.

Bagi memastikan penggunaan dana MARRIS ini ditingkatkan oleh kerajaan negeri, Majlis Kewangan Tahun 2015 telah bersetuju supaya mana-mana negeri yang tidak mencapai perbelanjaan 85 peratus daripada peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan maka penyaluran MARRIS kepada negeri-negeri berkenaan berikutnya hendaklah tidak melebihi amaun

perbelanjaan sebenar tersebut. Manakala baki kelayakan akan di-off set dengan mana-mana hutang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis jawab semua soalan. Saya ucapkan terima kasih kepada....

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Saya mohon laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, dalam perbahasan saya rasa ada yang tertinggal. Saya ada bertanyakan tentang insentif pengurangan duti eksais dan duti eksport untuk barangan eksport barangan buatan Malaysia. Maknanya apabila khususnya dalam bidang automatif dan juga *generally* barangan buatan Malaysia adakah ia mendapat insentif duti eksport cukai. Kalau kita tengok dekat China, *they give rebate* ataupun *GST free* setiap kali produk ataupun barangan buatan negara China. Oleh sebab itu kalau kita tengok banyak negara China mengeksport barangan-barangan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau dari segi insentif ini dari pihak- kalau dari aspek duti import CKD bagi menyokong industri automobil, komponen-komponen yang asasi dalam pengeluaran kenderaan komersial pemasangan CKD seperti lori dan bas adalah tidak tertakluk kepada duti import. Fasal dia CKD kita tidak akan import. Manakala, alat ganti, *spare part* bagi kenderaan tersebut adalah tertakluk kepada duti import berdasarkan kod tarif masing-masing.

Apakah insentif pengurangan duti eksais dan duti eksport kepada pengeluar tempatan bagi bersaing di pasaran antarabangsa. Betul? Itu soalan kan. So, kenderaan pemasangan tempatan CKD yang dieksport boleh dipertimbangkan pengecualian duti import ke atas komponen asasi. Sekiranya kita *produce* kereta kita eksport, apa sahaja barangan komponen yang kita import kita boleh bagi *exemption on duty* supaya bila kita boleh eksport kita *more competitive*. Kemudian kenderaan tersebut yang dieksport juga adalah tidak tertakluk kepada duti eksais atau duti eksport. *So, as long* kalau you eksport kita akan bagi *exemption on the duty* eksport. *So, your product can be very competitive*.

Soalan seterusnya *I think you* ada tanya soalan apakah insentif kerajaan bagi menggalakkan eksport kenderaan komersial kan? Dagangan yang dibuat di Malaysia seperti bas dan lori. Hal ini kerana terdapat kenderaan yang dibawa secara CBU. Namun diklasifikasikan sebagai CKD sehingga menjejaskan pasaran tempatan. Kenderaan komersial pemasangan tempatan seperti lori dan bas yang dieksport boleh dipertimbangkan pengecualian duti import ke atas komponen yang asasi ialah aktiviti pemasangannya di negara ini. Seperti saya sebut tadi kenderaan tersebut yang dieksport juga adalah tidak tertakluk kepada duti eksport.

Dakwaan bahawa berlaku perubahan klasifikasi kenderaan komersial import CBU kepada kenderaan pemasangan CKD adalah tidak mungkin berlaku kerana kalaunya dia ambil CKD punya import, kemudian dia hendak eksport dan *declare* sebagai- kalau dia import as a CBU kenderaan, eksport as CKD dia akan rugi. Dia tidak boleh untung sebab CKD ini kita bagi macam-macam *exemption*. CBU kita tidak bagi *exemption*.

Jadi kalau dia hendak eksport memang dia tidak boleh. *So*, yang itu kita akan *control* dan lagi satu kenderaan komersial seperti bas dan lori yang mencapai 40 peratus kandungan tempatan di

negara asal akan mendapat layanan duit import *zero percent* di kalangan negara-negara ASEAN. Itu kita ada kita punya *treaty* dengan ASEAN. Saya harap saya jawab soalan tersebut.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan wang *ransom* yang diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Wang *ransom*, dia panggil *ransom* iaitu setiap anak yatim dibayar RM8. Peruntukan ini sebelum RM8 pada tahun 2003 tidak silap saya adalah RM3.50, sebelum tahun 2003 dinaikkan jadi RM8, hingga sekarang RM8. Perkara ini saya bangkit tidak kurang daripada 15 kali dalam lima tahun. Tiap-tiap kali bersidang Dewan Negara saya bangkit isu ini.

Saya hendak tahu kenapa? Bila kita jumpa dengan pihak JKM, JKM bagi tahu Kementerian Kewangan tidak lulus. Kita bawa rombongan daripada PEYATIM Malaysia. PEYATIM Malaysia kita jumpa dengan pihak pengurusan JKM di Putrajaya secara terbuka. Dia kata kami memang tahu bagi RM8 hendak makan macam mana, lima kali Tuan Yang di-Pertua. Kita bagi RM8 yang bagi kepada pertubuhan anak yatim, kita bagi RM8 *depa* bagi dekat kita suruh kita bagi makan lima kali.

Benda yang jadi celaru kepada kita ini Tuan Yang di-Pertua, masa saya yang bangkit perkara ini. Tiba-tiba diluluskan kepada JKM, kita kata *alhamdulillah* lulus. Rupanya JKM itu bukan Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi Jabatan Kemajuan Masyarakat. Jadi yang anehnya Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak minta pun. Jabatan Kemajuan Masyarakat dibagi RM16, dia belanja budak-budak daripada pukul 8.00 pagi sampai pukul 12.00 dapat RM16. Rumah anak-anak yatim diberinya RM8 daripada pagi sampai malam lima kali kita beri makan dengan RM8.

Jadi saya merayulah kepada pihak Kementerian Kewangan berilah pertimbangan. Ini bakal jadi pemimpin negara ini. Kalau PATI kita bayar berbelas ringgit, pendatang tanpa izin kita jamu, anak kita sendiri ini kita beri RM8. Saya tidak tahu hendak kata apa sudah. Ini Dewan yang mulia ini kita sudah bawa bangkit. Saya ingat saya bercakap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun ada. Jadi saya tidak tahu '*tang*' mana hendak tuju lagi. Surat kepada PEYATIM telah hantar kepada Perdana Menteri. Mana lagi yang saya hendak bawa benda ini. Sekarang ini saya akan habis, *insya-Allah* kalau panjang umur lagi lima bulan saya akan habis. Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini ini tolong *pick up* benda ini. Tolong bangkitlah untuk anak-anak yatim.

Mereka itu berdoa Tuan Yang di-Pertua, *you know*. Benda yang baik. Kita belanja macam-macam. Ada yang untung, ada yang rugi. Ini kita bela anak-anak yatim doa daripadanya itu. Macam itulah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah hajat saya kepada Kementerian Kewangan agar dapat mempertimbangkan permohonan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sedikit. Seperti mana nasib anak yatim harus dilihat dan kita belalah. Akan tetapi, saya bagi masyarakat Orang Asli mohon Kementerian Kewangan melihat wang saku pelajar sekolah menengah yang bernilai RM2 sehari itu pun perlu dinilai semula dan juga wang catuan makanan sekolah Asli pedalaman pun RM2 juga. Saya harap pegawai kewangan boleh masuk pedalaman sekolah Orang Asli lah. Tengok adakah sesuai nilai ini. Adakah patut hendak diberi makan dengan nilai RM2 itu. Sekian, terima kasih.

■2120

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Senator, sedih saya dengar. Tidak apalah. Nanti saya balik, saya tengok. Saya hendak kena tahu ini *why* bertahun-tahun tidak naik RM8

sedangkan asrama-asrama lain dia lebih daripada itu. Jadi saya ingat perkara ini sepatutnya dibawa oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Akan tetapi nanti saya tengok dan saya hendak tahu mesti ada sebabnya kenapa- adakah prosedur *because* ini dianggap sebagai NGO, dia bukan *directly under* kerajaan? *I am not sure. I got to check first. Because* kalau dia NGO, makna kita bagi RM8 itu sebagai bantuan sahaja, bukan tanggungan. Kalau di dalam asrama-asrama sekolah macam MRSM dan sebagainya ini, dia tanggungan kerajaan.

Akan tetapi kalau NGO ini, kita macam pusat tahfiz lah. Pusat tahfiz ini kan banyak NGO yang buat. Jadi kalau semua yang buat pusat tahfiz ini, akhirnya kerajaan kena bagi dia 100 peratus, jadi sistem itu tidak boleh. Memang tidak praktikal hendak buat macam itu. Jadi semua orang akan cari 40 orang pelajar, duduk, bercakap, "*This is tahfiz. Therefore you kena bagi 100 percent*". Tidak boleh. Kalau dia berdasarkan *operation* dia sebagai NGO punya konsep, bermakna sewaktu dia *set up* NGO ini, dia sudah tahu awal-awal bahawa dia kena berusaha untuk mendapatkan sumbangan-sumbangan daripada *public* untuk dia *set up* NGO untuk *sustain*.

Kerajaan datang bantu untuk meringankan beban tetapi kalau katakan kita *expect* sama macam tanggungan-tanggungan kerajaan dari segi asrama dan sebagainya, ini saya hendak kena tengok balik polisi. Kalau benda ini perlu dilihat semula, saya akan lihat. Begitu juga macam bantuan wang saku kepada pelajar-pelajar Orang Asli, kita akan tengok.

Akan tetapi saya minta kalau boleh datang daripada kementerian tersebut sebab *we cannot deal with individual request* macam itu. Datang kepada kementerian dan *insya-Allah*, saya akan tengok. Kalau tidak boleh dapat semua pun *at least*, kita boleh fikirkan, meningkatkan sikit untuk meringankan lagi dan memudahkan beban yang kita dapat.

Kerajaan juga kena faham bila kita sudah *start* sumbang sesuatu badan-badan yang tidak berkaitan dengan kerajaan secara *direct*, kita juga bertanggungjawab untuk *inspect*, tengok tatacara perolehan dan prosedur-prosedur pembelian sebab dia telah ambil duit kerajaan. Jadi kebanyakan daripada kita kadang-kadang ini, kita tidak ada *proper record*, tidak ada simpanan rekod yang *proper*. Jadi tidak boleh datang hendak pergi *check* duit kerajaan, duit rakyat yang kita bagi kepada rakyat. Saya akan tengok benda ini *insya-Allah*. Jangan takutlah kalau Yang Berhormat tidak ada dalam masa lima tahun ini, mana tahu pilihan raya dapat jadi calon, jadi wakil rakyat. Kita jumpa di Dewan Rakyat. Okey, terima kasih.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon. Ada satu yang tidak ada berkaitan dengan ini. Cuma hendak mengingatkan Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan ada hutang satu dengan saya, soalan 75 bertarikh 11 hari bulan belum ada jawapan. Soalan tentang nilai pelaburan dan bilangan pelabur ASB golongan Siam, soalan 75, hari Isnin, 11 hari bulan. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Okey. Saya tidak ada *figures* itu tetapi saya hendak boleh beritahu bahawa *total investment fund* yang ada di PNB ini berjumlah RM279 bilion. Nanti saya dapatkan yang Siam punya. Akan tetapi saya ingat Siam ini sudah masuk bumiputera. Jadi bila masuk bumiputera, macam mana hendak bagi Siam. Dia bumiputera lah, dia masuk bumiputera. Makna orang Siam kalau hendak melabur ASB tidak dapat, datang jumpa saya. Saya *make sure* dia mesti bumiputera. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**9.25 mlm.**

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama 'Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu' telah disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah atas jasa bakti Yang Berhormat kita, Yang Berhormat Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II kita. Tepuk tangan sedikitlah ya... *[Tepuk]* Hari ini dia bawa bersama-sama dia kedua-dua orang kanan dia iaitu Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri dia dan juga Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong, timbalan dia... *[Tepuk]* Terima kasih banyak sudi hadir. Kita berasa bangga hari ini bahawa bajet kita diluluskan.

Saya percaya bajet itu segala bajet dan terbaik yang saya rasai dan kita semua rasai... *[Tepuk]* Hasil binaan perahan otak tokoh-tokoh tadi, hanyalah budi yang kita buat ya itulah yang kita buat baik sekali dan juga benda ini saya percaya dapat dilaksanakan dengan baik sebab dianggotai keluarga dia, amanah oleh pegawai-pegawai kita ini iaitu amanah oleh pegawai kerajaan ini. Saya percaya akan dapat dilaksanakan dengan begitu jaya, syabas. Saya hendak beritahu bahawa Ahli Dewan Negara kita tunggu Yang Berhormat dari pagi sampai malam ini... *[Tepuk]* Bayangkan, tidak tahu. Semalam pukul 9.30, hari ini 10 lebih sudah, bayangkan pengorbanan mereka ini sangat baik.

Jadi saya percaya benda ini dapat dilaksanakan khususnya oleh pak menteri dan pegawai dia dengan penuh amanah, amanah dan tanggungjawab. Amanah ini dapat dilaksanakan dengan jaya kalau ada dilakukan dengan penuh kesetiaan kepada negara kita. Itulah dia budi kita setelah kita tabur ini Yang Berhormat Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, pihak tuan sekarang menabur budi. Ahli-ahli

Yang Berhormat, menabur budi, dikenang sampai ke anak cucu kita inilah. Kita rasa tidak letih, kita sudah buat jasa sudah. Bak kata pantun orang Melayu.

*Banyak ubi perkara ubi,  
Ubi keledak di tepi payang,  
Banyak budi bicara budi,  
Budi baik dikenang orang... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 14 Disember 2017. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.26 malam]***